
USTAZ ASHAARI MUHAMMAD



Ustaz
Ashaari Muhammad

INILAH SIKAP KITA

INILAH SIKAP KITA

Cetakan pertama Oktober 1990

Diterbitkan oleh
Jabatan Syeikhul Arqam
Sg. Penchala, Jalan Damansara
60000 Kuala Lumpur.
Tel: 7188359/7192892

Aturhuruf dan rekaletak
Agensi Al Arqam (Perkhidmatan DTP)
159 B, Jalan Aminuddin Baki,
Taman Tun Dr. Ismail,
60000 Kuala Lumpur.
Tel: 03-7179184 Fax: 7184422

Muka taip teks: Times Roman
Saiz taip teks: 11 poin

Rekabentuk Kulit
Unit Rekabentuk Shoutul Arqam

Dicetak oleh
YEOHPRINCO SDN. BHD.
60 - 66, Jalan Rengas, Southern Park,
41200 Klang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 3318046 (4 Lines)
Fax: (03) 3323913

K A N D U N G A N

SEKAPUR SIREH

DUNIA terus dalam kebuntuan. Hingga kini para pemimpin dan pemikir masyarakat masih tercari-cari formula keramat yang dapat menyelesaikan masalah dan penyakit masyarakat hari ini. Jalan penyelesaian melalui isme-isme atau ideologi ciptaan manusia ternyata gagal. Bahkan ia menyebabkan dunia tidak pernah aman daripada persengketaan, krisis, pertumpahan darah, dan peperangan.

Kebuntuan ini perlu dipecahkan segera agar terserlah kemampuan Islam sebagai agama yang benar-benar dapat membawa keselamatan hidup di dunia dan Akhirat. Memang Islam telah menunjuk jalan keluar yang mudah dan praktis bagi segala masalah dan penyakit masyarakat, bagi setiap zaman. Tetapi sikap umat Islam sendirilah yang menyebabkan jalan keluar itu hampir-hampir mustahil dapat direntang, atau kalau dapat pun dalam bentuk yang kabur, dan sukar dilalui.

Ustaz Ashaari Muhammad tampil untuk menjelaskan bagaimana sikap umat Islam sepatutnya dalam menghadapi segala permasalahan hidup, baik sebagai individu biasa, sebagai pemimpin masyarakat, atau sebagai pejuang Islam. Sekaligus beliau mengungkai punca dan memberi jalan penyelesaian kepada segala masalah dan penyakit masyarakat hari ini.

Buku ini membawa pembaca mengikuti pandangan-pandangan Ustaz Ashaari ini yang berupa jawapan-jawapan yang dikemuka-

kan dalam beberapa siri dialog antara beliau dengan pelbagai lapisan dan golongan masyarakat tempatan dan luar negeri.

Pandangan-pandangan bemas itu datangnya daripada pengalaman beliau yang luas dalam memimpin dan mendidik manusia daripada berbagai-bagai latar belakang dari seluruh dunia, melalui jemaah Darul Arqam pimpinannya.


Pembaca juga akan dapat menyelami fikrah Ustaz Ashaari yang kaya dengan kaedah pendidikan hati, doktrin-doktrin perjuangan, panduan dalam kepimpinan dan pentadbiran, serta hikmah-hikmah dalam mengadakan jalan penyelesaian kepada masalah masyarakat dan negara.

Fikrah Ustaz Ashaari ini mengandungi gagasan-gagasan besar yang disampaikan dalam bentuk yang mudah difahami dan mudah dijadikan amalan dalam menyelesaikan masalah hidup sama ada di peringkat diri, keluarga, masyarakat atau negara.

Ia telah terbukti berjaya mencetuskan perubahan dalam diri yang kemudiannya memancar dalam tindakan secara lunak dan perlahan-perlahan, peringkat demi peringkat, dalam suasana aman dan tenang hingga Islam diterima sebagai cara hidup yang paling sempuma.

Secara langsung, buah-buah fikiran ini merupakan pandangan dan sikap jemaah Darul Arqam sejak ia ditubuhkan lebih 20 tahun lalu hingga kini. Dan itulah pandangan dan sikap Darul Arqam dalam menghadapi cabaran membina dunia baru Islam.

Penerbit



"Saya yakin apa yang saya buat ini adalah satu kebenaran...saya berjuang atas dasar keyakinan,. kalau tinggal seorang diri pun, saya akan kayuh juga sampai ke hujung."

PRAKATA

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره ونعوذ
بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا من
يهدى الله فلا مضل له ومن يضلله فلا هادى له
والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه
ومن تبعه ووالاه -

DALAM melakukan program dakwah dan ziarah melalui Jemaah Darul Arqam sama ada di dalam ataupun di luar negeri, banyak pertanyaan yang telah diajukan kepada saya. Sama ada mengenai dasar jemaah, matlamat jemaah, teknik dan metod (uslub) jemaah mahupun mengenai isu-isu semasa seperti yang menyentuh poli-

tik, ekonomi, pendidikan, masalah sosial, dan lain-lain lagi.

Mereka yang bertanya itu terdiri daripada pelbagai golongan. Mereka termasuk kalangan ahli politik, ahli ekonomi, pendidik dan ahli akademik, masyarakat umum, dan wartawan Pertanyaan-pertanyaan mereka ini adakalanya diajukan di majlis rasmi, dan tidak kurang juga di majlis-majlis tidak rasmi.

Jawapan-jawapan yang telah saya berikan kepada mereka itu, sebahagiannya ada direkodkan sama ada melalui kaset, video, risalah, atau majalah.

Sebahagian besar daripada jawapan-jawapan tersebut merupakan dasar yang telah menjadi pegangan dan aliran fikiran Jemaah Darul Arqam. Supaya ia mudah difahami dan dimanfaatkan oleh masyarakat umum, maka sebahagian daripada isi-isi dialog yang telah saya adakan terutamanya dengan para wartawan, saya himpunkan menjadi sebuah buku yang diberi nama ***Inilah Sikap Kita.***

Moga-moga apa yang dituliskan ini menjadi ibadah kepada saya, serta dapat dimanfaatkan oleh kaum muslimin. Juga, saya hadiahkan pahala buku ini kepada kedua-dua ibu bapa, guru-guru, dan kepada mereka yang pernah berjasa kepada saya, khususnya kepada **Sayidi Syeikh Muhammad Abdullah As Suhaimi,** Syeikh Tareqat Aurad Mubammadiah.

Sekian. Mudah-mudahan Allah sentiasa memberi hidayah kepada saya dan juga kepada seluruh kaum muslimin, serta mengampunkan dosa-dosa kita semua.

Wassalamualaikum

Ashaari Muhammad

WAWANCARA DENGAN WARTAWAN BACARIA
Petikan: Akhbar Al Arqam (Rumi) September 1983

KE MANAKAH HALA PERGERAKAN DARUL ARQAM ?

- **Apakah Darul Arqam memecah-belahkan masyarakat?**
- **Mengapa Darul Arqam tidak menjawab segala tuduhan?**
- **Benarkah Darul Arqam mendapat bantuan kewangan dari negara luar?**
- **Darul Arqam fanatik?**

MUQADDIMAH:

Dalam arus perkembangan dakwah Islamiah masa kini, Ustaz Haji Ashaari Muhammad adalah merupakah salah seorang daripada tokoh yang tajam pandangannya. Sorotan-sorotannya terhadap berbagai-bagai perkara yang terdapat di dalam ajaran Islam tidak banyak menimbulkan polimik di tengah masyarakat. walaupun setengah-setengahnya agak pahit ditelan.

Beliau mampu memperkatakan apa saja persoalan Islam bertolak dari Iman, Ibadah, akhlak, siasah, ekonomi, jihad dan perjuangan, hukum-hakam syariat, kenegaraan dan perhubungan alam sejagat. Tetapi Setiap kali beliau memperkatakannya, akan terdedahlah kelemahan-kelemahan umat masa kini. Akan terserlahlah ajaran Islam yang sebenarnya yang berlaku di zaman Rasulullah dan di zaman keagungan Islam selama 700 tahun di dalam sejarah.

Nampak benar betapa rendahnya penghayatan dart pengamalan Islam itu pada umat di zaman kini apabila Ustaz Ashaari mengeluarkan hujah-hujahnya. Cuma setakat yang kita ketahui hari ini, belum ada ulama yang berani mempertikaikan pandangannya walau di sudut mana sekalipun.

Pandangan-pandangannya pada berbagai aspek secara terhurai ada kita terbitkan dalam tiap-tiap keluaran akhbar ini dalam ruangan 'Pada Hemah Syeikhul Arqam'. Tetapi oleh kerana kegiatan gerakan Darul Arqam, kini begitu mena'apat perhatian dari segenap lapisan masyarakat sama ada dari golongan pelajar, golongan muda-mudi, golongan tua, golongan pentadbir, golongan tentera hinggalah kepada golongan wakil-wakil rakyat dan menteri-menteri, maka berikut ini kita siarkan pandangan semasanya terhadap bagaimana Islam itu diperjuangkan olehnya dan Darul Arqam.

Soalan: Apakah konsep perjuangan Darul Arqam yang Ustaz bawa?

Syeikhul Arqam: Darul Arqam bejuang dengan cita-cita untuk membanguukan kehidupan Islam yang berlandaskan kepada Al Quran dan Al Suunah. Cara hidup itu hendak dilaksanakan dalam semua aspek kehidupan, tidak kira dalam cara berpakaian, cara makan, minum, cara menyusun rumahtangga, cara menyusun masyarakat, cara menyusun pendidikan, cara menyusun ekonomi hinggalah kepada cara menyusun negara dan perhubungan antarabangsa sekalipun.

Atas dasar ini Darul Arqam berusaha membangunkan dua bentuk ibadah iaitu yang berbentuk hablumminallah dan yang berbentuk hablumminanuas. Yang berbentuk hablumminallah adalah perkara-perkara yang berhubung rapat dengan soal iman dan akidah serta persoalan rukun Islam yang lima. Iman kita tanamkan sungguh-sungguh supaya seseorang itu benar-benar bertauhid kepada Allah, kepada Al Quran, kepada Rasul, kepada malaikat, kepada akhirat dan sebagainya.

Kemudian ibadah-ibadah fardhu ain juga kita tekankan seperti sembahyang, puasa, zakat, haji dan lain-lainnya. Bukan saja soal-soal zahimya tetapi juga soal batinuya. Begitu juga soal-soal yang berkait dengan akhlak.

Soal-soal hablumminannas ialah perkara-perkara yang berhubung rapat dengan manusia, dengan masyarakat dan sebagainya. Ini ialah soal-soal membangunkan perkara-perkara yang menjadi

fardhu kifayah seperti membangunkan makan minum secara Islam, membangunkan kehidupan rumahtangga cat-a Islam, membangunkan ekonomi cara Islam, membangunkan sekolah-sekolah, membangunkan hospital dan klinik-klinik, membangtmkan jihad dan lain-lainnya.

Atas dasar dua aspek inilah Darul Arqam berjuang dan sedikit sebanyak, masyarakat telah dapat memerhatikannya seperti barang-barang pemiagaan kita telah beredar di tengah masyarakat. Orang ramai mengunjtmgi klinik-klinik kita. Di sekolah kita telah ada lebih 2,000 (sekarang 1990, 7000 pelajar – **penerbit)** pelajar yang dihantar oleh ibu bapa mercka. Dakwah-dakwah kita telah berjalan di merata-rata, di kampung-kampung, di masjid dan surau, di sekolah dan universiti, di pejabat-pejabat dan di mana saja.

Inilah konsep yang saya perjuangkan bersama-sama Darul Arqam.

Soalan: Ustaz, tidakkah dari satu segi umat Islam di Malaysia apabila adanya banyak institusi-institusi keagamaan seperti institusi Darul Arqam, ABIM, HAMIM dan sebagainya menampakkan satu 'perpecahan'?

Syeikhul Arqam: Allah ada berfirman di dalam Al Quran:

وَٱعْتَصِمُوا۟ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا۟

Terjemahannya: Berpegang teguhlah pada tali Allah (agama Allah) keseluruhannya dan jangan kamu berpecah-belah.
(Ali Imran: 103)

Maksudnya, tiap-tiap anggota **masyarakat** Islam itu, sama ada yang berbcntuk individu mahupun berbentuk jemaah sama-sama menerima Al Quran dan Al Sunnah sebagai satu tugas hidup (pegangan) yang wajib diterima sebagai hukum wajib dan

sama-sama diamalkan sungguh-sungguh. Yang sunat dihargai sebagai hukum sunat sejauh mana yang terlarat kenalah laksanakan.

Begitu juga, apa saja perkara atau peristiwa yang telah ditetap kan oleh Al Quran dan Sunnah sebagai haram, mesti semua individu Islam itu menerima hukum perkara itu haram. Kemudian sama-samalah pula berstmgguh-sungguh menjauhinya.

Dan mana Al Quran dan Al Sunnah menetapkan perkara itu hukumnya makrub, mestilah semua individu Islam itu mengakuinya, sebagai makruh dan sejauh mana yang tennungkin hendaklah dijauhkan.

Begitu juga dengan apa yang telah ditetapkan oleh Al Quran dan Sunnah perkara itu hams hukumnya, mesti semua individu Islam mengakuinya sebagai harus dan terpulanglah untuk melaksanakannya. Sebab harus (mudah) maksudnya nak buat sila, nak tinggalkan pun tak mengapa. Tapi yang paling baik eloklah buat, dijadikan ibadah.

Jadi, soal di mana dia berada, sama ada di dalam kumpulan mana, di dalam jemaah mana, dalam masyarakat mana, atau dalam keluarga mana tidak timbul. Pokoknya penerimaan dan pelaksanaannya. Ini yang penting.

Kalau pun kita masuk dalam satu persatuan atau satu jemaah, ada hukum yang diterima dan ada yang ditolak, ada yang dibuat, ada yang tidak, ada yang yakin, ada yang tidak yakin ada yang membuat seruan dan ada yang tidak membuat seruan Allah. Ini bukan bersatu namanya. Ini "berkumpul" bukan bersatu.

Jadi walaupun seorang itu duduk di badan A, seorang yang lain duduk di badan B, seorang lagi di timur seorang lagi di barat, seorang di sebuah kampung, seorang lagi di kampung yang lain, umpamanya, tetapi dalam penerimaan hukum-hakam Allah tadi adalah sama. Mereka sudah dikira bersatu.

Tetapi walau anggota Darul Arqam sekalipun, kalau segi penerimaan hukum-hakam itu tidak sama iaitu, ada yang buat ada yang tidak, ada yang melaksanakan ada yang tidak, ada yang yakin ada yang tidak yakin, itu bukan bersatu namanya. Itu hanya berkumpul, bukan bersatu.

Jadi, tidak salah adanya badan-badan walaupun banyak. Kita tidak akan bergaduh. Pokoknya penerimaan dan pelaksanaan hukum-hakam itu sama. Bentuk penerimaan dan bentuk pelaksanaan itu sama.

Soalan: Sama ada sedar atau tidak, ada kalangan "tertentu" pernah melemparkan kata-kata yang tidak sepatutnya pada pertubuhan Darul Arqam. Bagaimana pandangan ustaz?

Syeikhul Arqam: Timbulnya tuduh-menuduh, kata-mengata dan fitnah-menfitnah dari orang-orang tertentu di kalangan umat Islam ataupun golongan-golongan tertentu ataupun pertubuhan-pertubuhan Islam itu pada Darul Arqam, saya anggap orang itu “tak faham”. Mungkin mereka tak faham.

Saya mentakwil baik saja pada mereka atau pada mana-mana badan. Dan saya memandang penolakan mereka, fitnah mereka dan kata-kata mereka itu bukan atas dasar jemaah mereka, bukan atas konsep mereka, tapi yang banyaknya atas dasar individu. Sebab kita lihat, kadang-kadang ada yang menerima kita dan ada yang tidak, sedangkan mereka im datang dari satu jemaah tertentu yang satu tujuan. Itu menunjukkan kalau ada sesuatu yang tidak setuju itu, kita anggap sebagai individu.

Jadi, sebab itulah, Darul Arqam berhadapan dengan persoalan ini dengan dada yang terbuka, cara saksama, cara lapang dada. Kita tidak serang, kita tidak menjawab dan tidak menuduh.

Ini dapat dipastikan sama ada melalui suratkhabar kita, melalui ceramah-ceramah kita, malah akhir-akhir ini sudah ada video pula. Dan melalui kaset dan video ini, semua orang boleh menilai.

Pengajian kita lebih banyak menekankan persoalan kitab usul. Sebab itu ceramah-ceramah kita bertajuk-tajuk. Kalau kita memperkatakan tajuk akhlak, yang kita perkatakan ialah akhlak saja. Kita tak ada sentuh pada orang tertentu. Jadi bila kita memperkatakan tajuk akhlak, sungguh-sungguh kita baiki diri. Kalau kita perkatakan tajuk ekonomi dalam negara Islam, kita perkatakan

ilmiahnya. Kita tidak tuduh mana-mana pihak. Terpulanglah pada pihak-pihak tertentu mengukur apa yang dibuat itu selaras atau tidak dengan ilmiah yang kita katakan itu.

Begitu juga berhubung dengan ekonomi, persoalan iman dan ibadah dan sebagainya. Sebab kita bersikap lapang dada itu, kerana kita anggap satu realiti (kenyataan) yang mereka tak faham.

Yang kedua, insya-Allah satu masa nanti dapat kita membeti faham. Saya rasa mereka akan faham. Kalaupun mereka tak terima konsep perjuangan kita (Darul Arqam) mereka tidak akan menentang lagi.

Ya, paling tidak kita merasai apa yang terjadi di dtmia ini, baik buruknya hakikatnya dari Allah. Cuma yang baik kita mesti sandarkan kepada Allah, yang jahat tidak boleh. Tanpa hakikatnya semuanya dari Allah.

Sebab itulah kita lapang dada dalam soal ini. Kita selalu memanjatkan doa:

اَللّٰهُمَّ اهْدِ قَوْمِي فَإِنَّهُمْ لاَ يَعْلَمُوْنَ

Terjemahannya: Ya Allah, berilah petunjuk kepada kaumku kerana mereka tidak tahu.

Inilah sikap yang selalu dibuat oleh Rasulullah. Dan kita hendak cuba ikut Rasulullah SAW.

Sebab itulah kita tidak suka hendak pukul orang. Bahkan baru-baru ini pun barangkah saudara tentu tahu kerana sebagai seorang wartawan saudara ada baca suratkhabar-suratkhabar lain bagaimana "dia" pukul kita.

Dia mengulas (mengkritik) rencana suratkhabar Al Arqam. Kita tak jawab. Kita tidak mahu perselisihan. Itulah konsep perjuangan kita. Setidak-tidaknya, bila kita tidak jawab, pertelingkahan dan perselisihan faham itu tidak berpanjang-panjang. Kalau patut boleh berpanjang 3 bulan, 3 hari saja boleh selesai. Inilah dasar (polisi) kita dalam Darul Arqam.

Soalan: Ingin saya tinjau dekat-dekat, ke manakah Darul Arqam ini akan Ustaz bawa?

Syeikhul Arqam: Jadi, kalau tadi saudara faham tentang penjelasan saya mengenai konsep perjuangan Darul Arqam itu, di situ sudah ada jawapannya.

Matlamat perjuangan Darul Arqam ialah hendak menegakkan hukum-hukam Allah dalam kehidupan di semua bidang dan di semua aspeknya sama ada yang berbentuk hablumminallah atau pun berbentuk hablumminannas.

Itulah matlamat pejuangan kita atas keredhaan Allah.

Soalan: Ustaz tidak menafikan, kalau saya mengatakan bahawa Darul Arqam itu sedikit sebanyak berbau politik?

Syeikhul Arqam: Kalau kita nak istilahkan politik zaman sekarang ini, mengikut ukurannya Darul Arqam tidak dianggap sebagai satu jemaah politik. Tetapi, kalau kita nak anggap politik mengikut kacamata Islam Darul Arqam boleh juga dipanggil satu gerakan politik. Sebab politik Islam itu tersendiri.

Maknanya kita cuba berusaha membuat kebaikan sama ada diri kita, keluarga kita, begitu juga kebaikan itu kita nak serapkan ke tengah-tengah masyarakat di semua bidang dan di semua aspeknya. Itu politiklah namanya.

Kerana politik itu maknanya ilmu pentadbiran. Nak mentadbir diri, mentadbir rumahtangga, mentadbir masyarakat, mentadbir kampung halaman, surau, masjid sampailah ke persoalan-persoalan negara. Tetapi penyuluhnya ialah Islam. Pimpinannya adalah Al Quran dan Sunnah Itu politiklah.

Tetapi mengikut politik sekarang, kalau sesuatu perkara itu tidak ada hubungan dengan negara, ia tidak dianggap politik. Jikalau hanya mengenai diri, tumahtangga, surau, madrasah, karnpung dan lain-lainnya maka pada mereka itu tidak ada hubungan dengan politik. Tapi dalam Islam itu, daripada persoalan mengenai diri kita sehingga sampai ke persoalan alam sejagat itu semuanya politik.

Dalam politik Islam, apa saja yang ada di hadapan kita semuanya kita tadbir. Cuma orang yang bukan berjuang secara Islam, dia berpolitik bukan secara Islam. Tapi, bagi orang yang ada cita-cita Islam, politik adalah cara Islam.

Jadi, kalau nak dikatakan Darul Arqam ini bukan parti politik pun, ada satu kebenaran juga mengikut ukuran orang sekarang. Tapi kalau nak dikatakan ini merupakan satu gerakan politik boleh juga, tetapi politik Islam. Politik Islam itu adalah satu yang tersendiri.

Soalan: Apakah perubahan yang cuba Ustaz paparkan melalui Al Arqam? Bagaimana corak masyarakat yang Ustaz hendak bawa?

Syeikhul Arqam: Saya katakan tadi yang Islam itu terbahagi kepada dua: *Hablwnminallah* dan *Hablumminannas.*

Jadi bila kita sarankan Islam, dia akan bermula (bertolak) daripada perubahan peribadi. Kemudian bila peribadi berubah tentulah dia akan membuat perubahan rumahtangga hinggalah kepada masyarakat dan seterusnya kepada alam yang lebih besar lagi.

Jadi, kalau kita lihat dalam pengalaman kita 10 tahun yang sudah, hasil daripada usaha pergerakan kita melalui dakwah ini dengan izin Allah, setidak-tidaknya secara individu, sebahagian daripada corak rumahtangga, ataupun corak hidup masyarakat sudah ada yang berubah.

Lebih ramai pemuda-pemudi yang tak sembahyang sudah sembahyang. Dulu berapa banyak pendedahan aurat, hari ini *alhamdulillah* Di mana-mana saja di negara kita; di stesyen bas, atas bas, dalam teksi, di sekolah-sekolah, di universiti, di pejabat-pejabat sudah ada orang yang menutup aurat. Itu satu perubahan hasil daripada dakwah.

Begitu juga umpamanya, kita dapat lihat perubahan di rumahtangga orang-orang yang sudah ada kesedaran terhadap Islam. Dia tidak buat pembaziran dalam rumahtangga. Dia membuat atau membeli satu-satu perkara itu kerana yang perlu saja. Yang tak perlu tidak dibuatnya dan dia tak beli.

Jadi, pembaziran kewangan dia tidak buat. Sebab itu bagi orang-orang yang tak faham pendirian orang-orang yang sudah ada kesedaran Islam, mereka hairan; kadang-kadang gaji hanya $200 tapi dia tidak pemah mengeluh.

Sedangkan orang-orang lain gaji $600 pun masih mengeluh lagi. Tak cukup. Kenapa? Macamana nak cukup sedang dia beli apa yang tak perlu dan dia buat apa yang tak perlu.

Bagi kita Wang lebih dari tidak membeli yang tidak perlu itu, boleh korbankan untuk masyarakat, membantu anak yatim, membantu fakir miskin, kita buat rancangan ekonomi dan rancangan membangun sekolah.

Sebab itu, projek ekonomi di Darul Arqam, kadang-kadang orang tak faham. Dia hairan walaupun kita tidak meminjam bank, tak bersandar kepada kerajaan, tetapi boleh hidup.

Ya, sebab yang boleh hidup itu kerana kita buat perkara yang perlu saja. Banyak duit berlebihan dan yang berlebih itu kita gunakan untuk masyarakat. Sebab itu sedikit sebanyak kita boleh membangun.

Di samping itu setiap pembangunan yang kita buat rohnya "iman". Sebab itu ia boleh kekal.

Soalan: Dalam memperjuangkan konsep hidup Islam, mengapa ramai tidak mahu menerimanya?

Syeikhul Arqam: Begini. Di dunia hari ini ada bermacam-macam konsep hidup isma dan ideologi. Bahkan sebahagian daripada isma-isma dan ideologi itu telah diperjuangkan oleh golongan-golongan tertentu.

Jadi, apa saja isma, apa saja ideologi dan apa saja konsep hidup yang diperjuangkan, ada yang menerima dan ada yang tak menerima serta ada yang tak peduli. Nak nilai pun tidak, nak menerima pun tidak.

Begitu juga kalau kita berjuang mendukung cita-cita Islam kemudian kita cuba melaksanakan sejauh mana yang mungkin

akan konsep hidupnya, dengan izin Allah SWT ada orang yang mahu menerima dan ada yang tidak mahu.

Jadi, soal menerima atau tak menerima itu bukan berlaku pada konsep hidup Islam yang diperjuangkan oleh Darul Arqam saja tetapi berlaku pada semua konsep hidup di dunia ini yang orang lain perjuangkan. Dan sebab itulah berlaku peperangan di dtmia hari ini – fasal konsep yang berlainan dan ideologi yang berlainan serta isma yang berlainan.

Tetapi oleh kerana yang kita buat ini bercorak Islam, semua orang yang memperjuangkan konsep-konsep yang ada itu menumpu kepadanya. Maka apa yang bercorak Islam orang hebohkan.

Di dunia ini perang berlaku di merata-merata. Tetapi oleh kerana mereka yang berperang itu memegang konsep di luar Al Quran dan Sunnah, maka itu tidak ada siapa yang heboh. Tetapi kalau perkara yang timbul itu daripada Islam, semua orang akan fokus kepadanya.

Jadi, ini tidaklah mendukacitakan kita, sebab yang kita buat ini ialah kerja Allah. Kerja Allah itu telah dicontohi oleh Rasulullah SAW lebih dulu. Rasulullah SAW telah menempuh lebih dahulu.

Soalan: Bagaimana tentang corak pakaian Islam?

Syeikhul Arqam: Islam ini satu peraturan hidup yang datang dari Allah, yang disampaikan kepada Rasulullah SAW hingga sampai ke hari ini masih ada lagi dalam Al Quran dan dalam Sunnah Rasulullah SAW dan ditafsirkan oleh para alim ulama.

Jadi konsep hidup Islam itu walau di bidang mana, adalah berlainan daripada konsep-konsep yang lain. Konsep Islam adalah tersendiri, baik di bidang pakaian, makan minum, rumahtangga, politik, ekonomi, masyarakat, negara dan lain-lainnya.

Khususnya tentang pakaian, Al Quran dan hadis telah menerangkannya, tidak perlu kita pertikaikan lagi sama ada seorang itu hendak memakai purdah dan sebagainya. Umpamanya serban, ada hadis menyebumya:

تَعَمَّمُوْا فَإِنَّ الْمَلاَئِكَةَ تَعَمَّمَتْ

Terjemahannya: Hendaklah kamu berserban kerana malaikat itu berserban.

Dalam hadis yang lain maksudnya:

رَكْعَتَانِ بِعِمَامَةٍ خَيْرٌ مِنْ سَبْعِيْنَ رَكْعَةً بِلاَ عِمَامَةٍ

Terjemahannya: Dua rakaat sembahyang dengan memakai serban lebih utama daripada 70 rakaat sembahyang yang tidak memakai serban.

Kalau kita hendak sembahyang 70 rakaat akan lembik lutut. Lebih baik sembahyang dua rakaat pakai serban lebih utama lagi daripada 70 rakaat orang sembahyang yang tak pakai serban.

Jadi tentang pakaian Islam ada nasnya tetapi oleh kerana nas itu orang tak buka, lebih-lebih lagi dah lama orang tak amalkan, sejak zaman penjajah dah orang tak amalkan, maka kalau ada beberapa kerat manusia cuba mengamalkannya ia dianggap salah satu yang baru. Yang sebenarnya ia sesuatu yang lama.

Bukan satu yang baru, tetapi oleh kerana manusia dah lama tak melihat corak Islam serupa itu, seolah-olah manusia menganggap berserban, berjubah dan berpurdah itu sesuatu ,yang baru.

Soalan: Bagaimana dikatakan Islam itu sesuai sepanjang zaman?

Syeikhul Arqam: Hukum-hukum Allah telah pun ditetapkan oleh Allah iaitu, hukum wajib, hukum sunat, hukum haram, makruh dan harus Hukum itu menyuluh di semua aspek seperti menyuluh diri, rumahtangga, ekonomi, masyarakat, pendidikan, menyuluh di dalam bermacam-macam bentuk yang timbul dalam tiap-tiap masa itu.

Ini yang dikatakan sesuai. Sesuai di sebarang tempat dan di sepanjang zaman. Katalah umpamanya, memakai serban ini ditetapkan oleh sunnah dalam ajaran Islam sebagai hukum sunat (sunnah yang sunat).

Hukum sunat itu adalah tetap sejak dari zaman Rasulullah SAW, hinggalah ke hari ini. Ia sesuai dalam semua keadaan dan suasana.

Di Darul Arqam, kami membangunkan kilang kicap, kilang makanan, kilang mee, klinik, boleh membangunkan sekolah, boleh apa saja dengan serban. Tak ada gangguan apa-apa.

Ertinya kami di Darul Arqam yang semuanya memakai serban, jubah masih boleh berjalan, boleh berkereta, boleh naik kapal terbang, boleh keluar negeri dan sebagainya.

Kita berusaha tanpa meminta bantuan sesiapa. Usaha itu masih berjalan. Bempa banyak pula orang yang menjalankan ekonomi dan sebagainya tidak menggunakan serban dan jubah, banyak Yang rugi.

Jadi soal hukum ini tidak ada hubungan dengan soal perubahan-perubahan yang berlaku dalam kehidupan kita setiap masa.

Sebab itulah Islam itu sesuai setiap masa. Hukum itu tetap, cuma dalam bentuk-bentuk hidup itu saja yang berlainan mengikut kepandaian manusia.

Makin pandai makin berubah hidup. Itulah yang dikatakan kebudayaan. Tetapi hukum itu sentiasa menyuluh. Berkemajuan macamana pun tidak mengapa, tapi hukum Islam tetap jadi penyuluh. Apa saja yang sesuai dengan hukum maka jadi ibadah.

Soalan: Orang kata Darul Arqam fanatik, ekstrimis, ketinggalan zaman.

Syeikhul Arqam: Saya pun tak tahu pengertian fanatik yang sebenarnya, tapi dalam hukum Islam itu maknanya cinta yang mendalam.

Apa salahnya kita cinta yang mendalam pada hukum-hukum Allah? Sesuatu yang diredhai oleh Allah itu, kita bagi kecintaan

yang begitu mendalam. Kita laksanakan hukum Allah dan kita pertahankan ia. Rasanya tidak salah apa-apa.

Sedangkan isteri kita pun yang bila-bila masa boleh terlepas daripada kita, itu pun kita cemburu jika orang pandang. Cemburu itu sebab ada rasa cinta dengan isteri.

Tapi, dalam soal ajaran Islam ini, soal hak Allah yang menjadi hidup mati kita, ia tidak boleh ditukar ganti dengan isteri dan Wang ringgit dan sebagainya. Maka lebih-lebih lagilah kita patut fanatik. Kalau orang, kata gila isim, ekstrimis atau ketinggalan zaman pun, saya rasa tak salah.

Biarlah orang tak suka pada kita dan tak mahu terima kita. Kita berjuang atas dasar keyakinan kita sendiri. Kita tak ikut keyakinan orang lain.

Orang boleh tuduh kita fanatik atau ekstrimis kerana cinta pada hukum Allah. Bagaimana pula dengan orang yang fanatik kepada hidup barat, pakaian barat dan sebagainya. Tidakkah itu juga fanatik dan ekstrimis?

Soalan: Bagaimanakah Darul Arqam ini bergerak dan sumber manakah yang membantu Darul Arqam bergerak?

Syeikhul Arqam: Itu dah saya katakan tadi, Islam ada dua bentuk ibadah: *hablumminallah* dan *hablumminannas.*

Hablumminallah banyak berhubung rapat dengan soal iman. Saya dah katakan tadi, Darul Arqam ini bergerak bertolak daripada membangunkan iman dan membangunkan ibadah yang pokok. Iman ditanam dalam hati supaya timbul rasa cinta Allah, cintakan Akhirat, cinta Syurga dan takutkan Neraka.

Kita cetuskan itu melalui kuliah-kuliah'fardhu ain, usrah-usrah, ceramah-ceramah umum, pertemuan dan ibadah-ibadah.

Jadi bila orang sudah beriman, sudah cintakan Allah, sudah takutkan Allah, dan sudah fikirkan alam akhirat, manakala kita hendak bangunkan ibadah yang berbentuk *habhunminannas* *yang* ada kaitan dengan tenaga, yang ada hubungan dengan wang ringgit, dan yang ada hubungan dengan fikiran, orang tak sayang

korbankan masa lagi, tak sayang korbankan tenaga dan tak sayang korban Wang ringgit.

Sebab itulah di Darul Arqam ini, tidak perlu nak meminta-minta bantuan orang kecuali orang nak beri. Kalaupun kita minta itu lain sebabnya, kerana ada orang yang hendak melabur saham akhirat. Kita tidak boleh tegah mereka daripada melabur. Jadi di Darul Arqam ahli-ahli berkorban. Orang ramai juga berkorban hasil dari usha kita membangunkan iman.

Sebab itu di Darul Arqam, ada di antaranya yang bergaji se-ribu, empat ratus senang-senang saja diberi pada Darul Arqam. Hal ini mungkin tidak wujud di mana-mana.

Dalam soal tenaga, hampir semua beri masa sepenuhnya. Kalaupun ada yang kerja pejabat, waktu malamnya dia akan berikan masanya hingga lewat tengah malam.

Tenaga yang mereka berikan tidak diukur dengan **Wang ringgit** kerana semuanya itu dikira ibadah pada Allah. Inilah hasil dari iman. Ada pahala di akhirat. Sebab itu mereka berkorban belaka. Dan inilah cara Darul Arqam bergerak. Kami tidak ada menerima bantuan dari mana-mana seperti yang orang tuduh.

Soalan: Sejauh manakah yang tercapai setakat ini?

Syeikhul Arqam: Bila setiap ahli (iemaah) itu sudah menunjukkan kesungguhan bekerja, sedikit sebanyak kita dapat memberi bantuan kepada masyarakat.

Ada khidmat secara langsung dan ada khidmat secara tidak langsung. Dalam khidmat secara langsung, kita mengadakan pengurusan mayat, ziarah ke hospital, membantu fakir miskin seberapa yang termampu.

Kita mengadakan kursus haji, kursus perkahwinan, kursus jenazah untuk masyarakat. Ada khidmat secara langsung dan ada khidmat secara tidak langsung.

Dalam khidmat secara tidak langsung, kita bangunkan sekolah-sekolah di merata tempat. Kita juga bangunkan klinik-klinik untuk rawatan sakit dan bersalin. Kita adakan projek ekonomi,

ada mengeluarkan mee, cili sos, kicap, cuka, tauhu, sabun, minyak makan dan lain-lain. Ini khidmat kita pada masyarakat secara tidak langsung kepada masyarakat.

Dan atas dasar ini juga, hampir semua golongan masyarakat kita hubungi. Kita ziarah rumah menteri, rumah raja, rumah penulis-penulis, wartawan-wartawan, orang kecil, orang besar, orang politik, orang dakwah, orang hiburan, orang seni dan siapa saja.

Orang tuduh kita tak pedulikan masyarakat. Orang tuduh Darul Arqam buat hal sendiri saja. Sebenamya mereka tak tahu apa yang kita buat. Mereka tak tahu hubungan kita dengan semua lapisan masyarakat hasil dari khidmat secara langsung dan khidmat secara tidak langsung ini.

Soalan: Tidakkah pergerakan Darul Arqam menggugat pemerintahan?

Syeikhul Arqam: Bahaya tidak timbul. Ukuran kita ialah sejauh mana kita dapat menyampaikan ajaran Islam secara jelas pada masyarakat. Di samping itu sejauh mana kita dapat melaksanakannya.

Yang sebenarnya kalau masyarakat faham, pihak rakyat mahupun pihak pemerintah, bahkan orang yang bukan Islam sekalipun, mereka tidak akan bimbang.

Kalau mereka faham tentang Islam, sekalipun orang bukan Islam, walaupun mereka tak terima konsep akidahnya, tetapi mereka akan terima konsep syariatnya iaitu peraturan hidup Islam.

Kita menolong fakir miskin bukan orang Islam saja. Orang bukan Islam pun tanggungjawab kita juga kalau dia berada di dalam masyarakat Islam itu sendiri. Sakit pening mereka mesti kita fikirkan juga. Kalau ada umat Islam umpamanya, kita kena bagi nasihat, tolong-menolong, bantu-membantu. Ini adalah fitrah semulajadi manusia. Kalau sampai ke peringkat itu, bukan saja orang Islam sokong, orang bukan Islam pun sokong. Rakyat akan

SEMINAR SOSIAL ENGINEERING
UNTUK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

15 Februari 1984

RAHSIA KEMAJUAN DARUL ARQAM

Sinopsis:

Majlis Dialog ini diadakan sempena Pembentangan Kertas Kerja berjudul "Kaedah Pembangunan Berteraskan Islam Pendekatan Darul Arqam" oleh yang berbahagia Ustaz Ashaari Muhammad di seminar "Social Engineering Untuk Pembangunan Luar Bandar" [illegible] Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah Malaysia.

Sebanyak [illegible] Kertas-[illegible] dibentangkan di seminar tersebut pada 15hb. Feb. 1984 di bilik Gera[illegible] Kuala Lumpur.

Peserta seminar terdiri daripada wakil agensi-agensi kerajaan di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Kementerian Pembangunan dan Luar Bandar seperti FELDA, FELCRA, KEJORA, RISDA, KESEDAR dll.

- **Bagaimana Sistem Maasy; Sistem Gaji Mengikut Keperluan Dilaksanakan?**
- **Di mana Rahsia Kejayaan Darul Arqam?**
- **Taqwa Tinggalkan Kemajuan Dunia?**
- **Kesedaran Kunci Kejayaan?**

Sinopsis:

Majlis Dialog ini diadakan sempena Pembentangan Kertas Kerja bertajuk "Kaedah Pembangunan Berteraskan Islam Pendekatan Darul Arqam" oteh yang berbahagia Ustaz Ashaari Muhammad di seminar "Sosial Engineering Untuk Pembangunan Luar Bandar anjuran Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah Malaysia.

Sebanyak lapan kertas-kerja dibentangkan di seminar tersebut pada 15hb. Feb. 1984 di bilik Gerakan FELDA, Kuala Lumpur.

Peserta seminar terdiri daripada wakil agensi-agensi kerajaan di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Kementerian Pembangunan dan Luar Bandar seperti FELDA, FELCRA, KEJORA, RISDA, KESEDAR dll.



"Dalam ajaran Islam; kecewa atau putus asa tidak ada, apa yang kita lakukan itu semuanya dijadikan ibadah..."

Soalan: Dari banyak-banyak projek yang dijalankan oleh Darul Arqam, adakah projek-projek yang telah pernah menghadapi kegagalan. Dan kalau ada apakah sebab-sebabnya?

Syeikhul Arqam: Alhamdulillah, setakat ini Darul Arqam mampu mengendalikan beberapa projek dalam menunaikan tuntutan fardhu kifayah di tengah masyarakat. Tentu dalam mengendali atau melaksanakan projek-projek ini ada yang agak berjaya dan tidak pula dinafikan pemah mengalami kegagalan. Tetapi kita mesti ingat bahawa dalam ajaran Islam ini kecewa atau putus asa tidak ada, sebab pada kita apa yang kita buat atau laksanakan itu semuanya untuk dijadikan ibadah yang memperolehi pahala di sisi Allah SWT. Kalau berjaya di dunia maka kita akan dapat dua pahala yakni di dunia kita dapat kemajuan yang dirasai di dunia lagi manakala di akhirat kita dapat pahala di sisi Allah SWT.

Kalau ditakdirkan kita tidak berjaya (gagal) di dunia ini manakala kita menempuh lima syarat untuk diiadikan ibadah dalam melaksanakan projek tersebut, maka kita tetap diberi ganjaran oleh Allah SWT dengan syurga-Nya. Syarat-syarat itu ialah:

1. Niat betul dan bertepatan dengan kehendak syariat.
2. Perkara (yang hendak dibuat) dibenarkan atau nyata dihalalkan oleh syariat.
3. Perlaksanaan (perkara itu) bersesuaian dengan kehendak syariat.

4. Natijah (daripada pelaksanaan) sesuai dengan syariat.
5. Tidak meninggalkan perkara asas rukun iman dan rukun Islam.

Sebab itu pada kita gagal atau berjaya tidak timbul. Bila gagal kita akan bangunkan semula dan begitulah seterusnya. Sebab itulah kita tidak pernah projek-projek kita ditinggalkan begitu sahaja. Kita cuba baiki dan bereskan mana-mana yang gagal. Kita perlu bersangka baik dengan Allah yang mana barangkali kegagalan itu sengaja Allah hendak menguji kita atau boleh jadi salah dari segi teknikal atau mungkin juga waktu kita mengendalikan projek itu kita banyak lupa kepada Allah.

Soalan: Telah diberi penjelasan tadi bahawa taqwa boleh mempengaruhi quwwah tetapi quwwah (kekuatan lahir) tidak boleh mempengaruhi taqwa. Sesetengah golongan orang Islam menggunakan konsep taqwa ini dengan satu tujuan iaitu dari segi ibadah mereka itu sahaja dan meninggalkan perkara-perkara dunia, umpamanya seperti tidak menggunakan alat-alat tv, video atau seumpamanya. Jadi apakah pandangan Ustaz mengenai perkara ini?

Syeikhul Arqam: Sebenamya soal taqwa telah saya perkatakan tadi. Tetapi walau bagaimanapun kita ulangi lagi agar jelas. Secara ringkas yang dikatakan sifat taqwa itu segala suruhan Allah yang fardhu dan sunat kita cuba buat sungguh-sungguh sama ada yang lahir dan mahupun yang batin. Yang lahir umpamanya puasa, sembahyang, naik haji, zakat, berjuang, berjihad dan sebagainya. Manakala yang batinnya hendaklah kita usahakan supaya hati kita ada rasa syukur, rasa sabar, redha, tawaduk, berkasih sayang, mesra, rendah diri, pemaaf atau dengan kata-kata yang lain kita usahakan untuk memiliki sifat-sifat mahmudah atau sifat-sifat yang terpuji.

Begitu juga umpamanya segala larangan Allah sama ada yang haram mahupun yang makruh hendaklah kita jauhi sungguh-sung-

guh. Kalau ada juga perkara-perkara larangan ini kita langgar, maka cepat-cepat kita mohon ampun kepada Allah SWT, sama ada yang lahir mahupun yang batin. Antara larangan-larangan yang mesti kita jauhi sepcrti jangan berjudi, jangan berzina, jangan minum arak dan lain-lain lagi. Manakala yang batinnya pula jangan kita hasad dengki, jangan pemarah, jangan sombong atau ego, jangan tamak dan seumpamanya. Ini secara ringkas takrif sifat-sifat orang yang bertaqwa. Sifat taqwa yang macam inilah 'yang akan diberi jaminan oleh Allah sebagaimana firman-Nya yang berbunyi:

وَٱللَّهُ وَلِىُّ ٱلْمُتَّقِينَ

Terjemahannya: Allah menjadi pcmbela kepada orang-orang yang bertaqwa.

(Al Jaathiah: 19)

Jadi kalau ada orang yang mengatakan sifat-sifat taqwa itu ialah meninggalkan perkara-perkara dunia sebagai ulasannya maka itu adalah satu kesalahan.

Soalan; Saya cuba hendak memahami sistem ataupun pendekatan ekonomi atau aktiviti ekonomi yang dipratikkan oleh Darul Arqam dan apa yang saya nampak ialah dengan 'approach' atau pendekatan Darul Arqam ini hanya mementingkan 2 aspek yakni mementingkan kepentingan umat dengan mengadakan alternatif barang-barang keperluan yang halal dan mementingkan kepentingan individu dari segi taqwa misalnya.

Jadi apa yang saya nampak dari segi memperkenalkan konsep ini ialah dengan mewujudkan suatu pendekatan yang boleh kita istilahkan pelaburan ummah. Dalam kontek pelaburan ummah ini ertinya kita membuatkan sesuatu yang boleh mendatangkan manfaat kepada umum dan manfaat pada diri k.ita. Kita ambil satu contoh, bila kita sakit, kita

perlu makan ubat. Rata-rata ubat sekarang dimasukkan ke dalam sarung kapsul. Katakan sarung kapsul tersebut diperbuat dari gelatin yang menggunakan tulang-tulang bangkai atau babi. Oleh itu menjadi tanggungjawab kita menyediakan sesuatu yang halal. Apabila masyarakat serba sedikit mempunyai kesedaran dan kefahaman tentang ajaran Islam, maka dengan kefahaman itulah mereka boleh menyumbangkan sesuatu untuk kepentingan ummah. Tetapi pelaburan yang kita lakukan ini bukanlah seperti ASN yang mana 'dividen'nya adalah secara pulangan material atau wang tetapi mungkin 'dividen'nya ialah memperolehi sesuatu yang bermanfaat kepada ummah dan juga kepada diri sendiri. Jadi secara tak langsung kita telah dapat menaikkan taraf ekonomi masyarakat Islam itu sendiri. Saya rasa apa yang saya dapat fahamkan bahawa Darul Arqam telah bergerak ke arah itu. Dan kalau kita rasa pendekatan cara ini sesuatu yang baik maka kita gunakan 'approach' ini bukan sahaja pada Darul Arqam tetapi secara keseluruhannya.

Syeikhul Arqam: Fardhu kifayah termasuklah sepertimana yang saudara katakan tadi. Tetapi kita dah katakan tadi bahawa soal-soal fardhu kifayah yang menjadi keperluan umum kepada masyarakat Islam ini walau di bidang apa sekalipun, kalau kita tidak dapat cetuskan bukan sahaja kita kecewa di dunia kerana kita tidak mempuuyai kemajuan, dan oleh kerana itu kita terpaksa bersandar kepada kemajuan orang lain yang keadaannya tidak berapa 'sihat' malah kita jatuh berdosa pula. Dosanya apa-. bila di akhirat **akan** dimasukkan ke dalam neraka. ***Wd'iyazubillah.*** Jadi jemaah Darul Arqam memang bercita-cita hendak membesar. Tetapi bila kita hendak membesar kita perlu, meninjau atau menyuluh banyak sudut.

Kita hendak menyuluh kemajuan kita di bidang Wang ringgit.' tenaga, keimauan yang ada, kemahiran serta kepakaran. Selain daripada itu juga kita menilai sejauh mana kesedaran masyarakat Islam kepada kaedah-kaedah ini. Sebab kalau kita mampu sekali-

pun, umpamanya dapat membesarkan di setengab-setengah bidang dan di aspek-aspek tertentu tetapi kalau kita menilai masyarakat kita, kesedarannya belum sampai ke peringkat yang membolehkan kemajuan kita disambut bersama oleh masyarakat Islam, maka menjadikan perkara itu walaupun kita boleh buat tetapi akan ter: bengkalai dan tidak diterima oleh masyarakat Islam. Ini suatu masalah juga.

Oleh itu dalam kita membangunkan kemajuan, kita juga hendaklah memperkuatkan yang di dalam yakni member-i kesedaran kepada masyarakat terutamanya masyarakat Islam dengan mengadakan dakwah, pengajian-pengajian, adakan kuliah-kuliah, mengadakan kursus-kursus di kampung-kampung, di surau-surau dan kita berdakwah di pejabat-pejabat kerajaan dan swasta, di sekolah-sekolah menengah dan rendah dan seterusnya di pusat-pusat pengajian tinggi. Ini kerana kalau masyarakat sedar tentang Islam dan bagaimana perlunya membangunkan fardhu kifayah ini untuk kepentingan bersama di samping kita berdiri di atas kaki sendiri tanpa bersandar lagi kepada kemajuan orang lain dan tidak dikotak-katikkan oleh mereka serta kita terlepas dari dosa maka segala usaha kita, mereka akan sambut.

Umpamanya pada peringkat awal dulu kita memproses mee tetapi tidak mendapat sambutan. Bila kita kaji apakah mee kita itu mutunya kurang baik berbanding dengan mee orang lain? Ternyata lebih kurang sama sahaja tetapi yang sebenamya ketika itu orang Islam belum scdar lagi. Mereka masih seronok dengan mee yang telah biasa dibeli, ini satu masalah. Begitu juga projek-projek yang lain seperti kicap. Setengah orang takut untuk memasarkannya, sehingga ada yang kata tak sedaplah, tak manislah dan macam-macam lagi. Memanglah peringkat permulaan buat kicap tentu tak sedap tetapi kalau orang yang merasa dirinya benar-benar Islam (mukmin), tentu dia tetap membantu agamanya. Ini bagi orang yang mempunyai jiwa yang cintakan Islam. Bagi orang yang tidak ada jiwa sedap atau tak sedap serupa sahaja. Dia lebih seronok makan yang dia sudah biasa beli.

Oleh sebab itulah maka kita bukan sahaja membangunkan ekonomi dan sebagainya tetapi kita pesatkan juga aktiviti-aktiviti dakwah kita. Sebab itulah hari ini, ***Alhamdulillah***, dengan izin Allah setiap malam tidak kurang dari 20 hingga 40 tempat di seluruh Malaysia kita berdakwah untuk beri kesedaran kepada umat Islam supaya mereka faham apa itu fardhu kifayah dan kenapa perlunya umat Islam berdiri sendiri (berdikari) dan kenapa perlunya umat Islam memakan benda-benda yang bersih.

Soalan: Kita telah mengadakan dua hari perbincangan dalam seminar ini untuk mencari satu kejayaan projek-projek anjuran kerajaan. Tetapi apa yang saya perhatikan dari perbincangan-perbincangan yang lepas, inilah baru kali pertama saya menemui rahsia bagaimana mencapai kejayaan dan kemajuan iaitu hanyalah dengan ketaqwaan kepada Allah. Jadi kami yang sedang berusaha untuk mencari kejayaan dan mendapatkan ketaqwaan, *insya-Allah* cuma barangkali kami dididik dengan sistem sekular dari peringkat rendah hingga ke peringkat yang tinggi tentulah masih terpengaruh dengan berbagai-bagai pengaruh sehingga mempengaruhi sikap dan kelakukan kami dalam mentadbir bidang kami ini. Jadi secara tidak langsung kami telah terlibat dengan perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam. Jadi apakah mampu kami yang telah mencapai umur 30 hingga 50-an ini yang barangkali ilmu fardhu ain belum selesai, boleh menjadi orang yang bertaqwa dan bagaimana caranya?

Syeikhul Arqam: Dalam pengalaman kami di Darul Arqam ini, kami juga **masih** belum mempunyai sifat-sifat taqwa, cuma **ada** cita-cita hendak pergi ke arah itu. Yang sebenarnya jangan saudara-saudari menganggap kami ini yang mengikuti jemaah semuanya dididik secara sekolah akhirat atau sekolah agama. Anggota Darul Arqam yang ada di Darul Arqam ini 90% daripadanya berpendidikan sekular. Saya sendiri pun berpendidikan sekular hingga darjah tujuh sekolah Melayu. Cuma selepas itu dengan izin

Allah saya menyambung pelajamn ke sekolah Arab. Dan orang-orang yang mendapat pendidikan agama di dalam jemaah ini terlalu sedikit bilangannya. Sebahagian kecil lulusan pondok, sebahagian kecil kelulusan pengajian Islam yang ada di zaman moden ini seperti Al Azhar dan sebagainya.

Jadi yang sebenamya ahli Darul Arqam tidak kurang 90% yang terlibat dengan pendidikan sekular, terlibat dengan masyarakat sekular, tetapi serba sedikit dapat membuat perubahan walaupun belum sampai ke tahap taqwa. Seperti saya juga masih belum sampai ke tahap taqwa dan kita tidak boleh mengaku kita ini sudah bertaqwa. Cuma usaha hendak menjadi orang yang bertaqwa itu mesti ada. Bercita-cita menjadi orang yang bertaqwa tidak mengapa tetapi mengaku diri telah bertaqwa itu yang tidak boleh. Dengan cita-cita dan usaha yang Allah kurniakan bolehlah kami membuat perubahan serba sedikit.

Jadi kalau saudara yang bertanya dan menyarankan kalau hendak buat perubahan secara yang dikehendaki oleh ajaran Islam tidak boleh. Sepertimana kawan-kawan saya boleh melakukannya, tentu saudara pun begitu juga. Cuma barangkali terpulang kepada keyakinan masing-masing. Sebab saya tengok kadang-kadang saya yang banyak bersyarah, tetapi ada di antara kawan-kawan saya lebih banyak beramal daripada saya. Rupanya orang yang mendengar lebih banyak membuat perubahan daripada orang yang menyampaikan syarahan. Jadi tidak mustahillah atau tidak hairanlah kalau saudara boleh membuat perubahan dan lebih banyak berbuat amal. Ini menunjukkan sekurang-kurangnya saudara ada cita-cita hendak mengubah diri. Kita buat perubahan sedikit demi sedikit, pergi ke kuliah-kuliah pengajian di mana saja yang boleh kita memperolehi ilmu pengetahuan kerana dengan ilmu barulah datang amal.

Soalan: Saya kagum dengan apa yang berlaku di dalam Darul Arqam mengenai sistem pembayaran gaji yakni mengikut keperluan masing-masing. Ini merupakan satu sistem yang begitu unik dan asing sekali bagi masyarakat kita hari



Ustaz Ashaari Muhammad (tengah) sedang membentangkan kertaskerjanya: "Kita memberi gaji atas dasar keperluan bukan atas dasar jawatan dan kelulusan."

ini. Jadi bolehkah Ustaz terangkan bagaimanakah Ustaz mula-mula melaksanakan sistem ini walaupun memang betul-lah pokoknya ialah taqwa. Bagaimana Ustaz menggembeling anggota-anggota Ustaz dalam menerima sistem ini?

Syeikhul Arqam: Memang sesuatu yang berlainan, apa yang Darul Arqam buat daripada orang lain tentang maasy (pemberian gaji). Jadi kita memberi 'gaji' kepada pekerja-pekerja kita sama ada dia sebagai guru, ustaz, bertani, tukang kebun, tukang masak, penulis, pengarang, bekerja di kilang dan sebagainya, tidak di atas dasar jawatan atau kelulusan. Kita memberi gaji atau sara hidup bukan atas dasar keperluan atau jawatan tetapi atas dasar keperlu-an-keperluan seseorang itu. Sebab kita telah katakan tadi **kalau** boleh tempuh lima syarat, apa yang kita lakukan itu menjadi iba-dah. Jadi kalau semua perkara menjadi ibadah asal menempuh lima syarat maka dengan sebab itulah kita tidak menilai atas dasar kelulusan atau jawatan. Sebab semua itu sama sahaja pada panda-ngan Allah. Yang pokoknya setiap orang itu bekerja dengan menempuh lima syarat.

Jadi kita memberi gaji atas dasar keperluan bukan atas dasar jawatan dan kelulusan. Umpamanya kalau seseorang itu mempu-nyai keluarga seramai tujuh orang, maka kita beri dia maasy atau gaji untuk keperluan tujuh orang walaupun dia bekerja sebagai peladang. Sedangkan di waktu yang sama, seorang itu mempu-nyai kelulusan M.A. tetapi bujang dan kita beri satu jawatan penting di Darul Arqam, contohnya sebagai guru besar maka kita beri maasy atau gajinya atas dasar keperluannya. Biasanya orang bujang ini keperluannya 100 hingga ke 150 ringgit sahaja. Begitu-lah yang kita lakukan selama ini.

Tujuan kita lakukan sistem ini supaya dapat menjaga ukhwah (persaudaraan) di antara kita. Apabila seseorang itu diberi gaji atas dasar keperluan, maka semua orang akan membuat kerja tidak kira dia peon, peladang, pegawai, guru dan sebagainya. Kemudian, apabila seseorang itu bertambah isteri atau anak maka bertambahlah lagi keperluannya. Manakala jemaah juga menang-

gung kemudahan-kemudahan asas yang lain seperti pakaian, tempat tinggal dan makan minum yang tak termasuk di dalam pemberian gaji atau maasy yang kita perkatakan di atas tadi, walaupun dia bekerja sebagai peon, pegawai, pendakwah, guru dan sebagainya.

Begitu juga takdimya dia perlu keluar untuk berdakwah, jemaah menyiapkan perkara-perkara yang diperlukan. Jemaah menanggung tambang perjalanan, kalau ditakdimya perlu naik kapal terbang, jemaah siapkan tambangnya. Tetapi kalau sistem yang lain mungkin yang boleh menaiki kapal terbang hanya orang yang berpangkat besar sahaja. Tetapi dalam Jemaah Darul Arqam tidak begitu. Contohnya, seorang bekerja di dalam Darul Arqam hanya sebagai peon tetapi dia bijak dan pandai berdakwah dan dia diperlukan pergi ke tempat yang jauh dengan segera, contohnya ke Kelantan, maka jemaah akan menanggung segala perbelanjaan makan minum, tambang pergi balik dan lain-lain. Jadi dalam Darul Arqam ini kadang-kadang petani boleh menaiki kapal terbang sekiranya tenaganya diperlukan di sesuatu tempat.

Di sinilah pentingnya berdakwah untuk menyedarkan masyarakat dan memberi kefahaman kepada mereka betapa cantiknya Islam dalam apa bidang sekalipun. Jadi setiap orang yang tahu dan pandai dalam ilmu Islam maka perlulah dia bertindak sebagai pendakwah. Sama ada orang mahu ataupun tidak, kena juga kita pergi jumpa. Kita tidak boleh menunggu mereka datang sendiri ke masjid. Kita kena pergi ke rumah mereka semata-mata hendak menyedarkan dan memberi kefahaman tentang ajaran Islam.

DARUL ARQAM SOKONG KERAJAAN?'

- Darul Arqam bekerjasama dengan orang yang melakukan kemungkaran?
- Pandangan Darul Arqam terhadap Iran
- Mengapa harakah Islamiah tidak bersatu?
- Projek tanpa kuasa, mudah diharamkan oleh kera jaan?
- Mengapa Darul Arqam mengkritik harakah Islamiah yang lain?

Soalan: Apa matlamat perjuangan Darul Arqam?

Syeikhul Arqam: Matlamat perjuangan Darul Arqam ialab seperti mana yang dikehendaki oleh ajaran Islam ataupun seperti mana yang dikehendaki oleh Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW iaitu berjuang dengan tenaga yang ada, melalui usaha-usaha, jalan-jalan yang dibolehkan ataupun yang dibalalkan oleh syariat Islam untuk menegakkan kalimah Allah, iaitu (hukum-hukum Allah).

Hukum-hukum yang dimaksudkan ialah ada lima hukum: Hukum wajib, hukum sunat, hukum haram, hukum makruh dan hukum harus. Hukum wajib dan sunat hendak kita tegakkan dalam semua bidang dan semua aspek kehidupan kita dari diri kita, rumahtangga kita, pergaulan kita, masyarakat kita, kenduri-kendara kita, perjuangan kita, jemaah kita, pendidikan kita, ekonomi kita, negara kita sampailab kita kepada alam sejagat. Hukum haram dan makruh hendak kita tinggalkan dalam semua bidang dan aspek kehidupan kita. Yang harus terpulang. Semua ini dengan tujuan untuk mendapatkan keredhaan Allah agar kita terhindar daripada Neraka di Akhirat kelak.

Mengapa penting disebut kerana keredhaan Allah? Sebab boleh jadi pada lahimya, kita boleh berjuang sesuai dengan syariat, selaras dengan hukum yang lima tapi mungkin matlamat kita lain. Boleh jadi matlamat kita kerana kemajuan, kerana nak megah, kerana nak pangkat dan sebagainya. Atau barangkali kita ter-

Terjemahannya: Agama itu adalah memberi nasihat. Untuk siapa ya Rasulullah? Untuk Allah, untuk Rasul dan untuk orang mukmin.

(Riwayat: Muslim)

Maksudnya memberi nasihat untuk Allah, kita usaha tegakkan kehendak-kehendak Allah. Ertinya kita tegakkan apa yang dikehendaki oleh Al Quran. Dan kita disuruh memberi nasihat untukRasul, maksudnya kita usaha tegakkan Sunnah Rasulullah. Kita jadikan Sunnah Rasulullah sebagai pakaian kita dalam semua bidang, dalam semua aspek kehidupan kita. Itulah ertinya kita member-i nasihat untuk Rasul. Dan hendaklah kita memberi nasihat untuk seluruh orang mukmin. Kalimah *walil mukminin* tadi umum. Termasuklah orang-orang mukmin yang memerintah.

Jadi dalam ajaran Islam kita tidak diperintahkan menentang kerajaan tetapi diwajibkan kita memberi nasihat agar kerajaan mengikut kehendak Allah dan Rasul. Kecuali kalau kita diperangi. Itupun kita perlu buat penilaian terlebih dahulu, kalau sekiranya kita ada mempunyai kekuatan. Tetapi kalau kita tidak mempunyai kekuatan, kenalah kita berhijrah ke tempat yang selamat. Sepertimana yang dibuat oleh Rasulullah kepada para sahabat, disuruh berhijrah ke negeri Habsyah. Walaupun negeri itu negeri kafir. Tetapi dia tidak mengancam umat Islam.

Di samping itu kita disuruh membersihkan diri daripada bekerjasama dengan hal-hal yang bertentangan dengan ajaran Islam. Tetapi yang sesuai dengan ajaran Islam kita hendaklah taati.

Jadi berdasarkan jawapan ini, terpaksalah kita memukul batang hidung kitalah sama. Mungkin yang bertanya pun kena pukul (sindir). Kita ini masih memberi kerjasama lagi. Sistem pendidikan yang ada, tidak sesuai dengan syariat, tapi kita terlibat juga. Ada yang mengajar, ada yang hantar anak. Sistem ekonomi yang dibuat oleh pemerintah hari ini, mulut kita menentang, tapi sikap kita menyokong. Kita terlibat sama. Patutnya di samping kita memberi nasihat tadi, bukan menentang, kita mesti membersihkan diri daripada terlibat dalam sebarang sistem mere-

Kalau kita lihat dalam kamus, secara. ringkas erti politik itu ialah ilmu pentadbiran. Darul Arqam sedang mentadbirlah ini. Kita sedang mentadbir sekolah, pendidikan, ekonomi, masyarakat, kampung dan lain-lain. Dan kita cuba sejauh yang mungkin untuk selaraskan dengan Al Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Ertinya kita sedang berpolitik. Cuma bagi orang yang tidak faham tentang Islam hanya dia nampak politik barat semata-mata, maka dianggapnyalah Darul Arqam ini tidak berpolitik. Sebenamya Darul Arqam ini sedang berpolitik. Cuma Darul Arqam tidak berpolitik secara barat, secara pilihanraya. Sebab kita tidak mahu sepertimana yang Rasulullah pemah berkata:

مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ.

Terjemahannya: Barangsiapa menyerupai sesuatu kaum, dia akan digolongkan kepada kaum itu.

(Riwayat: Ahmad data Abu Daud)

Dan pada kita, Islam bukan saja menunjukkan hukum-hakam yang menjadi matlamat yang hendak kita tegakkan dalam semua aspek kehidupan kita. Tetapi jalan untuk menegakkan hukum-hakam itu dalam semua aspek dan bidang kehidupan kita juga sudah diberitahu oleh Allah; sudah diberitahu oleh Al Quran dan Sun? nah Rasulullah SAW.

Kita tidak boleh memperjuangkan matlamat yang benar tetapi mengikut jalan yang salah. Sebab dalam ajar-an Islam, jalan untuk membangunkan matlamat juga ada ditunjukkan. Inilah seperti kita berdakwah, kita memberi nasihat, kita lahirkan suasana kita sendiri, mana tak mahu mendengar kita, kita hubungi di rumah dia. Buat hubungan silaturrahim, kita ceritakan tentang Islam. Kalau ada berhubung dengan masalah negara kita hubungi orang-orang yang ada berkuasa di negara. Di pejabat atau di rumah. Secara member-i pandangan tentang Islam kepada mereka. Terpulanglah kepada mereka, kalau mereka ikut Alhamdulillah Kalau tak ikut kita sudah lepas tanggungjawab. Yang pentingnya memberi nasi-

hat. Jadi pada hakikat, kita sedang berpolitik tetapi secara Islam. Tidak berpolitik secara sekular, secara **barat.**

Jadi bagi orang yang memahami Islam, kita sedang berpolitik yang sebenamya. Tapi bagi orang yang tidak memahami Islam, kita dianggap tidak berpolitik. Pemah suatu ketika dalam suatu peperangan, di waktu tentera-tentera Islam sedang berehat-rehat dan kebetulan pada waktu itu Rasulullah ada. Ada setengah-setengah para sahabat mencacakkan kayu kemudian pedang-pedang itu tadi disangkutkan pada kayu. Jadi Rasulullah lantas bertanya: *Mengapa* kamu *buat begini?* Sahabat-sahabat pun memberi jawapan yang mereka lihat tentera-tentera Rom sewaktu berehat, telah meletakkan senjata seperti yang mereka buat. Lantas Rasulullah mengeluarkan hadis:

مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ .C.

Terjemahannya: Barangsiapa menyerupai sesuatu kaum itu maka dia digolongkan kxpada kaum itu.

(Riwayat: ***Ahmad*** *dan Abu Daud)*

Cara meletakkan pedang pun tidak dibenarkan oleh Rasulullah sama dengan orang-orang yang bukan Islam. Betapalah di bidang-bidang aqidah, di bidang-bidang ibadah, bidang pergaulan dan sebagainya. Cara meletak senjata pun patutnya umat Islam mesti berlainan dengan apa yang dibuat oleh orang yang bukan Islam. Betapalah soal-soal politik, soal-soal negara, ini masalah besar. Dalam soal Fardhu kifayah lebih-lebih lagi kita kena berhati-hati. Walaupun sudah ramai umat Islam yang telah terlibat dengan politik pilihanraya, itu soal mereka. Tapi kita mesti ada keyakinan kita sendiri

Sebab kalau kita lihat .ulaina-ulama besar, seperti imam mujta hidin yang empat, Hassan Al Basri, Imam Junaidi, Imam Ghazali, Imam Sayuti, Syeikh Abd. Kadir Jailani, Syeikh Junaid al Baghdadi dan ribuan ulama-ulama; mereka tak ghairah nak memerintah, walaupun sudah ditawarkan jawatan. Jawatan yang

ditawarkan bukan taraf orang bawahan, tapi taraf pentadbir, taraf menguasai politik negara. Macam Imam Syafie misalnya ditawarkan untuk menguasa politik. Boleh membuat peraturan, boleh membuat undang-undang. Tetapi ditolak oleh Imam Syafie. Apakah Imam Syafie itu tidak campurtangan dalam pemerintahan? Campurtangan, beliau selalu memberi nasihat kepada ketua-ketua negara waktu itu.

Imam Hambali umpamanya, berhadapan dengan tiga pemerintahan. Ketiga-tiga pemerintah, memenjarakan Imam Hambali, mendera, memukul dan mencaci atas alasan tak mahu jawatan memerintah. Kita ditangkap atas alasan nakkan pemerintahan, Imam ini atas alasan tak mahu memerintah. Padahal bukan jawatan menteri, jawatan yang lebih atas. Sebab zaman itu kalau mufti, besar lagi kuasa dia. Bukan seperti mufti yang ada sekarang. Dia tak mahu. Hingga ditangkap, dipenjara dan didera pula. Tetapi apakah dia tidak campur tangan, tidak mahu pemerintahan, sedangkan kuasa sudah diberi? Campurtangan! Beliau sentiasa memberi nasihat. Nasihat itu adalah suatu kewajipan. Kita telah baca sejarah Imam Maliki, Imam Hanafi dan imam-imam yang lain. Hanya mereka suka memberi nasihat kepada pemerintah dan tak begitu ghairah nak memerintah. Jadi kalau begitu lebih-lebih lagi muka-muka kita ni, jauhlah. Jauh sangat dengan taraf ulama-ulama besar itu.

Kalau kita nak ikut politik pilihanraya yang ada hari ini, maka sudah jelas salah. Bila kita jadi calon, terpaksa kita meminta orang mengundi kita. Cuba baca sejarah, Rasulullah tak pemah memberi jawatan kepada sahabat yang meminta supaya dilantik. Kita anggap seolah-olah kita ini lebih bersih, baik, bagus, lebih baik lagi daripada pemimpin yang ada. Dalam Islam tidak disuruh buat begitu. Abu Hurairah pemah minta jawatan. Langsung sampai matipun Rasulullah tak bagi. Padahal Abu Hurairah yang paling banyak meriwayatkan hadis Rasulullah sebanyak lebii 5O00. Ahli ibadah serta zuhud. Kebanyakan masanya di masjid. Dunia ini macam najis ayam sahaja baginya. Itupun Rasulullah tak bagi

kerana dia terlancar di mulumya inginkan satu jawatan. Bimbang Rasulullah nak bagi orang yang seperti itu.

Jadi sebab itulah kita dibenarkan juga campur soal-soal negara. Tetapi secara memberi nasihat. Bila memberi nasihat kenalah berhadapan dengan mereka. Kena jumpalah mereka. Kalau tak ada kesempatan kena hantar surat. Tapi kita hari ini tidak berbuat demikian, kita maki atas pentas, bukan nasihat. Kita senaraikan pula, kalau cara politik pilihanraya ini, kalau nak menang, senaraikan. Kalau kita tahu pula dia minum arak, jam berapa, hari apa. Kita tulis itu. Kita sebut. Kebetulan kita bertanding dengan dia pula, polan bin polan hari itu dia minum arak. Jangan lantik dia. Ini mengumpat bukan nasihat. Jangan-jangan dia minum arak itu kecil dosanya dari kita mengumpat lebih besar dosa. Itu nak berhati-hati. Kita buat ini bukan nak main semangat. Bukan main emosi. Tapi atas dasar ihnu. Atas dasar apa yang telah diceritakan oleh Al Quran dan Sunnah yang pernah ditempuh oleh salafussoleh zaman dahulu. Sebab dah kita katakan tadi, matlamat perjuangan yang kita buat ini dinilai oleh Allah. Tapi takut-takut Allah tak nilai sesuatu yang baik kalau tak dinilai sebagai sesuatu yang baik tak sampailah matlamat kita. Terjtm ke Neraka tak sampai matlamatlah namanya.

Soalan: Apa pandangan Darul Arqam terhadap harakah Islamiah yang lain?

Syeikhul Arqam: Kita memandang harakah Islamiah yang lain itu, memandang dengan pandangan secara biasa sahaja. Maksud pandangan biasa, kita sedar mereka ada harakahnya sendiri dan katanya cita-cita nak menegakkan Islam. Jadi biarlah mereka menegakkannya juga di tengah-tengah masyarakat Malaysia. Seperti mana kita ada harakah kita sendiri, kita bergerak mengikut secara harakah kita sendiri. Asalkan kita jangan menentang mereka dan mereka jangan menentang kita. Cuma oleh kerana harakah ini dia datang ke tengah masyarakat. Masyarakat itu ibarat lautan. Harakah itu ibarat sampan ataupun perahu. Jadi kalau perahu itu sama-

sama nak menuju ke satu pulau, walaupun orang-orang di daIam sampan ini tadi tidak bergaduh satu sama lain, tapi maklumlah kita menempuh lautan ini, ertinya menempuh gelombang. Bila laut bergelombang kadang-kadang gelombang itu pula memukul sampan orang itu kemudian berhantuk pula dengan sampan kita.

Jadi kalau kita tak faham kedudukan ini, boleh jadi barangkali kita akan bergaduh. Yang sebenamya bukan orang dalam sampan itu yang menolak sampan kita dan sampan kita pun tak tolak sampan dia. Yang menolaknya adalah gelombang. Yang menolak itu air. Gelombang laut yang menolak. Jadi bila gelombang laut itu yang menolak, setidak-tidaknya kalau tidak terhantuk hidung sama hidung, ataupun dengan kepala, air masuk juga ke sampan kita ataupun ke sampan orang itu. Jadi kalau tak pandai kita boleh jadi bergaduh juga. Jadi, kalau kita sedar hakikat itu, kita tidak akan bergaduh sebenamya.

Maksudnya begini. Kita sama-sama ada harakah, ada jemaah, masyarakat ini sebagai lautan. Sama-sama datang bergelanggang ke tengah lautan. Tetapi maklumlah anggota masyarakat ini dia ramai, berjuta-juta. Kadang-kadang kata-kata mereka tersampai kepada kita. Kata-kata kita disampaikan oleh mereka. Kadang-kadang dia bawa kata-kata yang tak betul. Bila tak betul gelombanglah namanya. Kalau tak pandai berhadapan dengan gelombang ini, maka terjadiiah kita kata dia, dia mengata kita.

-Jadi kita sama-sama ada harakah Islamiah ini kata-mengata kerana adanya gelombang yang memukul kita sesama kita. Gelombang itulah masyarakat. Kadang-kadang dia bawa mulut tak bctul. Kita cakap scjengkal, sedepa kata dia. Kita sebut hitam dia kata biru. Yang orang lain, terima pula. Dia anggap kita cakap biru. Yang sebenarnya kita cakap hitam.

Soalan: Apa pandangan Darul Arqam terhadap kerajaan Republik Islam Iran yang ada sekarang?

Syeikhul Arqam: SoaI kita Darul Arqam dengan Iran ada dua bentuk. Satu pasal konteks ibadah dan yang kedua persoalan poli-



Revolusi Iran dan Syiah Imamiah membawa pelbagai bahaya kepada kebangkitan Islam di dunia. Fahaman Syiah Imamiah sebenarnya terlalu jelas menyimpang dari keyakinan Ahli Sunnah Wal Jamaah; sama ada dalam masalah aqidah mahupun furu'iah. Berwaspadalah...!

tik. Soal konteks ibadah yang diamalkan oleh Iran yang bergelar Syiah itu, memang kita tak sanggup nak menerima. Sebab kita dari kecil sampai tua, kita belajar keyakinan Ahlil sunnah wa jamaah. Kita pilih mazhab Imam Syafie, tak tennasuk Syiah. Dari dulu tok guru kita kata dan kitab-kitab kita belajar pun mengatakan Syiah itu dah terkeluar daripada Ahlil sunnah wal jamaah. Walaupun tidak disebut kafir tetapi sebagai 'mubtadid' yakni orang yang membuat bidaah. Jadi konsep ibadah mereka kita tak sanggup nak ikut. Sepertimana mereka tak sanggup mengikut konsep ibadah kita. Apa nak buat? Dah begitu kajian kita. Dah begitu amalan kita.

Kemudian dalam aspek yang kedua soal politik. Mereka hanya baru menguasai politik, menguasai negara. Tapi kuasa politik yang baru itu, belumlah dapat menjalankan Islam di negara secara 100%. Oleh kerana mereka masih baru lagi. Kita tak boleh nak buat komen apa-apa. Kita tak boleh nak memberi hukuman apa-apa. Kita tunggu 10 tahun lagi. Setelah mereka berkuasa 10 tahun lagi, baru kita menilai membenarkan mereka telah menjalankan Islam atau tidak. Tak mungkinIah negara yang begitu besar, rakyat yang begitu rarnai, hanya kuasa politiknya baru tertegak 2-3 tahun, sedangkan masyarakat dah rosak, ekonomi dah rosak, rakyat dah rosak, kefahaman dan keyakinan dah rosak, dirosakkan oleh musuh-musuh Islam seperti yang dirosakkan oleh orang Kristian, orang Amerika hampir beratus tahun lamanya. Tak mungkin satu kuasa, 2-3 tahun dapat membereskannya, dapat membetulkannya. Oleh itu kita boleh tunggu 10 tahun atau 15 tahun yang akan datang. Selepas l0-15 tahun yang akan datang kalau kita masih hidup, Insya-Allah bolehlah kita menilai. Apakah kuasa yang ada sekarang ini benar-benar telah menjalankan Islam atau tidak.

Soalan: Mengapa Darul Arqam mengkritik badan-badan Islam yang lain?

Syeikhul Arqam: Selama ini secara tegas **melalui** lidah kita, kita tidak ada menentang mana-mana badan, mana-mana harakah yang ada di Malaysia. Kecuali barangkali ada setengah-setengah pihak terasa dia itu ditentang kerana sikap kita, kerana perbuatan kita. Itu apa nak buat. Mereka tak buat sekolah, kita buat sekolah. Tentu dia merasa macam ditentang. Mereka tidak membangunkan satu sistem ekonomi walaupun mereka memperkatakan sistem ekonomi Islam itu cantik, tapi kedai runcit pun mereka tidak buat lagi. Kita sudah berbuat, walaupun tidak sempuma. Mungkin atas dasar ini mereka rasa tertentang.

Mereka belum boleh buat kampung. Kita walaupun secara ala kadar boleh buat kampung. Mana-mana sistem masyarakat Islam yang termampu oleh kita, dah kita cuba buat walaupun kurang sempuma. Mungkin barangkali atas dasar sikap dan perbuatan kita, barangkali setengah-setengah pihak merasa seolah-olah tertentang, tersinggung mereka. Seolah-olah kalau mereka tak buat, kita buat, maka kita tidak iktiraf mereka. Itu apa nak buat kalau mereka dah takwil begitu. Kalau mereka dah merasa begitu, kita dah tak ada upayalah. Sebab kita disuruh oleh Allah:

وَقُلِ ٱعْمَلُوا۟ فَسَيَرَى ٱللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُۥ وَٱلْمُؤْمِنُونَ

Terjemahannya: Katakanlah (Muhammad kepada orang yang beriman) berbuatlah, nescaya Allah meiihat, Rasul menilai dan orang mukmin akan mengambil perhatian.

(At Taubah: 105)

Allah berkata "hendaklah kamu berbuat", bukan "hendaklah kamu ambil tahu sahaja." Lebih-lebih bukan "hendaklah kamu bemiat". Buatlah mana yang kita terlarat dan termampu oleh kita walau di aspek yang mana. Sebab Islam dikatakan *way of life.*

Jadi Allah kata hendaklah kamu berbuat. Bila dah berbuat, Allah akan melihat, menilai. Allah akan memberi pahala kalau benda itu sesuai dengan kehendak syariat Islam dan kehendak Allah pula. Dan Rasul pun menilai, melihat. Ertinya Rasul pun

akan memberi syafaat kalau benda itu tepat. Dan orang mukmin yang sezaman dengan kita, yang melihat perjuangan kita, akan menilai. Kalau yang kita buat itu sesuatu yang baik, Insya-Allah kalau tidak jangka pendek, jangka panjang mereka akan buat dan akan ikut. Kalaupun tak terjun betul-betul dalam harakah kita setidak-tidaknya mereka akan bersimpati. Walaupun mereka tidak memberi tenaga, setidak-tidak mereka akan mendoakan kita.

Jadi kalau sesetengah harakah Islamiah terasa dia tersinggung oleh kerana kita ada berbuat sedikit sebanyak, sama ada di bidang ekonomi, di bidang pendidikan, di bidang kampung dan sebagainya, seolah-olah perbuatan itulah yang mereka anggap kita benci dengan mereka, kita pukul mereka, apa nak buat. Sebab Allah suruh kita berbuat. Itu bukan salah kita. Patut mereka berbuat jugalah.

Soalan: Apakah aktiviti-aktiviti Islam yang telah dilaksanakan oleh Darul Arqam di masa ini? ,

Syeikhul Arqam: Aktiviti yang kita jalankan kalaupun tidak sempuma Islamnya tapi mudah-mudahan ada jugalah corak Islamnya sepertimana kita bangunkan pendidikan, ekonomi, klinik dan lain-lain. Jadi apa yang kita buat ini, kita rasa mudah-mudahan dia jadi Islam dan sesuai dengan ajaran Islam. Kalaupun belum sempuma tetapi kita cuba menuju kepada kesempurnaan.

Soalan: Kami akui usaha-usaha yang dibuat oleh Darul Arqam seperti sekolah, suratkhabar, klinik, mengeluarkan makanan dan minuman Islam adalah baik. Tapi kami bimbang kalau kuasa tidak ada di tangan kita, bila-bila masa sahaja pihak yang berkuasa boleh mengharamkannya.

Syeikhul Arqam: Allah berfirman di dalam Al Quran:

وَقُلِ ٱعْمَلُوا۟ فَسَيَرَى ٱللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُۥ وَٱلْمُؤْمِنُونَ

Terjemahannya: Katakanlah (Muhammad kepada orang yang beriman) berbuatlah, nescaya Allah melihat, Rasul menilai dan orang mukmin akan mengambil perhatin.

(At Taubah : 105)

Berdasarkan nas ini, Allah menyuruh kita berbuat, sebab itu kita berbuat. Soal setelah kita berbuat orang nak musnahkan balik itu tidak timbul. Sebab Allah dah perintahkan kepada kita mesti berbuat. Allah suruh kita sembahyang, kita sembahyang. Satu masa esok kalau orang halang, itu masalah lain. Allah suruh kita berpuasa kena kita berpuasa, satu ketika esok kalau orang halang kita berpuasa itu soal yang akan datang. Kita tak tahu. Allah suruh kita bangunkan ekonomi Islam sekadar yang mampu, kita cuba buat. Soal besok terjadi ada orang yang menghalang, orang memusnahkan balik itu bukan soal kita. Tapi soal kita, Allah perintahkan kita berbuat kena kita berbuat. Allah suruh kita buat pendidikan secara Islam, kita cuba buat sekadar yang termampu. Setelah kita buat ada kuasa yang tak dapat kita halang dia memusnahkan balik itu bukan soal kita. Soal kita, kita sudah berbuat.

Kedua, kita umat Islam disuruh bertawakal kepada Allah lebih-lebih lagi disuruh baik sangka dengan Allah. Bila Allah memerintahkan sesuatu perkara kita berbuat, tidak boleh kita memikirkan ‘kalau aku berbuat esok, nanti ada kuasa yang memusnahkan.’ Ini kita sudah jahat sangka dengan Allah. Orang yang jahat sangka dengan Allah termasuk orang yang biadap. Sebab itu kita disuruh bertawakal kepada Allah, menyerah diri kepada Allah soal masa depan kita. Dan sebab itu kita kena baik sangka dengan Allah. Allah suruh kita berbuat, kita buat. Setelah kita berbuat, yang akan datang ada kuasa nak memusnahkan apa yang kita buat.

Maka kita mesti baik sangka dengan Allah. Tidak boleh kita jahat sangka. Jadi kalau kita fikir buat sekolah nanti orang tum-

bangkan, buat masjid nanti orang akan musnahkan, kita lahirkan jemaah, kita buat rancangan ekonomi, ada suatu kuasa yang akan menghancurkan balik, seolah-olah kita dah anggap Tuhan itu kerjanya jahat di masa yang akan datang. Firman Allah yang bermaksud:

إِنَّ بَعْضَ ٱلظَّنِّ إِثْمٌ

Terjemahannya: Sesetengah dari sangka-sangka jahat itu adalah dosa.

(Al Hujurat: 12)

Sangka jahat dengan manusia berdosa, betapalah sangka jahat dengan Allah, lebih-lebih lagi berdosa.

Soalan: Apa perlunya kita membuat sekolah, kilang, ekonomi dan lain-lain lagi. Bukankah lebih baik kita Islamkan saja apa yang ada sekarang ini?

Syeikhul Arqam: Dalam ajaran Islam, kalau kita lihat nas AI Quran mahupun nas hadis, ataupun sunnah Nabi SAW, kita ini disuruh berjuang dart berjihad untuk buat perubahan 2 peringkat. Peringkat yang pertama, kita cuba Islamkan apa **yang** ada **pada** kita. Yang kedua kita cuba Islamkan apa yang ada pada tangan orang lain. Meng-Islamkan apa yang ada pada tangan kita ini lebih mudah daripada meng-Islamkan apa yang ada pada tangan orang lain.

Jadi kalau kita hanya memikirkan untuk mengIslamkan apa yang ada pada tangan orang, tidak perlu kita meng-Islamkan apa yang ada pada tangan kita, ataupun apa yang termungkin dibuat oleh tangan kita, kalaulah berjaya *Alhamdulillah* Tapi kalau tidak berjaya, pada tangan orangpun tak berjaya, pada tangan kita pun tak dapat kita buat. Jadi *"yang dikejar tak dapat, yang dikendung berciciran."* Begitulah kata 'hadis' Melayu.

Jadi Allah dan Rasul telah memerintahkan kepada kita Islamkan apa yang ada pada diri kita dulu. Sama ada diri kita, rumahtangga kita, kilang kita, sekolah kita. Selepas itu baru kita cuba meng-Islamkan sekolah orang, kilang-kilang orang dan lain-lain yang ada pada tangan orang. Sebab itulah Allah pun mengajarkan kepada kita dalam satu ayat yang selalu kita baca:

قُوٓاْ أَنفُسَكُمۡ وَأَهۡلِيكُمۡ نَارٗا

Terjemahannya: Peliharalah diri kamu dan ahli keluarga kamu daripada api Neraka.

(At Tahrim: 6)

Apa yang ada hubungan dengan diri kita dan apa yang ada hubungan dengan keluarga kita, itu yang kita Islamkan dahulu. Dalam pada itu kita cubalah Islamkan apa yang ada di tangan orang lain. Sama ada peribadi orang itu, ataupun usaha hidup orang itu. Allah tidak menyuruh Islamkan apa yang ada di tangan orang sahaja. Jadi kalau ada orang berpendapat cukuplah kita mengIslamkan apa yang ada, itu satu kesalahan besar. Ia seperti sembahyang. Orang lain kita kena suruh juga bersembahyang, tapi kita kenalah sembahyang dulu. Kita nak suruh dia berpuasa tapi kena kita berpuasa dulu. Apakah kita nak suruh orang berpuasa dulu, baru kita berpuasa. Kita nak ajak orang berjuang, dalam pada itu kenalah kita berjuang dahulu. Kita nak ajak orang pakai pakaian tutup aurat, kenalah kita tutup aurat kita dulu. Jadi kalau kita nak ftirkan apa yang ada pada tangan orang dulu, kita mintalah orang tutup aurat, kita tak payah tutup aurat ke? Itu contoh yang terdekat. Begitulah, kenalah kita meng-Islamkan kilang kita dan pendidikan kita terlebih dahulu. Dalatn pada itu kita cuba Islamkan kilang-kilang dan sekolah-sekolah yang ada pada tangan orang.

Soalan: Saya akui politik pilihanraya bukanlah cara atau jalan yang ditunjukkan oleh Islam. Tetapi kita tidak ada

jalan lain. Jika kita tidak menempuhnya orang lain akan menempuhnya dan negara ini akan berada di tangan mereka. Apakah pandangan Ustaz?

Syeikhul Arqam: Yang sebenar dalam melaksanakan ajaran Islam ini kita tidak boleh bennain logik akal fikiran semata-mata. Oleh kerana itu perlunya keimanan. Apabila sudah ada iman yang subur, walaupun sesuatu perkara itu ternampak tidak logik, ia akan mudah diterima dan dilaksanakan. Bukankah Rasulullah SAW telah bersabda:

مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ [illegible]

Terjemahannya: Barangsiapa menyerupai sesuatu kaum itu maka dia digolongkan kepada kaum itu.

(Riwayat: Ahmad dan Abu Daud)

Politik berparlimen secara berpilihanraya ini adalah politik orang-orang kafir barat. Kalau kita pun ikut berpolitik seperti mereka, ditakuti kita akan tergolong di dalam golongan mereka dan seterusnya ikut masuk neraka bersama-sama mereka. Larangan supaya jangan menyerupai sesuatu kaum itu adalah dari hadis, larangan dari Rasulullah maka kita tidak boleh bermain logik sahaja menerima atau menolaknya. Kita tidak boleh berijtihad atau mengambil keputusan tanpa ada nas-nasnya. Adapun orang yang layak berijtihad itu mesti ia miliki sekurang-kurangnya 15 ihnu pengetahuan secara mendalam dan mestilah ia seorang yang adil, orang yang bertaqwa. Misalnya: Seorang yang tidak bersongkok menurut ajaran Islam bukanlah seorang yang adil. Maka ijtihadnya tidak boleh diterima. Hendak membela negara dan masyarakat di atas dasar politik yang bercanggah dengan ajaran Islam tentulah tidak akan menghasilkan kebaikan yang dikehendalci oleh Islam. Politik yang kita laksanakan ialah menyedarkan masyarakat secara individu mahupun secara satu umat atau pemerintahan yang ada. Yang pentingnya kita cuba

memperbaiki diri kita dan masyarakat secara individu mahupun secara umum dart secara pemerintahan yang ada.

Kalau kita main logik, pemerintah yang terdapat di negeri komunis, seperti Rusia mengharamkan sembahyang. Bolehkah kita tinggalkan sembahyang kerana kita tidak ada jalan lain? Tentulah tidak boleh kita tinggalkan sembahyang. Sekiranya datang satu ketika kelak kita membuat undang-undang supaya semua nikah kahwin diselaraskan, iaitu tidak lagi dengan cara akad nikah, berdaftar sahaja di pejabat nikah kahwin. Jika kita bermain logik, nampaknya tidak ada cara lain lagi melainkan secara berdaftar. Maka hiduplah kita dalam perzinaan sekiranya kita mengikut logik sahaja tanpa bersandar kepada hukum-hukum Allah. Maka iman itu perlu dalam kita menerima, memahami dan melaksanakan syariat Islam, bukan logik semata-mata.

Soalan: Islam mewajibkan kita menentang kemungkaran. Nampaknya Darul Arqam tidak menentang kemungkaran bahkan hekerjasama pula dengan orang-orang yang membuat kemungkaran. Harap Ustaz terangkan.

Syeikhul Arqam: Terpaksalah kita akui yang kita masih bekerjasama dengan orang-orang yang membuat kemungkaran. Kita tidak membuat polisi tetapi kita masih menjalankan polisi orang. Kita tidak suka kepada sistem pendidikan taghut yang ada sekarang ini tetapi kita terpaksa mengajar juga di sekolah mereka. Kita tidak suka kepada sistem ekonomi riba dan ghurur tetapi kita masih bekerja di dalam sistem ekonomi tersebut. Dalam hal ini bukan sahaja Darul Arqam yang terlibat, orang yang bertanya pun juga terlibat. Demikianlah juga halnya dengan jemaah-jemaah lain. Kita semua setakat ini hanyalah menjalankan sistem orang lain. Maka hukumnya samalah sepetti orang yang meminum arak, yang meminum, yang membeli, yang membawa, yang menghidang dan yang berada bersama dengan peminum arak itu pun sama-sama mendapat dosa. Nyatalah kita tidak mampu hendak menolak semua sistem taghut itu sekaligus. Maka kita tolaklah

sedikit demi se&it setelah kita mewujudkan sistem-sistem penggantinya. Kita berdoalah semoga kita semua akan dapat tolak sistem-sistem tersebut secepat mungkin, supaya kita tidak akan bekerjasama lagi dengan orang-orang yang membuat kemungkaran.

Soalan: Mengapa badan-badan Islam di tanahair kita ini tidak bersatu?

Syeikhul Arqam: Kalau itulah bentuk pertanyaannya mungkin orang yang bertanya itu tidak faham apakah yang dimaksudkan dengan bersatu di dalam Islam. Bersatu padanya mungkin bererti berada di dalam satu kumpulan atau harakah. Allah telah mentakrifkan apa erti bersatu di dalam Islam. Firman Allah:

وَٱعْتَصِمُوا۟ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا۟ۚ

Terjemahannya: Berpegang teguhlah pada tali Allah (agama Allah) keseluruhannya dan jangan kamu berpecah belah.
(Ali Imran: 103)

Bersatu yang diertikan di dalam ayat ini ialah bersama-sama menerima dan mengamalkan ajaran Islam walaupun di mana kita berada. Kita boleh berada di tempat masing-masing, di timur, di barat, di dalam harakah A, atau B pokoknya apa sahaja yang Allah tunmkan dari segi hukum sama-sama diakui, sama diyakini dan sama-sama diamalkan. Dengan berlakunya yang demikian itu maka kita sudah bersatu. Bersatu itu bukanlah bererti kita semua berada di dalam satu jemaah, belum tentu dengan yang demikian itu kita sudah bersatu.

Sekiranya di dalam jemaah itu ada yang sembahyang dan ada pula yang tidak maka ahli-ahli jemaah itu belumlah bersatu. Sekiranya di kalangan ahli jemaah itu ada yang menutup aurat dan ada juga yang tidak tutup aurat maka ahli-ahli jemaah itu

belumlah bersatu. Sebabnya ada yang diikat oleh tali Allah (agama Allah) dan ada yang tidak diikat oleh tali Allah.

Bersatu dalam ajaran Islam bererti bersatu dalam menerima, meyakini dan mengamalkan hukum-hukum dari Al Quran dan sunnah. Kalau bersatu itu bererti berada di bawah naungan satu jemaah, apakah pula halnya dengan mereka yang tidak ada peluang atau kemudahan untuk menyertai jemaah itu? Beradalah di dalam jemaah apa sekalipun, pokoknya hukum-hukum Allah sama-sama diterima, diyakini dan diamalkan maka ini bererti kita sudah bersatu. Jemaah-jemaah itu adalah satu usaha hendak menyatukan umat Islam yang belum bersatu ini dalam segi hukum.

WAWANCARA KHAS DENGAN SYEIKHUL ARQAM
September 1985

Dakwah Masa Kink

PEPERANGAN MENENTANG IDEOLOGI

- **Sejarah perjuangan pengasas Darul Arqam**
- **Benarkah Darul Arqam hendak meng'arqam'kan masyarakat?**
- **Politik Islam politik Darul Arqam?**
- **Berjayakah Islam tertegak melalui politik?**

Sirwpsis:

Sempena dengan keluaran khas akhbar Al Arqam ini, saya telah berkesempatan bertemubual dengan Ustaz Ashaari Muhammad sendiri untuk meninjau pandangan-pandangan beliau dengan hal-hal dan peristiwa yang berlaku di dalam Darul Arqam sejak kira-kira I7 tahun ianya ditubuhkan.

Di samping itu juga kita ingin meninjaupandangan Ustaz Ashaari terhadap isu-isu semasa yang berlaku di dalam suasana perjuangan Islam hari ini kerana ianya samada secara langsung ataupun tidak langsung, ada kaitannya dengan perjuungan Darul Arqam.

*** Dipetik dari Akhbar Al Arqam (Rumi) keluaran khas September 1985. Wawancara khas oleh Ustaz Tajul Ariffin.**

Soalan: Bolehkah Ustaz ceritakan serba sedikit tentang kegiatan Darul Arqam ini di peringkat awal?

Syeikhul Arqam: Jemaah Darul Arqam ini diasaskan kira-kira 17 tahun yang lalu iaitu dalam tahun 1968. Pengasas-pengasasnya ada ser.amai 10 orang tetapi hingga hari ini tinggal saya seorang saja. Yang lain-lain sudah tidak ada lagi di dalam Darul Arqam ini. Tujuan awalnya ialah untuk membaiki diri. Sebab itu yang ditekankan pada ahli ialah ibadah yang disampaikan melalui usrah dan tarbiah.

Suasana berusrah, bertarbiah dan ibadah ini berjalan selama dua tahun. Masa itu kita keluar berdakwah, mula-mula di sekitar Kuala Lumpur, kemudian kita bergerak ke seluruh negeri. Dan sampai hari ini, kita sudah bergerak ke luar negeri.

Soalan: Apakah susah payah yang Ustaz alami?

Syeikhul Arqam: Yang kami tempuh ialah ujian-ujian. Memang sejak awal-awal lagi Darul Arqam ditubuhkan, ujian-ujian dan. cabaran-cabaran itu tidak **pemah** rehat dan habis, sama ada ujian daripada luar mahupun ujian daripada dalam. Dalam masa 17 tahun yang lalu hinggalah ke hati ini, banyak sekali ujian dan cabaran yang ditempuh, hingga tak ingat saya hendak menceritakan satu persahmya.

Di antara yang saya ingat, orang tuduh kita membawa ajaran baru. Saya ini dituduh ada memptmyai ilmu sihir, ada membela

jin dan bermacam-macam lagi. Bagi saya, tak hirau dan tak ambil pusing sangat dengan ujian-ujian itu. Saya nak lupa-lupakan saja. Kita nak fikir lebih-lebihnya, diri kita dengan Allah. Kita tak jawab sangat tuduhan-tuduhan itu kecuali orang sudah hendak sangat akan jawapan dari kita. Baru-baru ini pun orang tuduh kita bermacam-macam, pun tak ambil pusing sangat. Tapi kita cuba juga jawab melalui *press conference* *yang* kita adakan. Itu sajalah yang akan kita bust. Kita tidak akan buat lagi, Insya-Allah.

Yang sebenamya, susah payah dengan ujian ini, bukan kita saja. Siapa saja yang bejuang, sama ada secara perseorangan atau berharakah, kena uji. Sama ada yang hendak memperjuangkan kebenaran ataupun yang batil semua dapat ujian. Jadi, oleh kerana semua orang, semua harakah, semua jemaah dapat ujian, kita pun tak bimbang sangat. Sebab kita rasa, kita diuji oleh Allah dalam kita menegakkan kebenaran sedangkan orang diuji dalam menegakkan kebatilan, itu pun mereka gigih. Takkanlah kita tak gigih pula, bila kita sedar yang kita diuji dalam menegakkan kebenaran.

Jadi, susah payah ujian ini, kita tak ambil berat sangat. Cuma kita berdoa kepada Allah, moga-moga ujian yang Allah timpakan itu, kita dapat menjadi orang yang sabar. Moga-moga dengan ujian itulah peningkatan iman kita dan juga peningkatan dakwah dan perjuangan kita.

Soalan: Bagaimana dengan peristiwa Akbar Anang? Bukankah ia menimbulkan pergolakan dalam Darul Arqam?

Syeikhul Arqam: Peristiwa Akbar Anang itu herlaku kira-kira 7 tahun yang lalu, kira-kira dalam tahun 1978. Peristiwa itu bukanlah besar sangat. **Cuma** oleh kerana orang ramai memandang Darul Arqam ini dengan pandangan terlalu besar sarna ada pandangan besar itu dianggap pada kebenarannya atau pandang besar itu dianggap pada kekarutannya, jadi benda kecil pun jadi besarlab.

Apalah besar sangat dengan peristiwa Akbar Anang itu. Dia dan empat orang kawan-kawannya, cuba hendak menukar corak dan bentuk Darul Arqam ini, tidak sepertimana yang dikehendaki oleh pengasas-pengasasnya sendiri. Jadi. saya sebagai salah seorang dari pengasasnya turut rasa bimbang. Oleh kerana bimbang ini, maka terpaksalah saya bertindak. Orang luar pula mengambil kesempatan membesar-besarkan isu. Pada kita tidak besar. Sebab kalau besar, tak adalah Darul Arqam ini lagi!

Soalan: Bagaimanakah yang dikatakan Akbar Anang cuba hendak menukar corak perjuangan Darul Arqam?

Syeikhul Arqam: Akbar Anang nak bawa Darul Arqam ini ikut stail politik sedangkan Darul Arqam ini badan dakwah, bukan badan politik. Walaupun begitu, bukanlah Darul Arqam ini tidak berpolitik tetapi orang belum akui politik kita. Kerana orang mahu kita ini berpolitik secara barat, secara pilihanraya, secara undi, secara ambii kerusi. Jadi kalau kita kata yang kita ni badan politik, takkan orang mahu terima. Padahal, hakikatnya kita ni berpolitik.

Akbar Anang nak bawa kita ikut style politik yang ada dalam tanah air ini sedangkan kita tidak mahu berbuat demikian. Oleh yang demikian, timbullah pergeseran sedikit. Jadi, kita tolak sajalah dia daripada Darul Arqam.

Soalan: Apakah yang mendorong Ustaz berjuang menegakkan Islam seperti yang dijalankan oleh Darul Arqam ini? Tidakkah mudah kalau ia dibangunkan biasa-biasa saja macam yang ada di tengah masyarakat kita hari ini?

Syeikhul Arqam: Cita-cita saya untuk membangunkan sebuah jemaah Islamiah bagi membangunkan Islam ini sejak saya di sekolah Melayu lagi. Waktu itu saya belum pun belajar Islam lagi tetapi rasa tu dah ada. Selepas saya dah habis belajar di sekolah Melayu takat darjah 7 waktu itu (itulah dajah yang paling tinggi

sekolah Melayu), saya pun pergi belajar di sekolah Arab. Di sana sempat pula saya habis darjah 7 juga. Kalau ikut istilah sekarang ni *Sanawi Thalis.*

Waktu saya belajar di sekolah Arab Kelang, cita-cita saya dah meluap-luap. Tapi, oleh kerana waktu itu masih belajar, saya buatlah mana-mana yang patut lebih dahulu, belajar, mentelaah dan sebagainya. Selepas darjah 7, saya hendak menyambung pelajaran saya lagi tapi orang tua saya suruh kahwin saja. Dia ,rasa ihnu yang ada pada saya itu sudah cukup.

Saya nak jaga hati ayah pasal ibu saya pun dah lama meninggal dunia waktu Jepun. Jadi dia seorang saja nak jaga. Jadi, tak sambung belajar pun talc apalah. Maka saya pun kahwin. Bila dah kahwin, berhentilah dari sekolah. Masa itu umur saya dah 21 tahun.

Bila saya keluar, saya berazam untuk lahirkan cita-cita saya nak bangunkan Islam. Saya pun masuk PAS di waktu itu iaitu dalam tahun 1958. Saya pandai bersyarah sikit-sikit pun, masa saya dalam PAS itulah. Sebelum itu, lima minit pun saya tak boleh bercakap. Banyak juga jasa PAS pada saya.

Saya bergerak dalam PAS dari tahun 1958 hingga 1968. Nampaknya cita-cita saya untuk membangunkan Islam masa dalam PAS itu belum Allah izinkan. Kebetulan dalam tahun 1966 saya yang berkhidmat sebagai guru agama kerajaan di Tanjung Karang sebelum itu, ditukarkan ke Kuala Lumpur. Di Kuala Lumpur masa itu, saya mengambil kesempatan untuk berkecimpung dalam Jamiatul Dakwah Islamiah, sebuah badan Islam yang agak tertua di Malaysia ini, tak kurang daripada 50 tahun umumya. Saya masuk badan Islam itu kerana cuba nak bangunkan Islam sepertimana yang saya cita-citakan. Rupanya gagal juga. Allah belum izinkan. Mengapa, saya pun tak tahu. Kalau begitu, saya pun pakat sama kawan-kawan, kita tubuh sajalah jemaah sendiri. Kita boleh corak mengikut apa yang kita mahu, moga-moga Allah izinkan. Mula daripada itulah kita tubuhkan Darul Arqam ini.

Soalan: Nampaknya jiwa Ustaz ini menampakkan jiwa seorang pejuang. Bagaimana ia tercetus?

Syeikhul Arqam: Waktu Jepun lagi, ibu saya sudah meninggal dunia. Waktu itu saya baru berumur 4 atau 5 tahun. Sebelum perang, ayah saya bekerja sebagai kastam. Selepas perang, beliau dipanggil balik untuk bekerja sebagai kastam, mula-mula di Pulau Pangkor kemudian di Banting. Lepas itu dia ditukar ke Port Kelang.

Bila ibu saya meninggal dunia, waktu itu saya ada 3 orang adik beradik, seorang kakak saya dan seorang adik perempuan. Kami 3 adik beradik ni pun diagih-agih. Saya dan seorang adik saya dibela oleh pakcik saya di Pilin, Negeri Sembilan. Dan kakak saya pula dibela oleh seorang pakcik yang lain di Lubuk China.

Pakcik saya yang membela saya itu seorang ahli agama, kuat ibadah dan sentiasa menjaga hukum-hakam. Tapi dia bukan seorang pejuang. Jadi saya dididik supaya sentiasa beragama, jaga hukum-hakam dan sebagainya. Dalam pada itu, bapa saya walaupun orang berpendidikan Inggeris, tapi dia cukup kuat menjaga agama dan dia ahli ibadah. Songkok di kepalanya tak pemah tanggal daripada muda lagi. Waktu im, kalau orang bersongkok, dianggap alim dan warak. Memang ayah saya pun kuat menjaga syariat.

Bila saya habis sekolah Melayu darjah 5 di Kampung Pilin, waktu itu dalam tahun 1951, ayab saya mengajak saya pindah ke Segambut, tinggal dengan datuk dan nenek tiri. Lebih kurang dua tahun saya mengaji di Segambut, darjah 6 dan darjah 7. Cuma darjah 7, saya berulang ke Sekolab Kg. Batu di waktu itu. Selepas darjah 7 dan tak ada lagi sekolah yang lebih tinggi daripada itu. Kalau nak bekerja jadi guru, dab boleh.

Tapi memang dah cita-cita saya nak belajar sekolah Arab waktu itu, jadi saya pun ambil peluang itu. Saya pun pergi ke Kelang, tinggal dengan ayab saya. Dari Port Kelang, tempat ayah saya bekerja, saya berulang ke Kelang mengaji sekolah Arab. Saya

seorang saja anak kastam di waktu itu yang mengaji sekolah Arab. Anak-anak orang lain semua sekolah orang putih.

Bila saya dalam jagaan ayah saya, dia jaga saya cukup-cukup, jangan tengok wayang, jangan bergaul bebas dan sebagainya. Duit pun berkontrol cukup-cukup, cukup bulan dia beri $3.00 saja. Itulah belanja satu bulan. Kalau habis cepat, tanggunglah sendiri, kata ayah saya.

Kesan didikan oleh pakcik saya, datuk tiri dart nenek tiri saya dan arwah bapa saya itulah yang berlaku pada diri saya hari ini.

Soalan: Nampaknya Ustaz telah berpindah dari pertubuhan politik kepada menubuhkan sebuah pertubuhan dakwah untuk membangunkan Islam seperti yang Ustaz cita-citakan. Apakah Ustaz tidak yakin bahawa Islam boleh dibangunkan melalui politik?

Syeikhul Arqam: Sebenarnya persoalan ini telah terjawab dengan sendirinya kalau kita melihat negara-negara yang memperjuangkan Islam melalui politik lebih dulu lagi daripada kita. Indonesia sudah berpuluh-puluh tahun lebih dulu daripada kita. Pakistan, sudah berpuluh-puluh tahun juga lebih dulu daripada kita. Di Mesir juga sudah berpuluh-puluh tahun lebih dulu daripada kita. Tetapi natijahnya, di negara-negara itu umat Islam lumpuh selumpuh-lumpuhnya, macam umat Islam di Indonesia.

Jadi, perkara yang berlaku di luar tanahair kita ini, yang mana meteka berjuang melalui politik lebih dahulu daripada kita, patut kita ambil iktibar. Cukuplah jawapan yang telah Allah berikan kepada mereka itu, maknanya tidak membenarkan kita memperjuangkan agama Islam ini melalui politik yang ada sekarang, politik barat dan sebagainya. Sebab itulah, saya tidak yakin yang Islam ini boleh dibangunkan melalui politik hari ini, sebab politik yang ada ini politik barat. Garis-garisnya sudah dirancang oleh musuh-musuh. Musuh kita beri jalan, kita disuruh tempuh jalan yang mereka tempuh. Pastilah di depan sana ada perigi buta yang

mana kalau kita tempuh jalan itu kita akan terjunam ke dalam perigi buta itu.

Dengan sebab itu, jika kita hendak memperjuangkan Islam melalui politik mana sekali pun di dunia ini, kita tidak akan mendapat kejayaan. Umat Islam akan hancur, bahkan musuh Islam akan bertambah kuat.

Soalan: Kalau begitu, Ustaz yakin sungguhlah yang Islam ini boleh dibangunkan mengikut cara-cara yang dibuat oleh Darul Arqam?

Syeikhul Arqam: Saya yakin, apa yang saya buat ini adalah satu kebenaran yang datang daripada Allah SWT. Bila ia kebenaran, ini merupakan hidup mati saya. Jadi kalau ini merupakan hidup mati saya, maka mestilah saya pertahankan sungguh-sungguh. Dengan sebab itu bila saya berhadapan dengan ujian-ujian, saya mesti sabar menghadapinya disamping memohon kepada Allah agar saya dapat berhadapan dengan ujian itu, semoga kebenaran yang diperjuangkan ini dapat ditegakkan.

Saya berjuang ini adalah merupakan keyakinan saya, bukan ikut-ikutan atau seronok-seronok, bukan hanya *picnic-picnic.* Kalau hanya seronok-seronok, bila datang ujian, kita akan kecundang. Kerana saya berjuang atas dasar keyakinan, kalau tinggal seorang pun, saya akan kayuh juga sampai ke hujung.

Soalan: Sedikit sebanyak saya rasa keyakinan yang Ustaz perjuangkan itu sudah menampakkan kejayaannya.

Syeikhul Arqam: Kejayaan yang hendak kita tengok ialah sejauh mana hukum-hakam Islam itu telah berjaya kita bangunkan dalam kehidupan kita sama ada dalam diri kita, dalam rumah tangga kita, dalam masyarakat kita dan seterusnya. Kalau adapun kejayaan menegakkan ekonomi, Wang ringgit dan lain-lainnya itu hanya merupakan alat; alat untuk membolehkan kita menegakkan hukum-hakam Allah dalam kehidupan.

Pada saya kejayaan itu ialah manakala dapat menegakkan hukum-hakam Allah dalam kehidupan. Sebanyak mana dapat kita tegakkan hukum-hakam Allah dalam kehidupan kita, sebanyak itulah kejayaan kita di sisi Allah. Kalaulah ada sesetengah orang menganggap sedikit sebanyak yang nampak hari ini, itu merupakan kejayaan Darul Arqam, pada saya itu baru kita tanam asas-asasnya saja. Tapi kalau nak diiatakan apa yang dapat diiihat itu satu benda yang lengkap dan sempuma, pada saya belum lagi. Cuma baru asas dan asas ini mesti disuburkan.

Itulah yang selalu kita tekan-tekankan melalui usrah, tarbiah dan ibadah. Juga kita sarankan tentang soal-soal iman dan kefahaman Islam. Atas usaha seumpama inilah dengan izin Allah boleh menjadikan sedikit sebanyak dalam Darul Arqam ini ada perpaduan, ada rasa kesefahaman dan keselarasan, boleh bangunkan itu dan ini seperti ekonomi, sekolah dan sebagainya.

Soalan: Perubahan nilai hidup yang ada dalam Darul Arqam ini membimbangkan setengah golongan masyarakat. Apakah penjelasan Ustaz terhadap perkara ini?

Syeikhul Arqam: Sebenamya, apa yang sedang kita bawa di dalam Darul Arqam ini bukan satu nilai baru. Ia adalah nilai-nilai lama yang kita baharukan semula. Sesuatu yang telah dimatikan orang kita hidupkan semula. Maknanya hidup salafussoleh zaman dahulu yang kebelakangan ini sudah ratusan tahun dibunuh orang sama ada pihak musuh yang membunuhnya mahupun pihak umat Islam yang telah lemah imannya. Maka nilai-nilai kehidupan di zaman salafussoleh itulah yang hendak kita hidupkan di zaman ini.

Soalan: Badan-badan dakwah adalah banyak di Malaysia ini termasuk juga badan-badan dakwah kerajaan sendiri. Tentu konsep mereka berbeza dengan konsep Ustaz dalam hendak membangunkan satu nilai hidup Islam.

Syeikhul Arqam: Dakwah adalah kunci mama dalam hendak menerapkan kefahaman Islam ke tengah masyarakat. Darul Arqam yang hendak menghidupkan kembali kehidupan para salafus soleh itu bukan saja berdakwah tetapi sedikit sebanyak melahirkan amalinya. Melalui amali ini, Darul Arqam sedikit sebanyak dengan izin Allah telah dapat melahirkan suasana kehidupan itu.

Ini penting kerana orang mahu bukti, orang mahu lihat. Mungkin kerana kita dapat berbuat itulah, masyarakat boleh menerima dakwah kita walaupun barangkali belum boleh hendak hidup cara kita. Yang pentingnya kita berbuat dulu, Allah akan menilai. Rasul akan menilai dan orang-orang beriman akan menilai.

Soalan: Nampaknya Ustaz berdakwah bukan hanya menyampaikan apa yang ada dalam Islam tetapi Ustaz telah melahirkan satu siasah perjuangan untuk membangunkannya. Apakah ini politik Ustaz?

Syeikhul Arqam: Pada anggapan orang, Darul Arqam ini tidak ada politik. Tapi mengikut ukuran Islam, kita sebenarnya berpolitik. Cuma bagi orang sekarang ini, kalau tidak menerima politik barat yang ada ini, kita tidak dianggap berpolitik. Cuba kita liiat sejarah Rasulullah, apabila diutus kepada umat Arab, baginda berdakwah. Hasil dakwahnya, sebahagian kecil dari umat Quraisy itu menerima seruan Rasulullah. Orang yang sudah menerima seruan Rasulullah ini, dididik di satu tempat, ditarbiah, diusrah dan diberi kefahaman Islam, berdasarkan wahyu-wahyu dan hadis-hadis yang diturunkan di waktu itu. Tempat mereka ditarbiah dan dididik itu ialah di rumab seorang sahabat yang bernama Arqam bin Abi Arqam yang telah mewakafkan rumahnya untuk perjuangan agama Islam.

Rasulullah mentarbiah, mendidik dan mengusrah pengikut-pengikut baginda setiap masa supaya mereka faham tentang Islam, menjadi orang yang beriman dan berakhlak serta boleh tahan uji, kerana mereka-mereka ini adalah bakal kader-kader

yang akan membantu Rasulullah mengembangkan ajaran Islam di masa depan. Dalam pada itu Rasuhdlah sentiasa juga mengingat dan menyedarkan orang-orang yang belum masuk Islam.

Apabila pengikut-pengikut Rasulullah telah membesar dan menjadi ramai, semasa mereka diancam dengan kezaliman, dua kali Rasulullah perintahkan supaya berhijrah ke negeri Habsyah. Selepas itu pula, Rasulullah perintahkan supaya pengikut-pengikutnya berhijrah ke Madinah. Dari sini, telah ada beberapa orang Madinah yang telah beragama Islam. Maknanya bila sampai sahaja Rasulullah dan pengikut-pengikutnya dari Makkah, mereka telah diterima oleh orang-orang Madinah dan dari situ berpadulah tenaga antara orang-orang Muhajirin dengan orang Ansar. Sedikit sebanyak mereka sudah dapat membentuk masyarakat Islam.

Dari situ pula, timbullah keperluan dan usaha-usaha serta amal-amal berdasarkan panduan-panduan wahyu yang sentiasa datang dari satu masa ke satu masa. Bila ada masyarakat misalnya, tentulah memerlukan kekuatan ekonomi. Maka Rasulullah. pun bangunkan pasar dengan para sahabat yang dikatakan Suqul Ansar itu, yang tidak jauh pula dari pasar orang Yahudi. Begitulah seterusnya dari masa ke semasa, timbul lain-lain keperluan masyarakat seperti apabila masyarakat lain mencabar Rasulullah dan para pengikutnya, perhmya Rasulullah menubuhkan kekuatan tentera berdasarkan kepada wahyu juga.

Begitulah di bidang-bidang yang lain seperti Rasulullah menghantar delegasi ke luar negeri, ke negeri-negeri jiran untuk menyampaikan dakwah. Mana-mana tempat di negeri Arab yang sudah Islam, Rasulullah SAW hantar guru-guru dan sebagainya. Akhirnya, apabila masyarakat sudah membesar, terpaksa pula Rasulullah mengadakan peraturan-peraturan yang bercorak kenegaraan seperti orang yang salah dia akan dihukum dan lain-lam yang semua ini berdasarkan ayat-ayat Al Quran yang datang.

Kemudian masyarakat Islam ini apabila ia sudah membesar, bergaul pula dengan masyarakat yang bukan Islam, bagaimana nak buat satu perjanjian supaya boleh hidup bersama. Jadi timbullah perjanjian-perjanjian antara Rasulullah dengan mereka. Tidak

dapatlah saya nak ceritakan di sini. Gambaran yang saya ceritakan ini, inilah yang dilakukan oleh Rasulullah. Pada saya ini politiklah. Perkara-perkara yang berlaku dalam perjuangan hingga tercetusnya sebuah negara Islam, ini merupakan politik yang ada dalam ajaran Islam. Ini juga yang hendak kita buat di dalam Darul Arqam. Ini merupakan politik menurut pandangan Islam, bukan mengikut pandangan orang barat.

Soalan: Darul Arqam bergerak di tengah masyarakat. Sedikit sebanyak ia berhadapan dengan pihak pemerintah. Juga ia berhadapan dengan parti-parti politik sama ada parti pemerintah atau parti pembangkang. Bagaimana Ustaz mengatur Darul Arqam untuk berhadapan dengan mereka?

Syeikhul Arqam: Rasulullah dahulu berhadapan dengan individu-individu yang menentang beliau di peringkat awal, berhadapan pula dengan puak-puak kaum sebab di negeri Arab waktu itu ada bermacam-macam puak, kabilah-kabilah, bani-bani. Begitu juga, Rasulullah berhadapan dengan jemaah-jemaah lain daripada ahli kitab seperti Yahudi dan Nasrani. Dan Rasulullah juga berhadapan dengan negara-negara jiran, sama ada di sekitar negara Arab itu sendiri mahu pun di luar negara Arab.

Rasulullah SAW berhadapan dengan semua pihak ini dengan hujah, dengan saranan, dengan dakwah, dengan membawa keyakinan. Kalau mengikut istilah yang orang pakai sekarang ini, Rasulullah lawan mereka itu dengan ideologi. Kalau mereka itu tentang Rasulullah dengan ideologi, Rasulullah menghadapi mereka itu dengan ‘ideologi’. Ini kalau mengikut istilah zaman sekarang, tetapi yang sebenarnya Islam itu bukan ideologi kerana ideologi itu hasil dari pemikiran.

Dalam ertikata yang lain, Rasulullah membawa ajaran Islam yang nak disarankan kepada mereka yang menentang hingga menjadi’ Iikiran-fikiran mereka. Hasil dari itu, akhimya penentang-penentang Rasulullah masuk Islam. Cuma yang degil saja melawan Rasulullah dengan kekuatan senjata. Setelah dilawan

dengan kekuatan senjata, barulah Islam mempertahankan diri. Tetapi Islam tidak memulakannya. Selama mereka tidak memerangi Rasulullah dengan senjata, selama itulah Rasulullah memerangi mereka dengan dakwah. Keyakinan dilawan dengan keyakinan, pemikiran dilawan dengan pemikiran. Rasulullah mengadakan peperangan pemikiran.

Kita tidak hairan kalau kita diengkari oleh individu-individu tertentu, jemaah-jemaah tertentu, kumpulan-kumpulan tertentu termasuk pemerintah dan sebagainya; tidak menjadi masalah kepada kita. Tetapi, sudahkah kita dapat menyampaikan kepada puak-puak ini tadi, ajaran Islam atau kefahaman Islam itu. Itu saja. Kalau barangkali kita dapat menyampaikan ajaran Islam kepada puak-puak ini tadi, di samping di dalam jemaah kita itu sudah lahir perbuatan-perbuatan yang dapat kita cetuskan sesuai dengan keyakinan kita, tidak hairan satu hari nanti Allah akan memberi jawapan. Saya rasa mereka akan terima juga. Kalau tak semua pun sebahagian besar di antara mereka akan terima.

Sekarang pun mereka sudah mula menerima. Asal dulu 10 orang, tinggal saya seorang saja. Walaupun tinggal seorang, yang sembilan pergi itu Allah bayar dengan yang lebih ramai lagi hari ini. Padahal yang ada dengan saya hari ini, satu masa dulu, kalaupun tidak menentang tetapi tidak mengikut. Adakah yang mengikut saya hari ini hasil saya memerangi mereka dengan senjata? Hasil saya tempeleng? Hasil saya pukul? Tidak. Tetapi adalah hasil saranan, hasil dakwah, hasil tarbiah, peranan peperangan fikiran.

Mereka-mereka ini dulunya membawa fikiran-fikiran sekular dari otak masing-masing dan mereka ganti dengan ftkiran Al Quran dan Sunnah. Sebab itulah yang menjadikan mereka bersama dengan saya. Jadi tidak hairanlah kalau ada orang lain yang belum bersama dengan kita kalau ada kemampuan, kita sarankan peperangan fikiran ini, insya-Allah satu hari nanti, tidak hairan mereka akan mengikut kita. Jangan-jangan mereka esok akan lebih gigih lagi berjuang.

Soalan: Apakah Ustaz aturkan orang-orang untuk melakukan peperangan ini?

Syeikhul Arqam: Ya, memang sekarang selain daripada mengadakan gerakan dakwah, kita sentiasa adakan unit-unit untuk berhubung dengan pihak-pihak tertentu; ke rumahnya, ke pejabatnya. Kita temui secara bual, secara dialog, tidak kiralah sama ada dengan orang politik, orang ekonomi, orang-orang kaya, atau orang-orang miskin. Kalaupun mereka tidak ikut kita, tapi sekurang-kurangnya sudah banyak ftiran-fikiran kita yang melekat pada fikiran mereka.

Kadang-kadang mereka bermesyuarat pun sudah ikut tune kita. Mereka bercakap dah ikut tune kita. Secara senyap-senyap, secara tidak langsung, ada individu-individu yang sudah membuat perubahan, walaupun mereka tidak ikut kita. Yang penting pada kita ialah perubahan kepada Islam. Siapa yang membawanya tidak menjadi masalah. Mereka tak ikut kita pun tak apa. Pokoknya, mereka boleh sama-sama menghayati ajaran Islam.

Soalan: Apakah peperangan ini untuk orang Melayu saja Ustaz?

Syeikhul Arqam: Pada kita, pejuang-pejuang Islam ini tak fikir Melayu, tak fikir India, tak fikir Pakistan, tak ftir Indonesia atau lain-lainnya. Islam adalah bertaraf universal, untuk semua orang. Mungkin barangkali kalau orang Melayu tak mabu terima, bangsa lain selain orang Melayu satu masa nanti akan terima. Mungkin satu masa orang Cina akan terima. Kalau orang Cina di sini terima Islam, kuatlah Islam di Malaysia ini, sebab mereka ada kekuatan ekonomi. Kalau di waktu itu orang Melayu tak mahu ikut Islam, beratlah dia.

Jadi, kita tak fikir orang Melayu. Kita fikir Islam. Islam itu tunm ke dunia untuk semua bangsa. Siapa saja yang menerima itulah kawan kita. Selagi kita fikir Melayu bila nak perjuangkan Islam; kita fikir Melayu macamana, identiti Melayu macamana

dan sebagainya maka **kita** tidak boleh bersatu. Nanti orang-orang Islam Cina tak senang, orang Islam bangsa asing semua tak senang.

Dan sebab itu barangkali gerakan Islam di mana-mana, kurang mendapat sambutan oleh kerana kita dah lama di tanamkan dengan faham kebangsaan. Bila nak perjuangkan Islam sedikit sebanyak tak boleh nak lupakan kaum masing-masing, puak masing-masing. Inilah yang menyebabkan payah nak bersatu zaman sekarang ini. Pakistan misalnya, walaupun kadang-kadang bersemangat ke-Islamannya, tapi kadang-kadang lebih mirip kepada ke-Pakistanannya itu. Begitu juga Islam India, Islam China dan sebagainya; banyak faham kebangsaan yang masing-masing bawa. Begitulah dengan kita, banyak tune kebangsaan yang kita bawa. Jadi macamana kita nak bersatu. Tak boleh jadi.

Soalan: Kalau Islam ini diterima oleh bangsa asing, tiba-tiba dia memerintah, bagaimana Ustaz?

Syeikhul Arqam: Bagi kita, soal siapa yang memerintah tanahair kita tak timbul, sesiapapun boleh perintah. Pokoknya, yang memerintah itu dapat tegakkan Islam. Mungkin di satu masa nanti satu bangsa lain memerintah kita tapi dia Islam. Tak apa. Apa gunanya orang Melayu memerintah Malaysia ini sampai kiamat tetapi dia tidak membawa kepada Islam! Cuma sebut saja Islam, tapi corak Melayu itu yang dibawa ataupun corak-corak lain yang dibawa. Ataupun corak-corak sekular atau corak kemungkaran yang dia bawa.

Pada kita bukan soal bangsa itu yang menjadi kebanggaan kita. Bangsa itu hanya alat; seperti ekonomi, semua itu alat. Alat untuk menegakkan iman, untuk menegakkan hukum-hakam Allah. Kalau alat itu tak boleh menegakkan matlamat, ertinya **alat** sudah jadi matlamat. Dah rosaklah.

Tapi memang berat, orang dah faham begitu. Bila nak berjuang saja, teringat macamana nanti orang Melayu. Nanti lucutlah ke-

kuasaan yang kini ada di tangan orang Melayu di tanahair kita. Pada kita, lucut tak lucut tak kira, pokoknya Islam.

Soalan: Faham kebangsaan ini, bak kata Ustaz dah wujud di mana-mana. Maka sebab itu susah nak bersatu. Bagaimana jalan keluar bagi masalah ini?

Syeikhul Arqam: Rasulullah dulu berhadapan dengan dua kuasa besar, Rom dan Farsi. Kita juga sedang berhadapan dengan dua kuasa besar, blok komunis dan blok barat. Dan Rasulullah juga berhadapan dengan pergaduhan yang tak habis-habis di kalangan puak-puak Arab itu, sama ada di Makkah mahupun di Madinah. Di Madinah misalnya, puak Aus dan Khazraj tak habis-habis berperang. Kita pun sedang berhadapan dengan pergaduhan antara kaum. Di negara-negara lain pun begitu juga. Baik di Indonesia, di India ataupun di Pakistan.

Jadi kalau dahulu Rasulullah berhadapan dengan masalah yang sama, menyelesaikannya dengan membawa dakwah , memberi kesedaran, menyampaikan risalah, maka tidak hairan kita juga boleh berjaya kalau kita dapat pesatkan lagi dakwah kita. Kita atur dakwah kita, teknik dan strategi yang lebih berkesan lagi, yang lebih sungguh-sungguh lagi, hingga sampai pemikiran kita kepada bukan saja pemerintah-pemerintah di tanahair kita, bahkan pemerintah-pemerintah dunia juga. Ia dah berlaku di zaman Rasulullah. Tak hairan ia boleh berlaku di zaman kita.

Cuma, sejauh mana kita boleh berbuat, sejauh mana kita boleh bertindak, boleh mengatur strategi dan teknik dengan sebaik-baiknya. Dan Allah pun mahu melihat kerja kita. Sudahkah kita menjadi orang sabar, sudahkah kita menjadi orang tabah, sudahkah menjadi orang bertaqwa. Di sudut lahiriahnya, sudahkah kita berbuat semuanya dengan baik.

Sudahkah kita berjuang dengan penuh bijaksana. Itu masalahnya. Jadi, kalau penyelesaian tidak berlaku di zaman kita, jangan salahkan sesiapa. Salahkan kita sendiri. Mtmgkin kita belum ber-

taqwa, mungkin kita tak cukup atur strategi dan teknik yang baik dan sebagainya.

Soalan: Idea Ustaz ini baik dan ramai orang boleb terima. Masalahnya, orang nampak kita ini Arqam, nanti orang kata, Ustaz nak Arqamkan masyarakat bukan nak Islamkan masyarakat.

Syeikhul Arqam: Yalah, orang boleh cakap tapi cakap orang itu tak semua mesti kita terima. Sebelum ini pun bukan setakat orang tuduh kita nak Arqamkan masyarakat, macam-macam lagi orang kata. Sihirlah, ajaran barulah dan sebagainya. Tapi hari ini masyarakat sendiri dah tolak semua itu. Hinggakan, kalau perkara itu timbul semula, tak payah kita jawab. Masyarakat sendiri boleh jawab kerana masyarakat ada mata, dia boleh lihat sendiri apa yang kita buat.

Jadi, soal nak Arqamkan masyarakat itu tidak timbul. Kalau kita tak jawab pun satu hari nanti akan terjawab. Masyarakat akan lihat sendiri. Contohnya katakanlah, di antaranya Islam mengajak kita meninggalkan riba, datang Arqam ke tengah masyarakat menganjurkan kita meninggalkan riba. Jadi kalau nanti ada orang meninggalkan riba, apakah orang yang meninggalkan riba itu Arqam? Bukan! Tapi itu Islam. Kemudian Arqam datang ke tengah masyarakat mengajak orang tutup aurat. Tak masuk Arqam pun tak apa tapi mari tutup aurat. Ada orang yang sedar dan menerima dakwah kita, dia pun tutup aurat Bila orang tutup aurat, itu Arqamkah? Tidak! Itu Islam. Tutup aurat itu ajaran Islam bukan ajaran Arqam. Cuma Arqam yang menganjurkan dan orang terima.

Cuma, bila barangkali ada orang mengatakan yang kita ini meng-Arqamkan masyarakat, itu dia tak faham. Kita maafkan sajalah. Atau boleh jadi mereka faham tapi kerana tak senang dengan kemunculan Arqarn, jadi dia cuba nak timbulkan kekeliruan di tengah masyarakat. Itu kita biarkan. Allah tahu apa yang kita buat.

Soalan: Daripada perbualan kita ini, semuanya menampakkan kekusutan masalah di tengah masyarakat kita.

Syeikhul Arqam: Ya! Yang sebenarnya kekusutan yang berlaku di tengah masyarakat kita hari ini, termasuklah kekusutan masyarakat yang berlaku di zaman Rasulullah, semuanya berpunca dari kekusutan aqidah. Ia berpunca daripada manusia yang berpegang dengan bermacam-macam ragam aqidah. Jadi yang lahir hari ini, yang dapat kita lihat ini, sebagai buahnya. la adalah perkara yang ditonjol oleh aqidah yang ada di dalam hati manusia.

Bila kita lihat timbul kekusutan dalam masyarakat, seperti kekusutan politik, kekusutan di bidang ekonomi, akhlak dan sebagainya, itu melambangkan kekusutan aqidah itu sendiri. Sama ada aqidah yang ada dalam hati manusia itu terus salah, terus bathil atau boleh jadi tidak salah tetapi keyakinannya sudah lemah. Aqidah yang sebenamya telah lemah. Bila lemah, timbullah perkara yang bermacam-macam dalam kehidupan ini yang akan menyusahkan manusia itu scndiri.

Jadi, kalau begitu kekusutan masyarakat yang dapat kita lihat dan yang dapat kita nilai dengan mata kepala kita ini, di antara salah satu ubatnya, ialah membetulkan aqidah manusia itu sendiri. Betulkan semula aqidah manusia dengan akhirat, dengan syurga, dengan neraka dan sebagainya.

Soalan: Mampukah Darul Arqam berbuat semua ini sedang kan orang-orangnya bukan alim-alim, tak ada B.A,M.A atau Ph.D?

Syeikhul Arqam: Kita nak bcrjuang, nak berdakwah, tak tunggu pandai, tak tunggu alim dulu. Scbab tidak ada keterangan dalam Al Quran dan Sunnah mengalakan bahawa setelah kamu menjadi orang alim barulah kamu berdakwah. Tetapi apa yang kita lihat di dalam syariat kita, Rasulullah pemah bersabda!

بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً

Terjemahannya: Sampaikanlah daripada aku walaupun sepotong ayat.

Atas dasar tuntutan inilah kita berjuang. Kita tidak akan menyampaikan satu ajaran di tengah masyarakat yang kita sendiri tak faham ajaran ilu.

Kita datang ke satu masjid, kita tak faham tentang ilmu Usul Feqh, tiba-tiba kita nak ajar ilmu Usul Feqh. Kita pun tak faham, takkan ilmu itu yang kita nak ajar. Kita nak ajar apa yang kita faham, kita tahu. Lebih-lebih lagi yang nak kita ajar apa yang dah kita amal. Kemudian kalau ada benda-benda yang belum kita sampaikan kerana kita belum tahu, kita beransur-ansurlah. Dalam kita menyampaikan yang kita tahu, yang belum tahu kita berusaha untuk tahu. Dah dapat tahu pula, kita cuba amalkan. Selepas itu kita cuba menyampaikan pula.

Sahabat-sahabat Rasulullah pada mulanya bukan orang yang tahu semuanya. Tapi akhirnya menjadi orang yang tahu. Kenapa? Kerana setelah dipimpin oleh Rasulullah dari masa ke semasa. Mula-mula satu ayat, dua ayat Allah wahyukan kepada Rasulullah. Dan satu dua ayat itulah yang Rasulullah sampaikan kepada para sahabat. Dan satu dua ayat itulah yang para sahabat alim. Kemudian barulah sepuluh dua puluh ayat yang disampaikan kepada sahabat. Akhirnya sampai 30 juzuk alimnya para sahabat.

Jadi, tidak hairanlah kalau orang kata kita tidak berilmu. Memang kita terimalah hakikatnya. Satu masa boleh jadi kita akan menjadi orang yang berilmu. Kalaupun barangkali ilmu itu tak lahir daripada kalangan kita, tapi orang yang sedar dan menyertai Arqam ini bukan orang-orang yang yang tak berilmu saja. Orang yang berilmu pun sedar. Ada juga orang-orang yang berilmu nak ikut kita. Sekarang pun ada juga yang bertaraf B.A dan M.A yang dah sedar dan ikut kita. Kalau mereka yang dah memang pandai dan ada ilmu memasuki Arqam, mereka nanti akan menyampaikan ilmu pula. Bukan kita saja.

Jadi, kalau kita fikir mahu alimkan orang berdasarkan ilmu yang ada pada kita, tak bolehlah. Kita cuma beri kesedaran saja. Bila orang-orang alim dah sedar dan dia ikut kita, dialah nanti yang akan mengalimkan orang lain.

Soalan: Bagaimana pengaruh Khomeini terhadap perjuangan umat Islam?

Syeikhul Arqam: Nampaknya pada peringkat awal dulu banyak juga orang yang menyambut kejayaan Khomeini termasuklah di tanahair kita ini dan juga di luar tanahair. Tetapi di akhir-akhir ini setelah barangkali ada jawapan-jawapan dari pihak-pihak tertentu, ada saranan-saranan daripada pihak ahli sunnah wal jamaah, pengaruhnya dah mula lemah. Di luar negeri juga begitu.

Di tanahair kita ini belum jawab betul-betul lagi. Baru jawab main-main saja pengaruhnya dah mula lemah. Nampaknya yang mempertahankan diri, satu dua orang saja lagi. Itu belum sungguh-sungguh kita memberi jawapan. Belum kita buat buku lagi. Mungkin kalau ada orang buat buku nanti dan tebar di seluruh Malaysia ini, dah tak bercakap lagi puak-puak ini tentang Syiah.

Walau bagaimanapun mereka sekarang sedang berusaha. Kita pun sama-sama berusahalah. Allah jadi hakim, Allah buat penentuan. Kalau mereka terus berusaha dan kita sekerat jalan berusaha, mereka mungkin dapat menguasai kita. Kalau kita berusaha sungguh-sungguh dan terus berusaha, boleh jadi ada yang ikut kita.

Soalan: Ini memerlukan satu strategi peperangan ideologi yang baik, kerana bukan saja ideologi Khomeini yang mesti kita perangi, malah banyak lagi ideologi-ideologi yang bertabur di tengah masyarakat. Bukankah begitu Ustaz?

Syeikhul Arqam: Ini masalahnya. Kita ni berjuang ikut begitu saja. Macam kita dalam Darul Arqam ini, ada orang-orang kita yang tak pemah membaca buku-buku karangan saya, tak pemah


mendengar kaset-kaset ucapan saya dan sebagainya. Macamana dia nak faham konsep Darul Arqam. Jadi, kita ni main ikut begitu saja. Orang pakai serban, kita pakai serban, orang pakai jubah, kita pakai jubah. Tapi prinsip-prinsip dan konsep ajaran perjuangan tak ada di kepala kita. Bagaimana kita nak serang ideologi orang, isma orang.

Adapun ajaran yang sudah kita tulis itu sama ada yang ada hubungan dengan iman, harakah dan sebagainya itu, hendak kita jadikan 'otak' kita. Zaman sekarang ini sebenamya peranan otak, peperangan falsafah. Kalau prinsip perjuangan kita pun belum jadi otak kita, apakah kita nak lawan dengan otak yang berfaham komunis? Faham sosialis? Faham kapitalis. Mereka itu, bukan saja otak dah jadi fahamannya, malah dah jadi darah daging mereka. Ketika itu, kalahlah kita. Pertarungan akal, kita pasti kalah.

Sebab itu hari ini kita lihat ada orang yang dulunya dia itu berfaham sosialis yang muncul di tengah masyarakat, dia sebut Islam tapi banyak yang menyalahi Islam. Dia gunakan falsafah dia sendiri untuk nak sebut Islam, seolah-olah Islam ini ***rubber-stump.*** Apakah dia benar-benar nak perjuangkan Islam atau memang itu cara dia nak kelirukan orang lain. Yang hairannya, tak berapa ramai ulama yang berani mencabarnya. Tak ada ulama-ulama yang berani cakap.

Mana dia pejuang Islam yang boleh berlawan dengan fikiran orang yang semacam ini? Menumt setengah-setengah orang yang dipercayai, orang ini terang-terang menolak hadis, malah dia pernah berkata, hadis Bukhari itu tidak boleh kita percayai, itulah yang menyebabkan umat Islam beku. Mana dia tokoh-tokoh pejuang Islam yang boleh berlawan dengan fikirannya. Sebab dia menghujah, tak patut menerima hadis dengan akal, dengan falsafah. Yang kita pula, prinsip kita sendiri pun tak faham, tak baca lagi. Belum lagi kita nak tahu prinsip yang orang gunakan.

Jadi macamana kita nak jadi pejuang. Macamana kita nak yakinkan orang. Bagaimana kita nak tumbangkan orang-orang



"Kita tidak fikirkan soal masa depan. Yang kita fikirkan ialah kita yang masih hidup ini; apa yang kita hendak berbuat kepada Allah. Masa depan kita belum tentu..."

yang sudah berpegang dengan ideologi-ideologi lain. Ini masalah-nya.

Soalan: Kalau beginilah Ustaz, berjuang ini tentunya bukan mudah. Tetapi Ustaz berjaya juga menghidupkan semangat perjuangan kepada pengikut-pengikut Ustaz.

Syeikhul Arqam: Kita membuat saranan tentang iman. Ini merupakan strategi batin kita. Penanaman iman, penanaman keyakinan kita kepada Allah, ini yang kita buat selalu. Di antaranya kita anjurkan selalu ialah sifat tawakal kepada Allah. Ini dibuat dalam pengajian-pengajian kita.

Sifat tawakal ini hendak diserap dalam keyakinan kita. Cuma apakah sifat im sudah benar-benar menyerap dalam keyakinan kita, Allah sajalah yang mengetahuinya. Dan kita masing-masing tentu dapat mengagak sejauh mana yang kita boleh bertawakal. Tapi di antara perkara-perkara yang pokok, tawakal itulah yang telah kita sarankan dan yang patut disematkan di dalam hati. Mengapa? Kerana kalau kita dapat menanamkan rasa tawakal dalam hati kita, timbul kita gigih berjuang dan tidak takut.

Sebab tawalcal itu ertinya, selepas kita berusaha ikhtiar kemudian kita serahkan kepada Allah, untuk menentukannya. Sebab usaha ikhtiar itu tidak memberi bekas, cuma itu merupakan usaha yang Allah suruh. Yang menjayakan adalah Allah SWT. Kalau kita tahu yang menjayakan, yang menghitam-putihkan nasib kita ini adalah Allah, tak adalah timbul kebimbangan kita terhadap masa depan. Sebab kalau Allah nak gagalkan kita tak ada siapa yang boleh menolong kita. Jadi sebab itu, sifat tawakal ini penting disematkan ke dalam hati supaya kita lebih bersemangat berjuang. Kita lebih yakin dalam perjuangan kita. Dan kita tidak jahat sangka dengan Allah SWT.

Dan sebab itulah, kita tidak fikirkan soal masa depan. Kita fikir, kita masih hidup ni apa kita nak berbuat kepada Allah. Masa depan belum tentu kita hidup. Kalaupun ada Darul Arqam, boleh jadi kita ni dah tak ada. Jadi kita tak fikirkan masa depan.

Memikirkan masa depan ni, bukan ajaran Islam yang sebenarnya. Lebih-lebih lagi kita andaikan perkara-perkara masa depan yang belum berlaku. Apa nak jadi kalau orang tangkap! Kalau orang bunuh! Kalau masuk jel! Macamana? Ujian belum datang dah kita letakkan rasa takut dalam hati kita, kalau ujian itu datang, dua kali takutlah kita. Inikan menyusahkan diri kita sendiri. Hilanglah bahagia kita.

Jadi, masa depan kita tak tahu, serah kepada Allah. Kita fikir selagi kita hidup ni, ada nyawa lagi, boleh kita berusaha dan berikhtiar melakukan apa saja kerja Allah yang belum kita buat. Dan bagaimana usaha yang kita buat ini dapat kita pertahankan.

N&mat yang Allah berikan seperti kita boleh puasa, sembahyang dan sebagainya, ini hendak kita pertahankan. Kemudian kalau hidup lagi, umpamanya esok, apa lagi yang belum kita buat yang nak kita buat. Ini saja yang kita fikir. Kita tak fikir masa depan, kalau orang haramkan Arqam, kalau orang sapu bersih Arqam, kalau datang ujian berat lagi dan sebagainya. Apa yang nak fikir benda yang belum datang?

Soalan: Saya kira inilah keyakinan Ustaz bersama dengan pengikut Ustaz di Darul Arqam. Inilah yang telah membawa Ustaz dan para pengikut lebih gigih berjuang dan berkorban apa saja untuk membangunkan agama Allah di muka bumi ini dengan menaburkan dakwah di merata-rata pelusuk tanahair dan di luar tanahair, tidak kira susah atau senang, ada duit tak ada duit, sanggup meninggalkan kesenangan hidup di rumah, boleh rehat-rehat, boleh relax-relax, boleh bermain dengan anak isteri. Mudah-mudahan Allah akan berkati perjuangan Ustaz dan seluruh anak buah Ustaz. Kita doakan agar Ustaz panjang umur dan diberi kekuatan untuk terus berjuang.

Syeikhul Arqam: *Alhamdulillah* dan terima kasih.

WAWANCARA SYEIKHUL ARQAM DENGAN HARRIS RIBUT (WATAN)

Petikan Watan 16 - 23 Mac 1987

ARQAM TEMPAT KUMPUL ISTERI ?

- Apa yang diperjuangkan oleh Darul Arqam?
- Mengapa perkampungan Darul Arqam terasing?
- Kenapa krisis terjadi?
- Kategori simpati Darul Arqam
- Darul Arqam dapat bantuan jin?

"KALAU anda ingin berkahwin ramai, masuklah Al Arqam!" Itulah antara ungkapan popular yang sering dikaitkan dengan perjuangan Al Arqam sebagai sebuah jemaah yang berjuang di jalan Allah. Seolah-olah bagi sesetengah masyarakat, Arqam adalah satu medan untuk berpoligami, satu peluang untuk menghimpun isteri!

Apa yang masyarakat faham mengenai Al Arqam? Kalau kita tanya apa itu Arqam, mereka nanti segera terbayang sekumpulan manusia berserban dan berjubah labuh, bergerak ke hulu ke hilir bersama jemaahnya. Bagi sesetengah fahaman masyarakat, Al Arqam ialah kumpulan manusia berserban dan berjubah. Itu sahaja.

Sebagai masyarakat luar dari jemaah tersebut kita sering tertanya-tanya apakah yang dicari oleh jemaah Arqam dalam hidup ini? Apakah sumbangan mereka pada masyarakat kita selama ini? Kita dengan begitu mudah menaruh prasangka buruk terhadap jemaah tersebut.

Sejak kelahiran Al Arqam kira-kira lapan belas tahun lalu, berbagai tohmah dan prasangka dilemparkan terhadap mereka. Cemuhan-cemuhan dan prasangka buruk itu bagaimanapun belum dapat meruntuhkan keutuhan jemaah Al Arqam, malah dari masa ke semasa para jemaahnya kian bertambah dan terus berjuang hingga ke hari ini:.

Apakah bentuk perjuangan Al Arqam selama ini? Dan apakah matlamat sebenarnya? WATAN berasa beruntung kerana dipilih oleh pihak Al Arqam untuk menyertai 'Ekspedisi Dakwah Al Arqam' untuk menjelajah dan meninjau ke semua markas dan perkampungan Al Arqam secara menyeluruh di seluruh pelusuk tanahair.

Untuk mengetahui secara jelas perjuangan serta konsep kehidupan Al Arqam, wakil WATAN, HARRIS RIBUT, telah mengadakan satu siri wawancara eksklusif dengan Syeikhul Arqam, Tuan Haji Ashaari Muhammad, orang yang bertanggungjawab memimpin jemaah Al Arqam sejak dilahirkan.

- PENGARANG

Soalan: Ustaz, kenapa Arqam sering benar dilanda krisis? Apa yang mengbairankan saya krisis itu berlaku terhadap pemimpin-pemimpin kanan dan dari pucuk pimpinannya sendiri? Soalnya kenapa ini boleh terjadi? Dan di manakah silapnya?

Syeikhul Arqam: Soal ktisis tak hairan boleh berlaku di mana-mana. Terjadinya krisis semacam telah diatur oleh Allah. Dengan ertikata yang lain, krisis sememangnya tidak dapat dielakkan.

Apa yang penting jangan kita timbulkan krisis itu lagi, atau ada pihak lain yang tidak senang dengan Arqam mengambil kesempatan membesar-besarkan krisis itu. Memanglah logiknya krisis berlaku antara pemimpin, kerana pihak yang menimbulkan krisis itu merasakan dirinya ada pengaruh, ada wibawa.

Terjadinya krisis itu disebabkan oleh beberapa perkara, antaranya salah faham (moga-moga Allah memaafkan kalau jelas kesalahannya kepada Allah). Masalah yang besar kerana tidak dapat didik nafsu (mengawal).

Apa yang penting, berjuanglah di jalan Allah sedaya yang termampu, jangan difikirkan sangat tentang krisis, banyak lagi perkara-perkara yang mustahak perlu kita fikirkan untuk kebaikan umat Islam.

Bagi kami yang masih meneruskan perjuangan dalam Al Arqam tidak menganggap itu sebagai satu krisis yang besar sebagaimana yang diheboh-hebohkan seolah-olah Arqam telah berpecah-belah! Kumpulan yang meninggalkan kami hanya 12 orang

sahaja, tetapi saudara sendiri dapat lihat berapa jumlahnya yang datang dan masih taat dart setia meneruskan perjuangan kami.

Soalan: Kita sudah ada ABIM dan PERKIM sebagai pertubuhan dakwah yang berdaftar, jadi apa perlunya Arqam? Dan apa yang telah Arqam perjuangkan? Hingga kini setakat mana pencapaiannya?

Syeikhul Arqam: Islam agama yang lengkap yang meliputi semua aspek kehidupan manusia sejagat; ini termasuklah pendidikan, ekonomi, sosial dan lain-lain. Arqam juga demikian halnya seperti badan-badan dakwah sebagaimana yang saudara sebutkan ABIM dan PERKIM menyeru ke jalan kebaikan. Arqam berpegang teguh pada Al Quran dan Hadis asas Islam (Kalimah) yang lima untuk perjuangan iaitu berpandukan lima hukum, WAJIB, SUNAT, HARAM, HARUS dan MAKRUH.

Sesungguhnya apa yang masyarakat nampak perjuangan Arqam selama ini hanyalah apa yang dilihatnya sebagai negatif misalnya berpoligami, ada nada-nada sumbang semacam mengejek-ejek jemaah Al Aqram: “Kalau hendak beristeri ramai masuklah Arqam!”

Tetapi masyarakat di luar Arqam juga mengamalkan poligami. Apa yang menyedihkan, saudara pun tentu maklum ramainya yang mengaku Islam menyimpan wanita-wanita tanpa nikah sebagaimana yang dituntut oleh syarak, tetapi ini langsung tidak dihebohkan. Tetapi jemaah Arqam beristeri lebih dari satu mengikut hukum syarak menjadi ‘momokan’ dari masyarakat luar Arqam.

Kami berpoligami pun ada sebab. Selain dari mengikut sunnah ada perkara-perkara yang lebih besar lagi; untuk menyatupadukan perjuangan, untuk membimbing, membela dan mengeratkan jemaah kami.

Perkara kahwin bukan kerja main-main, apatah lagi kalau berkahwin lebih dari satu tentu ada syaramya selain dari kemampuan; redha dan memahami antara satu sama lain amat penting,



"Darul Arqam berjuang bukan untuk meng'arqam'kan masyarakat. Matlamat Al Arqam adalah matlamat Islam itu sendiri. Dan kita tidak sekali-kali menarik atau menyeru masyarakat untuk masuk Arqam tetapi kita inginkan masyarakat mengamalkan Islam."

bukan untuk menganiaya atau semata-mata kerana nafsu sebagaimana umum terkeliru mentafsirkannya

Apalah salahnya Arqam kalau dilahirkan semata-mata kerana agama Allah dan menyeru ke jalan kebaikan seperti ABIM dan PERKIM juga, lebih banyak pertubuhan-pertubuhan dakwah Islam lebih baik. Kalau matlamatnya sama, ini saya rasa tidak 'mengecilkan' masyarakat seolah-olah sudah berpuak-puak, malah ini akan lebih memudabkan kita 'memerangkap' masyarakat yang mengaku Islam tetapi tidak mengamalkan suruhan Islam. Terpulanglah kepada masyarakat untuk memilihnya sendiri.

Sebenamya apa yang Arqam perjuangkan hanya inginkan masyarakat Islam mengamalkan seruan Allah. Arqam tidak sekali-kali menarik atau menyeru masyarakat untuk masuk Arqam.

Saya malu untuk menjawab soalan saudara setakat mana pencapaian Arqam setakat ini. Pencapaian Arqam terlalu sedikit dan sumbangannya terhadap masyarakat (kalau boleh dikatakan sumbangan) pun terlalu kecil. Jika hendak dibuat perbandingan antara Arqam dengan pertubuhan-pertubuhan parti-parti politik atau pertubuhan-pertubuhan lain, Arqarn baru di garisan pertama, tetapi akan mencuba dan ada keyakinan untuk berlari, tentu saudara faham akan maksud saya itu.

Soalan: Ustaz ada menyatakan Arqam tidak menarik atau menyeru masyarakat untuk masuk Arqam, tetapi apa yang saya nampak pengikut-pengikut Arqam begitu ramai?

Syeikhul Arqam: Berapa jumlahnya yang saudara nampak?

Soalan: Saya tidak dapat memberi jumlahnya dengan tepat. Kalau secara rambang setiap kali saya mengikuti ceramah fardhu ain Ustaz, yang hadir tidak kurang dari tiga atau empat ribu orang dan saya berkesempatan mengikuti di tujuh buah tempat. Saya rasa tidak kurang dari tiga atau empat ribu orang dan saya berkesempatan mengikuti di tujuh buah

tempat. Saya rasa tak kurang dari 30,000 orang! Atau mungkin lebih dari itu! Berapakah sebenarnya jumlah pengikut Al Arqam ustaz?

Syeikhul Arqam: Wallahua'lam, saudara berhak membuat andaian, tapi jangan terkeliru. Maksud saya bukan semua yang hadir itu ahli Arqam. Bukan mudah untuk memastikan ahli atau jemaah Al Arqam kerana kami bukannya ada resit atau dikenakan apa-apa yuran.

Maksud saya, bukan semua yang hadir itu ahli Arqam. Bukan mudah untuk memastikan ahli atau jemaah Arqam. Tetapi alhamdulillah setiap kali saya memberi ceramah fardhu ain, berdialog atau bermuzakarab di institut-institut pengajian tinggi, di dewan-dewan, di masjid-masjid atau di madrasah, insya-Allah tetap mendapat sambutan. Jadi apa yang penting jangan dihiraukan tentang berapa ramainya pengikut tetapi contoh atau perbuatan yang baik dan diredhai Allah, soal pengikut akan lahir kemudian.

. **Soalan: Ustaz, sepanjang saya mengikuti ekspedisi dakwah Al Arqam ini saya kagum dengan para jemaah Al Arqam dari segala sudut; ketaqwaannya terhadap Allah, akhlaknya mahupun ketaatannya kepada ketua atau pemimpin ini tentu hasil daripada didikan dan kepimpinan dari Ustaz sebagai Syeikhul Arqam. Apakah Ustaz sendiri berpuas hati? Sekiranya tidak, ke tahap manakah lagi yang Ustaz harapkan?**

Syeikhul Arqam: Sesungguhnya terlalu banyak lagi yang belum kami laksanakan. Insya-Allah jika diizinkan akan kami laksanakan sejauh yang termampu. Tentang ketaatan seseorang terhadap Allah bukankah itu sesuatu yang wajib, tanda kesyukuran dan tanggungjawab kita sebagai umat Islam. Kami sebagai para jemaah Arqam sangat menitikberatkan mengenai Islam dan tetap menjaga agar tidak melanggar hukum-hukum yang lima tadi; wajib, sunat, harus, haram dan makruh dan berpegang teguh pada Al Quran dan hadis.

Kalau kita mematuhi hukum-hukum tadi insya-Allah hidup kita sebagai umat Islam akan terjamin di dunia dan di akhirat. Kita jangan hanya menyeru sahaja tetapi apa yang penting kita yang mula mengamalkannya atau sebagai mencorak jalan kebaikan barulah apa yang kita laksanakan itu dapat dinilai oleh masyarakat. Kami sekarang tidak berbangga atau merasa berbesar hati dengan apa yang kami kerjakan, ini adalah semata-mata kerana Allah. Allah yang Maha Mengetahui.

Sebelum seseorang itu menjadi ketua atau apa yang kami gelar di sini naqib yang bakal memimpin pengikut-pengikutnya di bahagian masing-masing; naqib-naqib tersebut telah melalui beberapa ujian, bukan mudah Arqam meletakkan seseorang itu ke tahap naqib (ketua). Syarat-syarat yang mesti ada, pertama, diukur dari ihnu agamanya, kemudian keperibadian yang baik, menguasai bacaan Al Quran dengan baik, tahan diuji, pintar dan sabar. Kerana seseorang pemimpin yang baik akan melahirkan pcngikut yang baik (setia).

Saudara jangan terkeliru tentang jemaah kami, bukan semua yang hadir mendengar ceramah fardhu ain saya itu adalah jemaah atau ahli Arqam. Sebaliknya mereka terdiri dari beberapa golongan:-

Golongan pertama: Apa yang kami gelarkan PENDENGAR, iaitu mendengar apa yang saya ceramahkan dengan mengikuti segala aktiviti Arqam.

Golongan kedua: PEMINAT, golongan peminat ini akan berusaha mengikut segala kegiatan kami dan telah mula menimbang-nimbang segala gerak kerja atau kegiatan jemaah Arqam lakukan, pendek kata ia akan berusaha menghadirkan din setiap kali kami mengadakan ceramah, muzakarah ataupun berdialog tak kira walau ke mana pun kami pergi.

Golongan ketiga: Apa yang kami namakan SIMPATI KUAT; golongan ini mula sudah memahami perjuangan sebenar kami dan sanggup berkorban apa harta benda dan wang ringgit untuk menerus dan melaksanakan perjuangan kami. Golongan ‘Simpati Kuat’ ini kebanyakannya terdiri dari mereka yang belum sanggup ber-

juang bersama kami, tetapi memahami perjuangan kami. Mereka-mereka terdiri dari ahli-ahli perniagaan, pengarah-pengarah, pensyarah-pensyarah, pegawai-pegawai yang sedia membantu dari segi moral mahupun material.

Golongan keempat: Akhir sekali adalah golongan JEMAAH. Golongan jemaah ini tidak ramai kerana terpaksa bersama kami sepenuh masa menghayati hidup secara Islam yang sebenar. memperjuangkan yang hak, meninggalkan yang mungkar demi menegakkan syiar Islam di bumi Allah ini.

Soalan: Saya difahamkan Arqam juga turut terlibat dengan kegiatan dakwah di luar negeri. Apakah Ustaz sudah berpuas hati dengan usaha-usaha berdakwah di tempat sendiri (Malaysia)?

Syeikhul Arqam: Islam itu universal, menyeluruh. Di mana-mana pun kita boleh dan perlu berdakwah. Saya pemah ke Amerika, Australia, Indonesia, Filipina, Jepun, Pakistan, ke negara-negara Timur Tengah, Hong Kong dan banyak lagi selain dari berdakwah (dan nampaknya bejaya dengan tertubuhnya markas kami di beberapa buah negeri) saya juga melihat dan membuat perbandingan tentang perkembangan Islam semasa.

Pemergian saya ke luar negeri itu bukanlah bermakna tahap pencapaian tugas saya sebagai seorang pendakwah telah memuaskan di sini. Bumi Tuhan ini luas tak kira bangsa apa, siapa saja, dakwah mengenai Islam boleh disampaikan.

Soalan: Apakah Al Arqam pernah mendapat bantuan kewangan dari luar negeri sebagaimana desas-desus yang pernah saya dengar? Jika benar dari negara mana? Jika tidak dari sumber apakah Arqam boleh bertahan sekian lama?

Syeikhul Arqam: Tentu saudara juga telah mendengar adanya kalangan tertentu menuduh saya membela jin, hantu dan syaitan?

Adanya jemaah Arqam belajar silat yang boleh terbang, hilang dan sebagainya. Dan Arqam telah membuat persediaan dengan angkatan tenteranya untuk melancarkan revolusi?

Tentu saudara telah dapat menyaksikan sepanjang saudara mengikuti ekspedisi ini berapa banyak gelanggang silat yang saudara temui. Berapa ekor jin, hantu dan syaitan yang dapat saudara lihat? (Tenhmya tidak ada bukan?)

Al Arqam wujud di bumi nyata - tidak pemah menerima 'khidmat' jin, hantu dan syaitan dan Arqam juga tidak perlukan angkatan senjatanya, kerana Arqam tidak pemah bermusuh dengan sesiapa.


Kalaulah saya atau lebii tepat lagi Al Arqam dapat menerima bantuan kewangan dari negara luar tentunya saya tidak bersusah payah mentadbirkan Arqam, sebut apa saja yang dihajati akan terlaksana. Saudara sendiri telah menyaksikan bagaimana keadaan tempat saya tinggal. Walaupun keadaan rumah saya begitu rupa, tetapi saya berbahagia dan sentiasa bersyukur.

Sebagaimana yang telah saudara ketahui Arqam sentiasa dengan anggota jemaahnya. Kami hidup berjemaah dan rumah saya (bukan istana sebagai yang saudara sangkakan pada mulanya) itu pun atas pemberian jemaah.

Kalaulah benar saya menerima bantuan dari negara luar tentunya masjid, madrasah atau tempat-tempat pendidikan tidak sedhaif yang saudara saksikan, tidak perlu lagi mengadakan 'tabung jihad', agar segala macam projek Arqam tidak tergendala.

Untuk hidup sebagaimana yang saudara nampak sendiri selain daripada berjimat cermat, kami juga ada sumber-sumber ekonomi. Kami ada stesyen minyak, ada klinik, *supermarket,* kedai-kedai. Di sektor pertanian kami ada menanam berbagai-bagai jenis tanaman dan sayuran, cendawan, membela ikan, ayam, itik, kambing, dan juga lembu.

Kami juga memiliki kilang secara kecil-kecilan umpamanya, kilang kicap. kilang mee, kilang cili sos, roti, sabun, bedak dan bermacam lagi. Berkat kesyukuran kami para anggota Arqam, insya-Allah tidak akan kelaparan. Mudah-mudahan dijauhkan





Jemaah Darul Arqam memencilkan diri dari masyarakat atau ***masya-rakat*** *yang tidak ambil* ***'pusing'*** *dengan Darul Arqam?*

Para dennawan yang mewakafkan tanahnya pada kami tentulah memberikan tanahnya yang dirasakan tidak ada potensi dan dirasakan tidak mahu diusahakan, jadi dari tanah-tanah mereka itu tinggal terbiar dengan semak samun maka dengan ikhlas hati tuan-tuan tanah tersebut mewakafkan kepada kami.

Kedua; kami cuba elakkan pelajar-pelajar kami yang hampir 5,000 orang itu dari terpengaruh dengan suasana luar (kami sentiasa mengawal pelajar-pelajar dari terdedah pada gejala-gejala tidak sihat.) Inilah sebab-sebabnya kenapa pcrkampungan kami sering saudara lihat di pedalaman tidak ada sebarang muslihat selain dari perkara-perkara yang saya sebutkan itu.

Walaupun demikian ini bukan bermakna kami menjauhkan diri dari masyarakat setempat, kami sering bantu-membantu dan berbaik-baik· dengan penduduk-penduduk. Kami sering melakukan ceramah-ceramah di masjid-masjid, menganjurkan kursus pengurusan mayat, kursus penanaman dan pemeliharaan cendawan dan apa saja aktiviti kami sentiasa mendapat perhatian dan sambutan.

Malah boleh dikatakan kami sering menjadi pengasas dalam bidang ekonomi untuk meninggikan lagi pendapatan penduduk-penduduk kampung, umpamanya perusahaan cendawan, ternakan ayam itik, dan tanaman pisang dan jagung.

Soalan: Apa pandangau Ustaz tentang politik masa kini?

Syeikhul Arqam: Sebagai pandangan peribadi, sudah terlalu kacau. Masing-masing menekan satu sama lain untuk naik, sudah tidak ada kejujuran lagi, penyelewengan di sana sini. Masyarakat kita khususnya masyarakat Islam, sudah tidak bersatu lagi – dipecahbelahkan oleh fahaman politik masing-masing. Mudah menuduh dan kafir-mengkafir sesama Islam. Berpuak-puak, sembahyang dua imam dan bermacam-macam lagi gejala-gejala tidak sihat yang dapat kita lihat di depan mata.

Soalan: Apakah Ustaz berfikir untuk melibatkan Arqam dalam berpolitik?

Syeikhul Arqam: Kalau saudara benar-benar menghayati dan memahami perjuangan Islam, Arqam semacam sudah berpolitik juga tapi tanpa pilihanraya, tanpa bertanding menentukan pemimpinnya, tanpa lobi-melobi, tanpa menggunakan kuasa dan wang ringgit.

Soalan: Maksud Ustaz, politik sudah wujud dalam Arqam? Bagaimana politik dan parti yang memerintah sekarang, adakah Ustaz tidak menyetujuinya?

Syeikhul Arqam: Ya! Arqam juga semacam satu badan politik, yang secara tidak langsung telah pun mentadbir. Dari alasan apa saudara fikir saya tidak menyetujui parti yang memerintah kini?

Soalan: Ustaz pernah bergiat cergas dalam politik atas tiket PAS di antara tahun 1958 hingga 1968 dan pernah menjadi Ketua Dakwah ABIM Wilayah Persekutuan. Apa yang menjadi tandatanya, apakah pengalaman masa lalu itu Ustaz memimpin Darul Arqam di samping berdakwah sekaligus cuba berpolitik?

Syeikhul Arqam: Apa saudara lihat saya ni ada tokoh ke jadi orang politik? (Ketawa) Nak guna lambang apa kalau saya bertanding? Di negeri mana saudara fikir saya boleh memulakan semula karier saya dalam politik? Mahukah nanti orang mengundi saya? Sebenarnya hidup ini serba mungkin saudara. Saudara jangan terkejut kalau satu hari nanti saya jadi calon! Kalau masa dan waktu mengizinkan insya-Allah apa salahnya saya mencuba.

Apapun yang bakal kita lakukan mesti ada perhitungan, walaupun dengan nama cuba-cuba. Tak apalah beri saya masa dulu untuk saya fikirkan kalau saya sudah bersedia. Jangan bimbang saudaralah orang yang pertama saya undang untuk memberi kenyataan akhbar nanti (sambil ketawa).

.

Soalan: Apa yang saya nampak kejayaan Darul Arqam kerana perpaduan jemaahnya hingga boleh menjangkau puluhan ribu pengikutnya bukankah ini 'petanda baik' untuk Ustaz memulakan karier politik semula?

Syeikhul Arqam: Memang benar soal pengikut atau penyokong itu satu faktor paling utama untuk seseorang itu untuk naik, tetapi ada beberapa perkara lain lagi juga harus difikrkan. Maksudnya kita mesti pandang dari semua sudut, bukankah ada banyak caranya untuk kita mendapatkan buah; sama ada dengan mengaitnya, membalingnya, ataupun memanjat saja pokok itu, atau tunggu saja buah itu luruh, walaupun lambat! Saya fikir saudara faham.

Soalan: Saya perhatikan Ustaz selalu sibuk, masa Ustaz terisi dengan kegiatan berdakwah dan melawat ke markas-markas Arqam seluruh tanahair (termasuk Sabah dan Sarawak) juga ke luar negeri,. Masa mana Ustaz gunakan untuk menulis dan membahagikan masa dengan keluarga?

Syeikhul Arqam: Hidup dan mati saya biarlah kerana Islam. Kerana itu apapun saya utamakan adalah untuk Islam; berdakwah, memberi syarahan, beramal, ini yang saya dulukan. Selebihnya barulah untuk keluarga dan menulis. Sejak kecil lagi saya memang tidak suka kerja bertangguh-tangguh, kalau saya mahu menulis terus mencatat kemudian saya serahkan kepada isteri saya, dialah yang menyusunnya kembali sehinggalah menjadi sebuah buku.

Isteri-isteri dan anak-anak saya cukup memahami tugas-tugas dan perjuangan saya, jadi kalau ada kekurangan, mereka tidak menganggapnya itu sesuatu yang disengajakan. Kami saling mengeti dan faham-memahami Untuk memuaskan semua pihak, ini tentunya perkara yang mustahil. Bagaimanapun saya tidak mengambii kesempatan itu, saya cuba berlaku adii dan menjauhi dari membuat kesilapan.

Insya-Allah kalau diizinkan Tuhan buku terbaru saya akan terbit tidak lama lagi, selewat-lewatnya sebelum Ramadhan ini, insya- Allah.

Soalan: Setakat ini apakah Ustaz sudah berpuas hati dengan kepimpinan Ustaz sebagai Syeikhul Arqam, satu tugas yang berat ini. Apakah ada halangan-halangan yang Ustaz rasakan untuk terus memimpin Arqam?

Syeikhul Arqam: *Alhamdulillah* berkat kerjasama para jemaah Al Arqam setiap masalah yang timbul selama ini dapat kami selesaikan walaupun kekurangan banyak lagi yang belum tertampung. Apa yang sering saya fikirkan adalah nasib masa depan pelajar-pelajar di Yayasan Al Arqam, mempastikan kejayaan-kejayaan mereka dapat menyambung pelajaran ke luar negeri dan setakat ini ada 15 pelajar kita menuntut di Pakistan.

Pelajar-pelajar kita inilah sekembalinya ke tanahair nanti, tenaganya kami perlukan untuk berkhidmat dengan kami mencurahkan ilmu untuk anak-anak jemaah kami.

Seperti yang telah saya katakan di awal wawancara ini bagi kami di Darul Arqam soal kepimpinan tidak pemah tercabar. Kalau hendak berpecah-belah atau hancur Al Arqam ini 18 tahun dulu boleh terjadi; ketika anggota jemaah kami 10 orang, sewaktu itu markas ulung kami di Kampung Datuk Keramat. Dengan berkat sepakat dan sering bermuzakarah sesama sendiri insya-Allah keutuhan kami tetap kental walaupun ada dugaan yang datang cuba ‘menggegar’ sama ada dari luar ataupun dari dalam dapat kami ‘patahkan’.

Soalan: Arqam dilahirkan sejak 18 tahun lalu tetapi kenapa kekurangan-kekurangan yang sepatutnya boleh diatasi masih berlaku; misalnya terdapatnya madrasah-madrasah ataupun masjid-masjid yang masih tidak berdinding walaupun pembinaannya telah memakan masa tiga atau empat tahun? Kedudukan perkampungannya juga tidak tersusun.

Syeikhul Arqam: Sebenamya inilah masalah besar kita. Kita kekurangan wang yang menjadi punca utama. Cuba saudara bayangkan berapa kerat sangatlah masyarakat kita khususnya umat Islam yang nampak atau yang mahu ambil tahu masalah kita untuk kemajuan orang Islam sendiri.

Berapa kerat sangatlah orang Islam yang sanggup berkorban harta benda atau Wang ringgit untuk agama kita. Inilah masalah orang Islam tidak sanggup berkorban harta benda atau Wang ringgit untuk agama kita. Inilah masalah orang Islam, tidak sanggup berkorban untuk agama. Apa yang saya nampak, kalau untuk memburuk-burukkan sesama Islam memang ramai; yang tiada diadakan, yang kecil diperbesarkan, yang pendek dipanjangkan.

Bukan tidak ada langsung umat Islam yang tampil membantu kami, ini tidak pemah saya nafikan, dan hanya Allah yang Maha Mengetahui dan moga-moga akan diberi ganjaran di akhirat nanti. Setiap apa yang kita lakukan di dunia ini ada hisabnya pula di akhirat kelak.

Saudara pun lebih maklum, orang-orang Islam di negara kita ini ramai yang kaya-raya tetapi yang pemurah hatinya atau apa yang dipanggil dermawan terlalu sedikit bilangannya, boleh dihitung dengan jari.

Pintu rumah Al Arqam sentiasa terbuka luas pada masyarakat . luar. datanglah dan lihat sendiri kehidupan kami. Jangan pandai menuduh atau berprasangka buruk dari luar saja. Saudara sudah lihat sendiri apa yang telah kami lakukan untuk agama, apa yang telah kami perjuangkan untuk Islam.

Soalan: Ada apa-apa lagi yang perlu Ustaz perkatakan lagi?

Syeikhul Arqam: Ya, Islam ini agama yang mudah jika kita sama-sama menghayatinya. Dalam Islam tidak ada masalah yang tidak boleh diselesaikan. Kuncinya dengan bermuzakarah. Islam menganjurkan umamya memberi dan memohon maaf. ‘Kalau ini dapat kita amalkan dan memahaminya dalam Islam tentunya tidak ada sengketa sesama sendiri.

Berapa lamakah kita boleh hidup di dunia ini? 50 tahun? 100 tahun? Jika dibuat perbandingan seratus tahun itu cuma satu jam saja masa di akhirat. Dunia ini hanya tempat persinggahan, yang kekal hanya di Akhirat. Janganlah masa yang sesingkat itu di-persia-siakan. Kita perlu tamak dan menjaganya dengan sebaik-baiknya. Janganlah masa yang satu jam itu kita pergunakan untuk mengumpat, menghina, membuat maksiat, mencuri, menyamun, sebaliknya kita pergunakanlah sebaik-baiknya sebagaimana yang dituntut oleh agama kita, agama Islam. Semoga hidup kita ini diberkati-Nya insya-Allah. Kerana yang benar itu datangnya dari Allah, mudah-mudahan kaum muslimin semua dapat menanamkan semangat kesedaran dan kecintaan di dalam jiwa kita dan dengan rasa kecintaan terhadap agama Islam yang amat kita kasihi ini.

WAWANCARA KHAS DENGAN PEMIMPIN AL ARQAM
Petikan: Majalah Era No: 3 1987

AL ARQAM BUKAN MAHU MENGUBAH KERUSI TAPI MAHU MENGUBAH JIWA

- **Sistem politik yang ada sekarang datangnya dari barat, bukan dari Islam**
- **Jika muzakarah diadakan atas dasar berlakun atau strategi parti masing-masing, ia tidak akan sampai ke mana-mana**
- **Di sini parti politik hanya memikirkan untuk mendapatkan negara**
- **Kami memikirkan untuk membangunkan insan**
- **Krisis dalam Darul Arqam nampak besar kerana sengaja dibesar-besarkan dalam akhbar**

SINOPSIS

RUMAH batu dua tingkat tempat berlangsungnya temubual Ustaz Ashaari Muhammad terletak di Gombak. la dinamakan 'Rumah Tamu' kerana dikhaskan untuk tetamu-tetamu penting yang melawat Darul Arqam. Selepas diberitahu oleh seorang pemimpin Arqam tentang apa yang tidak perlu disentuh dalam temubual kerana telah dijelaskan dalam buku-buku Ustaz Ashaari, wartawan ERA pun dipersilakan ke ruang temubual. Di situ tersedia dua buah kerusi, sebuah meja dan pembesar suara. Rupa-rupanya temubual itu akan dirakamkan oleh Unit Vi&o Al Arqam. Ustaz Abdul Halim Abbas, pemimpin kanan Arqam bertindak selaku pengerusi majlis.

Ustaz Ashaari sentiasa tenang dalam perbualannya. Beliau tidak banyak menggunakan istilah Arab seperti kebanyakan pemimpin gerakan Islam yang lain. Sesekali diselitkan jawapannya dengan jenaka kecil sehingga mencuit hati anak buahnya yang berjumlah hampir dua puluh orang semuanya. Ada kalanya pemimpin-pemimpin lain mencelah untuk menokok tambah jawapan pemimpin mereka.

Darul Arqam sebenarnya tidal menolak politik seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak. Mereka juga bukan mahu memencilkan diri dari masyarakat dengan hidup di perkampungan sendiri. Apakah mereka selama ini menjalankan dasar pintu tertutup ataukah masyarakat yang memulaukan mereka? Semuanya diperjelaskan oleh Ustaz Ashaari, Ketua Darul Arqam kepada ERA. Namun dalam sesetengah perkara Ustaz Ashaari agak sensitif Beliau menitiskan air mata apabila ditanya tentang apakah hajatnya yang belum tercapai. Mengapa? Dan apakah pesanannya kepada ahli Arqam, kepada masyarakat di luar Arqam dan kepada yang telah meninggalkan Arqam? Ikutilah sebahagian dari temubual khas wartawan kami. Roosfa Hashim, dengan pemimpin kumpulan Darul Arqam.



En. Roosfa Hashim bersama Syeikhul Arqam: "Sistem politik yang ada sekarang datangnya dari barat, bukan dari Islam."

Soalan: Berapa ramaikah ahli-ahli Arqam di seluruh negara setakat ini?

Syeikhul Arqam: Jemaah Darul Arqam adalah sebuah jemaah mengaji. Kita sudah ada kelas mengaji di seluruh negara selain dari di Pusat I dan II iaitu di Sungai Penchala dan di Kampung Sempadan. Kelas mengaji dibuat bukan sahaja sesama ahli Arqam tetapi juga dengan masyarakat di luar Arqam sama ada atas permintaan mereka ataupun atas permintaan kita. Atas pertimbangan ini kita anggar mereka yang hadir secara tetap berada dalam lingkungan lima hiigga enam ribu orang. Mereka yang hadir sekali sekala ada dalam puluhan ribu. Yang dianggap sebagai ahli ialah yang datang secara tetap dan nampak komited betul untuk menjayakan Darul Arqam iaitu di sekitar lima hingga enam ribu orang.

Soalan: Adakah Darul Arqam mengambil berat dari segi pertambahan ahli?

Syeikhul Arqam: Pertambahan ahli berlaku sendiri apabila kita selalu berdakwah dan bilamana kita membuka kelas pengajian kita dengan lebih luas lagi. Sama ada kita berniat ingin menambah ahli atau tidak, pertambahan ahli itu berlaku dengan sendirinya apabila aktiviti kita bertambah luas. Pada kita yang penting bukanlah soal pertambahan ahli tetapi kita mahu masyarakat memahami dan seterusnya menghayati Islam. Kita mahu masya-

rakat yang ada pada hari ini menukar corak hidup mereka kepada corak hidup Islam. Jadi, kita di Darul Arqam adalah sebagai tenaga penggerak atau tenaga penyedar. Bukan kita inginkan sangat kepada **ahli.**

Soalan: Arqam disifatkan oleh sesetengah kalangan masyarakat sebagai kumpulan yang berjubah, dan memisahkan diri mereka dari gerakan Islam lain yang tidak berjubah. Tidakkah ini boleh menimbulkan kesan negatif ke atas ukhwah sesama muslim?

Syeikhul Arqam: Semua tohmah dan tuduhan sesetengah kalangan masyarakat yang semacam itu adalah tidak benar. Kami di Darul Arqam sentiasa berhubung dengan masyarakat luar sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kalau berlaku kematian atau ada ahli masyarakat yang sakit, kami ziarah dan sembahyangkan jenazahnya. Kita buat hubungan silaturrahim pada hari baik bulan baik. Itu hubungan secara langsung. Perhubungan tidak langsung ialah melalui dakwah yang kita adakan, melalui perancangan ekonomi, melalui kedai yang kita wujudkan, melahri klinik kesihatan, juga melalui projek pertanian. Logiknya, kalau kita tidak berhubungan dengan masyarakat, bagaimana kita nak melaksanakan ekonomi, berdakwah dan sebagainya?

Kita ada tadika, sekolah dan nurseri, kebanyakannya orang di luar Arqam yang menghantar anak-anak mereka. Jadi, secara tidak langsung kita telah berhubungan dengan masyarakat.

Soalan: Kadang-kadang kita masih dapat rasakan kerenggangan di antara sesetengah ahli Arqam dengan masyarakat. Bolehkah kita katakan bahawa berlakunya kerenggangan ini akibat dari sikap sesetengah ahli Arqam sendiri terutamanya bila membuat penafsiran terhadap peraturan dan saranan daripada pucuk pimpinan Arqam?

Syeikhul Arqam: Sebenamya, dasar pengajian jemaah kita bukan untuk menyingkirkan masyarakat. Tadi telah saya gambarkan bagaimana kita bermasyarakat. Cuma kalau ada satu atau dua individu yang sikapnya tidak disenangi, itu merupakan kesilapan individu itu sendiri. Itu bukan dasar perjuangan kita. Ini memang biasa berlaku di mana-mana jemaah sekalipun, tidak dapat kita elakkan. Bagi ahli-ahli yang bantu mungkin mereka belum begitu mesra dengan didikan kita dan akibamya mungkin berlaku salah tafsiran.

Soalan: Ada waktu-waktu tertentu masyarakat merasakan Darul Arqam mengamalkan sikap tertutup di mana tiada langsung kedengaran berita mengenai Arqam di media. Tetapi sekarang ini nampaknya Darul Arqam telah mengamalkan sikap terbuka kepada media massa. Apakah sudah berlalu perubahan dasar atau bagaimana?

Syeikhul Arqam: Sebenamya selama Arqam diwujudkan sehingga hari ini tidak pemah kita mengamalkan dasar tertutup. Sepanjang masanya adalah dasar terbuka. Cuma sesetengah orang itu barangkali sebelum ia datang ke Darul Arqam ia mendengar sesuatu yang tidak baik daripada kalangan ataupun individu yang tidak bersetuju dengan Darul Arqam. Oleh kerana gambaran itu terlalu negatif dan seolah-olah benar, maka langsunglah orang yang mendengar itu tidak mahu datang. Kelas pengajian dan program dakwah yang kita jalankan semuanya secara terbuka dan tidak ada yang tertutup.

Soalan: Ramai kalangan masyarakat' berpendapat Darul Arqam adalah gerakan Islam yang menolak siasah dalam pendekatan dakwah ke arah menegakkan Islam. Boleh ustaz berikan sedikit penjelasan mengenai ha! ini?

Syeikhul Arqam: Islam itu sebenamya Dinul syumul. Ia suatu agama yang meliputi segenap aspek bermula dari persoalan aqi-

dah, ibadah, masyarakat sampailah kepada soal negara dan antarabangsa. Tapi, dalam mengamalkannya, mestilah kita bermula dari soal aqidah, selepas itu soal ibadah-ibadah khusus seperti sembahyang dan lain-lain. Kemudian biia kita ada tenaga baru kita pergi lebih jauh melaksanakan kewajipan yang fardhu kifayah umpamanya kita membuat klinik, sekolah dan kilang-kilang bagi mengeluarkan barangan yang halal menurut Islam, begitulah seterusnya.

Cuma, untuk melaksanakan program Islam yang begitu syumul bermula dari soal aqidah membawa kepada soal antarabangsa, kita lebih yakin bahawa melalui dakwah dan tarbiah itu lebih berkesan dan selamat daripada melalui politik atau siasah sepeni yang ada pada hari ini kerana ia lebih cenderung untuk menimbulkan kekacauan, pertembtmgan, pergeseran dan krisis yang tidak habis-habis. Ia bukan sahaja berlaku antara parti dengan parti bahkan krisis yang berlaku itu lebih hebat dalam parti itu sendiri.

Ini kita dapat rasakan bukan sahaja di tanahair kita bahkan di mana-mana di seluruh dunia hari ini. Jadi kita yakin bahawa melalui dakwah dan tarbiah Islam sahajalah dapat menyedarkan umat Islam dan suatu masa nanti secara perlahan-lahan mereka akan dapat membangunkan Islam.

Soalan: Kalau Darul Arqam mahu melibatkan diri dalam politik bagaimanakah caranya dan bilakah masanya?

Syeikhul Arqam: Pada kita begini, kita bukan nak menawan kerusi tapi nak menawan hati. Kita bukan nak mengubah kerusi mereka (pemerintah) tetapi nak mengubah fikiran dan jiwa mereka. Jadi kalau fikiran dan jiwa mereka berubah kepada Islam, dengan sendiri sikap dan tindak tanduk mereka akan berubah dan ertinya pentadbiran mereka juga akan berubah. Jadi, akan timbullah perubahan politik.

Kita terpaksa berhadapan dengan parti politik dan pilihanraya tiap lima tahun sekali. Sebagai rakyat dan warganegara yang berhak mengundi kita arahkan kepada ahli-ahli kita agar keluar

mengundi supaya mengundi calon atau individu yang baik. Kita tidak meletak calon dan tidak pula menyokong mana-mana parti.

Guide *line* yang kita berikan ialah mengundi calon yang baik, maknanya yang soleh akhlaknya, asaIkan dia Islam dan dia baik, tidak mengira apa parti yang diwakilinya sama ada parti yang me- . merintah atau parti pembangkang. Pada kita untuk mengubah masyarakat tidak semestinya mengubah kerusi. Yang penting mesti mengubah hati dan fikiran. Kalau itu berubah maka berubahlah yang lain.

Sebab mungkin hasil dari pandainya kita melobi, maka kita dapat kuasa. Tapi belum tentu kita boleh berlaku adil dengan kerusi yang kita dapat. Belum tentu kita boleh berbuat sesuatu yang lebih baik dari orang lain.

Berdasarkan pengamatan kita, sama ada di dalam atau di luar negeri, ramai orang yang berjaya merebut kerusi tetapi gagal berbuat lebih baik daripada orang lain. Kadangkala apabila berjaya merebut kerusi tindakannya lebih jahat dari orang yang terdahulu. Mengapa? Kerana mereka lebih memikirkan untuk mengubah kerusi.

Bagi kita setiap orang duduklah di kerusi masing-masing. Tok Penghulu, Pegawai Daerah, Wakil Rakyat duduk baik-baik di kerusi masing-masing. Kita akan datang pada mereka untuk mengubah fikiran dan jiwa mereka. Kerusi tidak payah ubah pun tak mengapa.

Soalan: Jadi Ustaz, adakah ini bermakna Darul Arqam menolak sistem politik yang kita amalkan sekarang?

Syeikhul Arqam: Sistem politik yang ada sekarang datangnya dari barat;bukannya dari Islam. Sebab itu kita ikut cara Islam melalui dakwah dan tarbiah. Pada kita itulah politik. Sebab ia akan membawa kepada perubahan politik apabila jiwa dan fikiran berubah.

Soalan: Kalau kita melihat perkembangan politik di negara kita sekarang sama ada di Semenanjung mahupun di Sarawak dan Sabah, kuasa politik yang ada pada tangan orang Islam sudah mula tergugat. Bagaimanakah Darul Arqam melihat perkembangan ini, apakah kesannya ke atas Darul Arqam dan apakah rancangan dan strategi yang telah disusun oleh Darul Arqam dalam berhadapan dengan perkembangan ini?

Syeikhul Arqam: Saya rasa kalau kita pandai berjuang, tidak akan tergugat umat Islam. Cuba kita perhatikan, adakah selama ini badan-badan Islam termasuk parti politik mengambil sebarang inisiatif untuk meng-Islamkan orang kafir? Kita cuma memikirkan hal-hal yang ada hubungannya dengan orang Melayu dan orang Islam. Kemudian kita harap semoga orang-orang kafir ini akan mengikut dan mahu menerima apa yang kita sarankan. Hanya dengan menyimpan harapan, tetapi mengapa tidak ada usaha daripada parti-parti politik dan badan-badan dakwah untuk mengambil berat meng-Islamkan orang bukan Islam? Sedangkan Rasulullah datang terdahulunya mengislamkan orang kafir.

Sebab itu kami orang-orang dakwah sentiasa memandang masa depan itu cerah. Tak adalah kita memandang dengan kaca mata hitam. Kalaulah orang-orang kafir yang mempunyai kekuatan ekonomi itu dapat kita Islamkan, nescaya Islam di sini kuat dari segi ekonomi.

Pada kita tidak timbul soal siapa yang berkuasa di Malaysia, sama ada orang Cina, India atau Pakistan, pokoknya mereka Islam.

Soalan: Adakah Darul Arqam terlibat atau condong kepada mana-mana badan politik?

Syeikhul Arqam: Seperti yang telah saya jelaskan, kita tidak memiliki parti politik dan kita tidak mirip kepada mana-mana parti politik. Tapi sejauh mana yang kita terdaya kita hubungi

orang-orang politik sama ada dia Islam atau bukan Islam. Kepada yang Islam supaya mereka dapat menerima Islam itu secara sebaik-baiknya dan kepada yang bukan Islam kita mahu menceritakan yang Islam itu baik, moga-moga mereka menerima Islam.

Soalan: Bagaimana Ustaz melihat pakatan di antara PAS dan UMNO untuk mengadakan muzakarah. Apakah mereka berkemungkinan untuk mencapai kata sepakat?

Syeikhul Arqam: Dalam apa saja masalah, kalau timbul pertelingkahan dan mahu disatukan semula berbagai pendapat supaya dapat diterima secara bersama, Islam telah memberikan jalan penyelesaiannya. Di antaranya secara syura ataupun secara muzakarah.

Kemudian kesannya sama ada baik atau tidak terpulang kepada *nawaitu* (niat) setiap orang yang nak bermuzakarah. Yang kedua, bila mana kebenaran itu telah terserlah dan sudah nyata, sejauh mana mereka yang terlibat itu mahu mengamal atau menerimanya, itu satu lagi persoalan. Jika masing-masing mahu mengamalkan kebenaran hasil muzakarah itu bolehlah bermuzakarah dan itulah sebaik-baik penyelesai masalah.

Tetapi jika muzakarah itu diadakan atas dasar berlakon atau dasar strategi parti masing-masing dan bukan atas dasar *nawaitu* (niat) yang baik, ia tidak akan sampai ke mana-mana Jangan-jangan barangkali selepas muzakarah, lebih hebat perselisihan berbanding dengan sebelum muzakarah.

Soalan: Tidakkah Darul Arqam berhasrat untuk turut sama memainkan peranan bagi menghasilkan muzakarah ini?

Syeikhul Arqam: Buat sementara waktu ini, isu muzakarah antara dua puak PAS dan UMNO ini, kita masih melihat-lihat dan menilai dari jauh. Kita mahu melihat adakah dua puak ini berjaya sampai ke meja muzakarah.

Kalau mereka gagal bermuzakarah dan sebaliknya selepas ini perselisihan lebih hebat, kita akan fikirkan tentang kemungkinan untuk campur tangan. Buat masa ini kita belum mahu campur tangan sebab bagi sesetengah pihak, peranan badan dakwah yang kecil seperti Darul Arqam mereka anggap sebagai remeh-temeh sahaja, usaha yang tidak begitu dihormati.

Soalan: Kalau diberi peluang untuk menjadi orang tengah bagaimana?

Syeikhul Arqam: Insya-Allah.

Soalan: Kita beralih ke luar negeri. Kebelakangan ini Darul Arqam telah meluaskan sayapnya ke benua-benua lain. Apakah hasrat Darul Arqam yang sebenarnya?

Syeikhul Arqam: Islam adalah agama universal, agama sejagat, agama antarabangsa. Ia tidak dibatasi oleh sempadan geografi atau sempadan negara. Pada peringkat awal kita tidak mempunyai cukup tenaga dan keupayaan. Tetapi oleh kerana sekarang kita sudah mempunyai sedikit sebanyak kemampuan maka kita cuba berdakwah dan berhubung dengan masyarakat Islam di luar. Pada kita di mana sahaja kita mendapat kesempatan berdakwah, kita akan lakukan.

Soalan: Dalam banyak-banyak perjalanan ustaz ke luar negeri, apakah gerakan Islam yang paling menarik hati ustaz?

Syeikhul Arqam: Dari tinjauan saya ke Timur Tengah, Afiika dan banyak negara sebelah timur ini, sebenarnya gerakan Islam lebih menonjol di sebelah timur khususnya di Malaysia. Dan, gerakan Islam boleh dikatakan sudah tidak begitu kuat di Tiiur Tengah dan Afrika. Kalau ada pun hanya badan-badan kebajikan. Gerakan Islam sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam sudah tidak wujud kecuali di Malaysia.

Soalan: Bagaimana dengan gerakan Ikhwanul Muslimin di Mesir sekarang, bagaimana pandangan ustaz terhadap gerakan tersebut?

Syeikhul Arqam: Ikhwan ini. kita dengar begitu-begitu sahaja, tapi bila kita pergi ke sana payah untuk melihat orangnya, dan payah kita melihat aktiviti mereka. Tapi kita memang boleh mendengar tentang kewujudan Ikhwan Muslimin. Ada juga saya terjumpa seorang dua ahli Ikhwan Muslimin tapi dah tak ada jemaahnya dan tak ada aktivitinya sedangkan mereka menerima dasar perjuangan Ikhwan Muslimin. Tapi menurut individu yang saya temui, beliau sendiri tidak dapat nak melahirkan jemaahnya, dan beliau sendiri tak dapat berdakwah secara Ikhwan Muslimin.

Soalan: Bagaimana pula dengan Jemaah Islami di Pakistan?

Syeikhul Arqam: Jemaat Islami sebenarnya sebuah parti politik seperti PAS di sini. Cuma bezanya walaupun mereka tidak berjaya di segi politik seperti PAS, HAMIM dan BERJASA di Malaysia, tapi ada sedikit kelainan.

Sebelum dapat menguasai negara, mereka buat dahulu apa yang dapat dibuat. Contohnya mereka bangunkan sekolah-sekolab. Sewaktu ke sana, saya dapat berhubung dengan pemimpin-pemimpin Jemaat Islami. Mereka mempunyai kira-kira 500 buah sekolah di seluruh Pakistan, pelajamya mungkin ratusan ribu. Ada dua jenis sekolah, sekolah dalam negeri dan sekolah luar negeri yang menempatkan pelajar-pelajar dari luar negeri.

Mereka juga mendirikan hospital dan klinik. Dalam taklimat yang diberikan kepada saya, mereka mempunyai kira-kira 80 buah klinik'di seluruh negara. Yang terbesar ialah empat buah hospital. Saya juga sempat melawat sebuah daripada hospital ini yang terletak di Lahore. Sebahagian besar hospital ini dipenuhi oleh askar-askar Afghanistan yang cedera dalam peperangan.

Di sini keadaannya berbeza. Parti-parti politik hanya memikirkan untuk mendapatkan negara. Jadi tidak ada sekolah, tidak ada rancangan ekonomi, tidak ada hospital dan sebagainya.

Soalan: Bagaimana pula pandangan ustaz terhadap tulisan-tulisan ulama Pakistan seperti Maududi dan Maryam Jameelah?

Syeikhul Arqam: Yang sebenamya Maududi dan jemaahnya lebih popular di luar Pakistan. Di Pakistan, mereka tenggelam dalam suasana yang ada. Jemaah lain seperti Tabligh lebih popular. Buku-buku mereka juga lebih popular di luar Pakistan sendiri. Sebab itu buku-buku mereka banyak diterjemahkan ke bahasa lnggeris.

Soalan: Bagaimana dengan tulisan pemimpin-pemimpin Ikhwan Muslimin seperti Hassan Al Banna?

Syeikhul Arqam: Saya lebih banyak membaca buku Hassan Al Banna berbanding dengan pemimpin-pemimpin Ikhwan yang lain. Bagi saya buku-buku beliau bagus-bagus belaka. Dia tidak menulisnya dalam bentuk yang terlalu berfalsafah tapi dalam bentuk tarbiah dan pendidikan. Kebanyakan buku-bukunya nipis bertujuan senang dibaca dan diamalkan secara langsung. Tidak seperti sesetengah ulama yang menulis terlalu berfalsafah dan tebal sehingga sukar dibaca dan diamalkan.

Hassan Al Banna sebagai pemimpin Ikhwan Muslimin, beliau faham bagaimana nak mengubah masyarakat Mesir yang ada maka dibuatnya saranan-saranan yang ringkas-ringkas tetapi targetnya hati.

Saya memang berkenan dengan tulisan-tulisan beliau dan memang pada peringkat awal pun kami menggunakan buku beliau 'Peraturan dan Arahan'.

Soalan: Kita kembali kepada masalah dalam negeri semula. Bagaimana pandangan ustaz tentang sistem ekonomi Islam yang sedang digerakkan oleh kerajaan? Secara jangka panjang, tidakkah Arqam juga mempunyai cita-cita untuk mewujudkan sistem ekonomi Islam sendiri dengan ertikata mempu-

nyai institusi yang berasaskan Islam seperti bank dan insurans?

Syeikhul Arqam: Cakap-cakap tentang Islam di pihak pemerintah sama ada yang berhubung dengan ekonomi mahupun yang berhubung dengan pentadbiran, masih baru lagi. Jadi tidak mungkin ia dapat mengubah sistem yang sudah lama bertapak. Sama ada sistern pendidikan, ekonomi mahupun tentang hasrat mewujudkan sistem Islam tentu masih belum mendapat sebarang kejayaan.

Tapi kalau semua masyarakat Islam di Malaysia bekerjasama menyumbang ke arah itu hasrat itu akan tercapai.

Perlu ada kerjasama semua pihak mengikut kemampuan masing-masing. Sebab kita mahu mengubah satu sistem yang sudah sedia wujud ratusan tahun. Bukan boleh diubah oleh hanya pemerintah atau jemaah tertentu sahaja.

Soalan: Jadi apakah sumbangan Arqam ke arah cita-cita kerajaan ini supaya ia tercapai?

Syeikhul Arqam: Saya tidak mahu mengatakan ini sebagai cita-cita kerajaan tetapi cita-cita umat Islam seluruhnya. Apa yang sedang diusahakan oleh Daru1 Arqam sekarang adalah sumbangan kami. Kita berdakwah, membuka sekolah, mentarbiah dan membuat serba sedikit aktiviti, itulah sumbangan kami.

Nanti bila ada tenaga yang lebih kita akan besarkan sumbangan kita dan kita akan pelbagaikan sumbangan kita.

Soalan: Barang-barang keluaran Darul Arqam terutamanya makanan mulai diterima dan disanjung oleh masyarakat. Apakah usaha Arqam untuk menjamin masyarakat sentiasa mendapat bekalan halal ini dan bagaimanakah untuk memas: tikan barang-barang ini sampai ke seluruh peiusuk negara?

Syeikhul Arqam: *Alhamdulillah,* kita bersyukur kepada Allah kerana usaha kita yang terlalu kecil di bidang ekonomi ini diteri-

ma dan nampaknya ada sambutan daripada masyarakat. Jadi, untuk membesarkannya memang menjadi cita-cita kita. Tapi kita tidak memikirkan sangat dari sudut komersial. Kita lebih memikirkan tentang pembangunan insan.

Kita sedang berusaha membangunkan individu-individu Islam sebanyak-banyaknya. Bila telah lahir individu ini maka kita akan membesarican kilang.

Selama ini kita lihat orang Islam diberi bantuan berjuta-juta ringgit. Hutang tidak dibayar, kilang entah ke mana. Baja yang diberi dijualkan. Diberikan lembu, dikatakan lembu ditangkap harimau. Diberikan ayam, dikatakan kena sampar. Diberikan anak-anak ikan, dikatakan dimakan memberang. Sejauh mana benamya. ***wallahua'lam*** Kenapa? Kerana selama ini kita tidak memikirkan untuk membangunkan insan.

Sebagai jemaah yang baru lahir tentulah barang-barang keluaran Darul Arqam tidak sebaik kilang-kilang yang lebih maju dan berpengalaman. Tapi kalau masyarakat sudah sedar bahawa mereka mesti membantu usaha-usaha umat Islam, mereka akan menganggap itu sebagai suatu jihad. Jadi, tanpa mengira barang itu pahit, tidak sedap ataupun mahal mereka mesti membeli buatan umat Islam. Itu yang saya katakan untuk membangunkan Islam semua orang mesti terlibat.

Soalan: Sekarang kita bercakap pula soal pendidikan. Darul Arqam nampaknya mengasingkan diri daripada sistem pendidikan kerajaan dan sebaliknya mewujudkan sistem pendidikan sendiri. Di peringkat yang lebih tinggi Arqam menghantar pelajarnya ke negara-negara seperti Pakistan dan India dan tidak ke Azhar. Apakah Arqam mempertikaikan kewibawaan universiti Azhar?

Syeikhul Arqam: Bila kita memperkatakan tentang pendidikan kita sendiri yang dapat membezakan antara pendidikan dan ihnu. Dalam Islam apa sahaja ilmu boleh dipelajari, bukan sahaja ihnu yang, ada kaitan dengan akhirat. Semua ilmu boleh dipelajari

kecuali ilmu sihir, itu pun ada sesetengah ulama mengharuskan mempelajatinya.

Yang menjadi soal ialah tentang tarbiah atau didikan. Banyak ihnu yang diajarkan di sekolah kerajaan turut diajarkan di sekolah kita. Babkan kita mengajar secara praktis misalnya dalam ihnu pertanian. Sebab bila keluar dari sekolah belum tentu semuanya jadi ulama. Ada yang dihantar ke berbagai bahagian.

Masalah di sekolah kerajaan ialah murid-murid tidak ditarbiah secara betul. murid-murid tidak dididik cintakan Allah dan Rasul. Mereka tidak diajar sayangkan ibu bapa dan guru, bagaimana berukhwah, bagaimana bersembahyang jemaah dan sebagainya.

Di sekolah kita, kami menekankan tarbiah. Guru-guru bukan sekadar menyampaikan ilmu dan kemudian balik. Kadang-kadang sama-sama sembahyang malam, sama-sama bermasyarakat kalau tak boleh di sekolah bawa berkelah, sama-sama makan minum. Dengan itu baru murid-murid mengenali guru mereka.

Tentang pelajar Arqam tidak ke Azhar dan sebaliknya ke Pakistan dan India, ini ada hubungannya dengan masalah perbelanjaan. Di Pakistan dan India lebih murah berbanding dengan di negara-negara Arab atau Mesir.

Soalan: Sebagai sebuah pertubuhan yang besar, apakah nilai-nilai budaya dan sosial yang telah dan akan ditonjolkan oleh Arqam kepada masyarakat?

Syeikhul Arqam: Nilai-nilai budaya dan sosial yang kita tonjolkan ke tengah-tengah masyarakat dan dirasakan sesuai dengan ajaran Islam adalah atas dasar khidmat dan tolong menolong antara satu sama lain. Sebab, ini adalab ajaran Islam.

Soalan: Siapakah ulama-ulama yang menjadi rujukan dan ikutan ustaz?

Syeikhul Arqam: Di bidang aqidah kita rujuk Abu Hassan Al Ashaari, di bidang feqah kita rujuk Imam Shafie dan di bidang tasawuf kita rujuk Imam Ghazali.

Soalan: Bagaimana dengan ulama-ulama moden?

Syeikhul Arqam: Apa yang saudara maksudkan dengan ulama moden? Ulama yang hidup di zaman moden dengan ulama moden itu dua perkara yang berbeza. Ada ulama yang hidup di zaman moden tapi keyakinannya tetap lama dan ada ulama yang hidup di zaman moden dan pegangannya juga jadi moden.


Saya rasa golongan yang berada di zaman moden dan keyakinannya juga moden itu yang lebih ramai sebab itu lebih mudah Dan ulama yang hidup di zaman moden tetapi keyakinannya masih cara lama sudah tidak banyak.

Soalan: Sekarang kita berpindah kepada ujian-ujian yang dihadapi oleh Arqam selama ini. Apakah yang telah menyebabkan kekecohan terbaru yang melanda Arqam sebelum ia menjadi tenang semula baru-baru ini?

Syeikhul Arqam: Soal kekecohan ataupun apa yang dinamakan krisis memang sudah menjadi sunnatullah ataupun sunnah alam. Tak dapat kita elak sejak wujudnya manusia sehinggalab selama mana wujudnya manusia di muka bumi ini. Kalau kita lihat apa yang berlaku di luar Arqam lebih hebat terutama apa yang berlaku dalam parti-parti politik. Sebab itu kalau berlaku sedikit krisis dalam Arqam itu tidak aneh dan sepatutnya masyarakat tidak perlu ambil berat sangat.

Yang penting pada kita yang ada cita-cita dan mabu menyalurkannya melalui jemaah kita, teruskan perjuangan. Berusaha tanpa memikirkan apakah akan timbul krisis atau tidak. Yang penting jentera kita terus bergerak untuk menuju matlamat.

Krisis dalam Arqam nampak besar kerana sengaja dibesar-besarkan dalam akhbar. Misalnya ada akhbar yang buat berita kononnya telah berlaku krisis selama lapan bulan dalam Arqam. Padahalnya yang *keluar arqam cuma tiga belas orang.



Berziarah dan muzakarah selalu dilakukan oleh mubaligh Al Arqam dengan semua lapisan masyarakat; tapi benarkah Darul Arqam masih mengamalkan dasar tertutup dengan pihak media massa?
(Gambar: Suasana majlis dialog bersama wartawan-wartawan tempatan dengan pemimpin jemaah Darul Arqam di Sg. Pencala 1987.)

Soalan: Menoleh kembali perjuangan ustaz bersama Darul Arqam selama hampir dua dekad, apakah ujian yang paling besar sekali sepanjang tempoh tersebut?

Syeikhul Arqam: Saya rasa payah untuk menyebut yang mana besar dan yang mana kecil. Apakah kita nak ukur besar kecil atas dasar orang ramai dan akhbar membesarkannya? Pada saya, saya benar-benar cemas sewaktu mula-mula bersama sepuluh orang. Sebab awal-awal lagi orang sudah mengkafir dan mensyirikkan kita. Kita juga dituduh sebagai komunis, membawa ajaran sesat, penjenayah dan sebagainya. Selalu benar polis cawangan khas datang. Dalam angka sepuluh orang bukan mudah untuk bertahan. Waktu itu kalau ada di kalangan kita yang mati, mungkin ada yang tidak mahu sembahyangkan. Sekarang sudah ramai, tapi bentuk ujian masih macam dulu. Cuma waktu dulu tidak heboh dan tidak masuk surat kbabar.

Soalan: Apakah hajat ustaz yang masih belum tercapai lagi?

Syeikhul Arqam: Pada saya bila saudara tanya soal itu sensitiflah. Hajat saya cuma di Akhirat sahaja, sama ada di Neraka atau di Syurga. Itu saja yang saya bimbang. Sebab matlamat perjuangan Islam kejayaannya bukan ditentukan di sini.

Bilangan yang ramai itu bukan kejayaan. Dapat membangun-’kan negara itu juga bukan kejayaan. Walaupun difikirkan tentang negara, difikirkan tentang ekonomi dan ramainya pengikut, tapi bukan itu matlamatnya. Sebab itu bagi kita, berjaya atau tidak selagi ada tenaga yang Allah izinkan, kita terus bergerak. Kita teruskan perjuangan sama ada difitnah atau tidak. Mengapa? Kerana kita mahu tentukan kejayaan kita di Akhirat, apakah pada waktu itu kita ke Syurga atau ke Neraka.

Sebab itu pada kita tidak ada kejayaan di dunia, yang ada cuma perkembangan sahaja. Daripada bilangan yang kecil kepada besar itu bukan bermakna kejayaan. Tak besar pun tidak mengapa, seorang pun tak apa, asalkan diterima oleh Allah.

Walaupun kita besar dan orang mendapat manfaat daripada kita, kita belum tentu selamat dari neraka.

Soalan: Apakah nasihat ustaz kepada a.hli-ahli Arqam dalam menghadapi berbagai ujian sekarang dan akan datang, apakah pesanan ustaz kepada masyarakat di luar Darul Arqam dan apakah pula pesanan ustaz kepada ahli-ahli Arqam yang telah meninggalkan Arqam?

Syeikhul Arqam: Pertanyaan saudara yang terakhir ini sebenarnya memang sudah menjadi saranan khususnya kepada ahh-ahli Arqam. Kita selalu mengingatkan kawan-kawan bahawa memang Allah akan timpakan ujian atas setiap orang, lebih-lebih lagi ke atas orang mukmin, orang yang berjuang. Allah akan uji dengan ketakutan dan kekurangan.

Kita juga selalu ingatkan supaya sentiasa tahan diuji. Kita memang tak dapat elak dari berdosa. Apa sahaja ujian yang ditimpakan oleh Allah kepada kita di dunia ini adalah merupakan hukuman kepada kita di dunia ini supaya selesai di akhirat.

Dari ujian ini juga kita dapat mengenali siapa yang benar-benar menjadi kawan kita, siapa lemah, siapa yang sanggup dan siapa yang tidak sanggup untuk berjuang. Semua orang boleh mengaku mampu berjuang.

WAWANCARA DENGAN
EN. ISMAIL KASSIM
WARTAWAN THE STRAIT TIMES,
SINGAPURA
20 Januari 1988

SIKAP DARUL ARQAM TERHADAP KERAJAAN DAN PUSAT ISLAM

- **Benarkah Darul Arqam berkembang sebab sokongan UMNO?**
- **Apakah reaksi Darul Arqam terhadap politik PAS?**
- **Gerakan Darul Arqam tidak praktikal untuk kesyumulan Islam?**
- **Dasar Darul Arqam terhadap harakah Islamiah**

Soalan: Mula-mula saya nak beritahu Ustaz Ashaari, saya sudah lama mendengar nama Ustaz Ashaari sudah 10 tahun yang lalu. Dalam tahun 1979 saya menziarahi tempat ini dan mendengar syarahan di malamnya. Hasil daripada itu saya tulis satu rencana berkenaan Darul Arqam. Dan sekarang saya datang kembali ke sini untuk menulis lagi satu rencana tetapi saya lihat dalam masa lapan tahun Darul Arqam telah berkembang dengan pesat. Jadi walaupun terdapat satu dua krisis kebelakangan ini, Darul Arqam nampaknya tidak mengambil reaksi apa-apa, masih boleh bergerak lagi. Adakah Ustaz ingin memberi penjelasan dalam ha1 ini?

Syeikhul Arqam: Yang sebenamya apa yang Allah kehendaki dan apa yang diceritakan oleh Rasulullah SAW, mengenai pembangunan yang sebenamya ialah pembangunan insan itu sendiri. Pembangunan individu untuk menjadi seseorang yang benar-benar menjadikan Allah sebagai Tuhannya, Rasulullah sebagai contohnya dan menjadikan negeri akhirat matlamatnya. Itulah yang menjadi cita-citanya. Hidup di dunia ini hanya sementara waktu sabaja. Untuk berbakti kepada Allah SWT. Dunia ini bakal ditinggalkan untuk berhadapan dengan negeri akhirat yang kekal abadi. Setelah dia mengikut perintah Allah di dunia ini maka dia akan selamat di negeri akhirat. Terselamat daripada api neraka. Dia akan masuk ke syurga.

Jadi kalau begitulah yang dimaksudkan oleh Allah dan -Rasul, atau yang dimaksudkan oleh Islam walaupun saudara melihat atau

se-tengah-setengah orang melihat kepesatan yang berlaku di Darul Arqam ini seperti pembangunannya yang berhubung dengan sekolah, kliniknya, pertaniannya, ini bukan satu kejayaan. Tetapi pada kita itu baru merupakan menegakkan alat, bukannya matlamat. Moga-moga dengan alat itu dapat membantu kami untuk menegakkan syakhsiah Islamiah (keperibadian Islam).

Kalaulah peribadi atau individu itu dapat kita tegakkan Islam pada dirinya dan berjaya pula mengajak orang lain, inilah satu kejayaan. Sebab Islam mahu seseorang itu beriman dengan Allah, berani, jujur, kasih sayang serta tolong-menolong, bantu-membantu, bemkhlak baik. Inilah yang dikatakan pembangunan individu atau pembangunan insan. Moga-moga insan itu menjadi seorang hamba yang sebagaimana Allah kehendaki dalam firman-Nya:

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Terjemahannya: Tidak Aku jadikan jin dan manusia itu me-' lainkan untuk beribadah kepada-Ku.

(Az Zariyat: 56)

Pada kita pembangunan fizikal belum menentukan apakah itu satu kejayaan ataupun tidak. Sama ada pembangunan fizikal itu pesat atau tidak, pada kita itu tidak menjadi satu ukuran. Pada kita yang menjadi ukuran kejayaan itu sejauh mana kita boleh beriman kepada Allah dan boleh menjadikan Allah itu sebagd Tuhannya. Dia patuh kepada perintah Allah dan Rasul. Rasul itu sebagai contohnya dan menjadi manusia yang baik, jujur, amanah dan sebagainya. Inilah kejayaan kita.

Soalan: Ada orang kata Darul Arqam boleh berkembang dengan pesat di Malaysia sebab Darul Arqam tidak terlibat di dalam politik. Ada juga yang berkata Darul Arqam sokong UMNO sebab itu Darul Arqam tidak ada "masalah" untuk berkembang. Adakah benar Darul Arqam sokong parti UMNO di dalam politik tanahair ini?

Syeikhul Arqam: Kalau tanggapan yang pertama tadi ada kebenarannya. Maknanya oleh kerana jemaah Darul Arqam ini tidak menyebelahi mana-mana parti politik, dengan sendirinya Darul Arqam ini tidak menjadi gap kepada sebarang orang. Oleh kerana Darul Arqam tidak menyebelahi mana-mana parti politik maka senanglah berhadapan dengan semua peringkat masyarakat sehingga kepada orang-orang politik. Sebab itulah masyarakat merasai Darul Arqam ini hak mereka sebab Darul Arqam tidak cenderung kepada mana-mana parti politik. Jadi mereka merasakan Darul Arqam ni mereka punya. Jadi ini mungkin salah satu sebab walaupun fimah demi fimah ditimpakan kepada kita namun dengan izin Allah Taala, Darul Arqam terus berjalan dan terus dapat berjuang tanpa ada apa-apa gangguan, tidak ada apa-apa halangan.

Tetapi tanggapan yang kedua tadi itu tidak betullah, bahkan bukan sahaja barangkali ada orang tuduh kita ini menyebelahi UMNO tetapi ada setengah pihak pula tuduh kita menyebelahi PAS. Yang mana satu yang betul? Yang sebenamya kedua-dua itu tidak betul; kita sokong PAS pun tidak, UMNO pun tidak. Tapi kita merupakan sebuah jemaah Islam yang bersendiri dan kita berhadapan dengan semua peringkat masyarakat sama ada dia orang berpartai maupun tidak, sama ada dia orang besar mahupun tidak, dia orang politik ataupun tidak; begitulah seterusnya.

Soalan: Bolehkah Ustaz terangkan secara ringkas prinsip-prinsip pengajaran yang diajar oleh Ustaz dalam Jemaah Darul Arqam?

Syeikhul Arqam: Oleh kerana Islam itu bersumberkan Al Quran dan dijelaskan, di huraikan dan ditafsirkan oleh Sunnah Rasulullah SAW, jadi kita cuba memahami Al Quran dan Sunnah Rasulullah, sejauh mana yang termungkin oleh kita kemudian kita cuba mengamalkannya. Itulah dasar kita. Yang menjadi matlamat kita (sebagaimana yang diminta oleh Al Quran dan Sunnah Rasulullah) ialah untuk menegakkan hukum yang lima; hukum wajib,

hukum sunat, hukum haram, hukum makruh dan hukum hat-us. Yang wajib dan sunat hendaklah kita tegakkan sama ada pada individu, rumahtangga, ekonomi, perjuangan kita dari sekecil-kecil hinggalah ke alam sejagat. Dan yang mana haram dan makruh kita cuba nak hindarkan sama ada pada diri kita, rumahtangga kita dan seterusnya. Yang harus itu terpulanglah, nak buat atau tidak.

Jadi dasar perjuangan kita Al Quran dan hadis. Ataupun kalau tambah lagi ijmak ulama dan qias tetapi yang menjadi matlamat perjuangan kita untuk menegak lima hukum itu sebab dalam syariat Islam hanya ada lima hukum tak lebih dari itu. Itulah yang menjadi matlamat perjuangan kita.

Soalan: Saya nampak agama Islam lebih mengutamakan hak masyarakat lebih daripada hak individu. Kalau dibandingkan dengan masyarakat, adalah sebaliknya. Jadi apakah pandangan Ustaz dalam hal ini?

Syeikhul Arqam: Ya, apa yang saudara kata itu adalah benamya sebab Rasulullah SAW pemah bersabda:

عَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ

Terjemahannya: Wajiblah ke atas kamu berada dalam jemaah.

Bahlcan dalam sabda yang lainf ,

اَلْجَمَاعَةُ رَحْمَةٌ وَالْفِرْقَةُ عَذَابٌ - البيهقى

Terjemahannya: Berjemaah itu adalah rahmat, dan berpecah-belah itu azab.

(Riwayat: Al Baihuqi)

Ertinya kita akan mendapat kebaikan di dunia dan di akhirat berkat daripada berjemaah. Berpecah-belah itu adalah azab, bukan

sahaja di akhirat bahkan di dunia ini juga boleh jadi mendapat kesusahan.

Berdasarkan dua hadis ini jelaslah Allah meminta umat Islam itu membangunkan jemaah dengan sekuat-kuatnya dan setiap individu memikirkan bagaimana jemaah itu diperkuatkan. Islam mahu jemaahnya kaya, dan biar individunya miskin. Bila jemaah itu kaya dengan sendirinya individu dalam jemaah itu terbela, asalkan individu itu boleh bertanggungjawab kepada jemaah. Sebab itu dalam ajaran Islam memang diberatkan sangat memikirkan soal jemaah, menubuhkan jemaah. Bila jemaah Islam itu kuat apa saja boleh kita buat; nak buat kemajuan ke, nak berhadapan dengan musuh ke atau apa aktiviti pun dapat dipikul.

Soalan: Tapi bila kita utamakan bak ummah ataupun masyarakat, kadang-kadang hak individu itu tertindas. Bagaimana ha1 ini boleh terjadi?

Syeikhul Arqam: Kalau berlaku penindasan, itu bukan tindakan Islam walaupun ada orang menyebut itu Islam. Ataupun sebuah jemaah yang menggelarkan jemaahnya Islam tapi kalau berlaku penindasan dalam jemaah, itu menunjukkan lunas-lunas Islam atau dasar-dasar Islam tidak berjalan betul di dalam jemaah tersebut. Kalau Islam itu betul-betul dilaksanakan, sebenamya penindasan tidak akan berlaku. Jadi kalau berlaku penindasan, bukan Islam yang salah sebaliknya individu yang tak ikut Islam itulah yang salah. Sebab kalau individu atau jemaah itu benar-benar ikut Islam, tidak akan berlaku penindasan sebab jemaah dalam ajaran Islam ini sentiasa menjaga kepentingan-kepentingan individu.

Soalan: Ustaz telah terlibat dalam Darul Arqam hampir 20 tahun. Saya agak Ustaz telah memberi ceramah beribu kali. Adakah tajuh-tajuk ceramah itu berbeza kalau dibanding dengan masa dahulu tahun 1968, 1969 atau 1970? Adakah perubahan dalam penekanan ataupun isi-isi? Adakah Ustaz pernah berkata semua yang saya nak beritahu sudah diberi-

tahu, sudah habis? Adakah perkara yang belum lagi dibicarakan?

Syeikhul Arqam: Dalam pengalaman saya selama ini semenjak wujudnya Darul Arqam sejak 20 tahun yang sudah, bentuk ceramah saya ada tiga: Pertamanya ceramah kepada masyarakat umum, ini lain bentuknya sikit sebab terpaksa kita pilih tajuk-tajuk yang menyedarkan masyarakat kepada Islam, yakni kepada Allah, kepada Rasul. Mana-mana masyarakat yang telah sedar dan sudah mahu membaiki dirinya, maka satu bentuk ceramab yang tersendiri. Ini 'ceramah ke dalam' namanya, yakni kita beri untuk meningkatkan amal, akhlak, ibadah mereka, penggabungan persaudaraannya dan sebagaiuya.

Kemudian yang ketiganya, ceramah-ceramah berbentuk kelas fardhu ain. Kelas-kelas fardhu ain ini kebanyakannya menekankan hukum-hakam supaya dalam tindakan kita sama ada tindakan kita sebagai individu ataupun sebagai auggota jemaah jangan sampai kita melanggar hukum-hakam syariat. Jangan sampai yang wajib dan yang sunat terabai; yang haram, yang makruh itu kita langgar.

Begitulah bentuk-bentuk ceramah. Ceramah umum saya **hingga** hari ini sudah beratus tajuk, sama ada yang berat maupun yang ringan. Jadi kalau nak dikatakan apa yang saya sampaikan itu sudah habis atau tidak, sebenamya tidak akan habis kerana ilmu Islam itu luas. Al Quran itu sendiri bagaimana hebamya orang yang alim sekalipun, yang datang nak cuba tafsir Al Quran, sentiasa ada dan tidak akan habis tafsirannya. Begitu juga Sunnah Rasulullah, bagaimana pintamya seorang itu nak mencedok ilmu daripadanya tidak akan habis-habis. Makin alim dia makin dapat dia mencungkil, makin nampak lagi benda yang belum dicungkil. Jadi setakat ini apa yang saya telah sampaikan itu terlalu sedikit, saya pilih mana-mana yang penting dan mustahak untuk menyedarkan umat dan untuk membaiki diri.

Soalan: Bilakah ustaz dapat inspirasi untuk menubuhkan Darul Arqam. Bolehkah ustaz ceritakan sejarah peringkat awal perjuangan?

Syeikhul Arqam: Ya, sebagai seorang Islam, saya dididik oleh keluarga saya mengamal sedikit sebanyak ajaran Islam itu. Selepas saya tamat Sekolah Melayu (pada waktu itu di zaman penjajab), saya dimasukkan ke sekolah Arab (sekolah agama). Bila saya belajar di sekolah agama, maka nampaklah pada saya tentang Islam itu dan apa yang dikehendaki oleh Islam. Bertambah meluap-luapnya cita-cita saya bagaimana nak membangunkan Islam dalam bidang kehidupan. Sebab itulah bila saya tamat sekolah, lebih kurang umur 20 tahun, saya salurkan cita-cita saya ni dengan memasuki PAS pada tahun 1958. Di waktu itu PAS satu-satunya badan Islam di tanahair kita ini yang agak popular. Walaupun Jamiah lebih dahulu di waktu itu, tetapi ia tidak begitu popular. Ia hanya merupakan perjuangan tempatan di negeri-negeri sahaja. Sedangkan PAS merupakan perjuangan untuk negara. Saya terlibat dengan PAS sehinggalah tahun 1968.

Sepanjang 10 tahun itu saya ada memberi ceramah dan sedikit sebanyak saya belajar politik daripada mereka. Saya merasakan cita-cita saya tak dapat diterapkan ataupun tak dapat di bangunkan dalam jemaah itu. Oleh itu saya pun mengundur diri dari PAS dan membangunkan Jemaah Darul Arqam ini. Setelah saya membangunkan Darul Arqam ini, *alhamdulillah* dengan izin Allah nampaknya dari segi perlaksanaannya lebih berjaya daripada apa yang berlaku dalam PAS, walaupun ketika itu ahli Darul Arqam tidak ramai.

Soalan: Kalau dibandingkan suasana berdakwah masa sekarang, tahun 1988 dengan 10 tahun kebelakangan, adakah /banyak perbezaannya?

Syeikhul Arqam: Saya rasa berbanding dengan peringkat awal dengan sekarang ini sedikit sebanyak ada juga perbezaan. Seka-

rang secara umum masyarakat ramai yang telah sedar tentang Islam dan ingin kepada Islam, tidak sepertimana 20 tahun lalu. Sekarang telah banyak kelas berbentuk fardhu ain. Di mana-mana saja orang nak fardhu ain. Bukan saja kita pesatkan fardhu ain di dalam jemaah kita (Darul Arqam), tetapi di luar jemaah juga banyak permintaan fardhu ain. Bukan sahaja fardhu ain ini dibuat oleh orang luar ataupun oleh sesuatu jemaah itu, bahkan mereka (sesetengah masjid, surau atau di pejabat-pejabat) pun meminta Darul Arqam mengisi fardhu ain kerana ingin kepada ilmu.

Tetapi di peringkat awal dulu kita terasa bila buka kelas fardhu ain, orang tak datang. Kalau datang pun sekali dua lepas itu dia takkan datang-datang lagi tetapi sekarang ni kelas fardhu ain menjadi ramai dihadiri oleh orang dari ceramah-ceramah umum. Itu menunjuk sedikit sebanyak ada perubahan kecuali mungkin barangkali di setengah-setengah tempat sejak dulu lagi sampai sekarang masih belum dimasuki dakwah maka keadaannya tentulah lain.

Soalan: Adakah Ustaz mempunyai satu objektif untuk masa depan. Maksudnya ke mana Ustaz nak bawa jemaah ini?

Syeikhul Arqam: Itulah yang saya katakan tadi, dasar kita Quran dan hadis. Kemudian matlamat kita nak tegakkan hukum yang lima pada diri, rumahtangga hinggalah pada alam yang lebih luas lagi. Kalau boleh lima hukum ini dapat ditegakkan dalam kehidupan seluruh dunia. Itulah cita-cita kita.

Soalan: Saya nak tanya berkenaan dengan parti Islam PAS. Apa matlamat parti Islam. Apakah mereka mempunyai matlamat nak tubuhkan kerajaan Islam ataupun sebuah negara Islam. Jadi tujuan Ustaz pun agak-agak samalah tapi cara saja berbeza. Apa reaksi Ustaz berkenaan dengan matlamat PAS?

Syeikhul Arqam: Sebagaimana kita dengar dan kita juga mengikut perkembangannya, nak menegakkan negara Islam itulah cita-

cita kita. Dan itulah juga cita-cita PAS. Tetapi bagi kita tak mungkin negara Islam itu ditegakkan terlebih dahulu kalau belum kita tegakkan diri, rumahtangga, jemaah kita sendiri dengan Islam. Seperti pokok, tak mungkin kita tanam hari ini terus membesar menjadi sepohon pokok. Dia mesti mengikut peringkamya, daripada benih, kemudian tumbuh, kemudian bercabang berdaun dan sebagainya hinggalah seterusnya. Memanglah kita tak menafikan negara Islam itu satu aspek yang diperintah oleh Allah dan Rasul untuk kita tegakkan, negara Islam itu tidak mungkin dapat ditegakkan kalau individu Islam itu belum wujud, rurnahtangga Islam belum wujud dan jemaah Islam yang kita cita-cita nak tegakkan Islam dalam negara itu belum wujud.

Soalan: Kebanyakan orang ramai berpendapat, "Memang benar Darul Arqam ini satu badan dakwah yang idealistik yang boleh diimplementkan untuk perkara-perkara yang kecil sahaja, tapi kalau dasar Darul Arqam nak dibesarkan tak boleh, tak praktikal, tak mungkin, sebab banyak terlibat dengan perkara-perkara yang haram." Jadi apa pandangan Ustaz?

Syeikhul Arqam: Kita tidak boleh katakan perkara itu tidak mungkin sebab kita sedang berusaha, sedang bergerak dan sedang berjuang. Dan perjuangan kita belum sampai ke hujung. Orang lain pun kalau dia kata dia boleh buat sesuatu yang besar, dan pejuangan mereka pun saya rasa belum sampai ke hujung. Jadi kalau perjuangan kita belum sampai ke hujung, kalau orang dah kata, tak mungkin kita boleh buat perkara yang lebih besar lagi, saya rasa adalah tak logik, tak munasabah. Sebab kemungkinan boleh berlaku, sepertimana orang kata kemungkinan tidak berlaku.

Perjuangan kita tiada had. Had perjuangan kita bukan di sini saja, selagi kita panjang umur kita akan tents berjuang. Kalau kita mati anak-anak dan cucu-cucu kita akan sedia menyambtmg perjuangan kita. Sebab itulah kita adakan sekolah dan sebagainya,

supaya lahir kader-kader yang menyambung perjuangan kita dari belakang nanti, supaya sentiasa sambung menyambung. Kecualilah kalau kita berjuang hanya memikirkan diri kita saja. Kita tak fikir generasi di belakang kita. Kita tak didik anak-anak kita, kita tak buka sekolah dan tak lahirkan kader-kader, maka mungkin mati kita nanti setakat ini sajalah perjuangan kita.

Oleh itu perjuangan ini insya-Allah sentiasa bersambtmg. Jadi tak mungkinlah selama ini orang memandang Darul Arqam yang ada sekarang ini setakat had ini sahaja kemajuan. yang boleh dibuat. Mungkin selepas kita nanti anak-anak atau cucu kita dapat menyambung lebih banyak, lebih luas dan lebih besar lagi.

Soalan: Apakah dasar Darul Arqam berkenaan dengan badan-badan Islam yang lain dalam negeri ini, adakah Darul Arqam boleh bekerjasama dengan badan-badan lain. Apakah dasar, sikap Darul Arqam berkenaan dengan badan-badan seperti PERKIM, Jemaah Tabligh dan sebagainya?

Syeikhul Arqam: Apa yang menjadi pengalaman kita selama ini, yakni sejak 10 tahun lalu, memang ada badan penyelaras yang dianjurkan oleh Yayasan Dakwah dengan pengerusinya Datuk Sri Kamaruddin. Di dalam badan penyelarasan ini, semua badan-badan dakwah termasuk Darul Arqam, sekali-sekala dipanggil bermesyuarat, membincangkan hal isu semasa, membincangkan hal dakwah dan sebagainya. Jadi memang ada usaha-usaha itu. Walau bagaimanapun masing-masing jemaah mengisi aktiviti jemaah itu lebih banyak daripada masanya berusaha di luar aktiviti jemaah dengan adanya badan penyelaras. Sebab badan penyelaras itu bermusim sedangkan kita mendirikan jemaah ini tidak bermusim, setiap masa setiap waktu.

Soalan: Dalam tahun 1986 Darul Arqam dituduh terlibat dengan ajaran sesat. Apa pandangan Ustaz?

Syeikhul Arqam: Sebenamya tuduhan sesat, syirik, keluar daripada Islam, atau paling tidak bidaab, sejak darul Arqam 20 tahun yang lalu telab timbul. Tetapi waktu itu oleh kerana kumpulan kita kecil, maka yang menuduh itu golongan kecil juga. hanyalah orang-orang yang sekitar kita saja yang tahu dan di waktu itu pihak akhbar pun tak tahu. Ramai orang yang tidak tahu maka tidaklah didedahkan oleh suratkhabar. Sesetengah tuduhan semasa itu tidak habis-habis hinggalab ke hari ini.

Segala tuduhan itu tidaklah kita jawab dalam akhabar kecuali ada orang lain (para simpati) yang memberi sokongan kepada kita dengan memberi jawapan atau penjelasan. Namun, kita sendiri tidak memberi jawapan, kecuali sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan. Kita biasa jawab dengan buku sahaja.

Cuma yang peliknya 20 tahun sesudah itu Darul Arqam ni dikatakan sesat, syirik dan sebagainya, tetapi hingga hari ini pihak berkenaan tidak berani mengharamkannya. Walhal berapa banyak ajaran yang salah dan sesat, dua tiga kali suratkhabar buat berita akhimya matilah, masyarakat dan pejabat-pejabat agama pun menghukum. Hari ini masyarakat yang menerima kita semakin bertambah dan pihak berkenaan pun hanya menyebut sahaja salah, tapi hingga hari ini tidak menghukum. Sebab kita ada hujah, hujah itu hujah ilmiah, hujah kita bukan secara lisan tetapi kita tulis, kita edar kepada negara dan seluruh dunia. Jadi susah juga nak tolak.

Walaupun Pusat Islam ada mengeluarkan sebuah buku menolak buku saya, tapi kalau orang yang membaca kedua-dua buku itu, (buku Pusat Islam dan buku saya), boleh berfikir dengan waras dalam menilainya, lebih-lebih lagi kalau yang faham tentang Islam sedikit sebanyak, boleh membandingkannya. Saya tidaklah mengatakan bahawa buku saya itu baik, tetapi barangkali kalau seseorang yang boleh memahami Islam secara baik, akan dapat lihat di mana dia nak sokong. Buku rujukan saya tak kurang dari~ 37 buah, dan rujukan saya ulama-ulama muktabar zaman dulu. Pusat Islam merujuk ulama-ulama zaman ini. Jadi orang boleh



Perselisihan faham selama ini adalah berbentuk individu bukannya di antara satu-satu agensi atau mana-mana jabatan; lebih-lebih lagi dengan pemerintah.

fikirlah mana dia nak terima, yang lama ke nak terima yang baru; mahu kitab-kitab muktabar ke atau kitab-kitab zaman sekarang.

Soalan: Pada pandangan saya sekarang hubungan Darul Arqam dengan kerajaan agak baik juga tetapi nampaknya hubungan Darul Arqam dengan Pusat Islam tidak berapa baik. Adakah ini benar?

Syeikhul Arqam: Perselisihan faham kita selama ini bukanlah maknanya berselisih faham antara satu-satu agensi ataupun mana-mana jabatan ataupun lebih-lebih lagi dengan pemerintah. Kebanyakan perselisihan faham selama ini adalah berbentuk individu. Contohnya Pusat Islam. Pusat Islam itu adalah hak negara, maka kalaulah kita benar-benar bergaduh dengan Pusat Islam, ertinya kita memusuhi negara. Tetapi tidak. Ramai orang politik tidak campur tangan, termasuk Dr. Mahathir sendiri sebagai Ketua Negara. Beliau tidak campur tangan hingga waktu fitnah yang dikatakan syirik dan sebagainya. Sebenarnya kita berhadapan dengan satu dua orang saja di Pusat Islam. Dr. Mahathir tak pernah kata apa-apa, menteri-menteri seorang pun tak cakap, wakil-wakil rakyat pun tak pernah cakap kecuali itulah satu dua orang yang ada di Pusat Islam. Jadi itu menunjukkan pergaduhan kita dengan individu bukan dengan dasar kerajaan ataupun bukan dengan dasar pejabat agama ataupun dasar Pusat Islam itu sendiri. Yang banyak ini adalah soal individu, dan kita pun tak tahu kenapa ini timbul.

Ismail: Terima kasih Ustaz.

WAWANCARA KHAS SYEIKHUL ARQAM DENGAN WARTAWAN AKHBAR THE HERALD TRIBUNE

20 Jan 1988

NASIB BUKAN ISLAM DI NEGARA ISLAM

- **Adakah Darul Arqam Mempunyai Matlamat Politik?**
- **Pandangan Darul Arqam Terhadap Penganut Agama Lain**
- **Tidak Cukup Secara Ilmiah: Islam Perlu Wujud Secara Perbuatan**

Pengenalan:

Encik Michael adalah seorang wartawan dari akhbar Inggeris International Herald Tribune yang diterbitkan serentak setiap hari di lebih daripada 100 buah negara di dunia. Ia adalah satu-satunya akhbar yang kalau kita baca di Paris atau Tokyo, isinya sama dan serupa kerana mereka menggunakan teknologi satelit dalam mengumpulkan berita dan menyelaraskan percetakan di beberapa tempat di dunia.

Berikut adalah isi wawancara beliau dengan Syeikhul Arqam Ustaz Ashaari Muhammad yang berlangsung di Yayasan Al Arqam Sg. Penchala, Kuala Lumpur pada 20 Januari, 1988.

Soalan: Mengapa dan bagaimana Darul Arqam ini dimulakan?

Syeikhul Arqam: Darul Arqam telah diasaskan 20 tahun yang lalu (1968). Sebagai seorang Islam mesti mengamalkan Islam dan ada cita-cita Islam memperjuangkannya dalam kehidupan. Ajaran Islam yang syumul tidak dapat ditegakkan secara individu, kecuali setelah adanya jemaah. Sebab itulah umat Islam dituntut supaya menegakkan jemaah. Sabda Rasulullah SAW:

عَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ

Terjemahannya: Diwajibkan atas kamu berjemaah.

Dan sabda Baginda lagi:

اَلْجَمَاعَةُ رَحْمَةٌ وَالْفِرْقَةُ عَذَابٌ

Terjemahannya: Berjemaah itu rahmat dan berpecah-belah itu azab.

(Riwayat: Al Baihaqi)

Jadi, oleh kerana Islam itu merupakan cara hidup yang lengkap dengan cara pendidikan, pakaian, ekonomi, bergaul, bertani, berumah tangga sampailah kepada perhubungan antara bangsa dan

sebagainya maka tidak mungkin kita dapat tegakkan kesemua ajaran Islam itu secara individu, kecualilah dengan jemaah. Sebab itulah jemaah Darul Arqam ditubuhkan. Moga-moga dengan adanya jemaah ini, Islam yang merupakan cara hidup yang lengkap boleh ditegakkan dalam kehidupan.

Soalan: Adakah Darul Arqam mempunyai sebarang tujuan matlamat politik?

Syeikhul Arqam: Dalam Islam ini matlamatnya nak menegakkan hukum yang lima, iaitu hukum yang wajib mesti dibuat, yang sunat tidak mesti dibuat tapi elok dilakukan, yang haram mesti ditinggalkan dan hukum yang makruh elok ditinggalkan dan hukum yang harus terpulang sama ada hendak dibuat atau ditinggalkan. Yang lain-lain seperti pendidikan, jemaah, ekonomi, politik, perubatan dan lain-lain semua alat.

Hukum yang wajib dan yang sunat hendak kita tegakkan pada alat-alat seperti dalam pendidikan, jemaah, ekonomi, politik, pertanian, perubatan dan lain-lain. Sementara yang haram dan makruh hendak kita hindarkan, jangan ada berlaku dalam alat-alat tadi dan dalam setiap individu, keluarga, masyarakat dan seterusnya dalam negara.

Jadi inilah matlamat perjuangan kita yang sebenar. Politik bukanlah matlamat, ia hanyalah alat perjuangan kita untuk membantu menegakkan lima hukum tadi.

Soalan: Apakah pandangan Darul Arqam terhadap agama yang lain dan terhadap penganutnya?

Syeikhul Arqam: Dalam ajaran Islam ini ada ajaran menghormati hak asasi manusia. Iaitu kita tidak boleh memusuhi sebarang manusia kecuali manusia itu memusuhi kita terlebih dahulu. Walaupun kita tidak memusuhi sebarang manusia kerana menghormati hak asasi manusia itu kita tetap berkewajipan menyeru mereka kepada agama Allah. Moga-moga dengan itu semua

manusia ciptaan Allah ini dapat tunduk dan patuh kepada Allah, penciptanya.

Soalan: Bagaimana pula dengan undang-undang syariah? Adakah Darul Arqam berkeyakinan atau berpendapat bahawa ia patut dipaksakan ke atas orang-orang bukan Islam di Malaysia mahupun di tempat lain?

Syeikhul Arqam: Islam merupakan satu ajaran dari Allah SWT. Ia disampaikan kepada Rasulullah yang kemudiannya diwariskan hingga hari ini (melalui lidah ulama dan para pendalcwah) dalam bentuk ilmu pengetahuan.

Maka di peringkat awal di mana orang ramai masih belum sedar lagi kita tidak boleh paksa-paksa orang. Sebaliknya kenalah kita berikan kesedaran, saranan dan ceritakan kebaikan Islam itu kepada orang ramai sehingga mereka faham tentang Islam dan sedar betapa perlunya dia mengikut agama Islam yang merupakan agama dari Allah, Tuhan yang mencipta manusia dan dunia ini.

Oleh kerana manusia ini ciptaan Allah maka Allah lebih mengetahui tentang diri manusia dan keselamatan hidupnya di dunia ini. Maka dengan sebab itu Allah sediakan peraturan.

Jadi, kalaulah manusia menerima peraturan dari Allah maka dengan sendirinya manusia boleh hidup selamat dan aman damai di dunia ini.

Firman Allah Taala:

ظَهَرَ ٱلْفَسَادُ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِى ٱلنَّاسِ

Terjemahannya: Lahirlah kemungkaran dan kerosakan di daratan dan lautan kerana hasil usaha tangan-tangan manusia (yang tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah).

(Ar Rum: 41)

Jadi sebab berlakunya kerosakan dan kehilangan kedamaian dalam kehidupan manusia ini adalah hasil daripada keengkaran manusia sendiri menjalankan dan mengamalkan peraturan Allah SWT.

Maka sebab itu di peringkat awal kita tidak boleh main paksa orang. Pada kita kesedaran itu penting. Ilmu pengetahuan Islam itu mesti kita sampaikan kepada semua peringkat dan golongan masyarakat, termasuk yang bukan Islam.

Soalan: Apakah Darul Arqam berhasrat untuk melihat sebuah kerajaan Islam ditegakkan khususnya di Malaysia ini dan jika ada maka apakah pula yang dilakukan kepada orang-orang bukan Islam di bawah kerajaan itu nanti?

Syeikhul Arqam: Setiap orang Islam yang mencintai agamanya pasti ia ada cita-cita Islam. Seperti juga orang yang yakin dengan ideologi sosialis, tentulah dia ada cita-cita sosialis. Yakni dia ada cita-cita untuk menegakkan sebuah negara pemerintahan sosialis. Begitu juga dengan orang kapitalis dan komunis yang yakin dengan ideologi masing-masing tentu ada cita-cita tersendiri dan mahukan sebuah negara mengikut fahaman atau ideologi mereka itu. Jadi tidak hairanlah kita yang ada cita-cita Islam, tentulah ingin untuk membela agama Islam dan menegakkan negara Islam, malah dunia Islam.

Tapi pada kita, negara Islam tidak dapat ditegakkan selagi belum wujud peribadi atau individu Islam, rumahtangga Islam, masyarakat Islam, jemaah yang mana cita-cita Islam itu benar-benar wujud dalam jemaaah itu. Maka selagi belum wujud yang demikian itu maka tidak mungkin negara Islam dapat ditegakkan.

Kalau kita cuba tegakkan juga maknanya kita tegak secara paksa. Negara yang ditegakkan secara paksa ini boleh menimbulkan huru-hara dan kerajaan yang memerintah tidak akan kekal lama. Ini kerana agama Islam merupakan ilmu pengetahuan dan lebih-lebih lagi setelah tidak wujudnya negara Islam tulin beratus tahun lamanya untuk dijadikan contoh serta orang ramai pula

sudah rata-rata jahil tentang ajaran Islam. Oleh itu untuk berjuang menegakkan cita-cita Islam sampai ke peringkat negara bahkan sampai ke peringkat dunia sekalipun maka di peringkat awalnya adalah penting untuk menanamkan kesedaran. Ilmu pengetahuan Islam hendaklah di sampaikan ke seluruh peringkat dan golongan masyarakat. Dan bagi mereka yang ada cita-cita Islam pula kenalah tunjukkan bukti pengamalan Islam pada dirinya, rumahtangganya dan dalam jemaahnya maka sudah mudah untuk menarik orang lain kepada Islam. Sebab sikap dan perbuatan sudah dapat dilihat, cuma hendak dihuraikan sahaja.

Hari ini kalau kita hendak sebut negara Islam tetapiindividu Islam masih lagi belum wujud dan rumahtangga Islam pun belum wujud dengan jelas, jadi bagaimana kita hendak sebut negara Islam? Nanti orang tidak akan yakin dan pegang dengan saranan kita itu.

Oleh itu pembentukan negara Islam itu memakan masa yang agak panjang, bukan boleh dibuat secara singkat atau secara paksa.

Soalan: Adakah perkampungan-perkampungan Islam Darul Arqam di sini dan di dua puluh sembilan tempat yang lain itu ditubuhkan untuk menjadi pendorong, penggalak dan contoh kepada orang lain sama ada yang Islam mahupun yang bukan Islam untuk melihat bagaimana sepatutnya hidup secara Islam itu?

Syeikhul Arqam: Memang benar dan tepat seperti apa yang tuan katakan itu. Sebab Islam ini jikalau tidak diwujudkan bentuk perbuatan yakni realitinya tidak ada, hanya kita sarankan sahaja atau hanya ilmiah sahaja di forum dan seminar maka orang ramai tidak boleh terima dan ikut. Begitu jugalah dengan isma-isma dan ideologi-ideologi ciptaan otak manusia, orang payah hendak menerimanya kalau hanya teorinya sahaja yang ada. Kecualilah setelah wujudnya perbuatan dan sikap dalam kehidupan iaitu setelah ada gambaran yang tepat amalannya daripada peringkat individu

sampailab masyarakat. Hanya setelah itulah sahaja baru orang ramai boleh berfikir secara rasional apakah agama Islam itu baik ataupun tidak, praktikal ataupun sebaliknya.

Jadi bagi orang yang mendapat petunjuk Tuhan maka ia pasti akan terima. Kecualilah mereka yang tidak dapat petunjuk dari Allah maka dia akan menolaknya.

Dan setelah orang terima maka mereka akan ambil contoh dan cuba terapkan dalam diri dan rumahtangga mereka, pejabat dan dalam urusan kerja mereka tanpa banyak kita dakwah-dakwah lagi. Ketika itu Islam akan berkembang dengan lebih cepat dan pesat.

En. Michael: Terima kasih banyak saya ucapkan di atas kesudian tuan menjawab soalan-soalan yang telah saya kemukakan.

DAILOG DENGAN MASYARAKAT ISLAM SINGAPURA DI MADRASAH WAK TANJUNG, GEYLANG

PANDUAN MEMILIH HARAKAH PERJUANGAN

- **Benarkah pakaian jubah, serban dan purdah takutkan masyarakat kepada Islam?**
- **Siapakah pejuang sebenarnya di zaman kebangkitan Islam ini?**
- **"Saya ada kesedaran tapi sukar nak pilih mana satu harakah..". Panduan memilih harakah perjuangan.**
- **Benarkah kalau kita mendapat alat, matlamat akan tertegak dengan sendirinya?**
- **Peranan muslimah dalam era kebangkitan Islam**
- **Benarkah banyak sebut syurga neraka menyebabkan masyarakat jadi jumud, pasif dan mudah dikuasai oleh orang kafir?**

Soalan: Dalam sebuah hadis Rasulullah SAW ada disebut bahawa Islam akan bangkit di akhir zaman di sebelah timur ini. Jadi apakah hikmah Allah memilih Islam bangkit di sebelah timur?

Syeikhul Arqam: Kita telah sama-sama mendengar pertanyaan yang sulung yang diajukan kepada kita dalam majlis yang mulia ini. Beliau membawa hadis yang mengatakan Islam di akhir zaman, di zaman kita ini, akan bangkit di sebelah timur. Apa yang diisyaratkan oleh hadis ini kalau kita ingin menyelidik, melihat dari satu negeri ke satu negeri, memang ada kebenarannya. Saya dan rakan-rakan dari anggota Arqam sudah banyak kali melakukan lawatan ke luar negeri dengan izin Allah. Ada kalanya setengah bulan, dua bulan, kadang-kadang empat bulan berturut-turut.

Kalau di sebelah Asia ini saya tak pergi, hanya Filipina sahaja; yang lain sudah pergi. Di Timur Tengah hampir semua negeri-negerinya saya dab pergi dan sebahagian Afiika dan Eropah dan dua tiga tempat di Amerika. Jadi bila ditengok-tengok, dilihat, dibanding-banding, memang orang di sebelah timur lebih ghairah dengan Islam, terutama di Semenanjung, di Singapura dan di negara di sekeliling kita. Harakah Islam banyak, lebii aktif dan yang paling menonjol sama ada dari segi pakaian, pengajian dan dari segi meramaikan masjid. Memang kita berasa sangat penon-' jolannya di timur ini terutama di Semenanjtmg Malaysia. Jadi apa yang disebut oleh hadis itu memang benar dan sudah tepat sebab yang berkata itu *Sodiqul masduq* Rasulullah yang **benar** lagi di-

benarkan kata-katanya. Tetapi kalau di tempat lain susah kita nak cari mubaligh-mubaligh bersyarah tentang Islam. Lebih-lebih lagi kita nak cari harakah Islam dan jemaah Islam yang begitu berterus-terang dan aktif datang ke tengah masyarakat berdakwah. Jadi yang aktif dan sibuk ini di sebelah kita inilah.

Kemudian, apakah hikmahnya di akhir zaman Islam lahir di timur? Hikmahnya Allah sahaja yang mengetahuinya. Walau bagaimanapun, tak salah kita mencari-cari apa hikmahnya. Di antara hikmahnya yang dapat kita katakan ialah sebab kedudukan ajaran Islam pemah berdaulat di negara-negara lain. Bangsa Arab pemah berdaulat dan pemah menjadi empayar melalui kekuatan Islam. Ini tak dapat kita nafikan. Selepas itu beralih pula kepada orang barat. Jadi orang barat pemah menjadi empayar dengan Islam dengan lama, setidak-tidaknya Sepanyol dan kerajaan Osmaniah Turki. Begitu juga di Afrika, suatu ketika dulu Islam pemah bertapak dengan kuat. Dan di India, kebanyakan raja-rajanya Islam walaupun penduduknya Hindu. Jadi, kekuatan Islam belum lagi muncul di timur. Atau dengan kata-kata lain orang Melayu ini walaupun sudah 700 tahun menganut Islam tapi masih belum menjadi empayar dengan ajar-an Islam itu.

Atas keadilan Allah barangkali ini giliran orang Melayu, Insya-Allah. Jadi berhibur dan bergembiralah kita sebab saya dah katakan tadi, telah ada tanda-tanda bahawa Islam akan berdaulat kembali di akhir zaman ini melalui kekuatan orang Melayu sendiri. Sebab saya dah katakan tadi, saya saksikan dengan mata kepala saya, sesudah menjelajah di timur dan di dunia ini; yang Allah izinkan. Malah penonjolan dan pengamalan Islam itu lebii ketara di Semenanjung, Singapura, Thailand dan negera-negera di sekeliling kita.

Soalan: Ustaz, melalui kaset-kaset dan ceramah-ceramah yang saya telah ikuti, penceramah Al Arqam selalu menekankan soal syurga Allah dan neraka Allah, sedangkan tumpuan manusia di zaman ini kepada sains dan komputer. Tidakkah dengan banyak menyebut syurga neraka menjadikan kita le-

bih pasif dan menyebabkan orang kafir akan menguasai kita ketika itu.

Syeikhul Arqam: Saudara yang kedua bertanya setelah beliau meneliti ceramah Arqam. Pendakwah-pendakwah, dai-dai, mubaligh-mubaligh dari Darul Arqam, banyak memperkatakan tentang syurga neraka, banyak memperkatakan soal-soal akhirat. Sikit sangat atau boleh jadi tak sebut langsung hal-hal dunia. Sedangkan waktu kita bercakap akhirat, syurga, neraka ini, kita sedang berada di zaman sains dan teknologi, zaman membangun, zaman maju, zaman komputer, zaman orang naik ke bulan katanya. Entah di bintang-bintang mana lagi orang nak naik. Jadi kalau sebut syurga neraka umat Islam jadi pasif, jumud, tak bergerak.

Saudara, mari kita tolak dulu apa yang disampaikan oleh da'ie dari Darul Arqam. Kita cuba berhadapan dengan dunia yang luas khususnya masyarakat Islam. Saya nak tanya kepada saudara, umat Islam yang mundur di bidang ekonomi, mundur di bidang perpaduan, mundur di bidang pembangunan dan sebagainya, bukankah manusia-manusia Islam yang tak sebut syurga neraka lagi, yang takut nak memperkatakan akhirat; takut dikolotkan orang; takut nak memperkatakan tentang iman. Sedangkan ratarata pensyarah yang saya dengar di luar Jemaah Darul Arqam, walaupun Islam yang disampaikan banyak menceritakan tentang kemajuan, pembangunan dunia, nak membangun dan macam-macam tetapi yang terjadi pasif juga, berlaku juga kemunduran. Bukan sahaja tak dapat nak naik atas bulan, kadang-kadang atas busut pun tak larat nak naik. Bukan saja tak dapat buat komputer, nak belajar komputer pun tak boleh, macam saya ni. Kita hanya boleh sebut komputer saja, tetapi apa itu komputer, apa ada di dalam komputer, pun kita tak tahu. Bagaimana nak isi dalam komputer, nak isi nasi kah, kita pun tak tahu.

Apa yang saya katakan ini pengalaman, dah tiada siapa yang boleh menolak. Jadi jelaslah 'kepasifan', kemunduran umat Islam kerana ada rahsia yang tak mahu disebut selama ini. Iaitu soal

iman, soal syurga dan neraka. Soal Allah, soal kuasa Allah, tak mahu disebut, menyebabkan umat Islam jadi pasif. Tetapi orang kafir, dia menyebut dunia, memang dia boleh membangunkan dunia, sebab apa? Orang kafir tak sama *line* dengan yang ditempuh oleh orang Islam. Kalau umat Islam mahu berdaulat dan orang kafir mahu berdaulat tak sama linenya. Kenapa? Umat Islam kalau mahu berdaulat, mesti ada rasa taqwa. Tetapi kalau orang bukan Islam, mahu berdaulat mesti atas dasar taqwa

Ini yang banyak kita tak faham. Ampun maaf. Ulama-ulama banyak yang tak faham, mubaligh pun banyak yang tak faham. Jadi umat Islam kalau mahu berdaulat mesti atas dasar taqwa. *Line* kita adalah taqwa. Bila taqwa kena sebut iman, kena sebut Allah, kena sebut syurga, kena sebut neraka, kena sebut akhirat, kenapa? Jiwa umat Islam dah kering dengan benda-benda yang saya sebut tadi. Akhimya, akhirat sudah dilupakan, dunia yang kononnya nak membangun kita masih lagi tak mahir di bidang apa sekalipun. Sedangkan orang kafir kalau dia mahu berdaulat mesti atas dasar quwwah iaitu kekuatan lahir, kekuatan sains dan teknologi, kekuatan ekonomi dan sebagainya.

Jadi bila bertemu kekuatan lahir, atau bertembung quwwah dengan taqwa, taqwa mesti dapat menguasai quwwah. Hari ini, kita taqwa pun tidak ada, quwwah pun tidak ada, sebab itu kita jadi kuah, orang lain dapat isi. Kita mahu maju ikut *line* orang lain, kita mahu maju ikut kaedah orang lain. Kita mahu berdaulat mengikut line orang lain, bagaimana kita boleh berjaya? Orang lain ada jalannya sendiri. Kita ada jalan sendiri, kita mesti menempuh jalan sendiri. Kalau kita tempuh jalan orang, oranglah yang berjaya, kita tidak berjaya, akhimya kita hina, dihina oleh orang ramai.

Jadi atas dasar ini kita sedar. Di Singapura ini baru bermula, kami tak boleh beri jawapan apa-apa. Di Semenanjung setelah kami banyak menekankan syurga dan neraka, tentang azab, tentang Allah dan tentang iman yang dulu tak ada mee yang halal, sekarang berapa banyak mee yang halal. Dulu tak ada SOS yang halal, kicap halal. Tetapi sekarang beberapa banyak SOS, kicap

yang halal. Dulu bila sebut saja tauhu tak terfikir orang Melayu buat. Tetapi di Semenanjung, merata orang Islam buat tauhu. Kalau dulu orang sebut mee sahaja, tak terbayang orang Islam boleh buat. Tapi beberapa tahun kebelakangan ini telah muncul kilang-kilang mee yang dibangunkan oleh umat Islam. Hasil kesedaran daripada mubaligh-mubaligh kita yang menyebut syurga neraka, halal haram. Jelas biia kita ikut line kita, nampak kekuatan walaupun sedikit. Kalau dah semua umat Islam ikut *line* ini, , bukan sahaja setakat ini. Dunia ini akan kita tawan semula. Insya-Allah.

Soalan: Ada sesetengah pejuang Islam berkeyakinan bahawa kalau kita mendapat alat, maka matlamat itu akan tertegak dengan sendirinya, boleh Ustaz perjelaskan perkara ini.

Syeikhul Arqam: Ada orang kata umat Islam ini kena ambil alat banyak-banyak. Bila dapat alat maka mudahlah mendapat matlamat. Sebelum menjawab soalan, saya nak tanya apa itu alat dalam ajaran Islam dan apa itu matlamat? Dalam ajaran Islam matlamatnya ialah menegakkan kalimah Allah. Jadi matlamat dalam ajaran Islam ialah kalimah Allah. Kalimah Allah itu apa tafsirannya? *Ahkamullah,* ertinya hukum-hukum Allah. Jadi matlamat dalam ajaran Islam adalah kalimah Allah. Kalimah Allah ertinya hukum Allah, hukum-hukum Islam.

Jadi hukum Islam hanya ada lima perkara sahaja. Hukum wajib, hukum sunat, hukum makruh, hukum haram dan hukum hams. Takrif wajib, kalau kita buat berpahala kalau kita tinggal berdosa; kedudukannya mesti buat. Sunat, kaIau kita buat diberi pahala, kalau ditinggalkan tidak pula berdosa; jadi kedudukannya elok buat. Haram kalau kita buat berdosa, kalau kita tinggal kerana Allah diberi pahala kedudukannya mesti tinggalkan. Makruh, kedudukannya kalau kita buat tidak berdosa cuma Allah benci sahaja. Kalau ditinggalkan kerana Allah, diberi pahala; kedudukannya elok ditinggalkan; bukan mesti

ditinggalkan, elok ditinggalkan, agar terhindar dari kebencian Allah. Yang kelima harus. Kedudukan harus ini, kalau kita buat atau tinggal, berpahala.pun tidak berdosa pun tidak. Kedudukannya tepuk dada tanya selera. Nak buat sila, nak tinggalkan tak apa. Ini matlamat Islam.

Matlamat inilah yang hendak kita tegakkan dalam hidup kita, dalam diri kita, dalam rumahtangga kita, dalam jemaah kita, dalam masjid, dalam masyarakat kita, dalam ekonomi kita, dalam pendidikan, sampai alam yang lebih luas. Dengan kata-kata lain, yang wajib dan yang sunat hendaklah kita tegakkan dalam aqidah, dalam ibadah, di dalam ukhuwah, di dalam dakwah dan seterusnya, seperti yang saya sebut tadi. Kemudian kita nak perjuangkan sungguh-sungguh supaya yang haram dan yang makruh jangan ada dalam aqidah, jangan ada dalam ibadah dan seterusnya, yang harus terpulang. inilah matlamat

Apakah alat itu? Alat macam-macam, ribuan macam. Yang besamya telah kita faham, Wang ringgit, darjat dan pangkat, ihnu pengetahuan, kemajuan, kenderaan, rumah tempat tinggal dan sebagainya. Bila orang berkata kita ambil alat dahulu baru boleh menegakkan hukum, kita ambil alat dahulu baharu kita tegakkan hukum yang wajib, yang sunat, yang haram mesti ditinggalkan, yang makruh boleh ditinggalkan dan yang hams terpulang. Sebenamya alat sangat sesuai dengan nafsu; pangkat dan darjat sesuai dengan nafsu, kenderaan yang cantik-cantik, rumah yang cantik-cantik; pembangunan yang cantik-cantik, yang indah-indah, semuanya sesuai dengan hawa nafsu.

Tapi dalam pengalaman kita, bila kita padankan nafsu kita dengan hukum tadi... Masya Allah! Bila sebut wajib, kerut saja nafsu, bila sebut berjuang kerut saja nafsu. Sebut tutup aurat, bila sebut nak buat kebajikan, kerut sahaja. Itu hukum Allah sama ada yang wajib dan yang sunat. Jadi kalau kita berlikir kita ambil alat dahulu, dengan alat itu dapat ditegakkan matlamat, saya dah katakan tadi alat itu lebih cenderung pada nafsu, nafsu tentunya seronok. Tapi soal hukum hakam, bertentangan dengan nafsu, nafsu

tak mahu, jadi kalau kita mahu ambil alat dahulu, alat yang disukai, yang disetujui oleh hawa nafsu takut-takut nanti orang pertahankan alat pula habis-habisan.

Walaupun waktu nak mengambil alat itu ada niat baik, supaya ada alat dapat menegaklcan matlamat, tetapi ia sesuai dengan hawa nafsu. Akhimya hawa nafsu seronok dengan alat. Akhimya sombong dan takabur dengan rumah besar, sombong dan takabbur dengan jawatan dan pangkat, sombong dan takabbur dengan kemajuan, akhimya tak fikir halal dan haram, sembahyang, berjuang, berkorban, nak tutup aurat. Ini yang berlaku dalam pengalaman hidup kita. Salah sekali orang nak memperjuangkan Islam, ambil alat dahulu baru matlamat.

Bukti sudah nyata, sama ada orang berjuang atau tidak, berapa ramai orang sudah mewah? Kaya raya? Ke mana dia? Ke mana mereka? Bahkan setengah mereka menjadi penghalang kepada kebangkitan Islam. Alat sudah ada dalam tangan tapi bukan jadi alat lagi tapi sudah jadi matlamat. Alat jadi matlamat, matlamat sudah jadi alat. Yang mahu bangunkan Islam ini, yang gaji $200, $300, yang tiada kedudukan, yang merempat macam kita ini. Kalau kita menjadi tuan-tuan di dunia, barangkali kitalah yang paling mengecam dan paling menentang Islam. Sebab itu kalau nak bangunkan Islam, bertolak daripada iman dahulu, syurga neraka kena sebut, akhirat kena sebut, Allah kena sebut, kebesaran Allah kena sebut, akhirat kena sebut. Barulah orang yang ada iman, bercita-cita hendak menegakkan matlamat. Matlamat itu tak kan sempuma ditegakkan kalau tak ada alat, maka usahakanlah mencari alat. Bila dapat alat barulah alat itu ditujukan kepada matlamat.

Soalan: Seorang sahabat mengatakan yang beliau begitu gigih dan bersungguh-sungguh dengan Syiah disebabkan perjuangan dan kehebatan Syiah hingga dapat mencetuskan sebuah negara Islam. Tapi katanya di bidang akidah dia tak ikut Syiab, bagaimana kedudukan ini ustaz? Terima kasih.

Syeikhul Arqam: Ini soalan sensitif, soalan kontroversi. Tapi tak apa, sudah disoal kita kena jawab. Memang di mana-mana orang cenderung kepada Syiah mengatakan dia menyokong Syiah itu atas dasar revolusinya, kaedahnya, uslubnya. Dengan kaedah dan uslub yang dibawa oleh Syiah, ia sudah berjaya menegakkan sebuah negara, Iran. Soal aqidah dia punya aqidahlah, kita aqidah kita. Cuma terima uslubnya sahaja, terima cara, kaedahnya sahaja, sebab kaedah yang dibawa mereka sudah berjaya.

Kalaulah atas dasar kaedah, kita mengikut perjuangan orang Syiah di Iran, sebab kaedahnya sudah berjaya sedangkan kaedah kita tidak berjaya, saya rasa banyak kaedah lain yang lebih berjaya daripada kaedah yang dibuat oleh orang-orang Iran atau orang Syiah. Sebab kaedah yang digunakan oleh orang Syiah di Iran baru dapat satu negara. Tapi, ada manusia di dunia ini yang menggunakan kaedah itu dah berpuluh-puluh negara jatuh di tangannya iaitu komunis. Mereka lebih berjaya. Orang komunis dengan kaedah komunisnya, bukan satu dua negara besar jatuh di tangannya, malah Czechoslavakia, Hungary, Vietnam, Kemboja, ini semuanya telah menjadi negara-negara komunis.

Bahkan di negara-negara timur tengah yang mengaku Islam itupun kalau dah tak 100% mengaku komunis hampir berbau komunis; seperti negara sosialis Yaman Selatan. Jadi kalau alasan kita, kita nak ikut Syiah ini kerana uslubnya sudah berjaya menegakkan sebuah negara, lebih baik kita ikut komunis Bukan satu negara, berpuluh-puluh negara mereka telah tawan atas kaedah mereka. Jadi kalau ikut hukum logik pun sudah tertolak, betapalah kalau ikut dengan hukum syariat; lebih-lebih lagi tertolak. Kenapa? Dia bar-u dapat satu negara, itupun belum tahu sejauh mana berjayanya. Lawan negeri Iraq yang bukan besar sangat pun, belum menang-menang perang sampai sekarang. Sedangkan komunis dengan uslubnya berpuluh-puluh negara sudah jatuh ke tangannya

Sebenarnya, orang yang memperjuangkan Islam meminjam uslub orang. Mereka berjuang secara jahil. Minta maaflah keba-

nyakan mereka dikatakan ahli sunnah wal jamaah. Bila berjuang tak berjaya, kemudian mereka meminjam uslub orang. Yang sebenarnya mereka jahil tentang Islam itu sendiri. Kita dah katakan tadi Islam itu syummul Bila syumul, cara berjuang pun ada disebut di dalam ajaran Islam. Kaedah berjuang pun ada disebut di dalam ajaran Islam. Tetapi kita berjuang tak berjaya. Kita berjuang selama ini gagal. Uslub kita, kita tak berani nak sebut, kita tak **mahu** tempuh; kita pinjam kaedah orang, tak bejaya juga.

Dalam Islam kita ada kaedah sendiri. Kaedah kita mesti atas dasar taqwa bukan quwwah. Tetapi kita ingin mengikut uslub quwwah dahulu. Taqwa jangan, jangan sebut iman, jangan sebut neraka, jangan, jangan, jangan. Akhimya kita jadi kuah. Yang sebenamya uslub kita ada, tapi tak tempuh. Cuba umat Islam tern-. puh benar-benar uslub Islam, insya-Allah dengan masa yang singkat kita akan kembali menguasai dunia.

Soalan: Ustaz, masyarakat Singapura ini banyak mengatakan yang pakaian jubah dan purdah itu adalah lebih menjauhkan orang dari Islam, adakah itu benar Ustaz?

Syeikhul Arqam: Banyak sekali orang bertanyakan soalan ini kepada saya sama ada dalam negeri atau luar negeri. Jadi pertanyaan ini tak habis-habis orang nak tahu. Saudara, kita tak persoalkan para pejuang di luar tanahair kita, sebab kalau kita sebut pun banyak di antara kita yang tak pergi. Kalau kita mendengar suratkhabar pun, suratkhabar bukan betul sangat. Nak dengar melalui media massa pun bukan boleh percaya sangat.

Kita nak ukur diri kitalah, kita nak nilai apa yang berlaku di tanahair kita Singapura ini. Arqam ni baru muncul dengan jubah serbannya dan dengan purdahnya. Cuba kita gambarkan sebelum Arqam muncul. Berapa banyak jemaah yang telah muncul, yang jemaah itu masih wujud di zaman sekarang ini, dan pengikutnya lebih ramai daripada Arqam. Sama ada yang berada di Semenanjung maupun yang berada di Singapura. Tapi saya tak payab sebut nama jemaalmya, saudara-saudari, boleh tahu. Saya nak

tanya saudara-saudari, apakah mereka yang berjuang, jemaah yang berjuang tidak melahirkan lambang-lambang seperti kita, lebih berjaya, banyak meng-Islamkan orang, telah dapat buat kemajuan, lebih banyak menegakkan hukum? Jawab sendirilah. Dan kedatangan saudara-saudari ke sini pada majlis ini, jawapan yang menunjukkan berdakwah dengan jubah dan serban orang tak tolak. Kalau orang tolak, tak wujud seperti majlis di malam ini.

Sebut sahaja Arqam... Jangan, takut. Jangan-jangan orang yang tak berjubah lebih sedikit dalam majlis ini. Boleh cubalah selepas ini, esok cuba orang tak berjubah, pakai *bush jacket*, yang dia punya ekor serbannya di depan, bukan di belakang, tak bersongkok, yang berkrol, cuba panggil, berapa ramai orang boleh hadir. Nak *test*, mana orang mahu terima, mana orang mahu tolak. Jadi saya jawab ni tak payah dengan nas, jawab dengan pengalaman sahaja. Saudara-saudari boleh ukur, boleh menilai.

Di Malaysia, kita datang ke tengah masyarakat dengan serban jubah dan purdah. Daripada 12 orang pelajar sahaja, sekarang dah tiga empat ribu orang pelajar, tak termasuk tadika. Daripada tak ada kilang, sekarang dah betpuluh-puluh, tak kurang daripada 30 buah kilang. Daripada tak ada klinik, hari ini tak kurang 10 klinik. Daripada tak ada sejengkal tanah yang kita usahakan di bidang pertanian, sekarang dah berpuluh-puluh bidang tanah yang kita usahakan melalui pertanian. Daripada tak ada sekolah, sekarang tak kurang 20-30 buah sekolah yang kita wujudkan. Hasil kita bawa dengan jubah dan serban, dengan purdah.

Ini jawapan yang tak betul. Mana ada orang lari, orang sedang bertambah sekarang, ingin lagi dengan Arqam. Tak merosot pun. Tapi mana orang yang tak ada membawa jubah dan serban, lebih-lebih lagi yang bersyarah dengan rambut berkrol, dengan ekor serban di depart; makin lama makin orang hukum. Makin lama makin orang tak dengar walaupun dia membawa degre Ph.D, walaupun dia hafaz Quran. Katakanlah malam ini kita akan mendengar seorang Hafiz. Tengok pakai songkok pun tidak, barangkali orang tolak. Jadi tak betul mengatakan orang pakai serban dan jubah ini orang tak datang. Sebenarnya itu menunjukkan

sunnah Rasulullah. Kita saja yang cakap. Kita sahaja yang menyatakan orang akan lari. Tapi di dalam pengalaman kita orang makin ramai datang.

Soalan: Baru-baru ini saya terbaca dalam satu media massa yang menceritakan sebuah badan agama di salah sebuah negeri di Semenanjung telah menyimpan wang zakat sebanyak 1 juta di dalam institusi kewangan dan telah diberitahu bahawa wang zakat tersebut telah hilang, jadi apakah pandangan Ustaz terhadap wang zakat yang disimpan dalam ***finance company*** **dan wang itu pun sudah lesap?**

Syeikhul Arqam: Ya, kita pun ada menumpang membaca beritanya dalam suratkhabar seperti yang saudara sebut. Saya rasa untuk tahu kedudukan sebcnar sila rujuk kepada badan itu, rujuk kepada agensi tersebut. Rujuk kepada jemaah itu. Apakah benar yang disebutkan di daIam suratkhabar itu atau tidak. Itu lebih mudah. Jadi saya tidak boleh nak jawablah. Sebab itu bukan soal Arqam dan bukan perkara umum yang berlaku di dalam masyarakatIslam. Hanya khusus berlaku kepada agensi itu atau kepada jemaah itu ataupun kepada jabatan itu. Benar atau tidak sepertimana berita dalam akhbar itu, ***wallahua'lam*** Sebab suratkhabar ini kadang-kadang membawa berita benar dan juga membawa berita yang tidak benar. Jadi kita kena berhati-hati. Jadi nak tahu benar tak benamya, saya mintalah kepada saudara sama ada pergi ke pejabatnya itu ataupun menulis surat. Kemudian tunggulah jawapannya.

Soalan: Saya pernah bertemu dengan seorang kawan dan saya dapati kawan saya itu, suka mengambil sikap mengasingkan diri dengan menjadi abid atau mengasingkan diri dari masyarakat. Dan beliau juga berkata, masyarakat masa kini telah banyak rosak. Jadi apakah tindakannya itu benar mengikut Islam atau apakah ada ulama-ulama yang bersikap demikian. Suka mengasingkan diri daripada masyarakat.

Syeikhul Arqam: Ini satu pertanyaan. Katanya ada sahabatnya yang suka beruzlah, menjadi abid, menumpukan masanya untuk beribadah kepada Allah semata-mata dengan tidak memikirkan perjuangan, tidak fikirkan masyarakat, tidak fikirkan jemaah, tidak fikirkan apa yang berlaku di tengah kehidupan hari. ini. Yang sebenamya, ini adalah soal khususiah, individu yang tertentu, ini tak boleh dibawa secara umum. Sebab mengikut hukum asal dalam ajaran Islam ini, setiap orang itu mesti bermasyarakat, mesti hidup di tengah masyarakat, mesti berjuang, mesti berjihad, sebab manusia ini kedudukannya di samping dia mesti beribadah, dia juga menjadi khalifah. Firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Terjemahannya: Tidak aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk menyembah Aku.

(Az Zariat: 56)

Ayat ini menunjukkan seseorang itu mesti menjadi abid, iaitu menjadi hamba Allah. Juga ayat ini memestikan dia menjadi khalifah. Ertinya mesti mengatur masyarakat, mesti berkecimpung di tengah masyarakat, mesti memikirkan masyarakat. Firman Allah:

إِنِّي جَاعِلٌ فِي ٱلْأَرْضِ خَلِيفَةً

Terjemahannya: Sesungguhnya Aku htndak menjadikan seorang khalifah di muka bumi.

(Al Baqarah: 30)

Jadi manusia ini di samping peranannya beribadah kepada Allah, dia menjadi khalifah. Di samping dia menjadi khalifah, dia menjadi abid. Menjadi abid sahaja, tak menjadi khalifah, tak boleh. Menjadi khalifah sahaja, tak menjadi abid, pun tak boleh.

Kedua-duanya mesti. Jadi kalau seseorang itu kembali kepada hukum asal, di samping menjadi ahli abid, dia mestilah berkecimpung juga ke tengah masyarakat. Kecuali kalau dia dah cuba. Dalam pengalamannya, masyarakat tak dapat disedarkan. Dah dia Cuba-Cuba hendak tarik masyarakat, nak diinsafkan, tak juga insaf. Bahkan dia sendiri merasa bertambah rosak akhlak dan rasa' lemah imannya. Maka orang itu bolehlah beruzlah dengan bersendirian, menghabiskan masa beribadah kepada Allah menjadi ahli abid. Tapi mestilah beruzlah betul-betul. Kalau masih duduk di tengah riuh rendah, di tengah masyarakat, tak boleh. Pergi beruzlah di atas gunung, bawah gunung, dalam gua, hingga tak berjumpa dengan orang. Bahkan tak wajib sembahyang Jumaat. Apa nak wajib sembahyang Jumaat, dah tinggal seorang. Kalau dia bersikap begitu kita angkat tangan.

Yang pertama dia dah cuba, tapi tak berjaya, di samping tak berjaya, imannya bertambah merosot. Maka dia boleh beruzlah. Uzlah seorang diri. Jangan bawa orang lain. Boleh jadi orang lain sanggup berjuang, sanggup lagi menjadi ahli abid dan menjadi khalifah. Dia seorang saja, tanpa hubungan dengan masyarakat langsung. Kalau di tengah masyarakat, berkewajipan dia amar *makruf nahi mungkar* (membuat yang makruf dan mencegah kemungkaran). Dia pergi jauh betul-betul, ke hutan betul-betul. Sanggupkah dia? Jika begitulah yang dimaksudkan oleh saudara, baiklah. Saya boleh terima. Tapi kalau beruzlah di tengah kampung, berada di tengah masyarakat umum, sebaliknya tak mahu membetulkan masyarakat, itu silap. Bukan uzlah namanya, itu hidup sendiri. Macam pokok kayu di dalam hutan, melepaskan pucuk masing-masing. Hidup bersendiri di tengah masyarakat, mana boleh. Tetapi hidup bersendhi, memang bersendirian, tak apa. Hidup bersendirian memang bersenditi tak apa tetapi bidup bersendirian di tengah masyarakat, ini yang tak boleh.

Jadi kalau sahabat saudara itu menjadi.ahli abid setelah dia berjuang terlebih dahulu kemudian kesannya tak ada, bahkan imannya bertambah merosot, kemudian dia ambil tindakan untuk beruzlah. Dia beruzlah tidak di tengah masyarakat manusia,

mungkin di tengah hutan, mungkin di tengah binatang, kita angkat tangan. Adakah begitu saudara? Jika tidak, *al ghurur fil ibadab*, dia sudah tertipu dengan ibadah, syaitan tipu dia.

Soalan: Saya bukanlah penentang poligami, tetapi apakah tidak boleh kita bertolak ansur sebagaimana bertolak ansurnya Sayidina Ali ketika berkahwin dengan Siti Fatimah, menunggu hingga Siti Fatimah wafat kemudian barulah beliau berpoiigami, bagaimana pandangan Ustaz?

Syeikhul Arqam: Setiap apa sahaja yang Allah sudah tentukan hukumnya, lebih-lebih lagi perkara itu adalah diharuskan oleh Allah, kalau bagi orang mukmin dia terpaksa bersikap *Sami'na wa atho'na.* Sebab, sifat orang mukmin itu Allah gambarkan dalam Al Quran: .

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ
وَرَسُولِهِۦ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ أَن يَقُولُوا۟ سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا

Terjemahannya: Sesungguhnya jawapan orang-orang mukmin apabila mereka dipanggil kepada Allah dan Rasul-Nya untuk memutuskan hukuman di antara mereka, (dengan rela hati) mereka berkata: "kami dengar dan kami patuh."
(An Nur: 51)

Jadi setiap apa yang diharuskan oleh Allah bukan sahaja soal poligami, mungkin **banyak** lagi yang diharuskan oleh Allah. Maka bagi orang mukmin dia terima dengan penuh redha dan penuh sabar. Bila tak terima hukum hams, itu ertinya **tak** terima hukum Allah. Bila tak terima hukum Allah ertinya kita menentang Allah, beratlah.


Kemudian timbul sesetengah kaum ibu berkata tak apalah kami terima soal poligami tapi biarlah macam sikap Sayidina Ali. Bila

isterinya sudah meninggal, barulah dia berpoligami. Jadi begitulah kami kaum wanita ini, kami dah mati barulah suami boleh berpoligami. Kita ni siapa, Siti Fatimah tu siapa? Kalau disuruh pun poligami pada Sayidina Ali barangkali Sayidina Ali pun tak mahu. Siti Fatimah tu siapa? Penghulu wanita syurga. Imannya luarbiasa, dia dah jual dunia untuk akhirat, untuk beli akhirat,.dan Allah jadikan Siti Fatimah itu keistimewaannya, lahir batinnya luar biasa. Barangkali seratus wanita yang ada ini pun tak sama dengan Siti Fatimah. Barangkali kalau Siti Fatimah suruh kahwin pun Sayidina Ali tak mahu. Manakan sama dengan Siti Fatimah. Macam kita ni mana nak sama dengan Siti Fatimah, jauh berkali ganda. Jadi kalau kita tak sama dengan Siti Fatimah terpulanglah kepada suami kita, terimalah sunnah dari Allah. Dah Allah tentukan kena redhalah. Sifat orang mukmin kena redha, paling tidak, sabar.

Soalan: Saya seorang yang baru sedar, sedangkan harakah , Islam di keliling saya amat banyak. Dapatkah Ustaz berikan garis panduan bagi saya untuk memilih jemaah yang paling tepat untuk saya ikuti?

Syeikhul Arqam: Saya rasa dalam jawapan yang saya beri tadi dah banyak ditimbulkan. Barangkali kalau tak seratus peratus pun ada inti-inti jawapan, di atas pertanyaan yang baru ini. Seperti yang telah saya katakan, matlamat perjuangan Islam nak menegakkan kalimah Allah. Kalimah Allah itu ditafsirkan dengan *ahkamullah,* (hukum-hakam *Allah) ada lima sahaja. Hukum wajib, sunat, makruh, haram dan hams. Yang dikenakan oleh hukum ini banyak, kadang-kadang mengenai diri kita, pendidikan kita, kampung kita, masjid kita, surau kita, sekolah kita, kenduri-kendara kita seterusnya kepada alam yang lebih luas.

Hukum ini bila pergi ke mana-mana tetap lima juga. Sama ada pergi ke Indonesia, Afrika, Timur Tengah, Singapura dan patah balik semula ke Semenanjung. Hukum Islam itu tetap lima. Yang kena hukum itu banyak. Tempat yang nak ditegakkan hukum itu





"Matlamat perjuangan sama, cuma dari segi teknik saja yang berbeza...pilihlah jemaah yang bukan sekadar laungkan dan seminarkan Islam tetapi yang berjaya menegakkan kalimatullah dalam semua aspek kehidupan dalam diri dan harakahnya."

juga banyak, sepertimana yang saya katakan tadi. Jadi matlamat perjuangan sebuah jemaah Islam itu hendak menegakkan hukum Allah dalam kehidupan, terutama dalam jemaah itu sendiri.

Kemudian cara nak menegakkan hukum itu terpulang, boleh berlainan. *Uslub* boleh berlainan, kaedah boleh berlainan. Cara nak menegakkan hukum sama ada dalam jemaah sendiri atau di luar jemaah, ini boleh berlainan. Tapi matlamat tak boleh berlainan. Apa sahaja jemaah, matlamatnya mesti nak menegakkan lima hukum itu tadi. Yang wajib yang sunat nak dipertahankan, yang haram yang makruh nak ditinggalkan, yang harus terpulang.

Jadi kita yang baru sedar ini, yang tak begitu faham, kita tengok mana jemaah yang benar-benar nak menegakkan matlamat perjuangan, mana jemaah yang banyak menegakkan hukum sama ada dalam dirinya sendiri dan dalam jemaahnya, sama ada dalam bidang pakaian, bidang pergaulan, makan minum dan lain-lain. Itulah jemaah yang kita nak ikut.

Mana jemaah yang banyak bercakap sahaja tapi tak wujud gambaran Islam dalam jemaahnya, hukum hakamnya yang lima itu tak nampak ditegakkan tapi yang haram dan makruh banyak lagi ditegakkan dalam jemaah, yang patut dipertahankan tidak dipertahankan umpamanya, itu menunjukkan jemaah itu dalam segi perkataan sahaja hendak membangunkan matlamat perjuangan Islam tetapi dalam *lisanulhal*nya, dalam realitinya, dalam kehidupannya, tidak begitu ghairah nak menegakkan Islam dalam jemaahnya.

Jadi kita boleh nilailah, mana yang hebat alat dalam menuju matlamat yang ditegakkan. Itulah jemaah yang patut kita sertai. Selain daripada itu kita tinggalkan. Pilihan masing-masing, tengok dan nilailah.

Soalan: Muslimah adalah sebahagian daripada anggota masyarakat. Dalam Islam apakah peranan Muslimah yang sebenarnya? Ataupun di dalam era kebangkitan Islam, di manakah letaknya sumbangan Muslimah?

Syeikhul Arqam: Islam telah menentukan kaum ibu itu kebaikannya banyak di rumah. Pahalanya banyak di rumah, sikit di luar rumah. Jadi kalau begitu peranan asas kaum ibu, ialah di rumab. Mendidik anak, mengasuh anak-anak, menjaga makan minumnya, kebersihannya, pendidikan agamanya, menjaga harta suaminya, melayan suaminya, mengurus rumahtangga dan sebagainya.

Tetapi tidak salah juga bila masa terdesak, waktu-waktu yang tertentu membolehkan kaum ibu itu keluar rumah. Itu benda *yang aradhi,* iaitu perkara yang mendatang kemudian. Umpamanya di bidang fardhu ain. Pasal fardhu ain, pasal nak belajar rukum iman yang enam, nak belajar Usuluddin atau tauhid sekadar fardhu ainnya. Nak belajar tentang rukun Islam yang lima sekadar fardhu ainnya, kalau tak dapat di rumah, sebab ibu dan ayah tak boleh mengajar, kecuali dapat di luar rumah, maka dia boleh keluar rumah Walaupun tak dapat keizinan ibu dan ayahnya ataupun tidak dapat keizinan suaminya, sebab itu fardhu ain. Suami tak boleh halang, ibu dan ayah tak boleh halang. Ini benda yang aradhi.

Tetapi kalau dia boleh dapat hal-ha1 fardhu ain di dalam rumah, salah dia keluar rumah. Jika tak dapat di dalam rumab, boleh dia keluar. Ataupun ada kerja-kerja lain yang kaum bapa tak boleh, umpama mendidik anak-anak, mengajar kelas tadika atau *raudhatul atfal* umpamanya. Kalau kaum bapalah, macam kita ni mendidik, kita kurang sabar. Umur 4, 5 tahun dah kena piat telinga, tak datang sekolahlah budak-budak tu. Sebab biasanya kaum ibu ini kalau berhadapan dengan budak-budak agak sabar. Nak cari guru-guru tadika ini elok kaum ibu. Kadang-kadang dia terpaksa keluar rumah untuk mengajar sebab masyarakat telah lantik dia sebagai guru tadika, ini dibenarkan.

Dia membantu masyarakat, sebab masyarakat tak boleh buat kecuali campur tangan kaum ibu. Soal keluar rumah bila jadi bidan, doktor, pokoknya bila keluar rumah itu mesti ikut syariat. Jangan lupa syariat, jangan lupa disiplin syariat. Jadi ada kerja-kerja yang tak boleh dibuat oleh kaum bapa tapi boleh dibuat oleh kaum ibu dan perkara itu berlaku di luar rumah. Boleh kaum

ibu lakukan. Itu perkara yang aradhi namanya. Tapi walau bagaimanapun kedudukan yang asasi pada kaum ibu itu adalah di rumah. Pahalanya banyak di rumah. Kebaikannya banyak di rumah dibandingkan di luar rumah. Cuma adakalanya pada masa-masa tertentu, perkara-perkara yang aradhi membenarkan dia keluar rumah bila keadaan mendesak.

Soalan: Kira-kira pada sekitar **tahun 1986 dan 1987 maka telah berlaku satu krisis tentang Imam Mahdi di mana telah berlaku pada jemaah Arqam. Adakah benar-benar Ustaz telah mempunyai kearifan ataupun isyarat umum yang mengatakan bahawa Imam Mahdi itu dia hanya berada di Indonesia dan sehinggakan Allahyarham Ustaz Mokhtar Yaakob dan sebahagian ahli-ahli jemaah Darul Arqam telah keluar dan apakah kaitan perkara Imam Mahdi dengan jemaah Darul Arqam?**

Syeikhul Arqam: Ini masalah lama, tapi ditimbulkan lagi pada majlis ini. Ya, satu ketika dahulu, barangkali lebih kurang dua tahun yang sudah ataupun hampir dua tahun yang sudah, sibuk terutama suratkhabarlah, suratkhabar yang tidak bercorak Islam. Buat berita berbulan-bulan lamanya, nak menjatuhkan Arqam dengan dikaitkan dengan soal tariqat, soal-soal Imam Mahdi dan sebagainya. Kita tak mahu jawab dalam suratkhabar, selain daripada tak puas menjawab melalui suratkhabar, boleh jadi akan diputarbelitkan oleh orang. Dan keyakinan kita, kita tak yakin suratkhabar ini boleh menyelesaikan masalah.

Sebab itu kita kata tunggu. Tunggu. Beberapa ketika lagi kita akan mengeluarkan sebuah buku. Jadi *alhamdulillah* di dalam masa empat puluh hari sahaja dengan izin Allah saya telah menulis sebuah buku. Di samping menjelaskan kedudukan Aurad Muhammadiah, tentang kedudukan Imam Mahdi dan tentang kedudukan Sayyid Syeikh Muhammad As Suhaimi ataupun Kiyai Agong sekaligus terjawab. Jadi kita keluarkan sebuah buku lebih 200 muka. Buku itu sudah beredar di tengah masyarakat

Semenanjung termasuk Singapura. Kita telah cetak sehingga hari ini hingga 30 000 naskah, edisi rumi dan edisi jawi. Edisi rumi berharga $10, edisi jawi berharga $12.

Hasil dari itu kita dapat membeli sebuah van dan dapat telefon di dalam kereta (ATUR), dan dapat beli benda-benda lain lagi. Jadi setengahnya untungkan kepada kita, dapat van dan dapat telefon. Bukan senang nak beli telefon ATUR. Jadi untuk dapat jawapan yang sebenar agak puas, takkan saya nak jawab sepanjang buku itu, tentu saya akan jawab sekadar sepuluh minit. Sedang fitnah itu berpanjang-panjangan orang tulis dalam suratkhabar sampai empat bulan. Hingga hari ini pun tak habis-habis lagi orang cuba timbulkan. Kalau saya nak jawab sepuluh minit pun tentu saudara rasa tak puas hati. Jadi kita dah keluarkan buku, kalau saudara belum miliki buku itu, cuba miliki, cuba beli . buku tersebut. Kemudian mentelaah betul-betul apa jawapan kita. Jadi buku itulah jawapan saya, ataupun jawapan umum bagi jemaah pengajian Darul Arqam.

Saya ada cukup hujah di situ. Trend saya *murajiq,* kitabnya 38 buah, dengan muka surat sekali saya sebut. Di antara yang saya rujuk, hujah Imam Sayuti, Imam Ghazali, Imam Abu Hassan Ashaari, ulama-ulama besar zaman dahulu. Sedangkan Pusat Islam ada juga keluarkan bukunya,nak menjawab buku saya. Kecil saja bukunya, buku saya 200 muka lebih, dia tak sampai 100 muka pun. Dia punya referencenya, Mohd. Abduh, Syaltut, ulama-ulama di zaman kita, ulama-ulama pakai *neck-tie,* ulama-ulama zaman moden ini. Jadi banding sendirilah. Jadi kalau saya nak jawab sepuluh atau lima belas minit dalam majlis ini memang tak munasabah, tapi saya dah keluarkan buku. Harap saudara rujuk buku tersebut *(Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam).*

Soalan: Dalam ceramah pembukaan tadi, Ustaz ada' menyebutkan bahawa Arqam di Singapura ini baru ditubuhkan. Jadi untuk manfaat kita yang ada dan para mubaligh dan juga bakal mubalighin insya-Allah yang ada di sini, saya ha-

rap Ustaz dapat memberi pandangan bagaimana cara untuk kita menegakkan daulah Islamiah di sini; Singapura sebuah negara yang maju dan bagaimana kita dapat menggunakan kemajuan sebagai alat Islam.

Syeikhul Arqam: Kaedah, cara berjuang, uslub, cara kita menyampaikan Islam ini sudah ada. Sudah disebut dalam Al Quran dan sunnah Rasulullah SAW dan sudah dibahas oleh alim ulama zaman dahulu dan sudah ditempuh dan setengah-setengah orang, sudah membuat kejayaan. Jadi kalau kita, uslub itu dapat kita memahami dan kita cuba tempuh lagi, mungkin kita akan mendapat kejayaan. Jadi kaedah uslub ini semua serupa. Cuma dari segi strategi yang tak dapat kita sebut di sini. Mungkin terlalu banyak. Itu boleh berubah. Dan *uslub* juga boleh ditokok tambah. Tapi asas-asas uslub itu memang sudah ada di dalam ajaran Islam. Tapi tak salah kalau kita tokok tambah dan menambah lagi sesuai dengan soal-soal semasa, dengan tempat, dengan kaum, dengan kebudayaan sesuatu kaum dan sebagainya. Itu tak salah. Cara yang asas dalam ajaran Islam ialah dakwah. Itu cara yang asas, dakwah. Kemudian bila sebut dakwah mesti berhikmah, sebab Allah menyuruh kita berhikmah.

ٱدْعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلْحِكْمَةِ
وَٱلْمَوْعِظَةِ ٱلْحَسَنَةِ ۖ وَجَٰدِلْهُم بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ

Terjemahannya: Hendaklah kamu seru kepada jalan Tuhanmu dengan penuh hikmah (penuh bijaksana) dan dengan cara nasihat-nasihat yang baik. Dan (kalau masih membantah) berhujahlah dengan bahasa yang paling baik.

(An Nahl: 125)

Dan kalau terpaksa berbahas, terpaksa berdialog dan sebagainya, hendaklah dilakukan sebaik-baiknya. Dengan hikmah, dengan ada hujah-hujah, dengan ada dalil-dalil, bukan dengan

semberono. Ini garis kasar yang Allah telah berikan, bagaimana cara kita berdakwah. Jadi cara yang asas yang ditunjukkan oleh Al Quran, berdakwahlah cara hikmah. Sabda Rasulullah SAW:

بَلِّغُوا عَنِّى وَلَوْ آيَةً

Terjemahannya: Hendaklah kamu sampaikan apa yang datang daripadaku walaupun sepotong ayat.

Bila kita sudah berdakwah sebanyak-banyaknya dengan penuh hikmah, dengan berilmu, dengan berakhlak, mana orang yang sedar hasil dakwah kita, jangan biarkan begitu sahaja. Kita lahirkan kelas-kelas pengajian fardhu ain. Kalau kanak-kanak cara kanak-kanak, kalau orang dewasa secara orang dewasa. Sebab bila orang dah sedar melalui dakwah kita, teringin nak beramal, teringin nak beribadah, ilmu tak ada, terpaksa kita ajarkan.

Cara yang kedua iaitu mengadakan kelas-kelas pengajian, supaya mereka yang sedar ini dapat menerima ilmu pengetahuan dari kita; supaya nanti bila dia beramal, selaras dengan ilmu pengetahuan Islam. Yang ketiga, mana yang dah sedar tadi, kemudian dah menerima ilmu pcngetahuan, bersedia untuk beramal, kita didik lagi, didik lagi hingga lahir sebuah jemaah. Yang dah ada kesedaran, yang sudah ada ilmu yang sikit sebanyak dirinya telah mengamalkan ajaran Islam, maka golongan inilah yang kita kumpul-kumpulkan, himpun-himpunkan hingga menjadi satu masyarakat, satu jemaah.

Kita dah katakan tadi Islam itu bukan berbentuk akhirat sahaja, ada juga berbentuk dunia. Ia bukan berbentuk *hablummnallah* sahaja, ada berbentuk *hablumminannas*. Ada kaitan, ada hubungan dan sebagainya. Maka kalau begitu jemaah yang sudah wujud dan sudah sedar, yang sudah ada ilmu, yang sikit sebanyak telah tegakkan Islam dalam dirinya, bila sudah berbentuk masyarakat, maka jemaah ini mesti bertindak pula melahirkan khidmat masyarakat, maka akan lahirlah nanti fardhu kifayah di tengah masyarakat yang telah dibangun oleh jemaah yang sudah

sedar ini. Mungkin akan lahir nanti makan minum secara Islam di tengah masyarakat, melalui kilang kecil-kecilan yang dibangunkan oleh jemaah yang telah sedar tadi. Mungkin akan lahir sekolah-sekolah yang berbentuk Islam yang dilahirkan oleh jemaah yang telah sedar tadi. Begitulah seterusnya.

Inilah perkara-perkara asasi yang mesti kita buat dan ketengahkan dalam perjuangan kita. Kemudian yang lain itu boleh tokok tambah, boleh ditambah lagi sama ada dari segi strategi ataupun caranya sesuai dengan perkembangan, sesuai dengan kepesatan, sesuai dengan suasana yang dihadapi yang lebih luas lagi dari masa ke semasa.

Soalan: Apakah benar kenyataan yang, mengatakan kebangkitan Islam hanya ditegakkan oleh harakah yang bertariqat?

Syeikhul Arqam: Saya tidak berani nak mengatakan harakah yang bertariqat dapat membangunkan Islam. Kalau saya sebut begitu sahaja, mungkin banyak orang tolak, tetapi saya nak' mengajak .saudara-saudari berfikir begini. Mari kita berfikir dengan cara kita memahami sedikit perjalanan umat Islam dan ajaran Islam semenjak Rasulullah SAW hingga ke zaman kita. Kalau kita membaca hadis, ada hadis yang memberi isyarat kepada kita, yang mana umat Islam dan agama Islam ini akan berhadapan dengan dua zaman ummah. Dua kali berlaku zaman ummah. Ertinya zaman perpaduan sejagat antarabangsa. Dengan kata-kata lain, umat Islam dan ajaran Islam akan dua kali menguasai dunia. Jadi empayar dua kali.

Zaman ummah yang pertama, zaman empayar yang pertama sudah berlaku dalam sejarah, tak ada seorang. pun yang boleh tolak. Sebab sudah berlaku, dan sejarah itu sudah dicatit. Dan kita sudah sama-sama membaca, orang Islam tak boleh tolak, orang kafir pun tak boleh tolak. Iaitu berlaku di zaman Rasulullah, zaman sahabat, zarnan tabiin, tabiut tabiin. Umumnya berlaku di zaman salafussoleh 300 tahun dari Rasulullah. Sudah berlaku, seorang pun tak boleh tolak. Kenapa? Sudah dicatit dalam sejarah.

Sekali lagi akan berlaku zaman ummah; umat Islam dan Islam akan menjadi empayar, sekali lagi menguasai dunia, di akhir zaman. Siapa dia? Oleh pemimpin Islam yang ada hari ini ke? Oleh Ustaz Ashaari ke? Tidak. Oleh dua pemimpin besar yang Allah lahirkan di akhir zaman. Iaitu kemunculan Imam Mahdi dan Nabi Isa a.s. Mereka saja yang layak. Muka Ustaz Ashaari tak layak, yang lain pun tak layak, macam muka saya juga. Arafat lagi-lagi tak layak, sebab dia orang sosialis.

Bila muncul Imam Mahdi dan bila lahir Nabi Isa a.s. sekali lagi akan berlaku zaman ummah. Islam akan dapat menempa satu empayar sekali lagi di akhir zaman. Pasti berlaku, sebab yang bercakap itu Rasulullah, *sodiqul masduq* dan dia berlaku di awal kurun. Kita ini sudah berada di awal kurun. Saya mempunyai keyakinan di awal kurun ini. Sebab awal kurun sudah berjalan lapan tahun bukan? 100 tahun itu kita bahagi empat. 25 tahun yang awal itu dianggap awal kurun. Kemudian di antara ummah dengan ummah ini, berlaku kekosongan, kekosongan ummah. Yang ada, apa? Rasulullah pemah bersabda:

لاَ تَزَالُ طَائِفَةٌ مِنْ أُمَّتِيْ ظَاهِرِيْنَ عَلَى الْحَقِّ لاَ يَضُرُّهُمْ مَنْ خَالَفَهُمْ حَتَّى يَأْتِيَ أَمْرُ اللهِ

. Terjemahannya: Sentiasa ada satu thoifah daripada umat aku yang sanggup lagi melahirkan suasana kebenaran, dan mereka itu tidakakan dirosak oleh mereka yang menyalahinya sehinggalah datangnya perintah Allah.

Thoifah ini akan sentiasa wujud selama mana dunia ini ma& wujud. Selama mana masih belum diqiamatkan oleh Allah SWT. Jadi di antara ummah dengan ummah, kekosongan ummah. Yang ada, jaminan daripada Allah melalui lidah Rasulullah hanya toifah. Ertinya ada kumpulan kecil-kecilan yang tidak bertaraf ummah lagi, yang tak bertaraf antarabangsa lagi, yang tak dapat menguasai dunia lagi, yang tidak menjadi empayar lagi.

Di antara ummah dengan ummah ini hanya ada thoifah-thoifah yang Allah munculkan daripada zaman ke zaman, masa ke masa. Jadi kalau kita mahu mengkaji sejarah, lebih-lebih lagi kita yang berjuang ini, kena membaca sejarah. Ini pandangan saya. Bila di-kaji-kaji, thoifah-thoifah yang bercorak tariqat, yang bercorak kerohanian; penonjolan Islam dalam jemaah itu lebih tertonjol daripada jemaah-jemaah yang tidak membawa tariqat. Ini dalam realitinya, ini sejarah yang banyak kita dapat faham. Di luar itu, agak kurang penonjolan amalan Islam itu.

Tetapi kalau kita tengok di dalam jemaah tareqat, maka Islam dalam jemaah itu mungkin kemas lagi daripada golongan luar. Tetapi perlu saya ingatkan kepada saudara-saudari semua, jangan memandang tariqat yang berlangsung sekarang ini, saya sebutkan ini di zaman gemilangnya, sebab toifah ini digantikan oleh Allah zaman gemilangnya. Jadi kalau nak cerita pun terlalu panjang sangat, cukup kalau saya ceritakan secara umum sebab setiap tareqat itu, dia ada zaman gemilangnya. Selepas itu dia akan malap, akhimya tinggal wirid sahaja, tak boleh lagi membangun-kan masyarakat.

Jadi jangan pandang tariqat di segi sudah zaman mundur-nya, yang tinggal wiridnya sahaja, tinggal suluknya sahaja, tinggal zawiyahnya sahaja, tinggal zikir-zikimya sahaja. Pan-dang waktu zaman gemilangnya. Kalau nak tengok Naqsyabandi, tengok zaman gemilangnya. Nak tengok Ahmadiah, lihat zaman gemilangnya. Kalau nak tengok Sattariah, Syazaliah, Samaniali, tengok di zaman kegemilangannya. Jangan zaman sekarang. Di zaman gemilang itu, di zaman khalifahnya sendiri yang mem-bawa tariqat itu lebih kemas Islam yang wujud di dalam jemaah itu dibandingkan di luar.

Mungkin barangkali saudara-saudari ada nilaian masing-masing. Sebab *ini soal ijtihudi. ijtidadil fikri.* Tak ada nas yang begitu *soreh.* Jadi berdasarkan ini, saya berkeyakinan di antara ummah dengan ummah yang Islamnya agak baik ialah jemaah kerohanian, jemaah tariqat. Yang mana Islam itu lebih kemas wujud di dalam jemaahnya berbanding di luar.

Soalan: Ahli-ahli tariqat zaman silam mereka berjaya membangunkan Islam tapi mengapa tidak sedemikian pada ahli-ahli tariqat zaman sekarang?

Syeikhul Arqam: Saya dah jawab tadi, tariqat itu ada zaman gemilangnya. Memang sudah menjadi sunnatullah sama ada toifah atau ummah, silih berganti. Apa saja bangsa dunia ini yang berkuasa, sama ada berkuasa taraf khalifah ataupun berkuasa taraf dunia, ada hadnya. Allah tak bagi kuasa satu-satu bangsa setiap masa. Di sini kita nak faham, sebab itu sekarang kalau kita nak berjuang, nak fahamlah perjalanan masyarakat, perjalanan sejarah itu, di mana patut kita duduk, di mana patut kita berdiri. Thoifah mana yang patut kita campur tangan sebab suatu toifah itu bila dah berhadapan dengan zaman gemilangnya dia tak akan pergi gemilang lagi. Dia tak akan menjadi gemilang lagi. Sebab Allah akan gantikan dengan toifah lain. Jadi kalau kita sekarang hidup zaman sekarang, tengoklah toifah-toifah yang ada di zaman kita. Mungkin ada dua puluh, mungkin ada tiga puluh toifah. Dalam tiga puluh, dua puluh atau sepuluh itu, tengoklah mana ada toifab yang agak lebih menonjol Islamnya. Sesetengah barangkali ia membawa hal-hal kerohanian, membawa tariqat, jadi kita pilih sendirilah. Kita tak boleh nak kata.

DIALOG MENGENAI POLIGAMI BERSAMA SYEIKHUL ARQAM

Poligami:

PANDANGAN SYEIKHUL ARQAM

- Apakah hikmahnya berpoligami?
- Mengapa hilang bahagia dengan poligami?
- Peranan adil dalam poligami
- Adakah poligami matlamat Darul Arqam?
- Jiwa lemah punca masalah bukannya poligami?

Sinopsis:

Keupayaan Jemaah Darul Arqam melaksanakan poligami dengan baik telah diakui masyarakat. Di manakah rahsia di sebalik kemampuan tersebut.

Dalam tiga siri "Poligami: Pandangan Syeikhul Arqam" anda berpeluang mengikuti beberapa pandangan Syeikhul Arqam di dalam pelbagai aspek berhubung dengan isu tersebut.

Siri pertama, hikmah-hikmah poligami merupakan satu pandangan Syeikhul Arqam bagi menjawab soalan peserta ekspedisi rehlah Islamiah Sabah-Sarawak 1987.

Siri kedua dialog poligami bersama Syeikhul Arqam, Syeikhul Arqam menjawab beberapa soalan dalam satu siri ekspedisi rehlah Islamiah seluruh Semenanjung Malaysia pada bulan Februari I988.

Dan siri ketiga Dialog Poligami merupakan satu siri temubual Syeikhul Arqam bersama Ketua Pengarang Majalah Al Mukminah terbitan Penerangan Al Arqam.

Moga-moga pandangan Syeikhul Arqam ini menambahkan lagi kefahaman kita. Dan ikutilah jawapan-jawapan beliau seterusnya.



Bulat air kerana pembentong, bulat manusia kerana muafakat. Muafakat dalam rumah tangga poligami, boleh memastikan terdidiknya anak-anak untuk kesinambungan generasi taqwa. Tugas kaum ibu juga dapat keringanan dengan berkat muafakat.

Siri Pertama:
HIKMAH-HIKMAH POLIGAMI
Ekspedisi Rehlah Islamiah
Sabah Sarawak 1987

Soalan: Imej poligami di tengah masyarakat kita selama ini sering dikaitkan dengan hal-hal yang negatif. Bahkan kemampuan seseorang untuk dapat berlaku adil juga sering dipersoalkan. Bolehkah ustaz terangkan hikmah-hikmah poligami dan bagaimana tuntutan keadilan yang mesti ditunaikan dalam berpoligami?

Syeikhul Arqam: Berpoligami merupakan *dakbus solihin yakni* tradisi orang-orang soleh. Maksudnya kalau kita baca sejarah berkahwin ramai ini sudah menjadi amalan atau kegemaran orang-orang soleh zaman dahulu. Para rasul-rasul dan nabi-nabi, isteri mereka ramai. Rasulullah, isterinya sebelas orang. Sebenamya isteri Rasulullah lebih dari sebelas orang. Tak silap saya tiga puluh enam atau tiga puluh tujuh semuanya. Hanya sebelas orang bersamanya. Lainnya sebelum bersama sudah diceraikan oleh Rasulullah dengan keadaan dan sebab-sebab tertentu.

Para-para sahabat juga ramai yang berpoligami. Ada sesetengahnya lepas dicerai empat, kahwin empat lagi, cerai lagi, kahwin empat lagi. Ada di antara sahabat mempunyai dua ratus

isteri iaitu Sayidina Hassan r.a., Syeikh Abdul Qadir Jailani, ulama besar dan sufi-sufi yang ulung, berkahwin serentak empat orang sekali. Jadi cukuplah saya gambarkan sejarah.

Ini menunjukkan berpoligami atau berkahwin ramai itu dakbus *solihin,* bukanlah satu kecacatan atau satu keaiban. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُم مِّنَ النِّسَاءِ
مَثْنَىٰ وَثُلَاثَ وَرُبَاعَ ۖ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً

Terjemahannya: Kahwinilah perempuan-perempuan yang baik agamanya, keturunannya, akhlaknya, dua orang, tiga orang, empat orang (setakat empat orang), tetapi jika kamu tidak sanggup berlaku adil cukup hanya satu.

(An Nisa': 3)

Ini bermula daripada dua dahulu, selepas itu tiga orang dan selepas itu empat orang. Sudah cuba dan rasa-rasa tak adil, baru boleh bcrunding baik-baik. Lepaskan, tingga.lkan satu ataupun dua ataupun tiga. Kalau satu sahaja, tidak tahu lagi apakah adil atau tidak. Sebab itu Allah berfirman *Masna* (dua), satu disebut di hujung selepas: Ertinya, *hingga kamu tidak dapat berlaku adil, cukuplah satu.* Maknanya, kalau dua, tiga dan empat dicuba tidak berlaku adil, cukuplah satu. Atau pun tiada tolak ansur yang lain hingga menjadikan suami susah hendak berlaku adil pula, bolehlah berunding tinggalkan satu sahaja.

Berpoligami itu merupakan amalan orang soleh masa dahulu, kerana Allah SWT membenarkan berbuat demikian. Betpoligami ini banyak hikmahnya, di antaranya:

Yang pertama:
Rasulullah SAW pemah bersabda:

تَنَاكَحُوْا تَنَاسَلُوْا تَكَثَّرُوْا فَإِنِّى مُبَاهٍ بِكُمُ الأُمَمَ يَوْمَ القِيَامَةِ

Terjemahannya: Bernikah kahwinlah, berketurunanlah dan perbanyakkan anak. Aku berbangga dengan pengikut yang ramai di Hari Qiamat.

Rasulullah berbangga dengan pengikut yang ramai. Sebab itu, kalau berkahwin satu mungkin barangkali tidak ramai, tetapi jika isteri sudah ramai, bertambah ramailah pengikut Rasulullah. Rasulullah berbangga bukan sahaja di dtmia lebih-lebih lagi di akhirat dengan ramainya pengikut dan umatnya, dibandingkan dengan pengikut-pengikut dan umat Rasul-rasul sebelum baginda. Itulah sebabnya Rasulullah menggalakkan seorang lelaki berkahwin dengan perempuan yang berketurunan ramai anak. Ini dikuatkan dengan hadis yang berbunyi:

تَزَوَّجُوْا الوَلُوْدَ الوَدُوْدَ فَإِنِّى مُكَاثِرٌ بِكُمُ الأُمَمَ.

Terjemahannya: Berkahwinlah dengan perempuan yang (baka) ramai anak dan berkasih sayang kerana aku berbangga dengan ramainya umat.

(Riwayat: Abu Daud dan An Nasai)

Di samping berketurunan ramai anak, dia kasih sayang dengan anak-anak. Macam mana kita hendak tahu perempuan itu ramai anak? Kita kahwin satu dia belum ada anak. Ketika itu tengoklah ibunya. Kita pinang anak gadis orang, kita tengoklah macam mana ibunya. Ibu dia anak dua puluh satu orang atau lapan belas, tentulah menurun kepada dia pula. Biasanya begitulah.

Jadi hikmahnya berdasarkan sabda Rasulullah tadi. Rasulullah berbangga umamya ramai. Jadi kalau kita ramaikan isteri dengan

tujuan untuk menggembirakan Rasulullah, pahalanya besar. Betapalah gembira Rasulullah, kekasih Allah. Allah tidak jadikan langit dan bumi kalau tidak kerana Rasulullah. Itulah hikmah Yang pertama.

Hikmah yang kedua: Bagaimana kita hendak melahirkan kasih sayang dengan suami? Janganlah beri hadiah yang kecil-kecil. Belikan kain pelikat, ini biasa, orang boleh buat. Balik kampung bawakan buah rambutan, ini semua orang boleh buat.

Hadiah isteri seorang lagi atau dua atau tiga orang. Ini jarang orang boleh buat. Ini baru tunjuk kasih sayang, sebab nak buat tu payah. Itu benda paling berharga bagi wanita. Kalau wanita bagi emas pada suami pun tidak segembira itu. Tapi kalau carikan dua atau tiga orang isteri, itulah hadiah yang besar. Itulah tanda kasih sayang kepada suami. Jangan kata, "saya ini kasih pada suami", tapi nak dimadukan suami, tidak sanggup. Kita cuma berbohong, berlakon-lakon.

Hikmah yang ketiga: Inilah ujian pada wanita. Kalau pada lelaki, ujian terlalu banyak di luar dan di dalam rumah, sebab gelanggang lelaki luas. Lelaki mentadbir masyarakat, memikirkan negara, memikirkan dunia yang luas. Tentulah luas pula ujiannya. Penderitaan yang dihadapi luas oleh lelaki. Makin luas dia bergelanggang, berjuang, makin luas dan banyak ujian yang ditimpakan oleh Allah.

Apa pula ujian kepada kaum ibu? Ujian kaum ibu terbatas. Jadi, ujian untuk diberikan kepada kaum ibu adalah *special*. Bukan ujian biasa, ujian luar biasa. Iaitu Allah membenarkan suaminya berkahwin dua, tiga dan empat.

Ini ujian besar untuk menguji sejauh mana para wanita dan isteri boleh patuh kepada perintah Allah. Setiap orang mukmin itu diuji. Ujian tidak sama, kadang-kadang ujian sama. Pada lelaki ada ujian tertentu yang berat padanya, pada wanita tidak berat. Sesetengah ujian berat bagi wanita, tidak.pula berat bagi lelaki. Bahkan mungkin ini bukan ujian daripada Dia. Ini suatu rahmat.

Seperti poligami, Allah mahu orang mukmin diuji, kalau dia benar-benar beriman dan taat kepada Allah, kasih sayang kepada Allah, Allah uji supaya kita tahu menilai diri kita. Benarkah kita kasihkan Allah, patuh dan taat kepada-Nya.

Allah berfirman di dalam Al Quran:

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوٓاْ إِلَى ٱللَّهِ
وَرَسُولِهِۦ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ أَن يَقُولُواْ سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا

Terjemahannya: Sesungguhnya jawapan orang-orang mukmin apabila mereka dipanggil kepada Allah dan Rasul-Nya untuk memutuskan hukuman di antara mereka, (dengan rela hati) mereka berkata: "kami dengar dan kami patuh."
(An Nur: 51)

Jadi hikmah yang lain ini merupakan ujian pada kaum ibu untuk dapat menilai dirinya. Benarkah dia patuh kepada Allah atau tidak? Benarkah dia taat kepada Allah atau tidak?

Hikmah yang keempat: Di akhir zaman ini Rasulullah pemah memberitahu kaum wanita lebih ramai daripada kaum lelaki. lni mungkin disebabkan barangkali peperangan dan sebagainya menjadikan kaum lelaki ramai mati. Kaum wanita tidak! Bahkan ada hadith mengatakan yang bermaksud:

لَيَأْتِيَنَّ عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ يَطُوفُ الرَّجُلُ فِيهِ بِالصَّدَقَةِ
مِنَ الذَّهَبِ، ثُمَّ لاَ يَجِدُ أَحَدًا يَأْخُذُهَا مِنْهُ. وَيُرَى
الرَّجُلُ الوَاحِدُ يَتْبَعُهُ أَرْبَعُونَ امْرَأَةً يَلُذْنَ بِهِ مِنْ قِلَّةِ
الرِّجَالِ وَكَثْرَةِ النِّسَاءِ

Terjemahannya: Akan datang satu zaman dimana seorang lelaki ingin mensedekahkan emasnya tetapi tidak seorangpun mahu menerimanya, dan didapati pula seorang lelaki diikuti oleh empat puluh orang wanita meminta perlindungan kerana sedikitnya lelaki dan ramainya wanita.

Satu lawan lima puluh. Rupanya di tanah air kita dan di sesetengah tempat hampir hendak berlaku begitu Tahun 1983 akhbar memberitakan di Petaling Jaya saja ukuran lelaki dan wanita, satu lelaki dua puluh dua orang wanita. Itu lebih kurang lima enam tahun dulu. Sekarang mungkin menjadi ukuran satu lelaki tiga puluh wanita.

Malaysia bukan negara yang berperang, satu lawan dua puluh. Betapalah negara perang macam Vietnam, Laos, Timur Tengah, Iran lebih-lebih lagi. Mungkin di sanalah satu lawan lima puluh.

Di akhir zaman ini perempuan sudah ramai, lelaki sedikit. Jika kaum ibu tidak membenarkan suaminya berkahwin lebih daripada satu, kalaulah satu negeri itu satu lelaki sepuluh pemmpuan, jadi yang sembilan lagi macam mana? Sembilan lagi ertinya membujang sampai ke tua sedangkan dia ada fitrah juga. Kata orang I&ah semula jadinya, lelaki ingin perempuan, perempuan ingin kepada lelaki. Sembilan lagi apa nak jadi?

Jadi kalau isteri-isteti tidak sanggup berkorban ertinya dia tidak bertimbang rasa dengan kaum sejenisnya. Biar orang itu berlapuk, biarlah orang itu menderita jiwanya, biarlah hidupnya *frust,* biarlah jiwanya menderita. Kalau tidak ada bertimbang rasa dan belas kasihan macam mana? Rasulullah pemah bersabda maksudnya:

اَلرَّاحِمُوْنَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمٰنُ اِرْحَمُوْا مَنْ فِى الْأَرْضِ
يَرْحَمْكُمْ مَنْ فِى السَّمَاءِ

Terjemahannya: Orang yang pengasih akan dikasihi oleh Tuhan yang bersifat Rahman, oleh itu kasihanilah sesiapa yang di bumi nescaya akan dikasihi oleh mereka yang di *langit.*

Kalau kita tidak sanggup berpoligami ertinya kita sudah tidak ada belas kasihan dan tidak bertimbang rasa dengan kaum sejenis kita. Cuba kita fikirkan kalau diri kita sendiri tidak ada orang cari sampai mati. Jadi kita perlu ada sifat bertimbang rasa dan belas kasihan. Kita membantu kawan kita yang lain. Tak apa kalau kita bemiat demikian, pahalanya besar sebab kita telah dapat berkhidmat kepada orang lain.

Rasulullah bersabda yang bermaksud:

خَيْرُ النَّاسِ مَنْ يَنْفَعُ النَّاسَ

Terjemahannya: Sebaik-baik manusia, manusia yang dapat memberi manfaat kepada orang lain.

Dan begitu juga hikmahnya kita bertimbang rasa kepada suami kita seperti mana yang saya katakan tadi. Kita beri hadiah yang paling mahal, iaitu isteri. Jadi itu merupakan hadiah yang paling besar daripada wanita kepada suami, tanda dia kasih kepadanya. Tanda dia bertimbang rasa kepadanya dan juga ini keselamatan bagi isteri-isteri itu pula.

Maklumlah soal hati ini kepunyaan Allah. Hati tiada usaha ikhtiar langsung, bagaimana yang Allah minta begitulah dia. Kalau-kalau lahir ni, ada juga nampak usaha ikhtiar manusia. Maksud saya hati ini sama ada kasih atau tak kasih seorang itu kepada anak, kepada isteri dan kepada sahabat, bukan boleh dibuat-buat, dia datang tiba-tiba. Sebab itu Rasulullah pemah bermunajat kepada Allah.

Rasulullah berkata begini:

"Wahai Tuhan. Hati ini bukan milik aku. Aku tidak berkuasa miliki hatiku, wahai Tuhan."

Bila berhadapan dengan isterinya, dia tidak dapat membahagikan kasih sayang dengan sama. Hendak ratakan kasih sayang yang sama itu tidak boleh. Dia mahu tetapi tidak boleh. Yang

Allah maksudkan begitu adalah si A 60%, si B 50%, si C umpamanya 90% kemudian si D 30%. Ini sudah merosot sungguh tetapi itu bukan kehendak dia. Ini sudah Allah jatuhkan ke dalam hati. Begitulah Rasulullah mengadu:

'Wahai Tuhan, bukan kuasaku, Tuhan. Ini adalah milik-Mu, aku minta maaf kalau aku tidak meratakan kasih sayang. Bukan saja kepada isteri-isteri bahkan kepada para sahabat."

Oleh sebab itu, kalau seseorang memptmyai rasa hati, maka Allah tidak akan bertindak. Sebab itu adalah di luar daripada kuasa kita.

Saya maksudkan di sini untuk kehormatan kaum ibu juga. Kadang-kadang sudah lama berumahtangga, entah sepuluh atau lima belas tahun. Bukan kehendak suami, tiba-tiba Allah masukkan ke dalam hati suami sudah rasa tawar dengan isteri, sudah rasa jemu dengan isteri yang ada. Jadi kalau kita tidak membenarkan suami kahwin dan kita tahan-tahan, takut-takut nanti si suami tidak boleh membendung perasaan dan akhirnya dia akan menceraikan kita. Ini lebih merugikan.

Lebih baik kita benarkan sahaja dia beristeri seorang lagi untuk menghiburkan hatinya. Dengan itu si suami akan merasa terhutang budi kepada isteri. Dia rasa isterinya telah memberi hadiah yang paling besar kepadanya. Ampun maaf, mungkin dia rasa terhutang budi kepada kita, datang kasih sayang, datang bertimbang rasa kepada kita. Mungkin dia akan lebih dekat dengan kita, sebagai isteri. Jadi ini membantu kita (kaum ibu), tetapi hal inilah kaum ibu tidak faham.

Begitu juga, bila suami mempunyai isteri yang ramai sampai empat, ini boleh meringankan rasa benci kepada setengah-setengah seperti meringankan rasa benci kepada jsteri kalau isteri seorang. Kalau tak berdakwah pula, 24 jam ada di rumah. Lainlah kalau dia beriman, tak mengapalah. Kalau isteri sudah bencikan suami, suami telah bencikan isteri, lebih-lebih pula barangkali

anak telah ramai, isteripun telah tidak mempedulikan suami dan suami sudah tidak mempedulikan isteri.

Cuba kita tinjau keadaan orang-orang kampung. Kita lihat beberapa isteri telah mula jauh. Hendak bercerai, sesetengah orang tidak tergamak melakukan demikian kerana anak dah ramai dan sebagainya. Sedangkan tiada timbul masalah.; isteri pun baik, suami juga baik, tetapi perhubungan kasih sayang pula yang dah mula tiada.

Sekiranya suami mempunyai empat orang isteri setidak-tidaknya kalaupun dia bukan pejuang atau pendakwah, secara automatik berlaku isteri itu bertemu pada malam yang keempat. Kita pernah mendengar bidalan iaitu 'sayangkan anak, tangan-tangankan' (bererti sayangkan anak rotan-rotankan sikit) dan 'sayangkan isteri tinggal-tinggalkan', ertinya kena jarang-jarangkan. Jadi sekiranya ada empat isteri, dalam masa empat hari baru seorang isteri itu bertemu dan sebaliknya selama empat hari yang sama pula seorang isteri yang lain itu tidak bertemu. Walau bagaimanapun hati isteri telah longgar kasih sayang dengan suaminya kerana telah empat hari tidak bertemu. Tetapi kasih sayang suami meningkat sedikit.

Itu pengalaman kebanyakan lelaki atau para suami. Kemungkinan perkara ini tidak dapat dirasai oleh kaum ibu. Kadang-kadang suami memandang jemu kepada isterinya tetapi jikalau telah sepuluh hari tidak balik ke rumah, maka akan datang kasih sayang. Keinginan untuk balik akan bertambah dan meningkat taraf kasih sayang kepada isteri. Jadi ini semua membantu kita juga. Perasaan ini takkanlah nak diceritakan oleh suami, malah dipendamkan saja dan sebab itulah kaum ibu tak faham tentang ini. Ini semua demi menyelamatkan kaum ibu itu sendiri.

Berpoligami ini, satu hakikat yang wujud di tengah masyarakat kehidupan muslimin yang Allah membenarkan, Rasul membenarkan, syariat membenarkan. Jadi kita terima atas dasar iman. Keluarga besar dan ramai, bolehlah tolong bantu sesama mereka. Siapa yang untung? Sekiranya seorang tidak dapat melayan suami, yang lain boleh layan. Sekiranya seorang isteri tidak boleh

memasak di dapur, ada yang lain memasak. Dan lebih-lebih lagi kalau suami tidak ada, ada madu yang lain boleh memegang tanggungjawab. Suami tugasnya di luar dan menguruskan masalah luar, sekiranya ada mempunyai anak ramai maka jika ingin ke mana-mana, payah untuk membawa anak-anak, jadi madulah yang bertanggungjawab memelihara anak-anak tersebut.

Barulah luas gelanggang kehidupan kaum ibu, boleh meringankan kerja yang lain. Jadi di mana ruginya? Cuma nafsu sahaja yang tidak setuju. Tetapi hakikatnya, kalau kita terima dengan baik maka ini membawa kebaikan pula.

Dalam soal keadilan pula, Allah menceritakan khusus kepada lelaki (kaum ibu tidak boleh menyanggah atau menyangkal bab ini atau tidak boleh mempersoalkannya). Kaum ibu, bila suami hendak kahwin saja timbul persoalan, "Hai... abang boleh adil ke?" Adil atau tidak kita belum tahu kerana ini urusan antara dia dengan Allah dan Allah dengan dia. Jadi suami kena cuba dahulu dan orang lain tidak boleh mempersoalkan. Walaupun isteri menggertak, "Awak tidak boleh kahwin! Sekiranya tidak berlaku adil, tidak dibolehkan." Perkara ini adalah pilihan Allah dan juga ini semua soal individu, bukannya soal masyarakat. Soal individu ini adalah persoalan antara dia dengan Allah.

Kemudian dalam soal keadilan ini, jangan kita menganggap keadilan di sini seperti ukuran kayu pembaris. Umpamanya sekati - 16 tahil. Dalam bab poligami, umpamanya si suami berkahwin lagi buat kali kedua, dengan seorang anak D.O. yang sudah biasa dengan hidup senang, mewah dan tumahtangga yang hebat. Jadi kalau suami itu mampu, keadilan yang mesti dilakukan oleh suaminya mengikut anggapan di atas mestilah seperti berikut: Isteri anak orang kampung bolehlah diberi makan ikan kembung sahaja manakala isteri anak D.O. itu diberi ikan kembung yang sama. Tidak! Sebenamya bukan begitu. Isteri daripada anak D.O. tadi kena diberi ikan bawal, kalau dia mahu, kerana telah biasa makan ikan bawal.

Semua ini untuk menghonnati isterinya itu yang telah biasa hidup dalam suasana mewah. Yang berasal dari orang kampung,

dapat ikan kembung itu dah boleh tahan berbanding dengan ikan sepat. Selama ini sepat sahaja yang dapat suami sediakan jadi dapat disediakan ikan kembung, hai beruntung benar. Bukan isteri yang kaya diberi makan ikan bawal, yang miskin pula yang telah biasa makan ikan sepat diberikan ikan bawal juga. Ini salah! Cuma sekiranya si suami hendak beri juga ikan bawal kepada isteri yang biasa miskin, tidaklah salah.

Tidak salah juga kalau suami ini tetap mengekalkan cara kehidupan yang lama. Tidak bolehlah si isteri mengatakan, "Hai, saya ni, ikan .kembung saja, si adik tu di bagi ikan bawallah, udang galahlah!" Isteri tua tidaklah boleh hendak sangkal. Ini kecualilah kalau perempuan yang nombor dua tadi berkata, "Abang, tak payahlah layan makan minum saya istimewa sangat, cubalah macam kakak tu. Kalau dia ikan kembung bagilah saya ikan kembung juga atau kurang lagi pun tak apa." Ini pun boleh menyelesaikan haknya ataupun memang suami tidak mampu menyediakan seperti kebiasaannya hidup bersama keluarganya dahulu, terpaksalah isterinya yang kaya itu dilayan secara isteri yang miskin. Jadi kenalah isteri itu memaafkan sebab waktu dipinang tentulah dia telah menyelidik akan bakal suaminya itu. Itulah keadilan.

Kemudian keadilan di dalam Islam lagi, di alam rumahtangga ini sama ada di antara isteri dengan suami, suami dengan isteri, di antara madu dengan madu hendaklah redha meredhai. Tidak timbul lagi adil atau tidak adil, walaupun kurang, tetapi masing-masing hendak mencari pahala. Bahkan yang lebih berpahala kepada yang kurang. Umpamanya seorang isteri hendak mencari pahala dengan cara "Aku sabarlah, aku redhalah bagi untuk mencari kau juga." Maka inilah yang dikatakan keadilan. Tidaklah lagi timbul ketidakadilan.

Kerana itulah dalam urusan rumahtangga kadang-kadang mak bapa tidak boleh campur. Walaupun si suami itu tidak adil tapi sekiranya sudah redha meredhai, manalah kita tahu! Mereka dengan isteri mereka dan madu dengan madunya. Oleh kerana hendak ganjaran daripada Allah, selesailah segala masalah. Si

isteri mengatakan suami saya lebih kurang pun tak apalah. Kalau saya maafkan saya dapat pahala. Lagipun kalau tidak saya maafkan suami saya akan masuk Neraka. Berat pula ni. Mengapa saya hendak biarkan suami saya masuk neraka? Kita sayangkan suami lebih baik aku maafkan, dapat pahala dan suami tidak pula masuk Neraka. Tak timbullah adil atau tidak adil.

Itu sebabnya kalau manusia ini hidup atas tujuan untuk menyembah Allah dan untuk mendapatkan iman maka tiadalah menjadi marah. Kurang s&it dia bersabar maka dapatlah pahala sabar. Lebih sikit, tidak pula terlonjak-lonjak sebaliknya dia bersyukur, maka dapatlah pahala syukur. Jika suami silap dia maafkan, dapatlah pahala pemaaf. Isteri silap sikit diberi kemaafan oleh suami di samping dinasihat dengan baik, dapat pahala pula.

Dibuat atas dasar untuk menyembah Allah senang tapi kalau bukan atas dasar itu,, isteri seorang pun bergaduh, tiap-tiap hari bergaduh, sehingga kadang-kadang boleh bercerai berai. Sebab seorang isteri, bukan disebabkan bermadu. Kalau hidup bukan atas dasar untuk menyembah Allah, isteri seorang pun susah. Tapi kalau dasar untuk menyembah Allah, ramai pun tak apa. Jadi kita laburkan pahala di akhirat. Kalau suami lebihkan pada si A, maafkan sajalah, sebab fitrah manusia saya sudah katakan tadi, "Soal hati ini bukan kuasa kita, tetapi kuasa Allah." Maaf saja. Bukan merugikan. Sedangkan di akhirat nanti berapa banyak kita dapat nikmat yang kekal abadi.

Yang dapat lebih jangan pula berbangga pada orang lain. "Tengoklah aku, suami aku layan aku sahaja lebih daripada engkau, padan muka." Jangan begitu dan janganlah berbangga-bangga pada orang lain.

Sebagaimana yang pemah saya katakan, manusia ini mempunyai kemampuan, kebolehan dan watak yang berbeza-beza di antara satu sama lain. Kalau dia mengenal dirinya, umpamanya kalau seorang suami ada empat orang isteri, tentulah watak isteri itu tak sama yakni tak sama dari segi pendidikan, segi rupa, segi tingkah laku, kecergasan bekerja dan dari segi layanan isteri

kepada suami. Jadi bila tak sama, nak buat sesuatu keja tentulah barangkali dia memerlukan pertolongan.

Ada sesetengah isteri sesuai dengan kerja yang dibuat. Contohnya kalau suaminya keluar berjuang, berjihad ataupun berdakwah. Berdakwah atas nama jemaah. Di waktu itu kenalah satu sama lain bertolak ansur. Kalau ada empat orang, si A itulah yang sesuai dan yang menasabah ikut suami. Dia pandai melayan, dia boleh mengingat pandangan buah fikiran suami, boleh menulis buah fikiran suami, mencatit apa-apa saja yang diminta oleh suami dan sebagainya. "Adiklah pergi atau pun kakalclah pergi, boleh buat kerja abang, boleh menulis kata-kata abang." Jangan pula di situ nak diundi. Nanti kalau undi dan yang pergi tu bercakap tak tahu, menulis tak tahu, hanya makan minum sebab orang dakwah ini macam-macam orang jamu. Jadi tak sampai matlamat perjuangan.

Kecualilah nak enjoy-enjoy sesekali pergi rumah keluarga. Itu tak apa diundi atau empat-empat pergi sekali atau tiga-tiga pergi sekali. Tetapi kalau urusan jemaah atau urusan perjuangan, pandai-pandailah menilai diri. Siapa yang patut pergi. Kalau seorang itu patut pergi janganlah diungkit-ungkit. Kita tahu dia menolong suami dan jemaah. Tetapi kalau masing-masing nak diundi juga. Bila diundi yang pergi menyusahkan suami, tak boleh membuat kerja suami dan tak boleh membantu suami dalam perjuangan. Inikan susah dan membebankan suami. Kalau nak taatkan suami, apa payah-payah sangat macam itu. Nak pergi ikut suami kena undi dahulu. Tinggallah masing-masing di rumah elok-elok dan berperananlah di tempat masing-masing mengikut kemampuan dan watak.

Kalau kaum ibu faham tentang ihnu ini, faham tentang kebaikannya dan bukan ikut-ikut perasaan, bukan ikut nafsu, bukan ikut bisikan syaitan, tak jadi masalah, bahkan bukan sahaja di akhirat untung, di dunia keuntungan berpoligami boleh diperolehi faedahnya. Tetapi hakikat ini mestilah diterima dengan penuh iman dengan Allah dengan fikiran yang waras.

Saya hendak cerita satu kisah yang berlaku di tanah Arab. Seorang Arab Badwi duduk di tengah-tengah gurun padang pasir. Ada seorang tua peladang, kerjanya khidmat dengan bumi, hasil tanamannya untuk menjadi rezekinya. Dengan izin Allah peladang ini ada membela anjing dan himar. Anjing ini mengawal dan menjaga musuh manakala himar kerja utamanya pula malah penting bagi orang tua ini ialah untuk mengangkat air, mengangkat barang-barang makanan, bahan tanaman dan lain-lain lagi. Termasuklah menghantar barang ke tempat yang jauh.

"Apalah nasib aku ni. Untunglah nasib si anjing, kerana dapat keistimewaan selalu dari tuannya. Kemudian berfikir-fikir lagi, apalah salah aku. Mungkin aku ada salah dan silap ni, mungkinkah tuan aku tak kasih kepada aku? Mungkin anjing pandai melayan tuan aku agaknya menjadikan dia rehat sahaja. Makan sedap dart tak pemah membawa barang-barang berat. Kalau begitu aku nak perhatikan hidup anjing ni, macamana dia melayan tuan aku. Aku nak tiru pula, moga-moga dengan itu aku disayangi dan, dikasihi oleh tuan aku.

Dan sejak itu dia perhati keadaan anjing dengan tuannya. Rupanya dia tengok anjing itu apabila dengan tuannya dia menggesel-gesel badan tuannya. Bila tuarmya duduk, dia angkat-angkat kaki, kadang-kadang dia pangku terus duduk di atas pangkuan tuannya, kemudian dia jilat-jilat tuannya.

"Oh, begini rupanya anjing melayan tuan aku ni. Aku selama ini tak buat macam tu. Salah akulah rupanya. Patutlah aku kena dera."

Satu petang, tuan itu balik dari ladang dengan penuh keletihan. Sampai di rumah, tak sempat masuk ke rumah, dia duduk di pangkin di depan rumah sambil bersandar nak melepaskan lelah, nak memulihkan tenaga semula yang diguuakan di ladang tadi. Himar pun mulalah dekat dengan tuannya. Dia pun mulalah menggesel-gesel belakang tuannya. Agak terkejut sedikit tapi belumlah tuannya marah. Kemudian dia angkat-angkat kaki di atas riba tuannya. Lagilah terkejut tuannya dan dia cuba nak naik atas tuannya. Lantas tetpelanting tuannya.

Orang tua itu berkata, "Hai himar ni, tak pemah berkelakuan seperti ini, kenapa petang ni buat demikian? Buang tabiat ke? Ini melampau. Hai boleh mati aku dibuatnya." Himar kan besar! Mana boleh menggesel-gesel tuannya. Terpelantinglah. Tuannya marah lantas dia ambil parang disembelihnya himar itu, tinggallah anjing.

Dari cerita ini kita nampak jelas bahawa himar itu, bukannya benci dengan tuannya sebaliknya ingin menambah kasih. Itu sebabnya dia menggesel untuk tunjukkan kasih sayang kepada tuannya hingga dia tunduk. Mengapa dia tunjukkan kasih sayang tetapi kena sembelih? Sebenamya cara dia menunjukkan kasih sayang tak betul. Perlaksanaan tak betul. Kasih itu dihati tapi himar tunjukkan kasih dia dengan tubuh badan. Dia menunjukkan kasih sayang dengan tubuh badan tetapi tak sesuai sepertimana anjing buat. Anjing kecil bolehlah dia menggesel-gesel duduk atas tuannya. Himar nak duduk atas tuannya? Mana boleh sebab himar besar. Kalau himar nak beri kasih sayang kepada tuannya supaya tuannya sayang, buat macam biasalah! Angkat barang-barang, angkat tanah, angkat air, itulah kasih sayang. Tapi dia tak faham yang tuan kasih kepadanya kerana kasih sayang itu letak di hati bukan di mulut, bukan di tangan, bukan di kepala dan di kaki. Tak nampak. Tanda kasih sayang tuannya ialah selama ini tak pemah dihukum cuma sekadar kerja berat saja. Tetapi oleh kerana dia nak tunjuk kasih sayang supaya dia dapat dilayan macam anjing kemudian salah cara kasih sayangnya, akhimya dia kena hukum.

Begitulah manusia dalam pergaulannya, kalau kita nak tunjuk kasih sayang pada seseorang itu, sesuaikanlah dengan watak kita barulah kita dikasihi. Kalau kita pemimpin, ada pengikut. Pengikut-pengikut nak tunjuk kasih sayang dengan pemimpinnya. Tentu tak sama kasih sayangnya satu sama lain.

Mungkin barangkali sesetengah pemimpin itu dia suka di antara pengikut-pengikutnya bila dia baring-baring, dia picit kakinya, picit badannya dan dia suka begitu. Ada sesetengah pemimpin suka pengikumya melayannya makan minum. Itu yang

dia suka. Ada setengah-setengahnya tidak suka dipicit-picit sebaliknya suka didekati, berbual-bual, berbincang-bincang, sebab barangkali si polan itu pandai berbincang, bertukar fikiran dengan pemimpinnya. Jadi pemimpin ini menunjukkan kasih sayang dengan cara dekat yakni bermuzakarah. Jadi yang lain pemimpin tak suka dekati, dia suka duduk jauh-jauh, pandang dari jauh pun dah cukup.

Di situlah kasih sayang pemimpin. Jadi kalau orang tak faham, dia nak tiru-meniru. Mana boleh. Susahlah pemimpin. Silap-silap pemimpin membencinya kerana buat kerja yang bukan bidangnya.

Begitulah kita dengan suami, kalau ada empat orang isteri. Ada benda yang boleh kita tiru dan ada benda yang tak boleh ditiru, sebab kasih sayang suami terhadap isteri-isteri yang empat itu caranya tak sama. Kadang-kadang seorang suami itu kasih kepada seorang itu kalau dia boleh masak nasi, buat lauk menjamu suaminya. Dia lebih senang, kerana masakannya sedap. Kalau si isteri itu faham, di situlah kasih sayang suami, walau pun tak nampak..

Tetapi telah saya katakan, kasih sayang itu adalah di hati. Sebab itulah kita perlu pintar dan cerdik menilai hati suami. Ada sesetengah isteri barangkali suaminya suka dan sayangnya kerana bila dibawa keluar, dia boleh menyelesaikan kerja-kerja luar. Di situlah kasih sayangnya.

Ada sesetengah suami pula lain wataknya. Dia suka isterinya tinggal di rumah. Kalau dia boleh tinggal di rumah, di situ kasih sayangnya. Benda ini tak nampak. Jadi kalaulah isteri-isteri boleh membaca hati suami, kemudian meletakkan pada tempatnya, baru indah. Sebab saya sudah katakan kasih sayang di hati memang tak sama. Sesetengah suami itu tidak melahirkan kasih sayang di dalam realitinya tetapi di dalam hatinya. Cuma kita tidak faham. Tengok si polan tu dia buat satu-satu cara yang boleh dikasih oleh suami, kita pun buat macam tu. Mungkin barangkali suami tak suka pada kita macam tu. Dia suka bila kita buat kerja-kerja lain. Di situlah kasih sayang suami. Ia tak sama.

Saya bercakap ini atas dasar pengalaman, bukannya nas. Saya rasakan begitu. Setiap orang mempunyai watak tertentu. Kasih sayang diberi kalau seorang itu pandai meletakkan pada bidang-bidangnya yang tertentu. Adakalanya kita kasih, sayang kalau dia sesuai duduk di rumah. Di situ kasih sayang kita dan timbang rasa kita. Tapi kalau tak faham, nampaknya tak dibawa keluar rumab dan macam benci saja. Itu tak dekat dari segi fizikalnya saja tapi hati dekat.

Cuba kalau kaum ibu boleh faham kerana mana tahu satu masa nanti kalau kita bermadu. Kena baca fikiran dan jiwa suami itu supaya kita boleh letakkan diri pada tempat untuk layan suami sesuai dengan watak kita supaya kita dikasihi oleh suami. Jadi caranya tentulah tak sama tetapi bersesuaian dengan diri dan watak kita.

Siri Kedua:
DIALOG POLIGAMI BERSAMA SYEIKHUL ARQAM
Ekspedisi Rehlah Islamiah Seluruh Semenanjung Malaysia Februari 1988

Soalan: Sejauh manakah peranan poligami dalam matlamat perjuangan Darul Arqam?

Syeikhul Arqam: Poligami merupakan satu keharusan dalam syariat. Bila ada keharusan dalam syariat, maka sesiapa pun daripada kalangan kaum bapa boleh melakukannya. Cuma apa yang kita harapkan bila berpoligami ini dapat membantu jemaah dan itulah yang terbaik. Dengan sebab poligami itu juga boleh menguatkan jemaah. Itulah yang kita kehendaki. Tetapi sekiranya dia berpoligami tetapi tidak dapat membantu jemaah sedangkan syariat tetap mengharuskan, kita tidak boleh buat apa-apa. Kebenaran tetap kebenaran sebab poligami tidak boleh dihubungkan dengan soal jemaah. Ia dihubuugkan dengan keharusan kepada individu itu sendiri. Cuma kalau boleh menguntungkan jemaah itu lebih baik dan lebih utama.

Tetapi umpamanya, orang yang meminta untuk poligami itu ahli biasa dan dia ingin berpoligami atas dasar hendak membela seperti perempuan itu miskin dan sebagainya walaupun tidak menguntungkan jemaah. Adakah itu menjadi satu halangan? Tidak, mereka boleh juga poligami dan tidak menjadi halangan. Hukum hat-us tetap harus. Keharusan tetap berjalan bila-bila. Cuma kita ada jemaah, kalaupun hendak berpoligami eloklah dengan ahli-ahli jemaah sebab boleh menguntungkan jemaah.

Saya ulang sekali lagi kalaupun tidak menguntungkan jemaah, keharusan tetap berlaku. Kita tidak boleh sekat keharusan daripada Allah sampai bila-bila. Kita doakan orang yang berpoligami

itu berbaik-baik sesama dia. itupun sudah cukup bagus dan memadai. Tetapi barangkali kalau sama-sama boleh membantu jemaah itu adalah terlebih baik.

Soalan: Adakah setiap suami yang berada di dalam jemaah Darul Arqam ini dimestikan mempunyai empat orang isteri, atas dasar untuk membela atau menyelamatkan kaum wanita yang mana kalau tidak berbuat demikian kaum wanita itu akan terbiar hidupnya?

Syeikhul Arqam: Beristeri empat ini bukannya wajib. Poligami ini hanya satu keharusan daripada Allah s w t Sebab itu sesiapa yang hendak melaksanakan tidak boleh dihalang. Kalau dihalang ertinya kita menghalang keharusan dari Allah. Ini dikira berdosa. Perkara ini bukan wajib. Kalau mesti nanti, jemaah akan memaksa untuk melaksanakan ataupun kalau kita anggap mesti mengikuti syariat, kalau tak buat berdosa nanti. Jadi kita mesti betulkan keyakinan dan pegangan kita.

Cuma kita membenarkan ahli-ahli kita berpoligami kerana ada keharusan daripada syariat. Lebih-lebih lagi memandangkan kaum wanita hari ini melebihi kaum lelaki. L.ebih-lebih lagilah apabila mengikut dakwah. Memang kaum wanita melebihi kaum lelaki. Umpamanya kita lihat perempuan tiga kali ganda lebih ramai dari kaum lelaki. Kalau keharusan dari Allah ini kita tidak ambil peluang, tidak dibenarkan ataupun ada isteri-isteri yang tidak membenarkannya; tak kasihankah kita kepada kaum sejenis kita yang ramai tu? Siapa yang hendak memperisterikan mereka? Akhimya dibiarkan begitu sahaja. Kadang-kadang mereka ini sudah sanggup untuk dipoligamikan tetapi dihalang oleh kaum sejenis mereka sendiri dan pihak-pihak yang tertentu. Oleh itu kaum sejenis mereka sepatumya bertimbang rasalah sedikit dan sepatumya kita perjuangkan bersama.

Saya nak ulang sekali lagi bahawa poligami ini bukan satu kemestian atau wajib sebaliknya ia hanya satu keharusan daripada Allah SWT.

Soalan: Mengapa hari ini kebanyakan ahli-ahli Arqam berpoligami dengan ahli-ahlinya sahaja sedangkan masih ramai balu-balu di luar jemaah yang ditinggalkan suaminya sang gup dipoligamikan. Mengapa kita tidak membela mereka hinggakan mereka ini sanggup bekerja di kilang-kilang?

Syeikhul Arqam: Orang-orang Arqam yang sudah kita didik berbelas-belas tahun pun tak mahu dipoligamikan, inikan orang luar. Ingat senang mereka hendak menerima poligami? Ini tak munasabah saya rasa. Ahli Arqam yang kita didik pun tak mahu berpoligami, inikan pula hendak poligamikan dengan orang luar. Tak mungkin dia mahu menerimanya. Kalaupun dia mahu, dia belum terdidik. Kalau belum terdidik harulah kita. Dia hanya berkenan dengan kita, bukan berkenan dengan perjuangan kita. Macam itu beratlah. Orang yang tak terdidik ini bila masuk ke rumah kita, alamat "berperanglah" dengan anak isteri kita.

Kadang-kadang ahli Arqam yang sudah kita didik pun sekali-sekala berperang, inikan pula orang luar yang langsung tidak dapat didikan daripada kita. Sebab itulah kita tak berani nak mengambil orang luar. Kalau dia menawarkan dirinya sekalipun, kita perlu fikir-fikirkan. Buktinya macam Sahara Yaakob. Itu orang luarlah. Hampir-hampir hendak menyusahkan jemaah. Dia menimbulkan kesusahan bukan hanya pada suaminya sahaja malah pada jemaah. Asalnya mahu membela sehingga begini jadinya. Cukuplah ianya menjadi pengalaman kita. Yang akan datang kita hendaklah berhati-hati. Kalau nak kahwin juga, ambillah orang yang sudah kita didik.

Soalan: Poligami itu adalah hak suami. Tetapi kalau isteri yang anjurkan agar suami berpoligami, adakah boleh dari segi syarak? Kalau tak salah saya ini tidak menyalahi syarak asalkan dipersetujui oleh pihak suami kerana suami lebih mengetahui baik buruknya. Bagaimana pandangan Ustaz?

Syeikhul Arqam: Pada seorang perempuan, selain Allah dan Rasul, suamilah yang paling disayangi. Tanda kita kasih dan sayang dengan suami tentulah kita selalu memberi hadiah sama ada hadiah senyum, hadiah duit dan berbagai-bagai hadiah lagi yang kita beri kepada suami semata-mata untuk menggembirakan hati suami. Itu semua ada nilaian atau pahala di sisi Allah. Sebab dengan hadiah itu, di samping menggembirakan hati suami, kesannya besar iaitu dapat menghubungkan hati dengan hati dan dengan itu akan timbul rasa kasih dan sayang. Itulah sebabnya hadiah ini boleh diberi kepada sesiapa sahaja sama ada orang miskin, orang kaya, orang papa, raja dan sebagainya.

Jadi kita boleh memberi apa bentuk hadiah pun kepada suami kita. Tetapi yang lebih hebat, di antara hadiah-hadiah itu ialah kita menghadiah seorang isteri lagi kepada suami kita. Ini bukan hadiah yang calang-calang orang boleh beri dan sepatutnya suami mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada isterinya. Patut banyak bersyukur kerana memperolehi isteri yang begitu baik budinya kerana hadiah yang begitu besar nilaiannya di sisi Allah.

Kalau para isteri boleh berbuat demikian, inilah isteri yang tunduk pada perintah Allah dan kasih kepada suaminya. Cuma dari segi keizinan para suami atau sesiapa sahaja, itu cuma soal teknikal. Sama ada nak serahkan kepada sesiapa untuk uruskan, bijaksana dan berhati-hati dalam melaksanakannya, itu semua perkara teknikal dan senang untuk menyelesaikannya dengan cara kita fikir dan runding bersama. Pokoknya perkara itu satu hakikat yang tak boleh kita halang.

Soalan: Kenapa seharusnya isteri pertama itu mesti mempunyai perasaan sedih, mesti menangis, merasa sedikit kecewa bila mengetahui suaminya telah berpoligami, sedang itu merupakan sunnah, merupakan tradisi orang soleh, merupakan satu pembelaan kepada kaum sejenis mereka? Kenapa sehingga ada yang tak lalu makan, tak lalu minum, ada yang tak boleh tidur sedangkan pada hakikatnya kami tak ingin

mengalami perkara-perkara seumpama itu. Kami ingin mengalami suasana manis, indah, gembira dan menerimanya dengan seribu kesyukuran, tetapi tak dapat memperolehinya juga. Boleh tak Ustaa terangkan kenapa boleh terjadi demikian?

Syeikhul Arqam: Allah telah mencipta manusia ini ada jasad lahir dan ada jasad batin. Kedua-dua jasad ini ada sifat-sifatnya sendiri, ada sifat semulajadinya sendiri. Sifat-sifat lahir dan batin ini, bersama-sama kita waktu lahir ke dunia. Umpamanya jasad lahir, tabiamya kalau dia menyentuh sesuatu yang sejuk dia akan terasa sejuk dan kalau dia tersentuh sesuatu yang panas dia terasa sakit dan begitulah seterusnya. Manakala jasad batin manusia yakni roh atau hatinya juga begitu, ada sifat semulajadi. Semua orang begitu tak kira sama ada orang Islam atau kafir, lelaki atau perempuan, dari Nabi Adam sehingga ke manusia yang terakhir nanti. Sifat semulajadinya lahir dan batin sama.

Jasad batin manusia ini jika dia berhadapan dengan sesuatu yang baik, hatinya berbunga atau gembira sahaja. Tetapi bila berhadapan dengan kesusahan seperti sakit, miskin, orang kata, cerca dan maki kita, hatinya sendiri sahaja sakit, tak senang. Kadang-kadang jadi marah, sedih dan seterusnya. Begitu juga hati ini kalau dia berhadapan dengan pujian dan sanjungan dia akan rasa seronok dan senang. Bila berhadapan dengan suatu yang menggerunkan secara tersendiri hati ini rasa gerun, takut dan rasa hebat dan kadang-kadang sehingga memberi kesan kepada fizikal lahimya seperti menggeletar. Ataupun kalau sudah terlalu parah sangat sehingga jadi lemah longlai. Jadi begitulah seterusnya fitrah semulajadi roh manusia.

Fitrah semulajadi manusia yang berhubung dengan soal roh atau soal batin ini, ada yang Allah ciptakan sebagai sifat semulajadinya baik. Yang baik itu hendaklah dipertahankan bahkan hendaklah disuburkan. Tetapi sebagai ujian kepada manusia, ada fitrah semulajadi yang berhubung dengan hati atau rohnya yang tidak baik yang Allah suruh lawan dan mujahadah. Sebab fitrah

semulajadi yang tidak baik itu kalau tidak dikikis akan merosakkan dirinya sendiri dan juga orang lain

Maka di sinilah hikmah mengapa Allah datangkan para rasul. Kemudian para rasul itu didatangkan panduan hidup untuk mendidik manusia atau mendidik lahir terutama batin manusia yang dikatakan *Syariah Islamiah* atau peraturan-peraturan Islam. Jadi syariat yang disampaikan kepada rasul-rasul kemudian disampaikan kepada manusia terutama syariat yang disampaikan oleh Rasulullah SAW yang dikatakan syariat Islam itu. Maka dengan syariat inilah bila manusia itu mahu menerima dia akan memimpin dan mentarbiah serta mendidik manusia, lahir dan batinnya yang mana dengan syariat itu nanti dia akan dapat membendung sifat-sifat semulajadi yang tidak sihat yang tak sayugia dikekalkan dan disuburkan.

Dengan syariat itu jugalah nanti ianya akan membantu manusia. Kalau manusia itu mahu menerima untuk mentarbiah diri, fikiran dan rohnya yang mana dia akan mendidik sifat-sifat semulajadi itu untuk disubur, diperkuat dan diperteguhkan untuk faedah dirinya di dunia lebih-lebih di akhirat. Jadi fitrah semulajadi kepada manusia ini ada yang baik dan ada yang jahat. Di sinilah ujian Allah kepada manusia untuk mengetahui sejauh mana manusia boleh mendidik dirinya.

Didikan itu tidak lain dan tidak bukan mestilah daripada peraturan Allah iaitu daripada syariat yakni dorongan iman dan pimpinan syariat itu sendiri. Manusia yang kuat imannya kepada Allah dan sanggup menerima pimpinan syariat Allah sehingga dapat mendidik lahir dan batinnya. Fitrah semulajadi yang baik itu disuburkannya dan diasuh. Manakala sifat semulajadi yang tidak baik itu akan cuba dibendung melalui latihan atau *mujahadatunnafs*.

Perasaan memanglah tidak boleh dibuang tapi hendaklah dibendung atau dilatih. Umpamanya apabila berhadapan dengan kesusahan atau kemiskinan, perasaan itu dibendung jangan diikut-ikutkan, kerana nanti dia akan menjadi orang yang kecewa. Dia akan marah dan benci. Dia akan sakit hati melihat kejayaan orang

lain dan sebagainya. Tiada ketenangan lagi di dunia ini. Dia akan menjadi manusia yang tidak bertata tertib lagi di dunia. Maka dia akan melanggar peraturan-peraturan syariat dan akhimya dia akan terjun ke neraka nanti.

Tetapi bila manusia itu benar-benar beriman kepada Allah dan imamrya ikhlas dan sanggup menerima peraturan Allah yang mendidik jiwanya, bila berhadapan dengan perkara-perkara yang tidak menyenangkan, yang dia benci, dia boleh bendung, dia boleh sabar, dia boleh tahan, dia boleh senyum dan kadang-kadang dia boleh bergembira dengan kesusahan itu. Sebab dia tahu semuanya itu datang dari Allah. Dia mesti redha. Kalau dia mengeluh atau rasa tidak senang dengan apa yang Allah timpakan itu ertinya, tidak senang dengan apa yang Allah timpakan itu. Ertinya dia marah dengan Allah atau mendemonstrasi dengan Allah, ataupun dia hendak memerangi Allah, mana mungkin! Sebab itulah lebih utama dia redha untuk keselamatan dirinya sendiri. Begitulah seterusnya dengan sifat-sifat yang lain;

Jadi fitrah semulajadi manusia itu ada yang baik yang perlu disuburkan manakala yang tidak baik hendaklah dibendung. Di sinilah nilai manusia di sisi Allah. Siapa sanggup mendidik fitrahnya ertinya dia berjaya dalam hidup atau berjaya menjadi hamba Allah dan Allah akan menerimanya sebagai hamba yang diredhai. Tetapi apakala manusia itu fitrah semulajadinya tidak dapat dididik, manakala yang baik tidak dapat disuburkan hingga dapat melahirkan kebaikan dalam kehidupannya, sementara fitrah yang jahat sebagai ujian kepadanya tidak dapat dibendung; bahkan itulah yang disuburkan hingga merosakkan dirinya dan orang lain, maka ertinya orang itu gagal dalam hidupnya. Walaupun dia seorang yang berkuasa, walaupun gagah walaupun mempunyai ihnu yang banyak, dia gagal juga pada hakikamya. Orang seperti ini telah menjadi hamba hawa nafsu bukan lagi hamba Allah kerana dia telah tunduk dan dibuai-buaikan oleh perasaannya. Ini orang yang kecewa dalam hidup.

Begitulah kita, sama ada lelaki atau perempuan, macam-macam yang datang kepada kita. Bila datang yang menyukakan, bagai-

mana kita hendak hadapi? Perlulah kita bersyukur. Bila benda itu tidak menyenangkan hati, latihlah hati agar bersabar. Yang paling baik suruh dia redha. Cuma kadang-kadang hal-hal yang tertentu yang datang sama ada kepada lelaki atau perempuan tak sama soal gembira dan soal dukacitanya.

Umpamanya tentang poligami. Pada lelaki itu satu kegembiraan, tetapi pada perempuan itu sesuatu yang tak disenangi. Jadi pada lelaki dia boleh berpoligami, dia bersyukur dan dengan poligami itu menjadi alat atau pendorong untuk dia lebih kuat berjuang kepada Allah SWT. Tetapi bagi perempuan poligami ini amat pahit, lebih pahit daripada hempedu untuk diterima. Menjadi pantang larang perempuan. Kadang-kadang sebut pun jangan sekali sehingga kadang-kadang kalau disebut, dua tiga hari dia tidak mahu bercakap dengan suaminya. Hingga tak lalu makan, tak lalu menyusu anak. Adakalanya anak-anal terbiar, tak terurus bila disebut sahaja poligami; belum dipraktikkan lagi.

Jadi kaum wanita (ibu), kena dididik. Soal poligami ini bukan hak isteri tetapi hak suami. Kalau hak suami, terpulang kepada suami menggunakannya. Isteri tiada hak hendak menghalang. Jadi kalau perkara ini tidak disukai oleh isteri, Allah hendak menguji sejauhmana dia boleh beriman kepada Allah. Sejauhmana dia boleh menerima hukum hakam Allah dan sejauhmana dia boleh menerima syariat dari Allah untuk membendung perasaan yang dia tidak suka itu. Kalau dia boleh bendung dengan syariat, ertinya dia boleh mendidik dirinya dengan syariat Allah. Ertinya orang itu memang benar-benar beriman kepada Allah SWT. Berjaya dia dalam hidupnya. Inilah yang dikatakan ujian atau mehnah dari Allah.

Kita hendak tahu cinta atau tidaknya kita kepada Allah, redha atau tak redhanya kita dijadikan Allah itu ialah bilamana Allah mendatangkan ujian kepada kita, sesuatu yang kita tak suka dan tak menyenangkan kita; apakah kita boleh sambut dengan baik ataupun tidak. Kalau sesuatu yang tak menyenangkan kita, kita boleh sambut dengan baik, di situlah redhanya kita kepada Allah dan di situlah tunduk lahir dan batin kita yang kita jadikan Allah

itu sebagai Tuhan kita. Percaya sahaja kepada Allah itu tak jadi tetapi kita mesti menerima Allah itu sebagai Tuhan kita.

Tanda kita menerima Allah itu sebagai Tuhan kita ialah kita redha dengan apa yang ditimpakan kepada kita. Sesuatu yang menggembirakan kita, kita bersyukur, sesuatu yang tidak menyenangkan, kita bersabar atau yang baiknya kita redha. Barulah kita benar-benar menjadikan Allah itu sebagai Tuhan kita, bukan sekadar percaya Allah itu ada. Orang bukan Islam pun percaya, tetapi nak redha dengan Allah inilah ramai manusia yang tidak berjaya. Orang mukmin kejayaannya dibandingkan dengan orang kafir ialah dia redha menjadikan Allah itu Tuhannya. Dia senang hati menerima hukuman dari Allah. Di sinilah kita hendak mengukur diri kita lahir dan batin. Fitrah semulajadi kita sesuai dengan syariat Allah.

Kalau orang itu benar-benar cintakan Allah, mudah dia menerima ketentuan daripada Allah Tetapi kalau Allah itu tidak dicintainya, ini payah.

Jadi untuk membendung perasaan tadi, kepada pihak yang bertanya, kalau poligami ini suatu yang amat menyentuh hati kaum wanita, kalau mereka boleh menerima hakikat ini adalah hakikat dari Allah dan poligami ini bukan hak kita sebab itu kita tak boleh menghalang. Sebaliknya hak suami, terpulang kepada suami menggunakannya. Di sinilah harga diri kaum ibu. Di sinilah darjatnya, di sinilah pahalanya dan di sinilah syurganya. Sabda Rasulullah SAW:

حُفَّتِ الجَنَّةُ بِالْمَكَارِهِ وَحُفَّتِ النَّارُ بِالشَّهَوَاتِ

Terjemahannya: Syurga dikelilingi oleh benda-benda yang tak menyukakan tetapi neraka itu dikelilingi oleh benda-benda yang disukai oleh hawa nafsu.

Riwayat: Muslim

Jadi memang perkara-perkara yang hendak memasukkan kita ke dalam syurga itu perkara yang tidak menyukakan kita di

antaranya poligami. Orang yang mahu dipoligamikan bererti dia mahu mendapatkan syurga. Tetapi untuk melaksanakannya berat hendak ditanggungnya. Begitulah jalan ke syurga. Kalau boleh kita menerima perkara yang tidak disenangi itu, itulah jalan ke syurga. Tetapi perkara yang membawa terjunnya ke neraka itu semuanya disukai oleh hawa nafsu seperti membuat kejahatan, tak mahu menerima hukum yang telah Allah haruskan. Semuanya yang disenangi oleh nafsu. Jadi apa sahaja perkara yang disenangi oleh nafsu biasanya akan membawa ke neraka.

Sekarang terpulang kepada kita sama ada hendak membuat perkara yang disenangi oleh nafsu yang boleh membawa kita ke jalan neraka atau perkara yang tidak disenangi oleh nafsu dan itulah jalan ke syurga.

Firman Allah:



Kami telah tunjukkan dua jalan (sama ada jalan kair ataupun jalan syukur).

(Al Balad: IO)

Pilihlah jalan mana salah satu di antaranya sama ada jalan syukur atau jalan kufur. Jalan syukur sangat dibenci oleh nafsu manakala jalan kufur sangat digemari dan disenangi oleh nafsu.

Cara hendak membendung perasaan itu supaya mudah bila berlaku poligami kepada suami kita, lalu makan, lalu menyusukan anak, lahr tidur dan boleh lagi senyum dengan suami ialah mengingati Allah (zikrullah). Jadikan Allah itu sebenar-benar Tuhan kita. Jangan hanya sekadar percaya Allah itu Tuhan kita. Minta petunjuk, minta Allah pimpin kita untuk mendapat keselamatan di dunia lebih-lebih lagi di akhirat. Kita kena yakin yang Allah itu Maha Bijaksana. Apa yang dibeti petunjuk kepada kita itulah yang sebaik-baiknya walaupun pada lahimya tidak menyenangkan kita.

Sebab itulah tauhid ini jangan hanya tauhid *aqli* sahaja. Tauhid *aqli,* berapa ramai orang yang tahu dan pandai, *wujud, qidam, baqa* dan tahu dalil *aqli* dan naqlinya dan boleh huraikan sepanjang-panjangnya dengan falsafahnya sekali. Itu belum dikatakan orang yang bertauhid di hati lagi. Ramai orang yang berpelajaran usuluddin sehingga ada yang sampai Ph.D di bidang usuluddin tapi apabila ditimpa ujian, mereka tidak redha, tidak sabar, tidak bersyukur dan sebagainya. Mana pcrgi falsafah-falsafahnya. Mana PhDnya? Mana perginya ilmu yang dipelajari tmtuk menghadapi ujian yang Allah timpakan itu? Mesti seseorang itu tauhidnya bertunjang di hati, iaitu tauhid *qalbi yakni* tauhid secara penghayatan, tauhid rohaniah sehingga bila kita kata Allah itu besar, . hati juga mengakui Allah itu besar. Bukan sekadar tahu sahaja Allah itu besar, itu akal. Kalau akal sahaja tahu Allah itu besar, dia tak terasa Allah itu besar. Tapi kalau hati itu tahu yang Allah itu besar dia akan terasa Allah itu Maha Begitu. Begitu juga dia tahu Allah itu mengetahui, Allah itu hebat. Itu sekadar dia tahu sahaja tetapi rasa tiada. Tetapi kalau hati, dia terasa benar-benar Allah itu Maha Mengetahui dan Hebat. Sebab itu diceritakan oleh Allah perihal orang-orang mukmin ini dalam Al Quran:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا
تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُهُۥ زَادَتْهُمْ إِيمَٰنًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾

Terjemahannya: Sesungguhnya orang mukmin yang sejati apabiZa disebut sahaja nama Allah maka gementar hati mereka dan apabila dibacakan peraturan Allah bertambah imannya Zantas mereka bertawakal kepada Tuhan.

(AZ Anfal: 2)

Dalam ayat, ini orang mukmin itu apabila disebut sahaja nama Allah hatinya gementar. Allah tidak bqkata, apabila disebut saha-

ja nama Allah akalnya terasa sahaja kebesaran Allah itu hebat, tetapi Allah sebut hati. Hatinya gementar bila disebut nama Allah. Rasa gerun, rasa hebat, lantas hatinya bertambah beriman kepada Allah dan lantas dia bertawakal kepada Allah tanpa syarat-syarat atau tanpa bimbang-bimbang lagi. Sebab itu kita kena memiliki tauhid sampai jiwa kita dapat menghayatinya, bukan sekadar tauhid untuk melepaskan iman, itulah tauhid hanya pada akal.

Oleh sebab itu untuk membendung perasaan sedih yang tidak patut kita lajakkan seperti poligami tadi, maka tidak lain dan tidak bukan, jiwa tauhid itulah ubatnya. Kenalah kita menghayati tauhid daripada ***aqli*** kepada ***qalbi.*** Daripada secant akal kepada secara kerohanian. Barulah nanti kita boleh bersyukur bila berhadapan dengan suasana yang menggembirakan kita dan kita boleh bersabar, redha dan tabah bila berhadapan dengan **suasana** yang tidak menyenangkan kita.

Soalan: Penerangan Ustaz mengenai poligami tadi sungguh boleh menimbulkan satu kesedaran khususnya kepada kaum wanita (ibu). Tapi dalam masalah ini, sesetengahnya boleh menerima secara akal sahaja tapi tidak boleh menerima secara hati. Jadi dalam masalah hati ini yakni bila diajukan kepada isteri-isteri, kedapatan sesetengahnya masih ada yang tidak sanggup dan tidak mahu iagi menerima hakikat itu. Jadi saya sarankan kepada pihak Darul Arqam, khususnya Unit Kebajikan agar menubuhkan satu unit khas semata-mata untuk menyelesaikan masalah perkahwinan khususnya untuk menyelesaikan masalah andartu. Apa pandangan Ustaz?

Syeikhul Arqam: Telah banyak sekali diceramahkan tentang iman dan sudah pun dibukukan menjadi satu tajuk "Iman dan Persoalannya". Irnan ada lima bahagian. Yang pertama iman taqlid yakni iman yang tidak boleh dipakai dan adakalanya ditolak terus. Yang keduanya iman ilmu yakni iman yang berpusat di akal. Ini sekadar sah imannya tetapi belum kuat untuk men-

dorong. Behun boleh jadi benteng untuk mengelak dari maksiat. Belum jadi enjin untuk melaksanakan kebaikan. Behun sanggup redha berhadapan dengan ujian daripada Allah dan payah bersyukur apabila berhadapan dengan sesuatu yang menyenangkan. Iman ilmu ini sekadar untuk mengesahkan iman sahaja tetapi masih behun selamat lagi. Jadi sekadar iman ilmu, kita masih lagi buat kesalahan, masih lagi melanggar perintah Allah. Ini disebabkan hatinya belum hmduk cuma akalnya sahaja tahu.

Iman yang ketiga adalah iman yang setidak-tidaknya mesti kita miliki. lnilah yang dikatakan iman ayyan. Iman yang sebeginilah yang sebenamya telah bertapak atau iman yang telah bertunjang di dalam hati. Ini iman orang-orang soleh. Iman ayyan inilah yang menjadi benteng untuk seseorang itu menghindarkan dirinya dari terjerumus ke lembah maksiat dan menjadi pendorong untuk dia berbakti kepada Allah SWT. Apabila seseorang itu telah sampai ke peringkat iman seperti ini, barulah dia boleh terselamat di dunia lebih-lebih lagi di akhirat. Lebih-lebih lagilah kalau iman yang keempat dan kelima iaitu iman hak dan iman hakikat yakni yang diiilii oleh para nabi dan rasul dan juga para-para sahabat.

Jadi ini semuanya bergantung kepada iman seseorang itu. Kita telah perkatakan tadi bahawa fitrah manusia itu ada yang baik dan ada yang buruk. Maka yang buruk itu mesti dibendung dan diisi dengan perkara-perkara yang baik. Di antara fitrah semulajadi manusia ini yang tidak baik ialah seperti mementingkan diri, ingin senang sendiri, ingin dapat kemewahan diri sendiri, ingin bolot sendiri sehingga tiada timbang rasa kepada orang lain. Ini fitrah semulajadi yang tidak baik. Semua ini Allah jadikan untuk menguji kita sejauh mana kita boleh bendung dengan cara kita menerima Allah dan hukum-Nya.

Jadi bila iman lemah, fitrah semulajadi yang tidak baik tadi tidak akan dapat dibendung atau dibuang. Begitu jugalah kalau kena kepada kaum wanita yang telah bersuami. Dia akan mementingkan dirinya sendiri, dia seorang sahaja nak membolot suaminya dan tidak mahu memikirkan orang lain. Biarlah orang lain andartu tidak kira umur 30 tahun dan seterusnya tidak kahwin

lagi, itu dia punya pasal, namun nak bersuamikan suaminya tidak sekali-kali. Ini mementingkan diri sendiri namanya. Ini tabiat semulajadi yang tidak semestinya ada pada diri seorang wanita dan patut sekali kita bendung dan kita mesti buang bukan suburkan. Jadi di mana simpati kita kepada kaum sejenis kita?

Sekarang ini telah ada satu pertubuhan yang dipanggil *Women's Liberation* bertujuan untuk mempertahankan hak-hak asasi wanita. Poligami juga merupakan hak asasi wanita. Timbang rasa sesama kaum sejenisnya. Kita sebagai kaum wanita yang telah bersuami (kaum ibu), mesti ada perasaan nak membela kaum wanita yang lain. Kalau ada andartu umpamanya, nak minta orang bujang yang berumur 20 tahun untuk mengahwininya, tentu barangkali payah. Jadi cara menyelesaikannya ialah dengan poligami. Di sinilah letaknya timbang rasa kaum ibu itu kepada kaum sejenisnya yakni yang andartu tadi. Apa salahnya berkongsi dengan suami kita.

Di sinilah letaknya nilai kita dan di situlah pahalanya. Di situlah ukhuwah. Kalau boleh kita lakukan, timbullah ukhuwah dan kasih sayang di kalangan kawan-kawan yang lain Bukankah kita inginkan ukhuwah, kasih sayang dan suasana harmoni? Inilah dia! Ini tidak, kita nak bolot seorang sahaja. Allah sudab berlirman lelaki itu dibenarkan memiliki empat isteri tapi kita kata tak boleh. Ini hak aku seorang. Sikap beginilah yang tak boleh. Ini sudah melawan Allah. Allah kata kongsi empat, dia tetap tak menyetujuinya. Suami ini aku punya seorang.

Ini secara tidak langsung tiga lagi terkorban yakni terus menjadi andartu. Cuba tiga itu dibenarkan berkongsi dengan suami kita. Betapa besar pahala yang diperolehi di sisi Allah. Kita telah menyelesaikan tiga masalah. Semua ini ada hubungan dengan iman. Kalau tiada iman perkara seperti itu susah hendak dilakukan. Kalau tahap iman ilmu, memang talc dapat dilakukan lebih-lebih lagi kalau iman taqlid. Tetapi kalau seseorang itu memperolehi iman ayyan sekurang-kurangnya barulah dia kuat-kuatkan jiwanya untuk melakukannya. Dia akan mengizinkan suaminya untuk membela kaum sejenisnya walappun hatinya sedih juga.

Memang orang yang imannya di tahap ini rasa sedih juga. Dia benarkan suaminya kahwin lagi walaupun hatinya sedih, tapi itu adalah hak suami dan Allah benarkan kepada suami untuk berkahwin lebih daripada satu. Tetapi jika seseorang itu mempunyai iman hak atau iman hakikat, dia rasa terhibur, rasa gembira, rasa bertuah dapat pahala dan dapat menghadiahkan kepada suaminya sesuatu yang berharga.

Oleh itu lawan-lawanlah perasaan. Memang pada peringkat permulaannya ada rasa sedih juga tetapi lama kelamaan perasaan sedih itu akan hilang dan timbul rasa terhibur dan gembira. Itupun Allah akan nilai dan memberi pahala kerana kita yakin dan boleh melaksanakan apa yang Allah benarkan.

Soalan: Masalah yang sering terjadi ialah masalah isteri yang agresif bila disebut sahaja perkataan poligami. Untuk mencari jalan keluar maka pihak suami mengambil keputusan secara kahwin diam-diam. Bagaimana pandangan Ustaz dalam perkara ini?

Syeikhul Arqam: Ma&ah yang timbul dalam masyarakat kita (masyarakat Islam) ini bukanlah timbul disebabkan oleh **poligami.** Tetapi timbulnya masalah ini ada sebab-sebab atau aspek-aspek yang lain. Bila jiwa tak bersedia, bila iman lemah, bila rasa **takut** dengan Allah kurang, bila tiada ilmu, tidak bijaksana dan sebagainya, maka timbullah krisis dalam hal-hal atau perkara-perkara yang lain. Bukan hanya di dalam hal poligami sahaja.

Tetapi oleh kerana poligami ini menjadi fokus yang menarik, jadi banyak timbul masalah disebabkan poligami. Padahal kadang-kadang ada suami isteri yang tak poligami, 24 jam bergaduh, lebih hebat dari yang berpoligami. Kadang-kadang juga kita lihat atau dengar, anak dengan ayah bergaduh, suami dengan isteri bermasam muka. Kadang-kadang tu bukannya sebab apa sangat, tentang pakaian, alat solek, perabut, makan minum dan sebagainya. Jadi ini menunjukkan masalah timbul bukan disebabkan poligami sahaja tetapi banyak sebab-sebab atau aspek-aspek

yang lain. Yang sebenarnya timbul masalah disebabkan iman lemah. Kalau tidak berpoligami pun, tetapi iman lemah, timbul juga masalah.

Jadi kita tak boleh mengatakan masalah timbul disebabkan poligami. Saya tak boleh terima hakikat ini. Sesiapa sahaja yang lemah iman akan timbullah kekusutan, masalah dalam hidupnya. Kalau tak poligami pun mungkin dia kusut. Mungkin sebab anak, kusut sebab suami, sebab jiran, kusut sebab harta benda dan lain-lain. Buktinya kita dapat saksikan sendiri. Rumah elok dan besar, gaji suami besar, makan minum serta pakaian mewah. Ibarat kata orang semuanya serba ada tetapi timbul juga masalah. Masam muka juga kadang-kadang dengan suami. Tak cukup apa yang ada, minta itu, minta ini pada suami sehingga kadang-kadang suami terpaksa berhutang demi untuk memuaskan kehendak-kehendak isteri.

Jadi timbulnya krisis tak perlulah dikait-kaitkan dengan poligami sebab selain daripada orang yang berpoligami orang yang tak poligami pun macam-macam masalah. Sebenamya iman tak ada atau tak cukup. Kalau iman cukup lebih dari poligami pun takkan timbul krisis atau masaalah.Bila hati sudah tiada rasa takut kepada Allah SWT berlakulah macam-macam krisis. Jadi tak perlulah hendak ditakut-takutkan sangat pasal poligami. Allah sudah mengharuskan poligami. Sesiapa agak mampu dan siapa mahu silalah. Cuma kalau timbul juga krisis bukan soal poligami, iman tak cukup sebab di aspek-aspek yang lain juga timbul krisis.

Soalan: Apabila berpoligami biasanya hati dan perasaan tidak mahu layan suami. Kenapa timbulnya yang demikian dan bagaimanakah jalan keluar dari masaalah ini?

Syeikhul Arqam: Ini juga berpunca dari masalah iman. Timbul krisis, problem atau pelbagai macam masalah semuanya berpunca dari iman. Bila iman lemah di mana-mana pun boleh menimbulkan huru hara. Kalau tidak berpoligami pun mungkin hum-ham dengan kawan-kawan, dengan anak-anak dan mungkin juga dengan jiran-jiran. Jadi yang sebenamya ia adalah soal iman.

Bila berpoligami sahaja langsung tidak layan suami. Ini menunjukkan dia tidak menerima keharusan daripada Allah SWT. Dia seolah-olah menentang Allah. Dia sakit hati dengan Allah kerana Allah membenarkan suaminya berkahwin lagi. Ini berat.

Kalau kita nak tafsirkan bolehlah diibaratkan begini. Suaminya berkahwin lagi kerana dapat keharusan daripada Allah SWT. Bila suaminya kahwin maka dia pun pulaukan suaminya. Ertinya dia memulaukan Allah. Dia demonstrasi dengan Allah. Cuba kita fikirkan kita berdemonstrasi dengan Allah. Kita ini siapa?

Soalan: **Bila berpoligami memanglah mulanya ada rasa marah dan sedih tetapi lama kelamaan perasaan ini hilang hasil daripada tarbiah suami mengingatkan kita tentang neraka dan syurga dan suruh banyak-banyak bersabar dan sebagainya. Soalan saya, adakah tiap-tiap isteri yang taatkan Allah, taatkan Rasul dan taatkan suami lebih dahulu masuk syurga seribu tahun?**

Syeikhul Arqam: Ini satu pcningkatan, mula-mula marah kemudian hilang perasaan marah. Alhamdulillah syukur banyak-banyak kepada Allah SWT. Mengapa kita tidak marah? Kerana suami selalu nasihat suruh bersabar, ingat Allah banyak-banyak, ingat neraka, ingat syurga dan sebagainya. Itulah iman namanya.

Iman yang membuat penyelesaian kepada masalah. Waktu marah tidak ingat Allah, tidak ingat neraka tetapi bila suami bijaksana, lemah lembut melayan kita, boleh menasihati dengan hikmah dan kasih sayang, dikaitkan dengan neraka, dikaitkan dengan syurga, diingatkan kita kepada Allah, itulah iman. Bila kita terima maka bertambahlah iman kita. Bila bertambah iman selesai segala masalah. Contohnya tadi dari marah kepada tidak marah. Itulah saya sudah katakan tadi apabila ada iman semuanya selesai, sebaliknya bila iman tak cukup semua tidak selesai. Bukan sahaja soal poligami, di sudut-sudut lain pun tidak akan selesai.

Bagi seorang isteri yang taatkan kepada Allah, taatkan Rasul, dan taatkan suami terlebih dahulu seribu tahun masuk syurga

daripada suaminya, itu saya kurang pasti sebab saya belum pernah jumpa lagi. Jadi saya tidak berani hendak memberi jawapan. Tetapi kalau yang bertanya pernah berjumpa, betullah itu. Nampaknya saya belajar dari yang bertanya hari ini sebab saya tidak pemah berjumpa lagi.

Soalan: Saya ingin meminta penjelasan apakah peranan dan tanggungjawab kaum bapa dalam menjayakan poligami sama ada yang belum mahupun yang sudah melakukan poligami.

Syeikhul Arqam: Sama ada dia sudah berpoligami atau behun atau baru seorang isteri maka janganlah jemu-jemu mendidik isteri secara menanamkan iman, menanamkan kesedaran kepada Allah, cintakan Allah ataupun takutkan Allah. Perkara ini kita mesti suburkan selalu sebab sudah kita katakan tadi bahawa dengan iman sahaja boleh menyelesaikan segala masaalah.Bukan sahaja soal poligami tetapi apa sahaja hadapilah dengan iman. Insya-Allah akan selesai dan tidak akan ada terasa apa-apa cabaran bila iman telah bertunjang di hati.

Jadi kita sebagai suami tidak boleh merasa cukup dengan tarbiah dan didikan yang diperolehi oleh isteri kita dari guru-guru, pentarbiah-pentarbiah atau mubaligh-mubaligh. Sebaliknya kita mesti canaikan lagi fikiran dan jiwa mereka. Ini lebii-lebih lagi kalau kita sama-sama mendengar kuliah-kuliah. Apabila balik dari kuliah, kita ajak isteri berbincang, berdiskusi, perdalamkan lagi, bahaskan lagi supaya dapat dihayati. Kita kenalah berusaha. Itulah antara usaha-usaha yang patut pihak suami lakukan di samping usaha-usaha yang lain. Ini terpulanglah kepada kebijaksanaan para suami.

Mungkin sesetengah suami barangkali tidak mendidik atau mentarbiah sebaliknya dia hanya mengharapkan semata-mata tarbiah yang diterima oleh isterinya secara umum. Kita **kena** faham bahawa kadang-kadang sesetengah isteri itu tidak memahaminya atau ada perkara-perkara yang tidak difahaminya. Jadi di situlah tugas suami untuk memberi faham kepada isteri-isteri. Sepatutnya



Para wanita berasal daripada tulang rusuk yang bengkok. Mendidik mereka dengan menanam iman, kesedaran dan kecintaan kepada Allah dan Rasul hendaklah dilaksanakan secara istiqamah dan bijaksana; supaya mereka menjadi sayap kiri perjuangan Islam di sepanjang zaman.

apabila isteri pulang dari kuliah maka si suami hendaklah bertanya. Contohnya, "Anti faham tak apa yang diceramahkan," atau kalaupun dia faham kita perlu ulang-ulang selalu dan kita soal semula supaya kita dapat memastikan yang dia benar-benar faham perbahasan itu. Patutnya inilah peranan para suami.

Yang tidak mengikuti kuliah itu, satu hal juga. Jadi tidak peliklah kalau dia tidak faham. Dia telah melanggar syariat kerana tidak mahu ambil tahu atau tidak mahu belajar. Ada pula sama-sama pergi dan mendengar kuliah atau ceramah tetapi bila orang lain bertanya tentang Islam atau bertanya mengenai hal-hal berjemaah, jawapan yang diberikan ternyata suami dan isteri itu masih belum faham. Jadi ini menunjukkan apa yang didengar dan dilihat hanya begitu sahaja tanpa dicanaikan, ditanya tanpa dikaji, dihurai dan dibahaskan lagi.

Jadi kalau para suami tidak faham akan hal ini, hanya lihat isteri rajin mengaji dan tidak merasa bimbang dengan menganggap dia telah faham apa yang didengar tetapi yang sebenar-benarnya dia tidak memahaminya, ini adalah sebab tidak adanya perbincangan selepas itu atau didikan dari suami pula tiada. Sepatutnya apa yang kita perlu buat selepas mengaji tanyalah sama ada dalam kereta, ketika hendak tidur, waktu makan atau waktu selepas sembahyang, terpulang kepada kebijaksanaan suami. Datangkan pertanyaan dan persoalan semula sebab dengan ini kita dapat tahu sejauhmana dia dapat memahami pengajian yang dia dengar.

Jadi dalam hal ini kadang-kadang pihak suami bersalah juga. Dia yakin begitu sahaja. Dia sangka baik. Bila isteri dengar kuliah, disangka isterinya faham dan hanya menunggu isterinya mengamalkan sahaja. Sikap ini tidak boleh dan perlu dibuang. Kita perlu tanya, perlu perbahaskan, mengkaji dan berbincang selalu dengan isteri dengan lebih mendalam supaya lebih difahami dan lebih dihayati sehingga boleh dijadikan tindakan dalam rumahtangga kita.

Soalan: Reaksi masyarakat kita (masyarakat Islam) hari ini mengenai poligami ada yang yakin dengan mendorong suami-

nya berkahwin lagi, ada yang yakin tapi tidak mampu melaksanakannya dan ada yang tidak yakin langsung dan menentangnya hingga orang lain yang berpoligami pun ditentangnya. Jadi apakah usaha yang perlu dibuat untuk membantu meyakinkan masyarakat Islam khususnya para wanita mengenai poligami ?

Syeikhul Arqam: Pahala seseorang itu didapati atas dasar sejauhmana susahnya mereka membuat sesuatu perkara kerana Allah. Kalau dia membuat sesuatu perkara itu kerana Allah tetapi perkara itu memang keadaannya tidak menyusahkan seseorang, maka Allah menilai secara ringan pula.

Di sini saya ingin membuat beberapa contoh. Seorang itu berkorban atau berderma $10 dengan gajinya $50 sebulan. Ketika mengeluarkan duit itu dia terpaksa berhempas pulas dan terasa terlalu susah, maka nilai $10 di sisi Allah itu besar. Ada orang lain pula mengeluarkan duit sebanyak $10 juga, tetapi dia tidak terasa tercabar atau merasa susah mengeluarkannya kerana gajinya $2000 sebulan. Pahala yang dia dapat tidak sama dengan pahala yang diperolehi oleh orang yang pertama tadi. Kalau ditakdirkan dikeluarkan $100 sekalipun (lebih $90 daripada orang yang pertama) dia tidak juga terasa susah dan tidak rasa tercabar dan tidak merasa berat macam duit 10 sen jatuh sahaja kerana gajinya beribu-ribu. Maka orang yang pertama tadi masih lagi lebih besar pahalanya berbanding dengan yang kedua. Jadi Allah menilai atas dasar susah ringannya. Kalau satu perkara itu kita boleh buat tetapi susah kepada kita dan kita buat juga, itu besar nilainya di sisi Allah. Tetapi kalau kita boleh buat oleh kerana pada kita itu perkara mudah maka diberi pahala juga, tetapi tidak banyak.

Jadi perkara-perkara sebeginilah yang kita kena sarankan sama ada kepada kaum bapa atau kaum ibu. Berkhidmatlah untuk Allah. Tegakkanlah hukum Allah terutama yang kita rasa kita buat itu susah supaya Allah nilai. Kalau pada kaum ibu yang paling terasa susah ialah apabila dipoligamikan. Poligami itu ke-

harusan daripada Allah. Tctapi 'pada kaum ibu ianya satu kesusahan, penderitaan, kepayahan dan tercabar jiwa. Tetapi kalau dia boleh buat juga, di situlah nilai wanita itu dan di situlah pahala besar untuknya.

Jadi kita kena syarah atau sampaikan selalu kepada masyarakat kita khususnya kaum **ibu** hal-ha1 scdemikian sama ada yang bersyarah itu kaum bapa atau kaum ibu itu sendiri.

Kalau kita cintakan Allah tcntulah kita akan buat sesuatu perkara yang besar nilainya di sisi Allah. Kadang-kadang kita buat itu memerlukan kcsusahan, pcnderitaan dan mencabar. Itulah sebabnya sembahyang sunat di waktu siang dengan sembahyang sunat di waktu malam tidak sama. Sembahyang sunat di waktu malam terlalu payah dan susah terutamanya apabila kita sudah tidur dan ingin bangun scmula. Di situlah rasa teruji oleh sebab sejuk, mengantuk dan lain-lain. Kctika itu menderita jiwa dibuatnya. Saya ingat kalau 10 rakaat barangkali scmbahyang sunat di waktu siang tidak sama dcngan dua rakaat sembahyang sunat di waktu malam sebab dua rakaat di waktu malam itu susah, menderita dan payah untuk mclakukannya. Terpaksa bermujahadah nafsu. Waktu siang tidak bcgitu bcrat sangat rasanya.

Jadi kita pilihlah sama ada kita hendak membuat sesuatu perkara itu yang senang tetapi nilainya murah atau yang susah tetapi nilainya mahal di sisi Allah SWT. Kalau hendak nilai yang mahal, buat perkara-pcrkara yang memang mencabar diri kita. Kalau kaum ibu, poligami yang mencabar diri dan kalau dia boleh buat maka syurgalah tcmpatnya.

Jadi perkara-pcrkara scbcginilah yang hendak kita tarbiah, yang hendak kita didik dan kita sampaikan kepada masyarakat Islam khususnya kepada kaum ibu. Sama ada yang menyampaikan itu kaum bapa atau kaum ibu, itu terpulang. Kemudian disusuli pula dengan usaha-usaha lain sepcrti dengan buat program ziarah kepada orang yang tidak mahu menerima poligami, buat kursus atau buat majlis-majlis dialog. Insya-Allah lama kelamaan mereka akan sedar dan faham dan insya-Allah mereka akan mengamalkannya.

Soalan: Bagaimana hendak menghadapi suasana bila orang lain mengatakan suami selalu keluar dengan isteri yang lain clan begitu mesra sekali bila keluar dengannya, sedangkan' dengan kamu tidak semesra itu dan jarang diajak keluar?

Syeikhul Arqam: Kita mesti ada pendirian. Kalau kita ada pendirian dan bila kita sudah dipoligamikan, kita sesama kita sudah selesai. Apa yang hendak difikir-likirkan cakap orang lain? Mereka tak faham suasana rumahtangga kita. Tapi kalau tiada pendirian ibarat kayu api. Jiwa sudah rasa sakit, redha tak ada, cuma tinggal hendak dicucuh api sahaja, terbakarlah. Ini orang yang tidak ada pendirian. Kalau kita ada pendirian sudah selesai di rumah sesama sendiri, apa yang hendak difikir-tikirkan cakap orang lain. Orang lain itu matanya sakit ke, hatinya sakit ke, itu dia punya pasal. Kita mesti ada pendirian. Kita sudah redha meredhai dan berlebih kurang. Itu sahaja cara kita hendak selesaikan masalah kalau ada orang mengata-ngata tentang suami dan madu-madu kita.

Soalan: Dalam berpoligami, seseorang madu itu sering terasa cemburu, ingin berebut kasih lebih daripada suaminya. Di sini kadang kala punca masalah antara wanita itu dengan madu-madunya yang lain. Apa pandangan Ustaz?

Syeikhul Arqam: Keselamatan bagi seseorang perempuan itu selain daripada iman yang menjadi perkara asas adalah sama seperti kemabuan berkelamin, makan minum, tahu susah, tahu senang, menghindari kesusahan, tetapi tentang kecerdikan, tenaga kerja, kemampuan dan kecantikan, ini Allah jadikan tidak sama antara satu sama lain. Ada orang yang lemah, ada yang cantik, ada yang sederhana, ada yang terlalu cantik dan ada yang kurang cantik, ada yang terlalu cerdik dan ada yang kurang cerdik dan sebagainya. Yang mana kita mesti menerima hakikat ini bersama.

,Jadi kalau semua manusia lelaki dan perempuan sama-sama sedar akan hakikat ini kemudian dia boleh letakkan dirinya dalam

pergaulan sama ada dalam rumahtangga, dalam jemaah, dalam masyarakat mengikut kemampuan dirinya, mengikut bidangnya, mengikut wataknya maka dia pun senang dan orang lain pun akan menyenanginya. Sebab itulah manusia ini perlu kenal dirinya terlebih dahulu. Kenal sejauhmana kemampuan akalnya. Kenal sejauhmana keteguhan jiwanya. Kenal sejauhmana ilmu yang ada padanya. Kalau berilmu, ilmu yang ada padanya pun harus diketahui samaada ihnu dunia atau ilmu akhirat. Dia mesti kenal dirinya sama ada dia orang kuat atau orang lemah, kenal dirinya sama ada orang yang bijak atau tidak. Dia mesti kenal wataknya cenderung ke arah mana dan kepada apa.

Jadi kalau kita sudah kenal diri kita, maka kita bolehlah meletakkan diri kita mengikut kemampuan atau bidang yang sesuai .dengan ilmu kita, yang sesuai dengan kecenderungan kita. Maka di situlah nanti senang kita berhadapan dengan hidup dan orang lain pun senang untuk bergaul dengan kita.

Tapi manakala manusia itu tidak kenal dirinya sendiri ataupun dia kenal sungguh dirinya tapi dia tidak mahu menerima hakikat apa yang dia kenal, sehingga dia tidak mahu meletakkan dirinya pada tempat yang sepatutnya, yakni dia hendak tukar bidang lain yang bukan bidangnya dan pergi ke suatu perkara yang bukan dari kecenderungan hatinya, umpamanya entah kerana hendak berlawan untung di dunia atau sebagainya, maka dia sendiri akan merasa perkara yang dilakukan itu terlalu sukar dan orang ramai pun akan merasa canggung berhadapan dengannya kalau bergaul.

Jadi begitulah juga seorang ibu dan ayah bila berhadapan dengan 10 orang anak yang daya pemikiran anak-anaknya itu berlainan di antara satu sama lain. Tentulah fizikal, kecenderungan, kebolehan dan wataknya berbeza. Jadi ibu bapa akan gembira dan suka pada anak-anaknya yang pandai meletakkan dirinya pada tempat masing-masing. Umpamanya kalau anak yang cerdii ibu dan ayah suka kalau anak akan dapat membantu ayahnya berfikir tentang hal-hal yang berkaitan dengan kerja rumahtangga.

Kalau anak yang cerdik ini tidak faham sebaliknya dia lebih suka ke bendang sahaja,,lebih suka bekerja sehingga kurang rapat

dengan ibu dan ayahnya, tentulah ibu dan ayahnya tidak suka, kerana buah fikirannya boleh membantu mereka. Sedangkan anak yang lain boleh buat kerja tersebut. Ibu dan ayahnya memang suka kalau mereka ke bendang. Tidak suka mendampingi mereka kerana kalau kerap akan menyusahkan dan membantutkan kerja mereka. Mereka tidak boleh mendampingi sebab mereka tidak boleh membantu fikiran kedua ibu dan ayahnya sebaliiya mereka menyukarkan kedua ibu dan ayahnya dalam berfikir dan menguruskan rumahtangga.

Jadi kesayangan ibu dan ayah kepada si A anaknya tadi kerana cerdiknya dan ibu dan ayah akan membenci si A kalau dia jarang mendampinginya. Yang si B pula ibu dan ayah akan sayang kalau dia menggunakan tenaganya di bendang sebab sesuai dengan kerja dan kemampuannya. Tetapi ibu dan ayah akan membencinya kalau anak itu selalu dekat dan mendampingi mereka. Kenapa? Bendang sudahlah tidak siap, hendak harapkan buah fikirannya, dia kurang cerdik dan tak boleh membantu mereka. Jadi kalau anak-anak itu faham akan kedudukan masing-masing; yang cerdik selalu mendampingi ibu dan ayah untuk membantu memberi **fikiran**. Di situlah letaknya kasih sayang ibu dan ayah mereka dan bagi anak yang kurang cerdik sebaliknya ada tenaga yang kuat, maka hiduplah dia di bendang walaupun jarang dengan ibu dan ayah tapi di situlah letaknya kasih sayangnya.

Yang penting kepada kita ialah kasih. Kasih terletak pada hati walaupun berjauhan (tak nampak). Kalau dia dekat sekalipun, tapi ibu dan ayah tidak kasih, apalah ertinya. Nampak dekat, tidur baring sama dengan ibu dan ayah tapi hati ibu dan ayah tidak suka, apalah ertinya kepada anak itu. Biar jarang bertemu kerana sibuk menguruskan bendang tetapi kita tahu dengan ini dapat menggembirakan hati kedua ibu dan ayah. Itu yang seronok. Begitu juga yang cerdik tadi kalau dia tak faham yang dia cerdik dan dia malas hendak mendampingi ibu dan ayahnya sebaliknya dia pergi mengerjakan bendang, di situlah ibu dan ayahnya membencinya kerana orang cerdik ini biasanya tidak boleh membuat kerja bendang dengan baik atau biasanya kurang berjaya sebalik-

nya dia boleh mengeluarkan buah fikiran yang bernas. Jadi kalau anaknya yang cerdik itu selalu mendampingi ibu dan ayahnya untuk membantu fikiran di situlah yang dapat menggembirakan hati ibu dan ayahnya.

Begitu juga contoh yang lain seorang guru dengan murid. Kalau ada 40 orang murid tentulah watak, kebolehan dan kemampuan di antara satu sama lain itu tidak sama. Tetapi kalau murid itu dapat membaca watak masing-masing dan dapat meletakkan diri di tempat yang betul, semua akan disayangi dan semua dikasihi oleh guru. Tetapi sebaliknya, masing-masing jangan cuba menukar peranan dan watak. Alamat kecohlah kelas dan guru-guru pun tidak menyenangi dan tidak mengasihi murid-muridnya.

Begitu juga dalam sesebuah harakah yang ada pemimpin dan ada pcngikut. Pemimpin senang hati dengan pengikut yang faham kedudukan masing-masing dan boleh meletakkan diri di tempat masing-masing. Umpamanya kadang-kadang ada sesetengah pemimpin tidak perlu berjumpa dengan pengikut sehingga kadang-kadang sampai 3 atau 4 bulan. Di situlah pautan kasih sayangnya. Kenapa? Kerana apabila dia tidak berjumpa dia boleh membuat kerja yang sesuai dengan bidangnya.

Kadang-kadang ada sesetengah pemimpin itu, beliau rasa tidak senang hati kalau tidak dapat berjumpa selalu dengan seseorang itu. Mungkin dia mempunyai buah fikiran yang boleh membantu atau menolong pemimpin dan sebagainya. Dia cergas dan pandai mengatur strategi untuk membantu perjuangannya. Orang seperti ini pemimpin kasih kalau dia selalu mendekatinya. Sebaliknya pemimpin itu membencinya kalau dia sering berjauhan atau jarang mendampinginya. Jadi kalau sctiap pengikut pada seseorang pemimpin itu pandai membaca dirinya sendiri dan boleh meletakkan pada tempatnya, setiap orang itu akan diberi kasih sayang. Cuma pemimpin itu mungkin tidak memberitahu. Sebab kasih sayang itu bukannya tergantung atau terletak pada telinga, mata, siku, tempat tidur dan di lutut, tetapi di hati.

Begitulah jua mana-mana suami yang mempunyai dua tiga atau empat isteri. Keempat-empat itu bukan sama dari segi ke-

pandaiannya, tinggi rendahnya, kurus gemuknya, kecantikannya dan kemampuannya. Jadi kalau setiap isteri itu faham peranan diri masing-masing dan boleh meletakkan dirinya di tempat yang sesuai., maka semua mereka ini akan diberi kasih sayang oleh suaminya. Tetapi kalau mereka tidak faham kedudukan masing-masing walaupun niatnya baik, inginkan kasih sayang yang lebii dari suami, maka dia akan buat kerja yang bukan kerjanya. Dia akan meletakkan dirinya bukan di tempat yang sebenamya.

Isteri begini akan dibenci oleh suami. Mungkin suami yang semborono akan luahkan rasa kebenciannya kepada isterinya itu tetapi bagi suami yang beragama, dia tidak akan menceritakan atau meluahkan, tetapi hatinya tetap tidak menyenangi isterinya itu. Tetapi kalau semua keempat-empatnya faham akan kedudukan masing-masing dan boleh duduk di tempat masing-masing, keempat-empat itu akan diberi kasih sayang.

Umpamanya isteri pertama pandai memasak, masakannya sedap dan disukai oleh suaminya, suaminya akan memberikan kasih sayang kepadanya kalau dia selalu memasak dan suka ke dapur. Jangan pula hendak mendekati selalu dengan suami. Sebab suaminya tidak senang hati kalau beliau selalu mendampinginya. Sebaliknya suami lebih menyayangi kalau ianya rajin memasak dan jarang bertemu. Katakan pula isteri kedua boleh menulis buah fikiran yang dikeluarkan oleh suami dan pandai mengolah dan menyusunnya. Suami suka mendampinginya kalau dia tidak memasak dan memicit suaminya. Suami senang hati kalau dia membuat kerja-kerja menulis hal-hal yang sudah dikeluarkan selama ini. Di situlah kasih sayang suami. Kalau dia tak faham umpamanya isteri ini berkata, “Aku asyik di dapur sahaja sedangkan dia itu asyik mendampingi abang... ini tak boleh jadi.” Lalu dia pun meninggalkan bidangnya itu dan terbengkalai kerja-kerjanya lantas pergi mendampingi suami. Di situlah suaminya tidak senang hati dengannya tetapi disangkanya ia disayangi.

Jadi kalaulah isteri-isteri faham kedudukan ini, buat kerja masing-masing dan buat kerja mengikut apa yang disukai oleh suami, di situlah dia akan dapat kasih sayang. Yang penting kita

boleh beli hati suami walaupun tidak selalu berjumpa. Umpamanya isteri-isteri duduk serumah. Yang seorang ini jarang sekali berjumpa cuma kadang-kadang atau sekali-sekala berjumpa dengannya. Sedangkan yang seorang lagi berpuluh-puluh kali berjumpa dalam schari. Walaupun begitu apa yang penting ialah kasih sayang. Kalau 24 jam sekahpun bersama suami tetapi suami pula membencinya, jadi apa ertinya? Dia sebenarnya iri hati kerana' tak pandai menilai. Isteri itu sebenarnya tak pandai meletakkan dirinya pada tempat yang sepatutnya sehingga menyebabkan suaminya membencinya, walaupun suami tidak memberitahunya.

Saya pemah menulis satu cerita yang pemah dimuatkan dalam akhbar Al Arqam. Cerita mengenai himar dengan anjing.

Kisahnya ada seorang peladang tua berketurunan Arab. Dia mempunyai ladang yang sangat luas. Jadi dia perlu membela seekor anjing dan seekor himar untuk memudahkan menyelenggarakan ladangnya itu. Anjing itu ditugaskan untuk menjaga ladang manakaia himar pula ditugaskan untuk mengangkat barang-barang yang berat (bahan-bahan ladang) seperti mengangkat gandum, padi dan sebagainya.

Tugas itu dibcri sesuai dengan tabiat kedua-dua ekor binatang itu. Anjing mempunyai wataknya sendiri manakala himar juga mempunyai wataknya sendiri Dari segi lahimya pun sudah bcrlainan. Anjing makan daging manakala himar makan rumput. Maka si petani pun layanlah kedua-dua binatang ini mengikut watak masing-masing. Tentulah berlainan. Takkanlah nak melayan himar macam layan anjing dan nak layan anjing seperti melayan himar. Itu manusia tidak bijak. Anjing itu wataknya mana boleh angkat gandum, angkat guni, itu bukan kerja anjing. Dia hanya boleh jaga gandum daripada dicerobohi oleh orang lain. Jadi kerja mengangkat ini dibuat oleh himar. Hiiar tak boleh jadi jaga sebab dia tidak boleh menggigit. Tugasnya hanya mengangkat barang berat. Begitu juga mana boleh sama jenis makanan ketika makan. Himar takkanlah nak bagi makanan anjing. Anjing kena bagi makan daging dan harganya tentu mahal sedikit. Himar pula ragut rumput walaupun kadang-kadang waktu musim kema-

rau tentu makan rumput kering sahaja, apa nak buat. Jadi himar tidak boleh berkecil hati dan hi hati dengan anjing manakala anjing juga tidak boleh iri hati dengan himar. Kenalah duduk di tempat masing-masing. Bertugaslah di tempat masing-masing dan di situlah letaknya kasih sayang tuannya.

Yang menjadi masalahnya ialah tatkala himar ini iri hati pula dengan anjing. Ditengoknya anjing dilayan dengan sempuma, ada tempat makan yang khas dalam pinggan. Anjing diberi makan daging yang sedap-sedap dan ditengoknya anjing ini selalu makan, tidur dan itu sahaja kerjanya. Manakala aku ini kerja sudahlah teruk, angkat itulah, angkat inilah dan barang-barang yang diangkat itu bukan barang yang ringan-ringan. Makan aku pula tak menentu dan hanya makan rumput sahaja dan rumput percuma sahaja dan kadang-kadang rumput kering. Tempat tinggal aku pula berselerak dan busuk pula. Dibiarkan sahaja sedangkan anjing diberi layanan yang sempuma.

Kemudian himar berfikir lagi. Ini tuan aku yang salah atau aku yang salah, kerana tak pandai melayan tuan? Mungkin aku tidak pandai melayan tuan. Ini menyebabkan aku didiskriminasi dan tidak diberi layanan yang sempuma. Boleh jadi anjing itu pandai melayan tuan aku agaknya. Sebab itulah ia diberi layanan yang sempuma dan istimewa. Kadang-kadang dia naik di atas rumah dan duduk di pangku tuan aku. Aku tak pemah dipangku. Aku salah ke ni atau tuan aku yang salah?

Kalau macam tu aku nak tengok tabiat anjing. Aku nak tiru tabiat anjing ini sehingga ia diberi layanan istimewa oleh tuan aku. Mudah-mudahan aku pula disayangi oleh tuan aku.

Jadi macam biasa petani tua ini balik dari ladang. Bila balik biasanya peladang ini tidak masuk ke rumah terlebih dahulu. Dia akan berehat sebentar di pangkin yang berada di halaman rumahnya itu. Dia duduk di situ untuk melepaskan keletihan setelah penat seharian di ladang. Seperti biasa dia memanggil isterinya untuk menyediakan segelas air untuk menghilangkan dahaga. . Seperti biasa juga anjing datang lantas merapatkan badan kepada tuannya. Dia menggerakkan ekomya, dia menyentuh badannya

kepada tuannya dengan penuh manja, kadangkala dia naik ke pangkuan tuannya. Kadang-kadang pula anjing itu menyondol-nyondol kepalanya kepada muka tuannya. Tuannya membiarkan sahaja perlakuan anjingnya itu malah berasa seronok dan terhibur dengan perbuatan anjingnya itu.

Peristiwa itu diperhatikan oleh si himar dari jauh. Hatinya mula berkata: "Patutlah anjing diistimewakan oleh tuan aku. Dia pandai ambil hati tuan aku. Aku tak pandai, jadi ini silap akulah. Kalau begitu esok aku nak buat sepertimana anjing buat kepada tuan &U."

Keesokannya seperti biasa peladang ini balik dari ladang terus menuju ke pangkin untuk berehat. Himar cepat-cepat datang. kera-na takut anjing akan datang terlebih dahulu. Himar pun mulalah mendekat-dekatkan badannya kepada tuannya. Dia pun meletak-kan kepala kepada muka tuannya. Apa lagi tuannya rasa terkejut. Tuannya menganggap himar ini dah buang tabiat. Sudah 20 tahtm dibelanya himar ini, tak pemah ia berkelakuan demikian. Apa hal ni? Himar itu terus berpangku di atas riba tuannya. Apa lagi tuan-nya jatuh terpelanting. Marah sungguh tuannya lantas mengambil parang dan menyembelih himar tersebut.

Saya harap saudara dan saudari faham kalauptm saya tak ulas dengan lebih panjang lagi. Niat himar itu memang baik. Dia inginkan kasih sayang dari tuannya tetapi dia telah menukar wa-tak asalnya kepada watak yang lain. Dia tukar watak sehingga menyebabkan tuannya benci kepadanya. Himar fikir sewaktu dia tidak menukarkan wataknya dulu dia sangka tuannya benci kepa-danya tetapi sebenamya di situlah kasih sayang tuarmya. Selama 20 tahun tuannya menyayanginya. Tapi bila dia tukar watak walaupun niatnya baik, tak sampai satu minit diapun disembelih.

Begitulah apabila kita berhadapan dengan murid, berhadapan dengan pengikut, berhadapan dengan rakyat, berhadapan dengan isteri-isteri yang ramai. Isteri-isteri kena faham. Kalau isteri-isteri faham diri masing-masing, boleh meletakkan diri masing-masing di tempat yang betul, maka di situlah dia dapat markah dari

suaminya iaitu mendapat tempat dan kasih sayang.

Sebab itulah ada barangkali tuan-tuan dapat melihat saya yang mempunyai empat isteri. Masing-masing ada tugas. Ada yang selalu keluar, ada yang jaga anak, ada yang selalu di rumah dan ada yang menulis dan membantu menulis buah fikiran yang saya keluarkan. Tetapi alhamdulillah dengan izin Allah kebanyakannya mereka sudah faham. Boleh duduk di tempat masing-masing. Kalau ada orang luar mengata-ngata sesuatu kepada salah seorang isteri mengenai isteri yang lain, insya-Allah isteri itu akan menolak.

Jadi itulah kalau dipoligamikan, letakkan diri di tempat masing-masing setelah kita tahu diri kita. Di situlah letaknya kasih sayang suami. Nak berlawan-lawan atau berebut-rebut untuk dapat kasih sayang suami jangan sekali sebab bidang tak sama. Jangan iri hati sebab suami selalu bawa keluar yang seorang itu kerana dia pandai menulis. Cuba pergi, dan yang pandai menulis tinggal di rumah pula. Dah tu tinggal di rumah tak pandai buat kerja. Apa lagi kerja makan minum sahajalah. Kalau begini mana boleh jadi.

Cantik sekali kalau masing-masing faham akan kedudukan masing-masing. Suami pula senang hati bila berhadapan dengan isteri-isteri yang faham. Isteri-isteri pula akan disayangi oleh suami.

Tapi sebaliknya kalau masing-masing tidak faham akan kedudukan masing-masing ataupun kalau dia faham sekalipun tapi tidak mahu meletakkan diri di tempatnya, maka susahlah suami. Dia sedar tempatnya di sini tapi dia hendak duduk di sana. Walaupun niatnya baik untuk dapat kasih sayang dari suaminya, tapi sebenarnya di situlah kebencian suami. Sepertilah himar tadi niatnya hendakkan kasih sayang dari tuannya, kena sembelih. Pada hal himar itu telah mengangkat barang dan di situlah letaknya kasih sayang tuannya. Buktinya 20 tahun tak kena sembelih, hidup bersama peladang tapi bila tukar watak sahaja walaupun niat asahnya baik hendakkan kasih sayang dari tuannya. Bukan kasih sayang yang diperolehi sebaliknya himar itu di sembelih

pula.

Soalan: Apabila kita berpoligami, si suami mestilah berlaku adil pada isteri-isterinya. Jadi saga ingin penjelasan Ustaz macamana yang dikatakan adil itu.

Syeikhul Arqam: Adil dalam poligami itu apabila kita sudah sama-sama redha-meredhai. Bila redha meredhai, selesai segala masaalah,cuma kalau orang tidak faham apa yang dikatalcan adil itu, mungkin dia akan komen. Tetapi yang sudah berpoligami dan sudah redha meredhai selesai masalah.

Itu yang sebenamya, sebab kalau kita hendak mencari keadilan mengikut kemahuan masing-masing, saya ingat si suami dan begitu juga isteri tidak akan dapat melakukannya. Katakanlah si isteri hendak menjenguk tingkap umpamanya, tidak boleh kerana tidak dapat keizinan daripada suami. Kalau tengok keluar tingkap pun tidak boleh, lebih-lebih lagi kalau hendak keluar ke tangga rumah lagi tidak boleh. Tapi kalau sudah ada tedha meredhai, kalau berlaku seperti itu juga, yang sudah tidak dapat dielakkan lagi, maafkan sahaja, sama ada dilafazkan ataupun tidak, selesai masalah. Tetapi ini berganhmg juga kepada perkara-perkara tertentu. Kalau setakat keluar rumah tmtuk menyapu atau ke rumah jiran misalnya asalkan menutup aurat itu tidak perlulah memberitahu. Redha meredhai sahajalah. Tetapi kalau suami tidak redha juga, itu juga dikira berdosa.

Jadi kalau masing-masing hendak mempertabankan hak, suami hendak pertahankan haknya sebagai suami sehingga si isteri mesti meminta izin terlebih dahulu dari perkara sekecil-kecilnya sehingga kepada sebesar-besamya, susahlah. Isteri tidak boleh buat apa-apa. Kadang-kadang sudah meminta izin pun masih suami tidak benarkan. Bukan senang nak buat kalau masing-masing tak redha meredhai.

Jadi keadilan dalam Islam itu bila ada redha meredhai terutama kita yang berpoligami. Bila dah redha meredhai, tak ada ma&ah. Katakan kita lebihkan pada salah seorang isteri kita dan yang lain-lain itu redha meredhai, tak apa dan tak ada masalahlah.

Cuma orang luar barangkali kata tak patut. Itu orang luar yang kata, tapi bagi kita sudah selesai.

Itu sebabnya soal rumahtangga ini orang lain tak boleh masuk campur. Islam tidak membenarkan, sebab orang lain itu mana tahu kita sudah redha meredhai. Umpamanya isteri pertama membenarkan suaminya pergi ke rumah isteri kedua walaupun sepatutnya giliran malam itu gilirannya. Hal ini mana orang tahu. Mulalah orang sebelah atau jiran menganggap ini tidak adil kerana suami jirannya itu kerap pergi ke rumah isteri kedua. Mereka mana tahu. Kadang-kadang mengintai-ngintai, mengendap untuk mengambil tahu hal rumahtangga orang. Mereka tidak tahu bahawa kadang-kadang isteri pertama jirannya itu sudah membenarkan suaminya pergi ke rumah isteri kedua atau ketiga sehingga kadang-kadang sampai dua atau tiga malam walaupun ada malam-malam yang sepatumya gilirannya.

Itulah pentingnya redha meredhai. Itulah yang dinamakan keadilan.Itulah sebabnya redha meredhai dan tolak ansur ini perlu. Bila ada sikap seperti ini pada semua pihak, mudah dan selesai masalah.

Kemudian pula soal hati. Ini dimaafkan sebab Rasulullah SAW pemah bersabda: *"Hai Tuhan, hati ini bukan kuasa aku. kuasa Engkau."* Jadi kalau kita hendak bagi kasih hati ini memang tak boleh. Kalau ada empat orang isteri itu memang tak sama. Itu dalam hatilah. Lahir tak boleh tunjuk. Cuma barangkali masing-masing dapat agak-agak, "Ana tahulah abang kasih pada si dia tu dari saya. Apa nak buat, saya pun sedar. Patut pun abang kasih pada dia..." Ada juga kadang-kadang dia melepaskan kata-kata seperti itu. Tapi dia ikhlas. Dia sedar kelemahan dirinya. Si suami tak cerita pun. Jadi soal hati ini memang tidak dapat disamakan. Jadi mainan hati ini dimaafkan. Macamlah kita dengan anak kita. Kalau ada 10 orang anak tentu tidak sama *graph* kasih sayangnya. Itu dimaafkan sebab itu bukan kuasa kita. Itu kuasa Allah SWT.

Jadi soal-soal lahir ini yang penting redha meredhai. Kalau tak redha meredhai, susah kalau hendak keadilan itu betul-betul dilaksanakan. Cuba kita umpamakan tentang makan dan minum. Yang

nak ikan bilis sama dengan ikan jenis itu, nak ikan bawal sama dengan ikan bawal jenis itu, besar dan kecil pun mesti sama, kalau udang galah sama udang galah. Itu soal makan. Kalau sama taraf pula, nak sama-sama kaya, nak sama-sama orang ***top,*** nak sama-sama orang kampung, nak sama-sama anak raja, nak sama-sama anak kerani, nak sama-sama anak Dato'. Tapi kalau seorang anak petani, seorang anak peon, seorang anak raja, seorang anak Tan Sri mana boleh nak samakan. Yang memang orang bendang makan ikan keli, berikan ikan keli, mana boleh udang galah. Udang galah itu makanan anak Tan Sri. Itupun kalau kita mampu.

Kalau suami itu mampu berkahwin dengan 4 orang kebetulan ada orang kampung, ada anak Tan Sri, ada anak raja dan ada anak pegawai umpamanya, si suami mesti mengikut makan minum yang biasa dijamu oleh ayahnya dahulu. Itupun kalau dia mampu. Kalau dia tak mampu, ikutlah kadar yang dia mampu. Kena redha pula isteri. Yang anak Tan Sri kita bagi makan ikan bilis sama dengan anak orang bendang. Dia kena redhalah. Kenapa? Kerana waktu itu suaminya tidak mampu hendak membeli udang galah walaupun dia layak makan udang galah, kena disama-tarafkan dengan anak bendang ketika itu. Ini kena redha meredhai.

Tapi bila suami mampu, kalau dia memang makan udang galah, kena bagi makan udang galah. Katakan pendapatan kita sebulan 10 ribu, kenalah anak Tan Sri kita beri udang galah. Tapi kalau kita hendak kekalkan anak orang bendang makan ikan bilis, masih boleh walaupun kita mampu memberikan udang galah. Tak salah. Tak bolehlah dikatakan tidak adil kerana memang dia dengan ibu dan ayahnya dahulu bagi makan ikan bilis. Cuma kira sudah tukar geran (milik). Dah jadi milik kita. Itulah keadilan dalam Islam. Bila anak orang bendang makan ikan bilis, kena redhalah. Tak boleh kata, "Apa! Anak Tan Sri tu abang beri. makan udang galah sedangkan saya abang cuma beri makan ikan bilis..." Tak bolehlah kata begitu. Kenalah redha. Tapi kalau hendak bagi juga udang galah pada anak orang bendang tadi pun tidak salah sebab suami mampu. Kalau pun suami nak kekalkan

suasana asal isterinya orang bendang pun tak salah dan mereka tidak boleh berkecil hati. Ini menunjukkan redha itu penting.

Jadi pada saya bila inginkan keadilan terutama bila berpoligami, perlulah redha-meredhai, berlebih kurang. Kadang-kadang kalau sikap ini ada, boleh duduk satu rumah. Jaga anak sama-sama, ke dapur sama ataupun buat pembahagian kerja. Umpamanya seseorang itu kerjanya lipat kain sahaja, ada yang memasak sahaja, ada yang mengemas sahaja dan sebagainya. Betapa indahnya kalau berlaku demikian. Di dunia sudah rasa indah betapa lagi di akhirat. Lebih-lebih lagi bila suami balik dari bertugas, kalau isteri yang tak redha, asyik dia seorang sahaja yang hendak merapati suaminya. Waktu letih pun kena layan, waktu tak letih pun kena layan. Tapi kalau redha-meredhai umpamanya isteri pertama letih, boleh isteri kedua atau ketiga atau keempat layan. Jadi ada orang lain tukang layan. Hai...tak seronok ke? Boleh kita undur diri sekejap untuk rehat. Kerja kita layan suami boleh serahkan pada orang lain dan boleh tolak ansur. Tapi kalau kita seorang, letih tak letih kena juga layan suami sebab kadang-kadang suami balik seminggu sekali atau dua minggu sekali. Balik dari dakwah, contohnya, tentu letih. Kita kena layan walaupun kita letih.

Kalau kita redha-meredhai, indah sebenamya. Cantik, seronok. Kalau kita tinggal serumah misalnya, kita ada empat orang, boleh mengaji sama, jaga anak sama dan yang pengecut tinggal seorang takkanlah kita nak ajak orang lain pula menemani kita. Isteri orang itu tentu hendak layan dan tidur dengan suaminya. Mana boleh diajak-ajak. Nak ajak budak sekolah umpamanya, dia sibuk pula nak mentelaah pelajaran. Tapi bila bermadu, bila ditinggalkan suami, boleh muzakarah, boleh berbincang, yang pandai boleh mengajar yang lemah. Indah sungguh. Lebih-lebih lagi kalau tetamu datang, empat orang tenaga, kerja cepat siap. Seorang tukang siang ikan, seorang tukang siang sayur, seorang tukang masak dan seorang lagi jaga anak, kan mudah dan selesai masalah.

Siri Ketiga:
DIALOG POLIGAMI:
MENGAPA HILANG BAHAGIA DENGAN POLIGAMI?

---

sinopsis

Soal poligami adalah soal yang sensitif pada kaum wanita umumnya. Bermacam-macam hujjah dikeluarkan oleh mereka yang tidak bersetuju dengan poligami. Apa kata Ustaz Ashaari Muhammad terhadap persoalan yang selalu dikemukakan oleh wanita yang menentang poligami? Ikutilah jawapan-jawapan Ustaz Ashaari Muhammad tentang persoalan-persoalan yang ditimbulkan.

Soalan: Ustaz, suami saya ingin berkahwin lagi. Berkaitan dengan itu saya hendak bertanya ustaz tentang persoalan poligami.

Syeikhul Arqam: Insya-Allah, moga-moga Allah izinkan saya menjawab dengan baik.


Soalan: Kenapa kebanyakan lelaki suka berkahwin lebih dari satu?

Syeikhul Arqam: Itu kan bagus? Para isteri berpeluang menghadiahkan kepada suami mereka sesuatu yang paling berhaga.

Soalan: Tidak mungkin begitu. Sanggupkah seorang lelaki menghadiahkan kepada isterinya seorang lelaki lain sebagai suami kedua?

Syeikhul Arqam: Itu tidak mungkin, sebab syariat tidak membenarkan. Sebaliknya, syariatmembezakan seorang lelaki berkahwin lebih dari satu.

Soalan: Kenapa begitu? Bukankah dari segi perasaan, lelaki dan wanita sama sahaja. Kalau seorang lelaki tidak rela isterinya menduakannya, maka wanita juga tidak rela suaminya menduakannya. Apa syariat tidak menimbangkan soal ini?



Timbul krisis, problem dan pelbagai macam masalah dalam rumahtangga bukan berpunca dari poligami. Sebab berapa ramai yang tidak berpoligami pun 'frust', kecewa dan bunuh diri. Jadi mengapa harus hilang bahagia dengan suami orang.

Syeikhul Arqam: Ya, di segi perasaan, lelaki dan wanita adalah serupa tetapi tidak serupa kemampuan dan tanggungiawab. Oleh itu, tidak semua perkara yang dibolehkan kepada lelaki, boleh juga pada wanita. Contohnya, tentang poligami, perempuan tidak dibolehkan kerana seandainya dia mengandung, anak itu hendak dibiian suami yang mana? Kesan dari itu macam-macam risiko yang terpaksa ditanggung oleh anak itu, ibu ayab, datuk nenek dan saudara mara yang terlibat. Kepada siapa pula anak itu dipertanggungjawabkan?

Hal ini tidak berlaku kalau lelaki yang berpoligami. Anak-anak yang lahir dari isteri-isterinya semuanya adalah tanggungan suami. Kalau isterinya empat orang, anaknya pula 30 orang, maka semuanya mesti dibiayai oleh suami tersebut. Itu merupakan salah satu sebab kenapa polyandri tidak dibenarkan pada perempuan. Tetapi lelaki dibolehkan, dengan syarat dia bertanggungjawab melmdungi dan menanggungi semua yang terlibat. Itulah keadilan syariat.

Jika wanita terpaksa berdepan dengan kesusahan kerana poligami, lelaki pun begitu juga. Wanita susah perasaannya, lelaki susah tanggungannya

Soalan: Seandainya saya jadi suami, saya rasa tidak tergamak hendak menduakan isteri. Tetapi kenapa dia sampai hati untuk berbuat begitu?

Syeikhul Arqam: Saudari tidak boleh menyamakan jiwa lelaki dengan jiwa wanita. Jauh bezanya watak hati antara dua makbluk yang berlainan jenis itu. Syariat membenarkan poligami kerana lelaki mempunyai jiwa dan fizikal yang layak untuk itu, untuk tujuan-tujuan yang besar pula. Tetapi perempuan tidak dijadikan untuk tugas ini. Antara kepentingan poligami ialah:

1. Meramaikan zuriat
2. Membela yang janda, andartu dan lebihan wanita
3. Menyelesaikan masalah suami sewaktu isterinya mengandung, bersalin dan lain-lain keuzuran.

Soalan: Bukankah ikatan suami-isteri diasaskan atas faktor itu?

Syeikhul Arqam: Ya, tetapi bukan semata-mata itu. Saudari perlu imbangkan kehendak-kehendak nafsu ini dengan kemahuan-kemahuan akal fikiran, jiwa serta keperluan-keperluan kemanusiaan orang-orang selain saudari.

Soalan: Apa maksud Ustaz?

Syeikhul Arqam: Akal saudari tentu bersetuju dengan kepentingan-kepentingan atau faedah-faedab poligami. Hati saudari pasti bersimpati dengan kaum sejenis yang tidak ada suami. Betapa orang lain selain saudari mengharapkan agar saudari merelakan suami saudari berkahwin lagi. Bahkan saudari sendiri sepatumya merasa terhutang budi kepada suami saudari kerana mengahwini serta melindungi dan menyediakan rumah dan keperluan saudari. Atas pengorbanannya itu, adalah tidak wajar seandainya saudari tidak membenarkan permintaannya untuk berkahwin lagi.

Soalan: Saya tetap merasakan bahawa setiap wanita tidak bersetuju dengan poligami. Kami hilang bahagia kerana poligami.

Syeikhul Arqam: Manusia hilang bahagia bukan kerana poligami. Berapa ramai orang yang tidak terlibat dengan poligami pun frust selalu, yang ramai bunuh diri itu, bukan sebab poligami, tetapi tak lain tak bukan kerana iman lemah.

Siapa juga yang tidak kuat iman, akan hilang bahagia dengan segala bentuk ujian. Ujian tidak lulus periksa, tunang diambil orang, kematian orang yang dikasihi, suami berkahwin lagi dan lain-lain.

Soalan: Ustaz. menganggap saya tidak beriman?

Syeikhul Arqam: Bukan **begitu.** Bukti iman seseorang ialah **dia** redha dengan takdir yang Allah tentukan padanya. Dia tidak keluh kesah. Tidak menderita. Iman membuatkan seseorang boleh tenang dalam ujian. Tenang walaupun suaminya berkahwin lagi.

Soalan: Ustaz menyuruh saya melawan fitrah kewanitaan saya, sedangkan kehendak fitrah adalah suatu tuntutan yang murni, yang patut dibenarkan.

Syeikhul Arqam: Menderita kerana suami berkahwin lagi bukan rasa fitrah. Itu adalah nafsu, sebab poligami bukan mengambil seluruh keperluan-keperluan batiniah wanita (ertinya tidak menafikan keperluan fitrah). Ia hanya meminta wanita mengorbankan sebahagian kenikmatan itu untuk kaum sejenisnya yang juga memerlukan nikmat itu.

Soalan: Tapi perasaan ini sangat menguasai saya, menentukan tenang tidaknya hidup saya.

Syeikhul Arqam: Memang nafsu itu boleh membuatkan seseorang masuk neraka dunia dan ajhirat. Bukankah Allah telah memberitahu tentang ini:

إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ

Terjemahannya: Sesungguhnya nafsu itu sangat mengajak kepada kejahatan.

(Yusuf: 53)

Sabda Rasul pula:

أَعْدَى عَدُوِّكَ نَفْسُكَ الَّتِى بَيْنَ جَنْبَيْكَ

Terjemahannya: Sejahat-jahat musuh engkau ialah nafsu engkau yang terletak antara dua lambung engkau.

(Riwayat: Al Baihaqi)

Barang siapa yang mengikuti kata nafsu hingga lupakan Allah, maka lihatlah apa akibatnya. Allah berfirman:

وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنكًا

Terjemahannya: Barang siapa berpaling daripada mengingati Aku maka baginya ialah kehidupan yang sempit.
(Taha: 124)

Soalan: Bagaimana saya boleh melepaskan diri dari belenggu nafsu ini?

Syeikhul Arqam: Nafsu hanya boleh ditundukkan dengan api neraka. Maksudnya sewaktu nafsu memujuk kita agar berlaku ingkar kepada Allah, maka kita katakan padanya, "Wahai nafsu, kata-kata engkau ini bukan boleh menyelamatkan aku, tetapi akan membawa aku ke neraka. Janganlah engkau hendak memperdayakan aku."

Saudari percaya pada Neraka?

Soalan: Percaya, tapi tidak begitu memikirkannya.

Syeikhul Arqam: Kerana hati dan fikiran kita sentiasa memikirkan hal-hal keduniaan. Itulah dia nafsu. Dia telah menguasai sepenuhnya lahir batin saudari, sedangkan wanita beriman, hati dan fikirannya banyak memikirkan nasibnya di akhirat.

Soalan: Apa faedahnya kita memikirkan sangat tentang akhirat?

Syeikhul Arqam: Supaya kita dapat berkorban sebanyak mungkin di dunia ini, untuk mendapat sebanyak-banyaknya keuntungan di .akhirat. Contohnya, saudari dapat korbankan harta benda di jalan Allah agar ianya menjadi simpanan di akhirat, sedangkan Wang itu jika tidak dikorbankan ia akan habis di dunia sahaja.

Begitu juga saudari dapat berkorban untuk suami dengan membenarkan dia berkahwin, demi merebut janji Allah di akhirat. Walhal jika saudari control dia, dia pasti akan mati juga dan saudari tidak mendapat apa-apa di akhirat. Mengapa saudari mesti melepaskan peluang ini?

Soalan: Tetapi pengorbanan ini rasanya terlalu berat untuk saya.

Syeikhul Arqam: Kerana saudari tidak nampak (dengan hati) syurga di akhirat. Kalaulah saudari melihat syurga maka harga suami atau pun dunia ini keseluruhannya sudah menjadi kecil sekali. Dan saudari tidak merasa berat lagi untuk berkorban. Saudari pemah belajar di universiti

Soalan: Pernah.

Syeikhul Arqam: Mudahkah untuk memasuki universiti dan untuk lulus di universiti? Tidak bukan? Saudari terpaksa berkorban bertahun-tahun tanpa rehat, tanpa berhibur, kurang tidur, berjaga malam dan kurang makan. Masa penuh dengan berfikir, mengkaji, menghafal, merujuk, menulis, membaca, mengira dan bermacam-macam lagi. Semua kesusahan itu saudari menanggungnya dengan rela, demi mengharapkan kejayaan. Dari kejayaan itu saudari mengharapkan syurga dunia. Syurga sementara. Syurga yang pasti ditinggalkan.

Begitulah juga dengan orang lain, bersusah-susah dalam hidupnya demi mendapatkan kemewahan duniawi. Nelayan rela mengharungi laut untuk hidup. Sekarang cuba saudari paksa dir-i untuk menanggung beban kesusahan duniawi demi untuk mendapatkan syurga akhirat yang kekal abadi. Kalau betul saudari beriman dengannya.

Soalan: Suami saya sudah berkahwin, ustaz. Saya benarkan dan saya berkorban kerana Allah, sebagai bukti keyakinan

pada janji Allah dan mengharapkan syurga yang maha nikmat.

Syeikhul Arqam: Syabas saudari. Saudari telah terpilih untuk mencapai satu darjat yang wanita lain tidak terpilih melakukannya.

Soalan: Soalnya ustaz, sejak berkahwin, suami saya berlebih kurang saja dengan saya. Cinta dan cenderungnya pada isteri baru begitu ketara, hinggakan saya terasa begitu terhina dan tidak berguna sama sekali.

Syeikhul Arqam: Isteri solehah itu ialah isteri yang sanggup mengorbankan diri dan haknya untuk suaminya. Dia mampu tersenyum pada suami sekalipun pahit.

Soalan: Kalau ustaz rasa apa yang saya tanggung ini, saya kira ustaz pun tak lalu makan dan tak boleh tidur.

Syeikhul Arqam: Setiap kesusahan yang Allah timpakan pada kita penuh hikmah dan kebaikan. Allah tidak pemah melakukan , sesuatu bermaksud menganiaya dan sia-sia. Semua takdir adalah tepat dan bijak. Cuma kita saja tidak nampak rahsianya. Saudari mesti cuba meredhai ketentuan ini.

Soalan: Tidak cukup saya disusahkan dengan berkahwin lain, diminta pula saya meredhai ketidak-adilan ini?

Syeikhul Arqam: Niat saudari membenarkan dia kahwin katanya kerana Allah untuk mengorbankan dunia untuk beli syurga di akhirat?

Soalan: Betul.

Syeikhul Arqam: Syurga tidak boleh dibeli dengan harga yang murah, sebab syurga itu terlalu mahal. Untuk mendapatkan rumah

di dunia saja saudari sudah mengorbankan hidup saudari, maka apa lagilah untuk mendapatkan syurga di akhirat. Pengorbanan seorang wanita yang paling tinggi harganya, yang layak untuk dapat pangkat tertinggi di sisi Allah dan dapat syurga-Nya ialah mentaati suaminya walau dalam keadaan apa sekalipun.

Soalan: Masakan terkorban segala hak yang dibenarkan juga oleh Islam.

Syeikhul Arqam: Ya, pengorbanan hak itulah yang dikatakan berkorban. Sebab hak itu bukan wajib diterima. Dia boleh dikorbankan untuk suami. Tapi kalau semua hak kita, kita pertahankan, kita ambil dan gunakan di dunia ini, ertinya tidak berkorban apa-apa. Maknanya tiada simpanan kita di akhirat. Dengan apa hendak membeli syurga?

Saudari lihatlah pengorbanan wanita-wanita ahli syurga. Siti Khadijah berkorban harta untuk suami hingga diri menjadi papa kedana. Walhal asalnya dia adalah hartawan Quraisy yang terbilang. Para isteri Rasulullah membenar dan meredhakan baginda berkahwin sembilan orang. Hingga mereka sendiri sentiasa dalam keseorangan dan kerinduan pada suaminya. Siti Fatimah pula kurus kering jadinya kerana berurus mencari air dan rezeki dengan tulang empat keratnya. Kemiskinan yang ditanggungnya tiada seorang wanita lain pun mampu merasainya. Pun begitu ia masih boleh memberi senyuman paling manis pada suaminya yang balik dengan tangan kosong. Yakni sesudah ditinggal berbulan-bulan. Dia buat begitu kerana membuktikan keyakinan dan keinginan pada syurga.

Apakah pengorbanan yang sudah kita berikan untuk suami sebagai simpanan akhirat, agar cukup untuk ditukar dengan syurga?

Soalan: Hati saya hancur lebur, ustaz, kerana sikap suami saya itu.

Syeikhul Arqam: Saya yakin bahawa Allah bermaksud untuk membersihkan dosa-dosa saudari di dunia ini lagi. Agar saudari pergi ke akhirat dalam keadaan tidak berdosa. Maka itulah saudari dibebankan dengan ujian ini. Kalaulah saudari boleh berkata begini terhadap ujian ini, "Tuhan, saya redha dengan ujian-Mu ini kerana mengharapkan keampnnan-Mu pada dosa-dosa saya," nescaya akan selamatlah saudari.

Cuba kita hitung dosa-dosa sendiri yang telah kita lakukan sejak baligh hingga kini. Tentu banyak bukan? Kalaulah dosa ini tidak dibersihkan dengan hukuman di dunia, pasti akan diseksa dengan neraka. Jadi yang mana saudari mahu diselesaikan di dunia atau di akhirat?

Soalan: Bukankah Allah itu Maha Pengampun, lemah lembut, penyayang dan sopan santun?

Syeikhul Arqam: Ya, tapi kesalahan mesti dihukum. Orang yang sudah banyak membuat kesalahan, kalau dilepaskan begitu saja, nescaya dia tidak serik. Dia tidak takut untuk buat lagi. Sedangkan orang yang sudah berkali keluar masuk penjara pun masih sanggup mengulangi kejahatannya, inikan pula orang yang setiap kali bersalah dimaafkan sahaja, tentu tiada sebab kenapa tabiat jahat itu hendak dihentikannya.

Oleh sebab itu, Allah buat hukuman di dunia dan di akhirat. Beruntunglah siapa yang dosanya dihukum di dunia. Itupun kita sudah tidak tahan. Sudah rasa terseksa dan menderita sekali. Apalagi penjara akhirat sangatlah dahsyat.

Soalan: Apa halnya dengan suami saya? Dia tidak dikira berdosa kerana sikapnya itu?

Syeikhul Arqam: Seorang lelaki soleh, adalah lelaki yang takut dosa. Dia tidak akan semberono dalam tindakannya. Dia tidak akan diperkndakan oleh nafsu syaitannya. Saya kira suami saudari belum bersalab, walaupun dia melebihkan salah satu isterinya dari yang lain.

Soalan: Tapi dia tidak adil. Giliran, natkah lahir dan batin, semuanya dibezakan.

Ustaz Ashaari:Mari kita lihat ke dalam rumahtangga Rasulullah. Bandingkan dua orang isterinya yakni Siti Aisyah dan Saudah. Oleh kerana Rasulullah tidak mampu memberi hak kepada Saudah, maka Rasulullah bercadang untuk berpisah dengan Saudah. Tapi apa kata Saudah? "Jangan ceraikan aku ya Rasulullah. Aku masih berbangga kerana dapat menjadi isterimu di akhirat. Berikanlah giliranku pada Siti Aisyah." Maka sejak itu Siti Aisyah sentiasa dilebihkan. Bukan itu sahaja, bahkan Rasulullah kalau pergi bermusafir maka yang selalu dibawanya ialah **Siti Aisyah**

Soalan: Kenapa Rasulullah lebihkan Siti Aisyah, tidak isteri yang lain?

Syeikhul Arqam: Kerana Siti Aisyahlah yang lebih taqwanya. Buktinya lihat sabda Rasulullah yang bermaksud:

> ***tidak pernah wahyu turun ketika aku berada bersama isteri-isteriku, kecuali dengan aisyah***

Itu menunjukkan Siti Aisyab memang mendapat perhatian dari Allah. Sebab itu jugalab maka ujian pada Siti Aisyah dilebihkan. Dia pemah difitnah berzina. Nyaris diceraikan oleh Rasulullah. Tapi Allah membelanya. Ada dirakamkan dalam Al-Quran kisah pembelaan ini. Itulah Siti Aisyah, satu-satunya tokoh agung wanita solehah, hingga mampu menjadi mahaguru pada para sahabat besar.

Soalan: Ustaz hendak samakan suami saya dengan Rasulullah dan saya pula hendak dibandingkan dengan isteri baginda?

Syeikhul Arqam: Rasulullah dan isteri-isterinya adalah contoh teladan bagi mukminin dan mukminat. Memang sukar untuk

menjadi seperti mereka tetapi cita-cita hidup mesti diletakkan setinggi itu. Agar tindak-tanduk kita menuju .ke arah itu. Katalah saudari tidak mampu jadi seperti Saudah, rela mengorbankan haknya untuk Siti Aisyah, dan memang suami saudari pun bukan berniat hendak menceraikan saudari. Maka kalau dia terlebih terkurang, saudari tentu boleh memaafkan dia.

Soalan: Tetapi kenapa dia terlebih dan terkurang begitu sekali?

Syeikhul Arqam: Kerana kasih sayang dan kecenderungan suami pada isteri-isterinya adalah di luar kuasa suami. Rasulullah sendiri keluhkan hal ini:

اَللّٰهُمَّ هٰذَا قِسْمِيْ فِيْمَا أَمْلِكُ فَلاَ تَلُمْنِيْ فِيْمَا تَمْلِكُ وَلاَ أَمْلِكُ

Terjemahannya: Wahai Tuhan, inilah bahagian (kasih sayang) yang mampu kuberikan, maka janganlah Engkau menyalahkan ku kerana Engkau miliki (menyayangi semua makluk) sedangkan aku tidak milikinya.

Soalan: Kenapa Allah buat begitu? Apa Allah tidak tahu betapa sedihnya isteri yang tidak disayangi suaminya dan yang dikurang-kurangkan haknya?

Syeikhul Arqam: Sekali lagi saya minta renungkan kebijaksanaan dan keadilan Allah. Bahawa setiap yang ditakdirkan itu adalah cukup adil dan sangat tepat. Jangan saudari anggap Allah tidak adil kerana tidak menyamakan pemberian-Nya pada hamba-hamba-Nya. Kalau saudari sudah jahat sangka dengan Allah dan ini adalah merupakan dosa besar. Terimalah takdir sebagi ujian dengan harapan terhapusnya dosa.

Mungkin kerana banyaknya dosa-dosa kita maka ujian pun berat. Atau kalau bukan kerana dosa maka ujian adalah untuk melayakkan saudari untuk naik pangkat di sisi Allah yang upahnya ialah syurga. Iaitu kalau saudari dapat sabar. Pahala sabar tanpa hisab diperolehi. Tapi, kalau saudari tidak boleh sabar, maka ujian ini bererti kegagalan dan kutukan pada saudari.

Orang yang Allah sayang, ujian dari Allah akan lebih memuliakannya. Orang yang Allah benci, ujian ini akan menjatuhkan dan menghinakannya.

Soalan: Kenapa Allah benci pada seseorang hamba-Nya?

Syeikhul Arqam: Kerana dosa-dosa yang telah dibuatnya adalah dosa besar. dosa yang menghijab antara dia dengan Allah. Bagi seorang wanita, dosa-dosa itu ialah:

1. Derhaka pada suami
2. Derhaka pada ibu bapa
3. Derhaka pada guru
4. Menzalimi orang lain.

Soalan: Saya macam tidak percaya ada orang boleh senyum dalam kepahitan.

Syeikhul Arqam: Sebab saudari tidak merasainya. Sebab iman belum masuk ke hati. Kalaulah iman telah ada, seseorang bukan saja sanggup berkorban jiwa raga, hatta nyawa pun rela dikorbankan (apa sajalah hendak dibandingkan dengan korbankan giliran dengan suami). Sebab dia yakin itulah kecintaan Allah dan itulah caranya untuk mendapatkan syurga. Saudari lihat Rabiatul Adawiyah, dia berdukacita sekali kalau Allah tidak susahkan dia (dengan ujian). Sebab ujian bererti kasih sayang Allah.

Orang yang dikurangkan di dunia akan dilebihkan di akhirat. Orang yang disusahkan di dunia akan dimudahkan di akhirat. Saudari akan lihat keadilan ini dijalankan sepenuhnya di mahkamah akhirat nanti.

Soalan: Bagaimana dengan suami saya. Apa dia tidak bersalah langsung?

Syeikhul Arqam: Salah tidaknya bergantung kepada saudari. Kalau saudari tidak redha, maka saudari berdosa manakala saudari pula tidak mendapat apa-apa. Bukankah lebih baik saudari memaafkan dia, redha kesilapannya dan korbankan hak saudari untuknya, maka saudari akan mendapat pahala dan kemuliaan di sisi Allah, dan saudari pun tidak berdosa. Saudari mesti sedar yang kita sebagai hamba Allah, sentiasa berdosa dengan Allah. Patutnya tidak sempat kita hendak ftirkan dosa orang lain kerana itu tentulah kita mengharapkan sangat Allah mengampunkan kita. Kalau tidak, neraka padahnya. Untuk itu, saudari maafkanlah suami saudari itu. Dengan yang demikian, moga-moga Allah memaafkan diri saudari.

Soalan: Apa alasan saya untuk memaafkan dia sedangkan saya sangat sedih dan kecewa dengan sikap dia?

Syeikhul Arqam: Kalau benar saudari menyayangi dia inilah masanya untuk membuktikan kasih sayang itu. Yakni melepaskannya dari dosa. Itu baru betul sayang. Atau paling tidak saudari buatlah sembahyang hajat mendoakan agar suami saudari menjadi sebaik yang saudari harapkan.

Pengarang: Terima kasih atas segala nasihat yang ustaz berikan. Saya akan cuba melaksanakannya. Moga-moga Allah mengizinkan dan memberi tumpuan kepada saya dalam hal ini serta diberikan syurga yang diianjikan-Nya.

DAILOG BERSAMA PENSYARAH-PENSYARAH UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, MAC 1988.

KAEDAH DARUL ARQAM TIDAK PRAKTIKAL?

- **Tanpa kuasa politik, cita-cita Jemaah terhalang?**
- **Mengapa Darul Arqam tidak berdaftar?**
- **Sistem maasy dalam Jemaah Darul Arqam**
- **Penyatuan harakah Islamiah, pandangan Darul Arqam**



Majlis dialog Ustaz Ashaari Muhammad bersama pensyarah-pensyarah Universiti Sains Malaysia: "...masyarakat luar dapat merasai usaha-usaha yang dilakukan oleh Jemaah Darul Arqam"

soalan; Bolehkah Ustaz terangkan mengapa sistem maasy dijalankan di dalam Jemaah Darul Arqam?

Syeikhul Arqam: Memang kami dalam jemaah Darul Arqam menggunakan sistem maasy dalam pembahagian gaji. Sistem kami adalah mengikut keperluan, tidak mengikut jawatan atau kelulusan. Kalau sesebuah keluarga itu mempunyai banyak keperluan, banyaklah diberi, kecuali kalau kita tidak mampu. Kalau tidak mampu, kita bet-i seberapa yang termampu mengikut keperluan. Jadi kita beri maasy berdasarkan keperluan seseorang itu dan keluarganya, bukan berdasarkan kelulusan atau jawatan. Kenapa?

Kita manusia ini walau berbangsa apapun, dari segi keperluan sama ada makan minum, pakaian, kalau kuraug, kurang sikit-sikit, kalau lebih, lebih sikit-sikit. Jadi untuk melahirkan kasih sayang supaya anggota masyarakat itu ada jaminan hidup, di sinilah perlu setiap anggota masyarakat itu beriman pada Allah, ada rasa persaudaraan dan akan timbul kasih sayang. Jadi bila ada iman, timbul kasih sayang. Bagi orang-orang yang pandai dan orang yang barangkali mampu dapat lebih, maka dia merasa senaug hati kelebihan yang ada itu dialirkan kepada orang lain yang bemasib malang iaitu mereka yang kekurangan. Sebab dia merasa itulah khidmatnya pada masyarakat dan di samping itu sebagai ibadah dan khidmatnya pada Allah SWT, kerana mencari keredhaan Allah di dunia dan di akhirat. Itu yang dikatakan orang-orang

kaya Islam jadi bank masyarakat. Di samping itu orang yang susah pula, kena dia bersabar dengan kesusahannya itu.

Inilah ciri-ciri kebahagiaan di tengah-tengah masyarakat. Tetapi kalau orang itu lebih gagah dan sebagainya, dia mengaut untung sebanyak mana. Sedangkan sesetengah orang lain semakin terhimpit dengan kesusahan; Allah jadikan ujian padanya, tidak mempunyai apa-apa kelengkapan, ilmu kurang, fikiran kurang, darjat kurang dan sebagainya. Barangkali untuk dia dan keluarganya tidak cukup, maka dia akan terbiar. Kalau terbiar maka kalau iman tiada, ia akan sakit hati pada orang yang berada. Orang berada pula kalau menjadi orang yang sombong, angkuh kepada orang yang tidak berada, maka datang sakit hati dan iri hati. Kalau keadaaan begini berlaku pada seorang, tak mengapa juga. Dua tiga pun tak apa. Tetapi kalau sudah ramai, akan timbulah masalah dalam masyarakat. Akhirnya timbul perangai malas dan tercetus huru-hara. Hilang bahagia bila tercetus huru-hara. Yang kaya tiada ertinya lagi. Yang senang pun tidak akan senang.

Oleh itu maasy diberi atas dasar keperluan, tidak diberi atas dasar jawatan atau pangkat atau kelulusannya, untuk menjaga keharmonian, kebahagiaan masyarakat, dan juga menjaga hati. Bagi yang mampu, dia tidak akan berasa hati dengan keadan sebegini. Sebab itulah simpanan bank untuknya di akhirat. Itulah sahamnya di akhirat yang kekal abadi yang ia akan terima dari Allah di syurga yang kekal abadi. Jadi kami jemaah Darul Arqam, walaupun belum sempuma, tetapi sekarang sedang mencuba.

Soalan: Apakah Darul Arqam akan mengembangkan sistem ini ke tengah masyarakat. Kalau **sudah, golongan manakah mudah menerimanya?**

Syeikhul Arqam: Kita berjuang untuk menegakkan cita-cita kita. Jadi orang yang berjuang mestilah tahu apa yang hendak diperjuangkannya. Sudah tentu bukan hanya sudut dakwah,

pendidikan, ekonomi, pertanian, kemasyarakatan dan sebagainya; termasuk sudut-sudut yang kita telah katakan sistem maasy itupun kita hendak kembangkan ke tengah masyarakat dengan lebih luas lagi. Walau bagaimanapun, kaum wanita yang lebih cepat menerima perjuangan kita. Sebab mereka lebih suka dengan suasana yang wujud dalam jemaah. Kalau kita katakan Islam itu ada sistem ekonomi, kita cuba wujudkan suasana itu dalam jemaah. Kalau kita katakan Islam ada sistem .pendidikan; kita mesti wujudkan dalam jemaah kita. Begitulah dalam sudut-sudut lain, supaya nanti bila kita bercakap diberbagai aspek, orang lihat perbuatan kita, orang akan lihat jemaah kita.

Kadang-kadang orang lebih senang lihat perbuatan kita dari percakapan kita. Kalau kita banyak cakap tapi tidak melakukan perbuatan, lama-kelamaan akan rugi. Peringkat awal orang kata baru peringkat kesedaran, baru saranan-saranan. Tetapi jika di dalam lo-20 tahun masih tidak juga wujud perbuatan, orang akan tolak kita. Sebab itu kita cuba wujudkan kehidupan Islam dalam masyarakat kita, jemaah kita sendiri. Sebab itu ada kalanya huru-hara, fitnah ujian yang timbul di tengah masyarakat, kita tidak mahu menjawab. Kita banyak menjawab dengan sikap dan perbuatan, yakni yang dikatakan *lisanul hal.* Sebabnya, soal fitnah adalah merupakan krisis. Kalau dijawab hanya akan menimbulkan krisis yang kedua, dan banyaknya krisis itu menyusahkan semua peringkat, semua orang. Jadi kita tak hendak jawab dengan lisanul akal kecuali kalau terpaksa sangat.

Jadi memanglah cita-cita kita nak mengembang, tapi cara kita mengembang supaya masyarakat umum boleh terima, kita akan lahirkan masyarakat contoh dalam jemaah kita terlebih dahulu.

Soalan: Setakat ini apa yang dilakukan oleh Darul Arqam boleh dikatakan berasaskan kepada Islam. Bagaimanakah masyarakat di luar Darul Arqam dapat merasakan bahawa mereka juga mempunyai tempat di dalam usaha-usaha yang diwujudkan oleh Darul Arqam?

Syeikhul Arqam: Kita yakin bahawa agama Islam itu adalah agama fitrah sebab Allah telah berfirman dalam Al-Quran. Agama fitrah bererti agama yang diterima oleh setiap hati kecil manusia, walaupun kafir. Cuma kadang-kadang golongan yang tidak mahu menerima agama fitrah yang wujud dalam *lisanul hal* (dalam perlaksanaan) hingga terasa indahnya tidak wujud. Dan orang yang belum menerima agama fitrah ini, hanya melihat Islam itu setakat teori sahaja, seperti di kalangan ahli ilmu ilmiah. Lebih-lebih lagi dalam kita menyarankan Islam itu, menakut-nakutkan orang dan dengan akhlak yang kasar. Maka orang tidak nampak perlaksanaan Islam yang indah, begitu cantik yang begitu sesuai dengan fitrah semulajadi manusia.

Oleh itu kita di Darul Arqam yakin agama Islam itu adalah agama yang indah, agama fitrah yang hati manusia menerimanya cuma sekarang belum rata orang menerimanya. Mengapa?

Kerana .wujudnya *lisanul hal* atau wujudnya perbuatan Islam dalam masyarakat kita belum begitu banyak. baru bermula secara kecil-kecilan sahaja, maka belum boleh meyakinkan orang lain. Kebanyakan hari ini, kita hanya banyak bercakap dan kadang-kadangnya berkasar, sehingga menyinggung hati ramai orang. Perbuatan belum wujud lagi. Ukhwah dalam jemaah belurn wujud lagi. Sistem pendidikan Islam dalam jemaah belum wujud lagi. Jadi orang-orang memandang kata-kata kita yang kasar itu mereka akan takut, takut pada perlaksanaan Islam dalam kehidupan.

Tetapi kalau semua jemaah Islam boleh mewujudkan Islam agama fitrah itu sebaik mungkin, bukan hanya indah dan cantik dalam teori, saya rasa orang lain mudah menerimanya, terutamanya mereka yang memang inginkan keindahan agama Islam ini. Dan orang yang bukan Islam akan tertarik dan jatuh hati pada Islam, sehingga satu masa nanti dia akan masuk Islam. Inilah berlaku di zaman *sayyidilmursalin* Manusia lebih cenderung masuk Islam ketika itu kerana melihat sikap dan perbuatan uniat Islam yang indah ketika itu.

Lebih-lebih lagi soal akhlak, terutama orang yang memperjuangkan kebenaran itu hendaknya menjaga akhlak. Jangan kita sampai kita korbankan akhlak. Akhlak itu ibarat bunga diri setiap orang. Jadi kalau tiada akhlak, tidak ada bunga. Kalau tiada akhlak dalam diri seseorang itu, bermakna tiada keindahan pada dirinya. Jadi kalau tidak ada bunga dan keindahan pada diri seseorang itu, walaupun dia bercakap baik, cakap kebenaran, petah bercakap, orang akan tolak. Masalah hari ini orang bukan Islam lambat menerima Islam, adalah kerana jemaah Islam itu sendiri banyak bercakap tetapi tidak berbuat. Cuba kita banyak bertindak, banyak berbuat, kurang bercakap. Bercakap itu hanya mentamsilkan apa yang kita buat. Insya-Allah orang yang bukan Islam mudah tertarik.

Ini sudah wujud dalam sejarah, bukan cuma angan-angan atau teori semata-mata, tetapi telah berlaku di zaman Rasulullah SAW. Dalam sejarah, apabila tentera Islam akan masuk ke dalam satu-satu negeri, rakyat menunggu-nunggu tentera Islam, kerana mendengar akhlak tentera Islam yang begitu cantik dan indah. Selama ini mereka duduk di bawah naungan bangsa mereka sendiri. Saling ditindas, dizalimi, hingga isteri hilang suami, anak kehilangan ayah. Tetapi bila mereka dengar tentera Islam itu indah, cantik akhlaknya, mereka menunggu-nunggu. Sebab itulah umat Islam mudah membuka daerah.

Hari ini perkara itu tidak wujud dalam jemaah Islam, walaupun sudah berjuang hingga 20 tahun, dan kadang-kadangnya ahlinya 2-3 ratus ribu ramainya. Yang ada hanya pandai bercakap, saranan-saranan dan teori-teori. Kemudian kasar pula akhlaknya. Bila kasar, itu sebenarnya menafikan akhlak Rasullullah SAW yang mana Rasulullah dipuji oleh Allah, kerana akhlaknya menjadi sebab orang menerimanya. Firman-Nya:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

Terjemahannya: Sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang maha agung,

(Al Qalam: 4)

Jadi orang tidak menerima Islam adalah sebenarnya salah kita. Oleh itu, kalau ada orang luar tidak terima Darul Arqam mungkin salah anggota Darul Arqam. Islam itu indah tapi kita yang menyarankan, menyajikan Islam itu dah tak indah. Sebab Islam itu indah, orang yang menyajikan Islam itu mesti indah. Ada keindahan dalam dirinya. Kalau dalam dirinya tak ada keindahan, jadi benda yang indah itu tidak akan diterima.

Samalah seperti barang yang lazat, contohnya hati atau limpa. Semua orang suka kecuali satu dua orang sahaja, mungkin sebab darah tinggi. Tetapi orang akan tolak juga kalau kita bakar dalam abu hitam dan kemudian lempar begitu saja. Mana orang nak makan. Kalau digoreng baik-baik, diletakkan dalam piring dan disaji dengan saprah yang cantik, Insya Allahh orang akan **malcan.** Ini tidak, Islam yang baik kita sajikan ke tengah masyarakat secara tidak baik macam melempar daging itu, Lempar begitu saja, Mana orang nak makan.

Jadi salah jemaah Islam itu sendiri. Itulah hakikat sebenamya. Tidak usah bimbang dengan orang luar. Orang bukan Islam tidak usah bimbang. Bimbangkan diri kita. Islam yang tak wujud dalam perbuatan kita itu menjadikan orang liar dan tidak mahu ikut kita. Itu sebenamya .

Soalan: Dalam mukaddimah tadi, ustaz menyatakan Arqam wujud sebagai masyarakat yang agak berkembang dan kemungkinan ini boleh dikembangkan di Malaysia. Ini satu cara, kaedah untuk mengubati umat Islam. Malangnya kebelakangan ini terdapat pertentangan antara Pusat Islam dengan jemaah Arqam, pegangan .Darul Arqam. Bagaimanakah keadaan Darul Arqam boleh diterima oleh keseluruhan masyarakat Malaysia. Apakah pandangan ustaz dalam masalah ini?

Syeikhul Arqam: Saya rasa apa saja perjuangan atau jemaah Islam yang datang ke tengah masyarakat ada membawa cita-cita. Juga tidak lepas dari orang yang suka dan orang yang tidak ada.

Apa saja, sama ada kebenaran yang kita nak bawa, mahupun kepalsuan atau pelbagai ism atau ideologi yang nak kita perjuangkan di tengah masyarakat.

Kita tidak dapat mengelakkan benda-benda **fimah.** Ada orang tidak suka. sikit-sikit dibawa ke tengah masyarakat. Tapi yang penting pada kita, kita yang ada cita-cita ini, mesti terus berjuang, meneruskan cita-cita kita, membangtmkan cita-cita, biar lahir dari perbuatan. Jangka panjang lama-kelamaan orang akan terima jua. Tak semua, tetapi sebahagian besar manusia yang menerima. Jadi tujuan kita adalah mesti jangka panjang sebab rasulullah sendiri yang agung, yang maha hebat, akhlaknya tinggi, diberi mukjizat, nampak terserlah kebenaran Rasullullah 23 tahun.

Pada saya, kita ni, Rasul tidak, wali tidak, orang soleh pun tidak, cuma ada cita-cita nak jadi orang soleh. Belum jadi orang soleh. Saya rasa kali empatlah. Paling-paling tidak kita berjuang 100 tahun lamanya. Sambung-menyambung. Mungkin barangkali baru orang terima. Sesuai dengan kelemahan kita. Kita bukan rasul, bukan nabi sebab Rasullullah yang penuh mukjizat, penuh kebenaran yang dibawa oleh Rasullullah itupun 23 tahun. Kemudian disambung oleh para sahabat. Sambung-menyambung. baru kuat.

Kemudian akan disambung nanti orang di belakang kita. Moga-moga nanti 100 tahun orang terima. Kita masih harap moga-moga. Kita jangan harap tanam benih, kita merasa buah. Tidak. Sekurang-kurangnya anak cucu kita, cicit piut, oneng-oneng kita, habuk-habuk, debu-debu, boleh makan pun bolehlah. Pokoknya kita harap keredhaan Allah, pahala dari Allah. Jadi kita berjuang bukan memikir kejayaan di dunia. Yang penting kita berjuang dalam kebenaran. Bukan berjaya. Kalau tak berjaya pun, akan dinilai. Kita berjuang untuk kebenaran walaupun tidak berjaya.

Itu tak berjaya di dunia. Di akhirat kita berjaya sebab Allah akan beri pahala. Sebab itu kita tidak memikir sejauh mana kesan, sejauh mana orang terima atau tidak. Yang penting bagi kita, kita yakin ini satu kebenaran dan cuba perjuangkan ke tengah

masyarakat. Kemudian kita siapkan generasi di belakang kita sebab kita perlu tempat nak sampai ke hujung perjuangan. Mesti ada orang yang sambung perjuangan. Kalau rasulullah 23 tahun, mungkin Darul Arqam ini 100 tahun. Insya-Allah. Itu kenyakinan kita. Kalau tak ada keyakinan itu kita tidak boleh berjuang. Orang berjuang mesti ada cita-cita besar.

Soalan: Apa yang hendak dilakukan oleh Jemaah Darul Arqam ini baik. Tapi kalau kita tidak ada kuasa politik, cita-cita murni ustaz tidak akan dapat tercapai dengan tersusun. Apa pandangan Ustaz?

Syeikhul Arqam: Bagi orang yang tidak memahami politik Islam, yang wujud di negara ini seperti politik pilihanraya lima tahun sekali, politik berpartai, masuk calon undi, mereka menganggap Darul Arqam ini tak berpolitik.

Sesiapa yang tajam otaknya merenung selalu apa yang Darul Arqam buat, padankan dengan Al Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w, sebenarnya Darul Arqam sedang berpolitik. Sesetengah orang yang saya temui sama ada di dalam negeri atau luar negeri; termasuk orang bukan Islam, dia masuk Islam kerana Darul Arqam sedang berpolitik. Dia pun berhujahlah. Dia nampak politik Islam tersendiri; unik; ia terasing dari politik yang wujud di dunia ini yang berdasarkan teori. Cita-cita kita Islam, Islam nak dikembangkan di tengah masyarakat. Sejauh mungkin kita termampu; adalah atas dasar Islam. Kita minta maaf kepada Allah SWT atas kejahilan kita.

Atas dasar ini kita tak mahu menempuh sistem politik yang ada, Rasulullah ada ingatkan kita:

مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ.

Terjemahannya: Barang siapa menyerupai sesuatu kaum maka ia tergolong dalam kaum itu.

(Riwayat: Ahmad dan Abu Daud)

Politik yang ada sekarang bukan datang dari Islam tapi datang dari luar, datang dari barat. Jadi kita tidak tempuh jalan ini, kita tempuh jalan sendiri.

Kita nak kaji dari segi ihnu bahasa, politik itu tengok dalam kamus bahasa Arab, politik atau siasah ertinya mentadbir, mengendali, mengurus. Seseorang itu ada beberapa ekor kambmg dan tadbir kambingnya maka ia berpolitik. Seseorang yang ada beberapa ekor ayam dan ia menguruskan ayamnya maka ia berpolitik. Seseorang ada beberapa orang anak murid dan cuba menguruskan anak muridnya maka ia sedang berpolitik. Begitulah juga sampai kepada masalah negara. Cuma kecil, besar, banyak dan sikit itu saja.

Jadi kalau begitu, mengikut Islam kami di Darul Arqam sedang berpolitik, membangunkan ekonomi, kampung, mengendalikan pendidikan, klinik, pertanian sebagai contoh ayam, itik, lembu dan kambing.

Suatu masa nanti saya sudah kata tadi, kita berjuang sampai mungkin 100 tahun. Bila saranan kita diterima orang, orang sudah faham; orang sudah yakin; maka akan timbul perubahan fikiran, mental dan perubahan jiwa. Jadi pada kita, hinggalah sampai peringkat pemimpin negara, bukan semestinya kita memimpin. Siapa-siapa boleh mentadbir, siapa-siapa boleh memerintah, yang penting pada kita nak merubah mental dan jiwa.

Tok Penghulu duduk di kerusinya, wakil rakyat duduk di kerusinya, pelajar duduk di kerusinya, kerani duduk di kerusinya, pensyarah duduk di kerusinya dan cikgu duduk di kerusinya. Kita datang nak ubah mental, ubah jiwa, berdasarkan Al Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Kalau mental sudah berubah, Tok Penghulu akan mengubah pentadbiran, C.C. akan mengubah pentadbiran, wakil rakyat akan mengubah pentadbiran, pensyarah akan mengubah pentadbiran, pelajar mengubah pentadbiran dan semua orang akan mengubah pentadbiran sesuai dengan perubahan mental dan fikiran. Akhimya wujud pentadbiran peringkat negara. Itu negara Islamlah. Cuma bukan kita yang memerintah.

Ini sistem yang hendak kita bawa. Tapi sesetengah orang dia nak membangun negara Islam semesti dia yang tadbir, bukan orang lain. Itu silap. Jadi uslub dan kaedah mereka tidak sama. Memandangkan kaedah tak sama, orang menganggap Darul Arqam tidak berpolitik. Sebenamya kita berpolitik. Tunggu 100 tahun akan datang.

Kita yakin bahawa 100 tahun akan datang akan wujud negara Islam dengan kaedah itu. Tapi malang kita tidak dapat tengok, sebab semuanya kita akan mati. Jadi kita fikir ianya takkan wujud. Mana tahu kalau ianya terjadi. Ini keyakinan kita. Kita berjuang mesti atas dasar keyakinan. Esok 1OO'tahun; kita dah mati, apa kita nak kata. Kalau 100 tahun lagi saudara-saudari masih hidup, saya pun masih hidup, bolehlah tuan-tuan kata, "Ustaz, 100 tahun tak jadi." Saya angkat tangan.

Soalan: Tidakkah 100 tahun masa yang dijangka itu terlalu lama?

Syeikhul Arqam: Kita tahu perjuangan Darul Arqam merupakan perjuangan jangka panjang. Peringkat umat ini membentuk infra-struktur terutama infrastruktur membetulkan hati dan jiwa individu-individu. Membentuk keimanan yang betul selain daripada infrastruktur-infrastruktur kebendaan. Mungkin mengambil masa yang panjang. Katakan kita lihat kejayaan di Iran berlaku kerajaan Islam itu mengambil masa lebih dari 100 tahun. Ia membentuk dari kanak-kanak yang masih bayi dari peringkat tadika dan sehingga mengambil masa bergenerasi. Jadi Insya-Allah kita sama-sama melihat perkembangan ini.

Soalan: Kenapa pergerakan Darul Arqam tidak didaftarkan. Apa kata Dato' Megat Junid dalam ha1 ini?

Syeikhul Arqam: Sebenarnya saya sudah dua kali pergi ke rumah beliau membincangkan ha1 itu. Senangnya dia tanya, "Ustaz ada jawatankuasa tak?". "Tak ada" "Ada mesyuarat agung,

tak?" 'Tak ada." "Oh, tak perlulah daftar." Dia sendiri kata. Tapi orang luar yang heboh-heboh dengan suratkhabar. Tak faham atau dia faham tapi buat-buat heboh. Kenapa, biar orang anggap dia sibuk berjuang nak mengatur masyarakat. Lebih-lebih lagi sebelum Datuk Megat Junid jadi Timbalan Menteri Dalam Negeri, sejak Datuk Sanusi Junid lagi beliau sudah memberi jawapan. Katanya Arqam ni bergerak mengikut akta masjid dan surau. Ertinya, undang-undang negeri membenarkan buka kelas-kelas di surau, masjid dan sebagainya, tidak perlu didaftarkan.

Peluang inilah yang Arqam ambil. Sebab itu Arqam jemaah pengajian, kita buat pengajian seperti surau dan masjid; cuma bezanya pengajian di masjid tidak lahir aktiviti, begitu juga di surau. Kita lahirkau aktiviti. Sebab bila mengaji itu ilmu, ihnu itu memerlukan amalan, jadi kita cuba mengamalkannya. Sebab kadang-kadang dalam pengajian Islam seperti dalam bab jual beli, bab syarikat kejasama dan lain-lain, takkan belajar teori sahaja, ilmiah sahaja tanpa amaliah. Jadi orang tidak nampaklah hebamya Islam.

Kami melahirkan aktiviti itu hasil dari mengaji. Jadi jika jemaah pengajian maka ia tidak perlu didaftarkan. Kalau ada menteri-menteri lain yang tidak faham, kesianlah kalau ada menteri yang tidak faham dasar kerajaan sendiri. Saya rasa dia faham tapi sengaja buat tak faham atau buat sibuk biar orang anggap dia sebagai pejuang besar. Minta maaflah agak terkasar sedikit, inilah kelemahan saya.

Jadi tidak perlu didaftar kecuali esok pihak KDN minta daftar, baru kita akan daftar, buat apa susah-susabkan diri. Kalau KDN minta kita daftar esok, teruklah orang lain, siapa yang akan buka kelas di surau atau masjid, walau dua tiga orang kena daftar. Kami daftar tak apalah, sebab kami ramai dan memang ada aktiviti. Jadi kalau akta atau peraturan dibuat, bukan Darul Arqam saja yang kena, semua masjid atau surau akan kena. Semua bentuk pengajian akan kena. Tak beratkah?

Oleh itu bagi orang yang menimbulkan isu, ini patut berfikir-fikirlah. Pasal dia menyusahkan orang lain. Arqam tidak susah

sebab kita dah ada aktiviti, dah luas, kampung dah ada 40, kilang kita tak kurang dari 30. Klinik kita tidak kurang 10.

Jadi kalau mengaji di surau, lo-15 orang, 3 atau 4 orang kena daftar berapa teruk; sebab bila berlaku akta, semua orang kena. Oleh itu kita sebagai pemimpin patut berfikir-fikirlah. Jangan kita bercakap menyusahkan orang lain, biarlah pada orang-orang tertentu sahaja. Fikir orang tertentu, orang lain turut sama susah. Itulah kalau kita bercakap mengikut hawa nafsu menyusahkan orang lain.

Soalan: Apakah pendapat Darul Arqam kepada jemaah Islam yang ada di Malaysia ini, contohnya Tabligh dan PAS.

Syeikhul Arqam: Pada saya, setiap jemaah Islam yang wujud di Malaysia ini, selemah-lemah jemaah ada aspek tertentu mereka adakan. Mereka dapat buat kebaikan walau macam mana lemah sekali pun, sebab mereka ada cita-cita Islam. Sekurang-kurangnya kalau tidak beramal, ilmunya penting juga. Mungkin tukang cakap tidak beramal, tukang dengar amalkan, dan berfaedah juga. Mungkin barangkali setengah orang berjuang, kalau tidak syumul pun, dari segi ibadah boleh kita ikut, dari segi persaudaraan mungkin wujud. Oleh itu banyaknya jemaah Islam di sesebuah negara tidak menjadi masaalah. Pokoknya yang penting bagi kita matlamamya sama, uslub, strategi, cara berjuang boleh berlainan. Setiap jemaah matlamatnya sama cuma cara mem-perjuangkan matlamat itu berlainan sedikit. Bagi orang berjuang, lemahpun ada kebaikan yang orang akan terima.

Atas dasar ini Darul Arqam membenarkan wujudnya banyak jemaah. Memang kalau kita kaji, Islam pun memang membenarkan. Zaman Rasulullah s.a.w. timbul kaum Ansar, Muhajirin, Khazraj, Aus dan berbagai-bagai bani lagi. Rasulullah sendiri mengiktirafkan ketua-ketua kaum atau bani tersebut. Yang penting setiap jemaah menghala kepada satu matlamat iaitu memperjuangkan, membangunkan kalimah Allah dan hukum Allah dalam kehidupan. Cara sampai kepada matlamat tersebut terpulang.

Soalan: Ada juga usaha-usaha untuk menyatukan Jemaah Islamiah. Apakah reaksi Ustaz atas usaha ini.

Syeikhul Arqam: Pada saya kerjasama di kalangan jemaah-jemaah yang wujud dalam masalah-masalah yang boleh diterima bersama. Ini kita setuju. Tapi nak digubal semua jemaah untuk mewujudkan satu jemaah, ini kita tidak setuju sebab Islam tidak membenarkan begitu. Sebab kita nak perjuangkan Islam mesti ikut cara Islam.

Islam tidak membenarkan dileburkan semua jemaah. Seperti juga pada zaman Rasulullah yang telah disebutkan tadi. Rasulullah menerima semua pemimpin. Mereka terima Islam dan memperjuangkan satu matlamat tapi dengan cara dan kaedah masing-masing. Jadi kalau kerjasama kita setuju, atas sama sayang boleh diterima bersama. Kalau yang tidak boleh terima bersama, hendaklah bertolak-ansur, bertoleransi dan berlapang dada, jangan bergaduh.

Atas dasar inilah kita dalam Darul Arqam masuk dalam badan penyelarasan. Badan-badan dakwah yang dianjurkan oleh YADIM hampir sepuluh tahun. Tiga, empat, enam bulan kita mengadakan syura nak membuat kerjasama; .keputusan bersama. Memang itu sudah lama. Cuma ada kesan atau tidak; itu tak menjadi masalah, yang utama kita dah usaha ke arah itu.

Kebangkitan Islam sebenarnya ialah iman dan takwa. Dari iman dan taqwa wujud perlaksanaan; sebab orang yang beriman dan bertakwa sahaja yang melaksanakan. Orang yang tahu ilmu sembahyang; kalau tak beriman; dia takkan bersembahyang. Orang yang tahu ilmu puasa; mungkin dia boleh karang kitab bab puasa berjela-jela; tapi kalau tak beriman; dia takkan puasa. Begitu juga dengan sistem ekonomi Islam, masyarakat Islam, politik Islam. Mungkin bagi sesetengah orang itu sebagai ilmu, sebagai teori ihniah sahaja. Pada kita, kalau tak beriman tidak akan wujud perlaksanaan.

Jadi pada kita, kekuatan umat Islam itu iman dan takwa. Dari iman dan takwa akan lahir perlaksanaan. Bila lahir perlaksanaan,

orang akan nampak, orang akan menilai. Sekarang macam mana orang nak menilai, perjuangan kita tak wujud. Kalau Arqam boleh buat 20 kampung, Masya-Allah! tenggelam dengan kampung yang ada ni, tak nampak macam setitik air di tengah lautan, mana nampak. Bar-u 10 klinik, oh! tak padan, tak nampak lagi. Dia hendaknya tengok Arqam, kalau cantik orang kata, cantiklah. Kalau tak cantik orang kata, tak cantiklah. Ini tak wujud. Saya tak tahulah jemaah-jemaah lain, ini masalahnya.

Kita tak usah fikir sangatlah orang luar tu, orang luar tu akan surrender, akan angkat tangan, dia akan taslim (menerima) bila wujud perbuatan, wujud keindahan Islam itu dalam kehidupan kita sendiri dan dalam jemaah kita sendiri. Tapi kalau keindahan Islam itu tak wujud dalam jemaah kita sendiri macam mana kita nak yakinkan orang ramai, lebih-lebih lagi orang bukan Islam. Ini jadi masaalah Kelemahan jemaah-jemaah Islam termasuk Darul Arqam ini dalam perlaksanaan. Ini jadi masalah Sebab itu orang hukum kita, anti kita, orang lambat terima kita.

Tapi walau bagaimanapun kerana di dalam Daru1 Arqam ini, dengan izin Allah, kita buat mana yang termampu. Alhamdulillah, dibandingkan dengan waktu saya mula mengasaskan Jemaah Darul Arqam ini dulu 10 orang. Sekarang ahli dah 5-6 ribu, simpati dah ratusan ribu. Jadi ertinya dah mula orang terima. Tak boleh kita kata orang tolak, tak boleh.

Daripada tak wujud satu kampung pun, dah ada 20 kampung. Tak wujud satu sekolah, ada 30 puluh sekolah kita. Mula-mula kita asaskan, pelajar kita 12 orang (6 lelaki, 6 perempuan), sekarang dah 3 - 4 ribu pelajar kita, tak termasuk tadika. Sesetengah itu dah dihantar keluar negeri, hantar ke Azhar, hantar ke Karachi, semua sekali lebii 20 - 30 orang. Tapi ini semua belum cukup, kerana kelemahan iman kita. Dengan kelemahan ketaqwaan, kita tidak banyak berkorban. Bila lemah iman, lemah taqwa, lemahlah pengorbanan. Tapi kalau iman kuat, taqwa kuat, lajulah Wang ringgit kita, masa, tenaga kita akan korbankan. Cepatlah wujud masyarakat Islam. Ini masalahnya. Sebab itu kita tidak salahkan orang lain.

Kami dalam Darul Arqam ini masih lemah, saya sendiri pun lemah. Cuma ada cita-cita. Tapi nak melaksanakan. Ingat senang ke berkorban masa. Kita perlu juga rehat. Senang ke berjuang; bila datang cabaran, datang ujian? Bukan senang. Mungkin sesetengah orang korban harta boleh tahan, korban masa boleh tahan, tapi bila orang caci, dia tak tahan, rehat pula dia. Rehat tak wujudlah perlaksanaan. Ini kelemahan kita. Sebagai umat Islam, kalau kita tunjuk amalan Islam dalam kehidupan, kita boleh galakkan orang lain mengamalkannya. InsyaAllah, orang akan terima Islam ini.

Saya sudah katakan Islam agama fitrah Allah dah kata begitu. Agama fitrah tu sesuai dengan hati kecil setiap manusia, indah dan cantik. Tapi kalau cantik dalam teori sahaja dan ilmiah sahaja, tak wujud dalam amalinya, orang tak boleh nak ikut. Lebih-lebih lagi telah saya katakan tadi, kebanyakan setengah-setengah pejuang Islam itu kasar, ekstrim, lagi orang takut. Sebut sahaja Islam, orang nampak bunuh. Orang sebut Islam nampak pukul orang, demonstrasi, lagilah orang tolak. Sudahlah belum wujud amalan Islam dalam jemaah kita, kasar pula dengan orang, awal-awal lagi **orang akan** tolak kita.

Soalan: Kenapa kaum wanita tidak dibenarkan bergerak di luar rumah?

Syeikhul Arqam: Mengikut ajaran Islam yang dapat kita faham bingga hari ini, kaum wanita kebaikannya di rumah ataupun pahalanya banyak di rumah. Tetapi tidak salah adakalanya keadaan mendesak, dia boleh keluar rumah. Asalkan boleh jaga syariat, akhlak dan maruah. Umpamanya kaum wanita boleh keluar seperti dia nak menyelesaikan hal-hal fardhu ainnya, yang mana mungkin dia tidak dapat di rumah. Ibu ayah tidak boleh mengajar dia atau pun kalau ada suami, suami tidak boleh mengajar. Maka dia boleh keluar rumah untuk mendapatkan soal-soal fardhu ain untuk dirinya. Sekali pun tidak dapat keizinan daripada ibu ayah atau suaminya.

Jadi pada dasamya, memanglah wanita itu elok banyak di rumah kerana pahalanya adalah banyak di rumah dan kebaikan banyak di rumah. Tetapi bila keadaan-keadaan mendesak, tidak salah pula ia keluar rumah. Contoh yang lain umpamanya dia jadi doktor, guru, membantu suami bekerja di ladang-ladang ataupun di kedai runcit. Ini dibenarkan, diharuskan oleh syariat. Cuma sekali lagi saya nak katakan syariat itu hendak dijaga, peraturan-peraturan Islam itu hendak dijaga dan jaga akhlak Islam.

Soalan: Adakah cara ini akan menyempitkan perjuangan wanita?

Syeikhul Arqam: Saya rasa saya dah jawab tadi. Adakalanya dia boleh keluar bila keadaan mendesak asalkan jaga syariat. Umpamanya hari ini zaman kebangkitan Islam, ini saya rasa dalam penyelidikan kita, nampaknya kaum wanita lebih laju kesedarannya daripada kaum bapa. Ini memerlukan adanya mubaligh-mubaligh dari daiyah-daiyah daripada kaum wanita sendiri ataupun perlu adanya jurucakap dari kaum wanita atau pun memerlukan adanya risalah-risalah, suratkhabar-suratkhabar yang dikendalikan oleh kaum wanita sendiri. Sebab itu di Darul Arqam kita membenarkan wartawan, penulis daripada wanita kita. Sebab majalah mereka dikeluarkan nak menarik kaum-kaum mereka juga. Tetapi mereka keluar jaga syariat, jaga peraturan dan kita jaga betul-betul supaya jangan maknanya terseleweng daripada maksud asal.

Soalan: Benarkah umat Arab mulai longgar pengamalan Islamnya dan lebih cenderung ke ideologi-ideologi lain?

Syeikhul Arqam: Ya, jelas orang Arab telah meninggalkan 'sebahagian besar dari ajaran Islam, seperti kita kalau pergi ke negara Arab masjidnya kosong, pengajian agama Islam kurang, orang yang mengaji agama Islam pun pakai *mini skirt*, orang yang tahu Qur'an dan hadis tidak berjuang. Dan orang Arab memperjuangkan Islam atas faham ke Araban, kedaerahan dan

negeri-negeri. Syria dengan Syrianya, Lubnan dengan Lubnannya, Jordan dengan Jordannya, Libya dengan Libyanya, Algeria dengan Algerianya.

Jadi masing-masing membanggakan bangsa masing-masing, bukan lagi membanggakan ketaqwaan. Berbeza dengan Khalid ibnu Walid yang juga Arab. Dia pemah berkata kepada seorang tentera kafir yang bertanya kepadanya,

"Bagaimana kedudukan kamu hai Khalid, dikalangan orang Islam?'

"Selama saya taqwa saya memimpin mereka. Bila saya berdosa dan bersalah saya tidak boleh memimpin mereka."

Tapi sekarang tanya orang Arab – akulah bangsa yang terbaik di dunia dan orang lain mesti tunduk kepada aku. Jadi Arab bukan lagi memperjuangkan Islam. Tapi memperjuangkan Nasionalis Arab, kecuali kita bertemu seorang dua Arab yang pandai baca ayat Quran. Tapi kalau kita tengok kehidupan mereka, teruk. Dan saya tidak kata semua Arab teruk, ada ayat Quran yang berkata Arab ini lebih dabsyat kufur dan nifaknya, kemudian dalam pada itu, kita mesti hormat Rasulullah yang berbangsa Quraish, sebagai bangsa Arab yang istimewa dan kita hargai RasululIah dan keturunannya yang memperjuangkan Islam. Namun yang tidak memperjuangkan Islam itu kita serah pada Allah SWT.

Jadi bila kita sebut Arab, bukan semua Arab 'buruk' namun bukan semua Arab kita boleh harap. Rasulullah bangsa Arab, kita hargai Rasulullah sebagai bangsa Arab yang membawa iman dan takwa tapi tidak semua Arab Nasionalis kita boleh harap. Dan peralihan perjuangan Islam sebenamya telah beralih ke sini. Arus kebangkitan Islam lebih kuat di Asia Tenggara.

Oleh sebab itu kalau kita benanya kepada beberapa orang Arab yang ikhlas, dia akan kata Islam itu akan naik di sebelah sini. Dia tak kata Islam itu akan naik di sebelah sana – Nasionalis Arab. Ini dia perbezaannya dan Arab yang ada sekarang yang memperjuangkan Nasionalis itu berbezalah dengan orang Arab di zaman Rasullullah SAW yang bertaqwa ataupun yang selepasnya yang dapat menyampaikan Islam kepada dunia seluruhnya.

WAWANCARA DENGAN EN. ALIAS (PRATHANA KUNGSUPTO) SETIAUSAHA ISLAMIC CENTRE, BANGKOK, THAILAND

Mei 1989

MASALAH PERJUANGAN UMAT ISLAM DAN SIKAP ULAMA

- **Pembangunan Islam: Gandingan tenaga ulama dan pakar teknokrat diperlukan**
- **Cara bergaul dengan masyarakat bukan Islam**
- **Gambaran masyarakat Islam di Thailand**

SINOPSIS:

ENCIK Alias, atau nama Thainya, Prathana Kungsupto, adalah bekas pegawai di Unit Alat Media, Bahagian Perancangan dan Latihan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu. Kepakaran dan pengalamannya yang luas dalam bidang alat media bukan sahaja membolehkannya membuka sebuah firma latihan alat media, MEDIATECH, tetapi juga mendorongnya memberi sumbangan untuk kerja-kerja kebajikan, khususnya yang berkaitan dengan Islam. Kini beliau adalah Setiausaha Islamic Centre di Bangkok, merangkap pengatur program untuk ruangan Islam di Radio Thai (ruangan ini dikendalikan di sebuah studio rakaman di Islamic Centre). Beliau juga adalah pengasas Young Muslim of Thailand.

Dengan kepakaran dalam bidang alar media dan dengan jiwa perjuangan yang ada padanya, Encik Alias telah merancang satu pendekatan baru yang sesuai dengan kehidupan moden, untuk menarik masyarakat kepada Islam melalui pelbagai saluran seperti media massa (cetak dan elektronik) dan ekonomi. Malangnya, apabila beliau membincangkan pendekatan itu dengan para ulama dart cerdik pandai Islam di negaranya, mereka bukan sahaja tidak mahu bekerjasama bahkan memperkecilkan usahanya itu. Ekoran daripada itu beliau hanya dapat memendamkan sahaja hasratnya itu sehinggalah pada suatu hari, pada awal tahun ini, apabila beliau mengenati Darul Arqam dalam satu eskpo sempena sambutan Maulidin Nabi di Suan Amphon, Bangkok.

Perkenalan singkat dengan Darul Arqam itu telah mencetuskan harapan baru kepadanya, dan sejak itu beliau menyimpan hasrat untuk bertemu dengan Syeikhul Arqam, Ustaz Haji Ashaari Muhammad, bagi bertukar-tukar fikiran dan sekaligus mempelajari kaedah perjuangan Darul Arqam. Hasrat beliau itu terkabul apabila pada pertengahan Mei lalu, Allah pertemukan mereka a? Markas Antarabangsa Darul Arqam di Bangkok.

Berikut ialah wawancara beliau dengan Ustaz Ashaari yang dirakam pada pertemuan itu, yang diatur oleh J.S Al Siddiq, wakil Al Qiadah di Bangkok. Perbualan menggunakan .perantaraan bahasa Thai (di pihak Encik Alias) dan bahasa Malaysia (di pihak Syeikhul Arqam) dan diterjemahkan oleh Saudara Maaruf Kassim, wakil Darul Arqam Bangkok.



Syeikhul Arqam sedang menerangkan sesuatu kepada En. Alias (Prathana Kungsupto). Beliau (En. Alias) pernah merancang satu pendekatan baru untuk menarik masyarakat kepada Islam, dengan menggunakan alat cetak dan elektronik; tetapi telah dikecam dan tidak diberi kerjasama oleh ulama-ulama di Bangkok; 'takut putus rezeki'.

En Alias: Saya dapati tuan telah menjelajahi banyak tempat di Thailand ini dan sejauhmanakah tuan telah fahami akan umat Islam di Thailand, khususnya di Bangkok?

Syeikhul Arqam: Saya mendapat maklumat bahawa umat Islam di Bangkok berjumlah hampir 2 juta. Jumlah masjid sahaja tidak kurang daripada 150 buah. Majoriti umat Islam di Thailand terdapat di bahagian selatan. Setelah saya melawat negara Thai hampir seluruhnya, saya dapati hampir di semua daerah ada umat Islam. Sekurang-kurangnya di setiap daerah ada satu hingga tiga buah masjid. Tentu sekali di situ ada umat Islam, sekurang-kurangnya cukup jumlahnya untuk mendirikan solat Jumaat.

En Alias: Bagaimana pula pandangan tuan terhadap sikap dan watak umat Islam di Thailand ini?

Syeikhul Arqam: Di segi kefahaman akidah Islamiah, umat Islam di Thailand menganut sekurang-kurangnya tiga aliran fahaman; Ahli Sunnah Wal Jamaah, Wahabi dan Syiah. Di segi harakah pula, setakat yang saya tahu tidak ada satu harakah pun yang betul-betul buat kerja Islam serta memberi kesan kepada perjuangan dan kebangkitan Islam. Kalau pun ada harakah caranya agak kasar, terutamanya di bahagian selatan Thailand. Cara itu boleh menakutkan orang serta ia tidak sesuai dengan ajaran Islam.

Sementara itu, watak umat Islam pula berbeza di antara mereka yang di bahagian selatan dengan **mereka yang di** bahagian tengah

(Bangkok) membawa ke utara. Di bahagian selatan, watak mereka agak kasar dan agresif. Di bahagian tengah dan membawa ke utara pula agak lembut dan mudah digauli serta agak mudah menerima seruan dakwah Islamiah. Oleh itu, Darul Arqam lebih berminat hendak mengembangkan Islam di bahagian tengah membawa ke utara, seperti di Chieng Mai, walaupun di bahagian tersebut jumlah umat Islam agak minoriti. Cuma, apa yang menjadi masalah sedikit ialah mengenai bahasa. Rakyat Thai tidak memahami banyak bahasa. Majoriti mereka cuma memahami satu bahasa, iaitu bahasa Thai.

Selain daripada masalah bahasa, yang turut menghalang Islam berkembang ialah fahaman tradisi yang menganggap bahawa Islam agama di masjid dan di surau sahaja. Contoh amalan Islam secara menyeluruh meliputi bidang *hablumminallah* dan *hablumminannas* tidak ada. Gambaran Islam secara sempit itulah yang menjadi punca ramai orang tidak boleh ikut. Begitulah pandangan saya. Apakah tuan setuju?

En Alias: Gambaran yang tuan berikan itu semuanya benar. Cuma bagi saya tentang masyarakat di bahagian selatan dan utara saya tidak begitu tabu. Saya cuma tabu mengenai masyarakat Islam di zon tengah, iaitu sekitar Bangkok. Di bahagian lain saya perlu buat kajian lagi.

Untuk pengetahuan tuan, umat Islam di Bangkok ini sedang mengikut dua bentuk aliran. Satu Islam yang diurus oleb pihak kerajaan dan satu lagi oleb badan-badan Islam seperti Islamic Centre. Islam yang diuruskan oleh kerajaan mempunyai motif politik. Sementara Islam yang diuruskan oleb badan-badan Islam atau kelompok tradisional pula memberi gambaran yang kurang baik, yang boleh menghilangkan keyakinan umat Islam sendiri dan juga orang bukan Islam. Di antaranya saya dapati mereka terlalu bersikap perkauman. Mereka (orang Islam) cuma bergaul sesama mereka, mereka tidak cuba bercampur-gaul dengan masyarakat yang berlainan agama seperti Buddha. Sedangkan

kalau kita bergaul dengan masyarakat yang berlainan agama, kita berpeluang memberi gambaran Islam dengan sebenar sehingga boleh menghilangkan rasa curiga atau salah faham.

Contohnya, apabila berlaku kematian atau kesusahan ke atas orang bukan Islam dalam sekampung atau yang tinggal berdekatan rumah, orang Islam tidak menziarahi atau membantu. Sebaliknya kalau berlaku perkara itu ke atas orang Islam, orang bukan Islam seperti Buddha datang membantu, kerana mereka anggap satu bangsa, yakni rakyat Thailand. Masyarakat bukan Islam seperti Kristian dan Cina pula saling berbaik-baik walaupun berlainan agama. Pada pendapat saya ini satu gambaran yang kurang baik terhadap agama Islam.

Syeikhul Arqam: Selagi orang Islam tidak benar-benar ikut Islam, selagi itu orang bukan Islam tidak akan tertawan hati dengan Islam, kerana gambaran yang digambarkan itu ialah Islam serpihan yang tidak indah dilihat. Begitulah yang terjadi sekarang ini, sehingga boleh menjauhkan bukan sahaja orang bukan Islam, bahkan orang Islam sendiri. Orang yang sepatumya menunjukkan gambaran Islam ialah ulama, cerdik pandai Islam dan para pejuang Islam serta mereka yang setiap hari bercakap tentang Islam. Tetapi kenyataan yang berlaku ialah sebaliknya.

Menyentuh mengenai persoalan tuan itu, sebenamya dalam Islam setiap orang yang tinggal berjiran dengan kita sama ada **ia** **Is**lam atau bukan Islam, ia mempunyai beberapa hak yang dinamakan hak jiran. Kalau jiran kita menghadapi masalah yang perlu kepada pertolongan, wajiblah kita membantunya. Kalau kita tidak membantu, maka kita berdosa. Orang Islam memang digalakkan supaya bergaul dengan orang bukan Islam atas niat hendak mendakwah mereka, bukan hendak mengikut cara hidup mereka atau adat agama mereka.

Umat Islam dilarang mengikut upacara agama bukan Islam. Umat Islam juga digalakkan menunjuk contoh akhlak yang baik terhadap orang **bukan** Islam. Dengan contoh akhlak yang baiklah

Nabi SAW dan para sahabat serta para pejuang Islam dahulu berjaya menarik ramai orang bukan Islam menganut agama Islam. Kita hendaklah mencari jalan agar orang bukan Islam berminat kepada Islam dan sekaligus menganut Islam, bukan memberi gambaran yang menyebabkan mereka menjauhi Islam atau sehingga mereka benci kepada Islam. Kita boleh lakukan dengan apa cara **pun** asalkan tidak melanggar syariat.

En. Alias: Satu perkara lagi yang ingin saya ceritakan kepada tuan dan berharap tuan boleh memberi panduan kepada saya dau umat Islam di Thailand, ialah tentang sikap negatif para ulama dan cerdik pandai Islam. Apa yang pernah saya alami sendiri ialah suatu ketika saya pernah merancang satu pendekatan baru yang sesuai dengan alam moden ini untuk menarik masyarakat kepada Islam melalui berbagai-bagai saluran seperti melalui media massa (cetak atau elektronik) dan ekonomi, yang saya rasakan diharuskan oleh Islam. Akan tetapi apabila saya mengajukan perkara itu kepada para ulama untuk berbincang, mereka bukan sahaja tidak mahu memberi kerjasama, bahkan menghalang pula. Mereka berkata kepada saya, "Awak tak boleh buat kerja Islam, kerana awak pun jahil dengan Islam." Sepatutnya mereka memberi harapan atau alternatif kepada saya. Sebenarnya sikap mereka itu telah dapat saya selami maksudnya. Mereka tidak mahu orang lain buat kerja Islam, kerana mereka mahukan mereka sahaja yang buat kerja Islam itu; seperti mengajar ilmu, berdakwah dan lain-lain. Kerana kerja-kerja itu menjadi salah satu daripada sumber kewangan kepada mereka.

Syeikhul Arqam: Sebenamya sikap ulama dan tuan-tuan guru demikian bukan sahaja terdapat di Thailand, tetapi juga di mana-mana termasuk di Malaysia dan umumnya di seluruh dunia. Saya sendiri telah banyak pengalaman dengan mereka kerana saya telah **lawati banyak** negara **dan** bertemu dengan mereka. Umumnya

saya dapati sikap ulama sama sepertimana yang tuan ceritakan, kecuali sedikit sahaja yang tidak demikian. Sebenamya mereka tidak ada cita-cita Islam. Mereka mengajar ilmu Islam bukan kerana cita-cita hendak mengembangkan ajaran Islam, tetapi kerana ada orang datang belajar atau ada orang undang serta mempunyai kepentingan peribadi.

Para ulama demikian tidak berusaha keluar secara sukarela menemui masyarakat untuk mengembangkan Islam. Para ulama sekarang ini, umumnya cuma tahu hukum-hakam Islam, tentang hat-am dan halal sahaja. Tetapi hal-hal lain mereka kurang arif. Khususnya dalam urusan masyarakat, mereka tidak faham. Mereka tidak faham cara hendak berjuang, cara hendak menarik masyarakat kepada Islam, cara menghadapi golongan moden dan intelek serta orang-orang muda. Mereka tidak tahu untuk mengeluarkan buah fikiran perjuangan yang baru sehingga orang boleh melihat Islam itu boleh disesuaikan di sepanjang zaman serta kelihatan cantik sepanjang masa. Apabila mereka jahil tentang persoalan perjuangan dan masyarakat maka apabila mereka memperkatakan tentang Islam, maka Islam menjadi beku dan jumud.

Satu perkara lagi, dalam agama Islam setiap orang boleh menyumbangkan peranan masing-masing turun membangun dan menguatkan Islam mengikut bidang dan profesion masing-masing. Orang yang ada ilmu boleh sumbangkan ihnunya, orang yang ada fikiran boleh sumbang fikiran, yang ada tenaga boleh sumbang tenaga, yang ada harta boleh sumbang harta, yang pakar dalam sesuatu bidang boleh sumbang kepakarannya.

Macam tuan yang pakar di bidang media massa, boleh sumbangkan kepakaran itu untuk membangunkan dan memajukan Islam. Dalam perjuangan Islam aktiviti hendaklah luas. Semua bidang kita perlu hidupkan. Kerana orang yang kita hendak tarik itu mempunyai berbagai-bagai kebolehan. Tidak semua kita hendak dorongkan untuk bersyarah atau mengajar ilmu agama sahaja. Bukan semua boleh bersyarah agama. Lebih-lebih lagi hendak mengajar ilmu Islam, sedang ia cuma baru kenal Islam. Oleh itu kita gunakanlah kemahirannya. Barulah orang yang

masuk **ke** dalam Islam merasai kebolehannya dihargai dan tidak disia-siakan.

Demikianlah apa yang dilakukan oleh Darul Arqam. Di antara sebab kita membangunkan hospital, kerana dalam masa kita berdakwah kita dapat sedarkan para doktor. Kita bangunkan ekonomi, kerana ada orang ekonomi telah sedar dan insaf. Demikian juga dengan bidang-bidang lain seperti media massa. Semuanya kita tegakkan kerana telah ada orang yang boleh mengisi aktiviti itu. Tambahan pula perkara itu ada di dalam Islam dan diperintahkan oleh Islam supaya ditegakkan. Kita tunggu orangnya sahaja. Setelah ada orangnya, layaklah kita bangunkan segala kegiatan fardhu kifayah tersebut.

En. Alias: Satu lagi perkara yang ingin saya maklumkan kepada tuan tentang masalah yang sedang kami hadapi di Bangkok ialah mengenai sikap sesetengah ulama yang membawa perpecahan dalam masyarakat. Ulama tersebut menggelarkan diri mereka sebagai golongan Sunni. Tetapi kesan daripada peranan mereka di tengah masyarakat bukan membantu menguatkan dan menaikkan imej Islam, sebaliknya melemahkan dan membawa perpecahaan dalam masyarakat. Mereka sering mengeluarkan fatwa-fatwa yang boleh menimbulkan krisis dalam masyarakat, mengenai perkara-perkara khilaliah, seperti soal doa, qunut, talqin. Mereka juga cepat menghukum seseorang itu salah atau benar.

Akibat daripada peranan mereka itu, wujud dalam sesebuah kampung dua imam dan dua kelompok makmum, bahkan ada yang terpaksa membina masjid baru. Malah suami isteri yang salah seorangnya menganut fahaman mereka itu pun turut berkrisis dalam rumahtangga. Masa depan umat Islam di Bangkok kalau tidak diatasi akan lebih berkrisis lagi. Oleh itu kalau sekarang di Bangkok ini ada lebih 150 buah masjid, maka tidak mustahil pada masa yang singkat bilangannya akan meningkat dua kali ganda. Sekarang ini penyakit perpecahan itu telah merebak. Golongan itu agak

aktif menyebarkan fahaman mereka ke serata kampung. Mereka mengadakan program ceramah di masjid dan surau. Mereka cuba mempengaruhi masyarakat di berbagai-bagai peringkat. Mereka juga cuba menyerap ke dalam badan-badan Islam dan cuba untuk mengambilalih pucuk pimpinan yang tidak sealiran dengan mereka secara menyebarkan fitnah. Mereka tidak silu-silu untuk menghukum orang yang tidak sealiran dengan fahaman mereka sebagai sesat dan syirik dan sebagainya. Pada pandangan saya, kalau benar pun seseorang itu salah, cara berdakwah bukan cara meng hukum atau mengecam dengan kasar akan orang yang melakukan kesilapan. Gejala yang tidak sihat itu telah memberi gambaran yang kurang baik kepada orang-orang bukan Islam. Sehingga ada yang menyatakan komen kepada saya, "Macamana kami nak ikut Islam, sedangkan kami lihat orang Islam sendiri berpecah-belah. Asyik kata orang itu salah dan orang itu benar." Saya bimbang dengan gejala ini.

Selain itu saya juga dapati golongan muda di Bangkok ini agak terbiar. Mereka tersisih daripada ahli agama. Ahli agama sering mengherdik mereka kerana melanggar ajaran Islam. Muda-mudi yang buta agama itu lalu lebih sesat lagi sehingga mereka terjebak ke dalam penagihan dadah. Para ulama tidak mendekati mereka untuk mengetahui masalah mereka dan cuba menarik mereka ke jalan benar.

Syeikhul Arqam: Saya faham golongan yang tuan maksudkan dan ia timbul di mana-mana. Golongan ini kami tidak jadikan sebagai sasaran dalam kerja dakwah Darul Arqam. Dasar kami ialah mendekati golongan yang tidak memihak kepada mana-mana fahaman, khususnya golongan muda dan para intelek yang berpendidikan sekular. Golongan tersebut lebih mudah untuk disedarkan dan ditarik daripada golongan yang telah mempunyai fahaman tertentu dan golongan yang banyak menimbulkan masalah dan pertelagahan di dalam masyarakat. Golongan-golongan yang sekarang ini banyak menimbulkan pertelagahan ialah

seperti golongan yang berfahaman Syiah, Wahabi dan mereka yang mempunyai kepentingan dengan kerja Islam mereka. Termasuk juga para ulama yang menyempitkan fahaman Islam dan cuma menggambarkan Islam itu di sekitar masjid dan surau sahaja.

Golongan yang kami suka dekati termasuk di Thailand ialah golongan muda-mudi dan golongan yang berpendidikan sekular. Mereka terumbang-ambing dalam mencari kebenaran. Hati kecil mereka sebenamya cinta kepada Islam, cuma apabila melihat gambaran Islam yang jumud daripada ahli-ahli agama, mereka menjadi kecewa. Golongan ini kalau kita dapat fahamkan Islam kepada mereka dengan Islam yang sebenar serta kita tunjukkan contoh Islam secara menyeluruh, merekalah golongan yang nantinya paling aktif dan kuat membela Islam. Oleh itu, cara kami ber-'dakwah, tidak pergi ke masjid dan surau atau ke sekolah-sekolah agama. Tetapi kami suka pergi ke kedai-kedai makan dan menemui para pemuda di tepi-tepi jalan. Juga kami sering membuat ziarah ke rumah-rumah para intelek dan para profesional. Kerja demikian bukan sahaja tidak mahu dilakukan oleh para ulama dan pejuang Islam hari ini, bahkan dianggap ganjil dan pelik.

Contohnya, dekat dengan markas Darul Arqam di Bangkok ini ada kedai makan dan menjadi tempat golongan muda berkumpul. Waktu mula-mula datang ke Bangkok, pendakwah Darul Arqam cuba dekati dan sekaligus mengajak mereka sama-sama makan dan minum. Pada mulanya mereka kelihatan agak silu-silu kerana pada anggapan mereka golongan ahli agama tidak banyak bercakap dan tidak bergaul dengan golongan seperti mereka. Apabila pendakwah Darul Arqam memberi penjelasan, baru mereka mesra dan timbul rasa insaf terhadap kejahilan mereka.

Sementara masyarakat sekeliling pula hairan, melihatkan pendakwah Darul Arqam berbual mesra dengan golongan muda. Kerana pada mereka, golongan tersebut sampah masyarakat dan mereka disisihkan daripada masyarakat. Demikianlah cara kita berdakwah. Oleh itu tuan akan dapati orang Darul Arqam sering kali singgah di kcdai-kedai makan. Bukan makan menjadi matla-

mat, tetapi niat untuk berdakwah kepada orang yang ada di situ, sama ada pelanggan kedai itu atau tuan punya serta pekejanya. Kerja begitulah yang tidak dilakukan oleh para ulama sekarang. Dakwah mereka cuma tertumpu di masjid dan surau. Kalau demikian bila Islam nak cepat berkembang?

En. Alias: Saya amat tertarik dengan sikap dan cara dakwah Darul Arqam seperti yang tuan ceritakan. Saya nampak cara demikian juga baik dan sesuai dilakukan di Bangkok dan Thailand amnya. Golongan muda dan para intelek yang hati mereka gemar kepada Islam jumlahnya banyak sekarang ini. Cuma tidak ada contoh Islam yang boleh meyakinkan mereka. Mereka kecewa dengan ulama yang hanya asyik menghukum orang. Mereka juga takut untuk pergi ke masjid dan surau, takut kena herdik. Sekiranya mereka mempunyai' masalah dan merujuk kepada ulama yang ada, mereka gagal mendapat pandangan yang selari dengan perkembangan dunia hari ini. Akhirnya mereka kurang yakin dengan Islam.

Tuan, saya sekarang telah bersara daripada United Nation sebagai Pegawai di Bahagian Perancang dan Latihan Pembangunan. Sekarang ini saya membuka firma latihan media. Di samping itu saya juga terlibat dengan badan Islam, iaitu sebagai Setiausaha di Islamic Centre. Dalam kesempatan bertemu dengan tuan ini, saya berharap dapat kiranya tuan memberi sedikit nasihat serta panduan tentang perjuangan kepada saya.

Syeikhul Arqam: *Subhanallah* apa yang datang ini semuanya daripada Allah. Untuk pengetahuan tuan, dalam masyarakat kita ini ada beberapa golongan pejuang Islam yang masing-masing berbeza dalam menilai masalah dan penyakit masyarakat.

Ada setengahnya tidak dapat mengawal penyakit masyarakat, ibarat orang yang tidak dapat membezakan di antara kudis dengan tahi lalat. Kudis disangkanya sesuatu yang mencantikkan badannya. Tahi lalat pula dianggap sesuatu yang memburukkan. Oleh

itu kudis ia tidak ubatkan dan tahi lalat dibuangkannya. Padahal Allah jadikan kudis disuruh kila ubat dan dijadikan tahi lalat sebagai penghias kcpada diri kita, tcrutamanya tahi lalat yang berada di bibir untuk mcmaniskan scnyuman. Akan tetapi bagi orang yang tidak dapat membczakan, ia membiarkan kudis merebak ke serata tubuhnya dan diusahakan membuang tahi lalat kerana disangkakannya mcmburukkan dirinya.

Setengah orang pula ia tahu penyakit, tetapi ia tidak tahu mengubat. Oleh Scbab itu ia bcrusaha mcngubat dengan bukan ubatnya, maka bcrtambah mcrcbaklah pcnyakit.

Golongan lain pula tahu pcnyakit dan tahu ubatnya tetapi salah cara mengubatnya. Ada ubat untuk disapu, dimakannya. Ubat untuk dimakan, disapunya. Scpatutnya cara mcngubatnya diurut, dibedahnya. Dan scbagainya. Maka penyakit tidak juga sembuh. Walaupun ubatnya bctul, tapi kalau cara mengubatnya salah maka penyakit tidak dapat diatasi.

Ada sesetengah orang pula tahu penyakit, tahu ubatnya, tetapi ia sengaja tidak mahu mcngubatnya, kerana ia lebih suka penyakit itu mercbak kcpada masyarakat kerana ia dapat mencari keuntungan untuk dirinya.

Sepertimana ada orang sedar umat Islam ini menghadapi penyakit jahil, ia suka umat Islam jahil dan ia tidak bertindak mengatasinya, kerana umat yang jahil itu mudah ditipu dan dieksploitasikan untuk kcpcntingan dirinya.

Untuk membangunkan Islam, kita tidak boleh bekerja seorang diri tetapi hendaklah secara bcrjcmaah. Inilah yang cuba diusahakan oleh Darul Arqam scbagai melaksanakan apa yang disebutkan oleh Rasulullah SAW:

اَلْجَمَاعَةُ رَحْمَةٌ وَالْفِرْقَةُ عَذَابٌ

Terjemahannya: Berjemaah itu rahmat dan berpecah itu azab.

(Riwayat: Al Baihaqi)

Apabila ada jemaah yang kuat, maka banyaklah kemajuan boleh dilakukan oleh umat Islam, Apabila ada jemaah, penyakit dalam umat Islam sama-sama kita dapat ubati.

Di samping itu kita hendaklah pula faham bahawa untuk membangunkan jemaah itu mestilah di atas tiga asas, iman, ukhwah dan persefahaman. Ketiga-tiga itu hendaklah ditanamkan di dalam hati sehingga hati kita dapat benar-benar merasa kemanisan beriman, kemanisan berukhwah dan berkasih sayang. Dan hidup, bekerja serta berjuang menegakkan agama Allah dalam keadaan sama-sama bersefahaman dan berkeselarasan.

Sementara itu, supaya anggota jemaah Islam itu sentiasa hidup dan segar serta bertanggungjawab, maka setiap anggota itu hendaklah dihidupkan dan dikuatkan jiwa (hati), akal dan fizikalnya. Untuk menguatkan jiwa ialah dengan iman (hal-hal kerohanian). Untuk menguat dan membina akal ialah dengan ilmu, secara menyelidik, merenung dan mencari pengalaman, sama ada ihnu dunia mahu pun ihnu akhirat.

Untuk membina fizikal (menjaga kesihatan) pula hendaklah kita bina dengan riadhah, menjaga makan minum, mengadakan latihan fizikal dan apa jua pun bentuk riadhah dan latihan asalkan ia tidak melanggar syariat. Sekiranya umat Islam dapat kuatkan ketiga-tiga bahagian itu, maka umat Islam akan kembali gagah dan kuat sepertimana umat Islam pada zaman Rasulullah SAW dan pada zaman salafus soleh dahulu.

Sekarang ini umat Islam, kalau pun mempunyai kekuatan, cuma kuat di satu-satu bidang, tidak menyeluruh. Ada yang kuat akal, jiwa pula lemah. Ada yang kuat jiwa, akal pula lemah. Ada yang kuat fizikal, lemah pula akal dan jiwa. Orang yang kuat akal, lemah jiwa; ia akan menjadi orang cerdik yang pandai menipu.

Orang yang kuat jiwa, akal lemah; ia akan menjadi orang yang baik, tetapi pasif.

Orang yang lemah akal dan lemah jiwa, fizikal kuat, maka ia akan menjadi seperti binatang; kerjanya tidak lain hanya makan dan minum serta bergaduh.

Kalaulah ketiga-tiga fungsi (akal, jiwa dan fizikal) itu dikuatkan dan mereka bertindak pula membina dan menguatkannya, maka insya-Allah umat Islam hari ini boleh dibangunkan semula. Umat Islam terutamanya generasi muda adalah perlu sekali memahaminya, dan mereka perlu bertindak dari sekarang.

Umat Islam hari ini penyakitnya telah amat parah. Kalau diibaratkan penyakit zahir, ia telah tidak dapat lagi diubati oleh doktor walau doktor pakar. Oleh sebab itu kita hendaklah berhati-hati, sabar dan berusaha mengubatinya bersungguh-sungguh, sistematik dan ikut cara yang diiakukan oleh Rasulullah SAW, iaitu secara lembut dan berhikmah. Kita tidak boleh berkasar, nanti penyakit bukan sahaja tidak sembuh, bahkan makin parah.

Walau bagaimana parah pun penyakit umat Islam sekarang ini, kita dituntut juga berusaha mengubatinya. Kita dilarang berputus asa. Sebenarnya, kalau kita berusaha bersungguh-sungguh serta kena caranya, penyakit masyarakat sekarang ini boleh diubati. Apa yang berlaku sekarang ini, umat Islam khususnya para pejuang Islam belum benar-benar bekerja (berusaha) mengubati penyakit masyarakat. Allah telah berjanji dalam Al Quran bahawa Dia akan menolong memberikan kejayaan. Janji Allah tidak pernah mungkir.

SENARAl BUKU-BUKU YANG TELAH DITERBITKAN

SIRI CEBAMAH UMUM

Pembahagian Manusia Di Akhirat
Keindahan Islam
Hidup Menurut Pandangan Islam
Keindahan Dan Kebesaran Sembahyang
Bagaimana Rasulullah Mengubat Penyakit Masyarakat

SIRI NOVEL

Selamat Tmggal Duniaku	1985

SIRI ANTOLOGI SAJAK/MADAH

Di Ambang Pintu Kiamat	1976
Cahaya	1977
Di Antara Rintihan Dan Harapan	1983
Kesedaran	1985
Madah Hatiku	1986
Hatiiu Bermadah Lagi	1988
Yang Dirindu	1990

SIRI KOLEKSI KHUTBAH/DIALOG/KULIAH

Pembangun Jiwa Dan Fiiiran Ummah	1990
lnilah Siiap Kita	1990

SIRI FALSAFAH DAN TARBIAH

lbadah Menurut Islam	1980
Apa Itu Masyarakat Islam	1981
Ke Arah Membangun Negara Dan Masyarakat Islam	1981
Huraian Ke Arah Membangun Masyarakat Dan Negara l&m	1981
Huraian Apa Itu Masyarakat Islam	1981
Bergembiralah Dengan Al Quran Dan Sunnah	1981
Falsafah Dalam Menyelesaikan Masalah Hidup Menurut Islam	1981
lman Dan Persoalannya	1983
Yang Tersirat Disurat	1983
Bersatu Menurut Islam	1984
lnilah Jalan Kita (1)	1984
Matlamat Perjuangan Menurut Islam	1984
Kemerdekaan Menurut Islam	1984
Mengenal Diri Melalui Rasa Hati	1985
Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam	1986
Kembara Membuktikan Kebenaran Al Quran	1987
Bahaya Syiah	1987
Krisis Dan Jalan Penyelesaiannya	1987
Siapa Mujaddid Kurun Ke-15?	1987
lnilah Pandanganku	1988
Kenapa Salahkan Musuh?	1988
Berhati-hati Membuat Tuduhan	1989
Renungan Untuk Mengubah Siiap	1990
lnilah Jalan Kita (2)	1990
Pendidikan Rasulullah	1990

SIRI TFRJEMAHAN B. INGGERIS

Worship in lslam	1989
The Scription of The Hidden Knowledge	1990
Life According To Islam	1990
This Is Our Way	1990